



LAPORAN
SURUHANJAYA
SIASATAN
PENDATANG ASING
DI SABAH

PESURUHJAYA-PESURUHJAYA

**LAPORAN
SURUHANJAYA SIASATAN
PENDATANG ASING DI SABAH**

**DIPERSEMBAHKAN KEPADA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**OLEH
PESURUHJAYA-PESURUHJAYA**

**TAN SRI DATUK AMAR STEVE SHIM LIP KIONG
[PENGERUSI]**

**TAN SRI HERMAN J. LUPING
DATUK K.Y. MUSTAFA**

**DATUK SERI PANGLIMA PROF. DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON
DATUK HENRY CHIN POY WU**

PESURUHJAYA-PESURUHJAYA



Duduk dari kiri: Tan Sri Herman J. Luping, Tan Sri Datuk Amar Steve Shim Lip Kiong

Berdiri dari kiri: Datuk Seri Panglima Prof. Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon,
Datuk Henry Chin Poy Wu, Datuk K.Y. Mustafa

SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
BAB 1 : PENGENALAN	3
1.1 Negeri Di Bawah Bayu	3 - 5
1.2 Tema Rujukan	5 - 8
1.3 Protokol Tatacara	8 - 9
1.4 Keputusan Terhadap Kenyataan Saksi	10 - 15
BAB 2 : RINGKASAN KETERANGAN	19
2.1 Ringkasan Keterangan	19
2.1.1 Ahli Politik	20 - 42
2.1.2 Penyelidik dan Cendekiawan	42 - 53
2.1.3 Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara	53 - 80
2.1.4 Pegawai Imigresen	80 - 90
2.1.5 Pegawai Daerah	90 - 99
2.1.6 Pegawai Polis	99 - 109
2.1.7 Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan	110 - 137
2.1.8 Pegawai Kastam & Jabatan KM	137 - 143
2.1.9 Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya	143 - 147
2.1.10 Jabatan-Jabatan Lain	147 - 159
2.1.11 Bekas Tahanan ISA dan Tahanan Lain	160 - 172
2.1.12 Majikan	172 - 179
2.1.13 Pekerja (Tempatan dan Asing)	179 - 225
2.1.14 Lain-Lain	225 - 254
BAB 3 : PENILAIAN DAN DAPATAN	257
3.1 Tema Rujukan (f)	257
3.1.1 Isu Utama : Penghijrahan	257
3.1.2 Pendatang Asing	258 - 259
3.1.3 Pelarian	259 - 260

3.1.4	Orang Tidak Bermegara	260 - 261
3.1.5	Perspektif Sejarah	261 - 262
3.1.5.1	Kedatangan Sepanyol dan Pertalian Budaya	262 - 268
3.1.5.2	Pemberontakan Mindanao	268 - 279
3.1.5.3	Pehijrah Ekonomi	279 - 291
3.1.6	Faktor Menolak & Faktor Menarik	292 - 298
3.1.7	Sindiket & Individu	298 - 309
3.1.8	Koloni Setinggalan	309 - 319
3.1.9	Ciri-Ciri Geografi	320 - 326
3.1.10	Sistem Kerakyatan Berinstitusi	326 - 330
3.2	"Projek IC"	331 - 347
3.3	Terma Rujukan (a)	348
3.4	Terma Rujukan (b)	348 - 354
3.5	Terma Rujukan (c)	354 - 357
3.6	Terma Rujukan (d) dan (e)	357 - 361
3.7	Terma Rujukan (g)	362
3.7.1	Implikasi Sosial	362
3.7.2	Perbelanjaan Kesihatan & Penyakit	362
3.7.3	Kehilangan Hasil Cukai	363
3.7.4	Kebimbangan Mengenai Keselamatan & Jenayah	364
3.7.5	Ruang & Kos Penjara	365
3.7.6	Sektor Pembinaan & Pertadangan	366 - 369
3.7.7	Perbezaan Budaya & Pendidikan	369 - 371
BAB 4	: PERKARA-PERKARA LAIN	375
4.1	Program Pemutihan	375 - 378
4.2	Pemegang IMM13	379 - 383
4.3	Rangkaian Sosial	383 - 386
4.4	Pendaftaran Lewat Kelahiran di Sabah	386 - 389

	Muka surat
4.5 Pemerolehan Kerakyatan Malaysia	389
4.5.1 Penguatkuasaan Undang-Undang	390
4.5.2 Pendaftaran	391
4.5.3 Naturalisasi	392 - 393
4.5.4 Penggabungan Wilayah	393
4.6 Takrif "Anak Negeri"	393 - 399
BAB 5 : PENYELESAIAN	403
5.1 Pekerja Asing	403 - 407
5.2 Dokumen Pengenalan	408 - 413
5.3 Petempatan Setinggal	413 - 418
BAB 6 : SYOR	421 - 422
CATATAN TAMBAHAN	423 - 424
PENGHARGAAN	425 - 427

1.1. Negeri Di Bawah Bayu

Selain sebagai alat komunikasi, bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang dapat membantu dalam memahami dunia yang ada di sekitar kita. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang dapat membantu dalam memahami dunia yang ada di sekitar kita. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang dapat membantu dalam memahami dunia yang ada di sekitar kita.

BAB 1

PENGENALAN

Bahasa Negeri Di Bawah Bayu adalah bahasa yang digunakan oleh masyarakat Negeri Di Bawah Bayu. Bahasa ini memiliki ciri-ciri yang khas, seperti penggunaan kata-kata yang unik dan tata bahasa yang berbeda. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga memiliki fungsi yang penting dalam kehidupan masyarakat, seperti sebagai alat komunikasi dan sebagai simbol identitas. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga memiliki nilai-nilai yang tinggi, seperti kejujuran dan keberanian. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga memiliki pengaruh yang besar terhadap budaya masyarakat Negeri Di Bawah Bayu. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga memiliki peran yang penting dalam kehidupan masyarakat Negeri Di Bawah Bayu. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga memiliki nilai-nilai yang tinggi, seperti kejujuran dan keberanian. Bahasa Negeri Di Bawah Bayu juga memiliki pengaruh yang besar terhadap budaya masyarakat Negeri Di Bawah Bayu.

1.1 Negeri Di Bawah Bayu

Sabah sering kali disebut sebagai sebuah "Negeri Di Bawah Bayu", seperti syurga di dunia. Dianugerahkan dengan keindahan yang amat menawan, bukan sahaja pada negerinya malah juga pada rakyatnya. Ia kaya dengan sumber semula jadi. Pelancong berduyun-duyun berkunjung untuk menyaksikan keajaiban dan warisan semula jadinya. Mereka kagum dengan keadaan negerinya yang berbilang kaum, berlainan budaya dan berbeza agama. Atas sebab itu jugalah, penduduk Sabah seharusnya mempunyai sebab untuk merasa bersyukur. Namun, di sebalik semua ini, wujud, sekurang-kurangnya dari suatu perspektif, suasana kesuraman. Berdekad lamanya penduduk Sabah telah diselubungi dan dihantui oleh suatu masalah tersembunyi yang telah bertukar menjadi suatu mimpi yang ngeri. Ia merupakan suatu wabak. Ia telah berkembang menjadi suatu krisis yang teramat besar. Malah, Datuk Seri Yong Teck Lee, bekas Ketua Menteri Sabah, menyifakannya mengguna istilah perubatan, sebagai telah mencapai "tahap kritikal". Perkara ini adalah

mengenai masalah pendatang asing tanpa izin yang berlarutan di Sabah.

Sejak sekian lama, rakyat Sabah yang prihatin yang meliputi segenap lapisan masyarakat, daripada Menteri hinggalah ke penjawat awam, baik anggota masyarakat mahupun individu biasa, telah menyuarakan tentang perlunya pihak berkuasa mengambil tindakan segera bagi menangani masalah pendatang asing tanpa izin. Penduduk asal Sabah termasuk parti politik dari kedua-dua belah pihak telah dengan lantang menyuarakan kebimbangan mereka. Dengan berlalunya masa, suara-suara itu, yang pada mulanya sudah senyap dan terbatas, mula kembali lantang dan bergema. Persepsi ini sangat ketara. Mereka menganggap, benar atau salah, bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terlalu banyak terlibat dengan retorik politik serta tidak mempunyai keazaman dan komitmen politik yang tinggi untuk mencari penyelesaian bagi masalah itu secara menyeluruh dan berterusan. Hal ini telah menyegerakan gesaan secara kolektif oleh penduduk Sabah bagi penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja. Gesaan itu menjadi semakin kuat tahun demi tahun.

Oleh itu, semestinya rakyat Sabah berasa amat lega dan berpuas hati apabila Perdana Menteri sekarang ini, Dato' Seri

Mohd Najib Tun Razak bersetuju menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi pendatang asing di negeri itu. Ramai menganggapnya sebagai suatu keputusan yang berani.

Oleh itu, pada 6 September 2012, menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perenggan 2 (1)(d) dan subseksyen 3 (1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119), Yang di-Pertuan Agong, telah melantik kami sebagai Pesuruhjaya-Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Siasatan DiRaja mengenai pendatang asing di Sabah (RCI). Seterusnya, pada 21 September 2012, Yang di-Pertuan Agong juga melantik Dato' Saripuddin bin Kasim sebagai Setiausaha RCI disusuli selepas itu dengan pelantikan Encik Manoj Kurup, Dato' Azmi bin Ariffin dan Encik Jamil bin Aripin pada 23 November 2012 selaku Pegawai Penyiasat kepada RCI.

1.2 Terma Rujukan

Terma Rujukan RCI adalah seperti yang berikut:

- (a) *untuk menyasat jumlah pendatang asing di Sabah yang diberikan kad pengenalan biru atau kewarganegaraan;*

(b) untuk menyiasat sama ada pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah adalah menurut peruntukan undang-undang;

(c) untuk menyiasat sama ada pendatang asing di Sabah yang memegang kad pengenalan biru, resit pengenalan sementara (biru) atau kewarganegaraan secara tidak mengikut undang-undang telah didaftarkan dalam daftar pemilih;

(d) untuk menyiasat sama ada pihak berkuasa yang berkenaan telah mengambil apa-apa tindakan atau membuat apa-apa penambahbaikan kepada prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan bagi mengelakkan apa-apa ketidakteraturan dari segi undang-undang;

(e) untuk menyiasat dengan lebih lanjut mengenai prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berhubung dengan pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah dengan mengambil kira standard dan norma antarabangsa yang terpakai bagi Malaysia, dan untuk

mengesyorikan apa-apa pindaan atau perubahan untuk memantapkan dan menambah baik prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu;

(f) untuk menyiasat sebab-sebab peningkatan populasi di Sabah mengikut kategori yang berikut:

(i) warga Sabah yang menetap di Sabah, termasuklah mereka yang diberikan kad pengenalan biru dan kewarganegaraan melalui Sijil Kelahiran (Pendaftaran Lewat);

(ii) pekerja asing (termasuk ahli keluarga);

(iii) pendatang asing tanpa izin (termasuk ahli keluarga); dan

(iv) pelarian,

dan meneliti kesannya terhadap bilangan yang mendaftar dalam daftar pemilih;

(g) untuk menyasat implikasi sosial ke atas masyarakat di Sabah yang berbangkit daripada pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah; dan

(h) untuk menyasat bilangan pendatang asing di Sabah yang telah diberikan kad pengenalan biru atau kewarganegaraan dengan mengambil kira status mereka sebagai orang tidak bemegara.

1.3 Protokol Tatacara

Apabila menerima Perintah DIRaja, RCI dengan segera bermesyuarat untuk menetapkan protokol tatacara yang terlibat. Kami memutuskan untuk menjalankan siasatan itu dalam dua peringkat. Peringkat pertama berhubung dengan merekodkan kenyataan daripada mereka yang boleh menjadi saksi oleh suatu pasukan penyiasat berpengalaman atas arahan RCI dan Pegawai Penyiasat. Ini didapati perlu bagi menentukan ruang lingkup dan keberkaitan keterangan *vis a vis* Tema Rujukan. Peringkat kedua adalah berhubung dengan pendengaran keterangan lisan oleh

RCI. Ini adalah prosiding terbuka di mana orang ramai dibenarkan hadir dan memerhati. Kami akui keperluan bagi ketelusan.

Selepas selesai merekodkan kebanyakan daripada kenyataan yang dinyatakan sebelum ini, RCI memulakan pendengaran lisan pada 14 Januari 2013. Ini diteruskan secara berlanjutan hingga September 2013. Terdapat penangguhan selama dua bulan kerana timbulnya isu keselamatan susulan insiden pencerobohan di Kampung Tanduo, Lahad Datu. Walau bagaimanapun, kami berjaya mendengar 211 saksi setakat pertengahan September 2013. Keterangan adalah meliputi lebih daripada 5000 muka surat. Terdapat 177 ekshibit yang termasuk carta, gambar, statistik, surat, arahan rasmi, komentar dan artikel, dsb. Semasa pendengaran siasatan, Persatuan Undang-Undang Sabah (SLA) memohon kepada RCI untuk mendapatkan akses kepada salinan kenyataan saksi yang direkodkan di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah (CPC). Sebagai rekod dan kesempurnaan, kami berpendapat adalah sesuai untuk menzahirkan keputusan RCI ke atas permohonan tersebut.

1.4 Keputusan terhadap Kenyataan Saksi

Di hadapan kami, Persatuan Undang-Undang Sabah (SLA) telah meminta agar salinan kenyataan saksi yang direkodkan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah boleh mereka perolehi bagi maksud membantu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI). Kami mengambil maklum permintaan peguam SLA tentang perkara itu. Permintaan itu dibantah oleh Pegawai Penyiasat yang diketuai oleh Enck Manoj Kurup atas alasan bahawa kenyataan itu adalah kenyataan terlindung, dengan menyebut sebagai sokongan beberapa autoriti kes termasuk *Husdi lwn PP (1979) 2LMJ304*, *Martin Rhienus lwn Sher Singh (1949) LMJ201*, *Lee Yoke Yam lwn Chin Keat Send (2012) 9CLJ83* dan *PP lwn Ramli Yusuff (tidak dilaporkan)*. Kami juga mengambil maklum akan penghujahannya mengenai permintaan itu.

Dalam *Husdi lwn PP (supra)*, tertuduh yang didakwa pecah rumah, memohon agar kenyataan beramarannya serta kenyataan saksi yang direkodkan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah diberikan kepadanya. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa walaupun dia berhak terhadap kenyataan beramarannya sendiri, dia tidak layak terhadap kenyataan saksi yang dipohonnya.

Dengan itu, Yang Arif hakim (Syed Othman FJ) berkata, antara lain:

"Tetapi saya berpendapat bahawa, jika suatu kenyataan polis diputuskan sebagai terlindung secara mutlak, maka ia menjadi terlindung bagi maksud lain. Tidak terdapat hak untuk diperiksa. Selanjutnya, sebagai suatu dasar awam, saya berpendapat bahawa adalah tidak wajar untuk membekalkan pihak pembelaan dengan kenyataan polis oleh sebab terdapat bahaya yang nyata untuk mengganggu saksi."

Adalah, kami rasa, signifikan untuk memeriksa bahagian kenyataan Yang Arif hakim itu yang katanya " jika suatu kenyataan polis diputuskan sebagai terlindung secara mutlak, maka ia menjadi terlindung bagi maksud lain."

Di sini, Encik Manoj telah mengambil ketetapan bahawa perkataan "maksud lain" akan dianggap sebagai termasuk atau meliputi prosiding seperti RCI menurut kuasa s. 19 Akta Suruhanjaya Siasatan, 1950 (Akta), bahagian yang berkaitan menyebut:

" dan tiap-tiap siasatan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan prosiding kehakiman mengikut pengertian Kanun."

Hendaklah dimaklumi bahawa RCI bersifat ingin tahu. Ia bersifat ingin tahu kerana RCI melibatkan suatu perjalanan penyelesaian yang berhubungan secara khusus dengan Terma Rujukan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya dalam hal ini, oleh Yang di-Pertuan Agong. Ia adalah agak berbeza daripada suatu prosiding mahkamah yang bersifat menghakimi oleh sebab mahkamah hendaklah membuat keputusan terhadap isu yang dipertikaikan antara pihak-pihak bertentangan dan keputusan itu mempunyai unsur muktamad.

Walaupun kami bersetuju bahawa RCI bolehlah dianggap suatu prosiding kehakiman menurut kuasa peruntukan yang dikalakan di bawah s. 19 Akta, namun ia adalah bersifat bukan bertentangan. Di situ terdapatnya perbezaan yang nyata antara RCI dan prosiding yang dinyatakan dalam kes yang disebut oleh Encik Manoj. Kes-kes itu boleh diperihalkan sebagai prosiding kehakiman bertentangan yang merangkumkan dua pihak yang bertentangan, iaitu pendakwa dan defenden (tertuduh) atau plaintif dan defenden, terlibat dalam apa yang dikatakan sebagai "perang intelek" untuk mendapatkan keputusan yang memihak di

mahkamah. Pihak-pihak tidaklah terikat secara amnya untuk menzahirkan antara satu sama lain kenyataan yang direkodkan daripada saksi masing-masing atas dasar sumpah dan / atau alasan taktikal. Ini merupakan amalan yang diterima dalam sistem kehakiman bertentangan sebagaimana yang diamalkan di kebanyakan negara *common law* termasuk Malaysia.

Sebaliknya, prosiding kehakiman dalam RCI adalah tidak bersifat bertentangan kerana tiada pihak-pihak yang bertentangan dalam senario yang diperihalkan di atas. SLA adalah pihak bukan bertentangan dalam prosiding itu. Hendaklah dimaklumi bahawa SLA hadir di hadapan RCI atas sifatnya sebagai *amicus curiae* atau suatu pihak yang berkepentingan yang tujuan utamanya adalah untuk membantu dan menasihati RCI tentang perkara undang-undang yang berkaitan dengan Tema Rujukan. Dalam konteks itu, ia adalah bebas dan tidak memihak dan memainkan peranan tambahan dalam prosiding itu.

Mengikut hal keadaan, kami memutuskan, dengan izin, bahawa kes yang disebut tidak terpakai bagi prosiding di hadapan kami. Tidak ada autoriti bagi saranan bahawa *amicus curiae* atau pihak berkepentingan, seperti SLA, tidak berhak kepada

kenyataan yang direkodkan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah.

Walaupun SLA diputuskan berhak terhadap kenyataan yang direkodkan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah, masih terdapat persoalan tentang sama ada adakah wajar atau perlu untuk memenuhi permintaan yang dipohon di bawah hal keadaan itu. Ini termasuk dalam budi bicara RCI.

Dalam hal ini, SLA telah meminta untuk mendapatkan salinan kenyataan saksi yang direkodkan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah atas asas bahawa ia dapat membantu dengan lebih berkesan dan menasihati RCI *vis a vis* Tema Rujukan. Dengan izin, kami berpendapat bahawa hujah ini agak lemah memandangkan fakta bahawa 3 Pegawai Penyiasat kanan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ditugaskan untuk mengetuai dan memberi keterangan di hadapan RCI berdasarkan kenyataan yang direkodkan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah. Mereka lebih daripada berwibawa untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

Sebagaimana yang dikehendaki, SLA setakat ini telah memberi bantuan yang berharga kepada RCI. Peguam-peguam daripada SLA telah mengemukakan soalan yang berkaitan kepada

saksi-saksi yang hadir di hadapan RCI. Kami yakin mereka akan terus berbuat demikian berasaskan keterangan yang diberi secara lisan semasa siasatan dijalankan. Pada pendapat kami, ketidakdapatan kenyataan saksi tidak, dalam apa-apa jua cara, menjejaskan mutu dan keberkesanan bantuan mereka kepada RCI. Untuk itu kami amat berterima kasih.

Bagi sebab-sebab yang dinyatakan, kami berpendapat bahawa adalah tidak perlu bagi SLA mempunyai akses terhadap kenyataan yang dimaksudkan. Sehubungan dengan itu, permintaan untuk mendapatkan salinan kenyataan tersebut dengan ini ditolak.

BAB 2

RINGKASAN KETERANGAN

RINGKASAN KETERANGAN

BAB 2

BAB 2 : RINGKASAN KETERANGAN

2.1 Ringkasan Keterangan

Dengan jumlah keterangan lisan yang terlalu banyak diberikan, kami berpendapat bahawa adalah memadai untuk meringkaskannya bagi memberi penekanan kepada kandungan keterangan itu, namun tentunya tanpa menghadkan pertimbangan kami kepada isu-isu dalam TOR berasaskan keseluruhan keterangan yang diberi dalam RCI ini. Bagi memudahkan dan oleh kerana jenis keterangan berkenaan dengan isu-isu di bawah TOR adalah saling berkait, kami akan mengumpulkan saksi-saksi mengikut jenis pekerjaan mereka. Mungkin juga terdapat keperluan untuk tidak meringkaskan testimoni beberapa orang saksi tertentu demi mengelakkan keterangan yang sama diulang.

2.1.1 Ahli Politik

W6 : Tan Sri Harris Mohd. Salleh

Beliau merupakan Ketua Menteri Sabah mulai 1976 hingga 1985. Beliau menyatakan bahawa pelarian dari Selatan Filipina mula memasuki Sabah dalam tahun 1970an; bahawa pada mulanya, pengurusan pelarian ini dilakukan oleh UNHCR dengan bantuan Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Persekutuan Malaysia. Beliau menyatakan bahawa semasa beliau menjadi Ketua Menteri, Bahagian Penempatan telah ditubuhkan khusus untuk mengenal pasti jumlah pelarian dengan mendaftarkan mereka supaya rekod yang sempurna dapat disimpan bertujuan untuk membantu mereka. Hanya pelarian yang layak sahaja diberikan kad pengenalan penempatan. Beliau menerangkan bahawa pas IMM13 akan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Persekutuan dan bahawa pemegang IMM13 layak untuk memohon menjadi warganegara Malaysia selepas banyak tahun bermastautin di sini. Menurut beliau, dalam tahun 1972, jumlah pelarian adalah sekitar 150,000 mengikut anggaran tidak rasmi beliau. Apabila ditanya mengenai pelarian yang memperoleh KP biru pada kadar yang membimbangkan, jawapan beliau adalah mereka tentunya telah dipertimbangkan sebagai layak oleh

Kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Apabila disoal seterusnya mengenai dakwaan yang dibuat oleh Mutalib dalam bukunya "IC Palsu..", maklum balas beliau adalah beliau tidak pernah membaca buku itu dan menyangkal dakwaan yang dibuat terhadap beliau dalam buku itu. Beliau bertegas bahawa beliau tidak pernah mendengar mengenai apa yang dikata sebagai "Projek IC". Menurut beliau, projek sedemikian tidak wujud; bahawa bagi beliau, Kerajaan Persekutuan Malaysia adalah pihak berkuasa utama mengenai pengeluaran dokumen pengenalan, dll., dan bahawa Kerajaan Negeri Sabah hanya mempunyai peranan yang kecil sahaja membantu dalam hal ini.

W117 : Datuk Madius bin Tangau

Beliau ialah Setiausaha Agung UPKO, juga bekas MP Tuaran. Sebelum memasuki politik, beliau menjadi penyelidik di IDS selama 9 tahun. Beliau berkata terdapat satu ketika, beliau terlibat dalam kajian berkaitan dengan maklumat yang diperoleh daripada buku bertajuk "*Harris Salleh of Sabah*" oleh Mr. Paul Rafaelle (P96). Dalam hal ini, beliau merujuk kepada Bab 23 yang mengandungi beberapa pernyataan yang didakwa dibuat oleh Datuk Harris Salleh (sekarang Tan Sri) yang telah menyebabkan

beliau menjalankan kajian di IDS bagi maksud memastikan kebenaran atau sebaliknya pemyataan tersebut. Beliau menyatakan bahawa beliau seterusnya membangkitkan isu ini di Parlimen pada tahun 2006 dan meminta ditubuhkan RCI untuk menentukan isu ini. Dalam ucapan beliau di Parlimen, beliau turut menyentuh apa yang diterangkan oleh beliau sebagai "peningkatan mendadak penduduk Sabah" yang diperoleh daripada bancian iaitu pada tahun 1951, penduduk Sabah hanya 334,141; pada 1960, sebanyak 454,561; pada 1970, sebanyak 636,431; pada 1980, sebanyak 829,299; pada 2000, sebanyak 2,449,689; dan pada 2010, sebanyak 3,330,000. Beliau menyatakan bahawa permintaan beliau supaya RCI ditubuhkan telah tidak dilayan oleh Kerajaan Persekutuan dan jawapan yang diberikan kepada beliau oleh Menteri berkenaan di Parlimen adalah tidak memuaskan. Apabila ditanya apakah cadangan beliau untuk menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah, beliau berkata bahawa semua KP Sabah perlu ditarik balik dan dikeluarkan yang sepatutnya. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa Presiden UPKO, Tan Sri Bernard Dompok boleh memberi keterangan yang lengkap kepada RCI pada suatu tarikh yang akan datang. Menurut beliau, RCI perlu memanggil Pengarah JPN memandangkan beliau tidak hadir pada prosiding

Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Integriti Nasional yang dipengerusikan oleh Tan Sri Bernard Dompok beberapa tahun dahulu. Beliau mempersoalkan tentang integriti JPN dan Jabatan Imigresen berhubung dengan pengeluaran Kad Pengenalan Malaysia, dll.

W125 : Datuk Wilfred Mojilip bin Bumburing @ Wilfred

Beliau ialah Ahli Parlimen Tuaran. Menurut beliau, beliau telah membangkitkan isu pendatang asing tanpa izin ini di Parlimen pada tahun 2010 dan telah menekankan perlunya tindakan tegas diambil untuk mengatasi hal ini tapi sebaliknya, beliau dimaklumkan oleh Menteri Dalam Negeri untuk mengemukakan bukti yang mencukupi bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya. Seterusnya, beliau mengemukakan suatu Memorandum yang mengandungi senarai pendatang asing tanpa izin yang bersedia untuk memberi keterangan yang mereka memperoleh KP secara tidak sah. Namun, tidak terdapat maklum balas yang positif daripada Kerajaan ke atas Memo itu. Bagi mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah, beliau mencadangkan ditarik balik semua Kad Pengenalan yang dikeluarkan kepada mereka dan

kemudian mengeluarkan semula hanya kepada mereka yang dapat membuktikan kelayakan diberikan kewarganegaraan. Beliau mengaku proses ini boleh menimbulkan banyak isu perundangan dan menelan kos yang banyak. Beliau kesal yang pendatang asing tanpa izin telah digunakan untuk menukar demografi politik Sabah sebagaimana dapat dilihat melalui komposisi kawasan pilihan raya di Sabah pada masa kini.

W129 : Datuk Seri Yong Teck Lee

Beliau ialah Presiden Parti Progresif Sabah (SAPP). Beliau merupakan bekas Ketua Menteri Sabah. Beliau berkata bahawa semasa beliau menjadi Ketua Menteri, Kerajaan beliau telah melaksanakan apa yang dipanggil Program Regularisasi dengan bantuan Jawatankuasa Keselamatan Negara dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan. Menurut beliau, Program ini bagi membolehkan Kerajaan mempunyai kawalan yang berkesan ke atas pendatang asing tanpa izin dan bagi mengelak mereka daripada memperolehi kad pengenalan secara tidak sah; bahawa pekerja asing yang sah hendaklah dikawal dengan pemberian dokumen yang teratur supaya mereka boleh terus bekerja di Sabah; bahawa mereka yang tidak layak hendaklah diusir

sewajarnya. Beliau menerangkan bahawa pada masa itu terdapat lebih kurang 800,000 pendatang asing tanpa izin. Daripada rekod, bilangan pekerja asing ialah 226,565 dan bilangan tanggungan mereka ialah sebanyak 187,267. Bilangan pendatang asing tanpa izin yang diusir ialah 140,028. Beliau menyifatkan Program ini telah berjaya menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah. Beliau menyatakan bahawa Program ini sebenarnya hanya bertujuan untuk mendaftarkan majikan dan pekerja asing. Sebab itu ia bertahan selama 6 bulan. Terdapat hasrat bahawa tindakan susulan diambil oleh pihak berkuasa. Menurut beliau, tiada tindakan susulan diambil selepas tempoh beliau menjadi Ketua Menteri tamat. Beliau kemudiannya ditanya mengenai kes petisyen pilihan raya pada tahun 1999 yang beliau turut terlibat. Hakim yang bijaksana dalam kes itu telah memutuskan bahawa pilihan raya itu adalah batal dan tidak sah. Salah satu alasan adalah bahawa senarai pemilih dipenuhi dengan pengundi hantu dan/atau pengundi bukan warganegara. Selepas pilihan raya negeri pada tahun 1999, beliau menyatakan bahawa Parti beliau telah mengemukakan suatu kertas (Memorandum P110) kepada Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga merupakan Menteri Dalam Negeri mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah. Objektif

Memorandum itu adalah untuk menarik perhatian Kerajaan Persekutuan dan Negeri bahawa jumlah rakyat asing yang sangat besar di Sabah boleh mengancam keselamatan Negara, dll., kepada negara secara umumnya dan Sabah secara khususnya; bahawa langkah konkrit perlu diambil untuk mengatasi ancaman ini. Melalui dokumen P111 beliau telah membuat beberapa cadangan langkah pencegahan yang perlu diambil oleh pihak berkuasa untuk mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah. Beliau juga telah mengemukakan suatu dokumen lain P112 yang ditandatangani oleh Ketua Pemuda Parti yang meminta ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja.

W130 : Enchin bin Majimbun @ Eric

Beliau merupakan bekas Ahli Parlimen Sepangar. Pada tahun 2007, beliau mendapat tahu mengenai seorang rakyat Filipina yang memiliki Kad Pengenalan Malaysia bemombor 560903-12-5739 (sebelum ini H0504992) atas nama Jerome Majimbun (iaitu nama bapanya). Beliau berkata beliau kenal rakyat Filipina ini yang pernah bekerja sebagai pekerja binaan. Beliau kemudiannya melaporkan perkara ini kepada Cawangan Khas dan juga menulis kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam

Negeri, memaklumkan mereka mengenai pemalsuan ini. Pegawai bertugas kemudiannya menyemak dengan JPN dan mendapati bahawa kedua-dua Kad Pengenalan itu tidak direkodkan dalam pangkalan datanya. Menurut saksi ini, beliau juga telah membangkitkan perkara ini di Parlimen pada tahun 2007 tetapi dimaklumkan yang perkara ini tidak perlu disegerakan.

W139 : Tan Sri Bernard Dompok

Beliau ialah Ahli Parlimen Penampang dan juga Presiden UPKO. Beliau merupakan bekas Ketua Menteri Sabah dan kemudiannya menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Beliau mengemukakan 2 set dokumen, 1 set berhubung dengan prosiding yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Integriti Nasional yang dipengerusikan oleh beliau dan set satu lagi ialah laporan temuduga yang dijalankan ke atas 1002 responden berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin di Sabah. Beliau seterusnya menerangkan komposisi dan objektif Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Beliau berkata semasa prosiding oleh Jawatankuasa ini berjalan, beliau mengambil keputusan untuk meletak jawatan sebagai Pengerusi kerana

nampaknya beliau tidak berpuas hati dengan keengganan beberapa pegawai kanan Jabatan Imigresen dan JPN untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan. Jawatankuasa Pilihan tersebut telah menyentuh mengenai isu-isu yang termasuk masalah berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin di Sabah. Mengenai Laporan (P123) yang beliau nyatakan mengandungi 26 jilid temuduga daripada 400 responden meliputi 13 lokasi di seluruh Sabah, ia menunjukkan suatu kajian yang komprehensif akan masalah berkaitan pendatang asing tanpa izin di Sabah. Berasaskan Laporan ini, beliau telah memberikan beberapa cadangan bagaimana untuk mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin. Satu daripada cadangan itu ialah untuk mewujudkan suatu pihak berkuasa yang kompeten bagi memanggil balik dan mengesahkan semua Kad Pengenalan yang didakwa telah dikeluarkan secara tidak sah atau secara meragukan kepada pendatang asing; bahawa selepas pengesahan, tindakan bersesuaian hendaklah diambil sewajarnya. Cadangan lain boleh didapati dalam Laporan (P123) beliau.

W172 : Tan Sri Chong Kah Kiat

Beliau ialah mantan Ketua Menteri Sabah daripada 2001 hingga 2003. Semasa tempoh beliau selaku Ketua Menteri Sabah, beliau mengadakan 3 keutamaan iaitu (1) untuk menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah, (2) untuk mengatasi masalah pembalakan haram di Sabah dan (3) untuk menyelesaikan masalah pengeboman ikan haram. Menurut beliau, memandangkan pengeboman ikan boleh menyebabkan kemusnahan terumbu karang dan persekitaran marin dan ini melibatkan pendatang asing tanpa izin, beliau mengarahkan agensi penguatkuasa lebih agresif dalam memantau dan menyiasat perkara ini dan menangkap mereka yang terlibat dengan aktiviti haram ini. Hasilnya, aktiviti sedemikian telah berjaya dikurangkan. Beliau menyatakan yang beliau berjaya menghapuskan kawasan setinggian selepas memberi notis yang mencukupi kepada mereka dan menerangkan kepada mereka kenapa tindakan untuk mengeluarkan mereka perlu diambil. Mereka yang tidak mempunyai dokumen yang teratur ditahan dan kemudiannya dihantar pulang ke negara mereka iaitu Filipina dan Indonesia. Mengenai hal ini, beliau berkata Kerajaan Filipina dan Indonesia telah memberikan kerjasama penuh. Beliau berkata

mereka yang diusir yang mempunyai dokumen perlu mencari sendiri tempat tinggal alternatif tapi selalunya mereka akan tinggal dengan saudara mara mereka di Sabah. Sesetengah mereka ditempatkan semula di penempatan yang lebih besar. Dalam beberapa kes kecil melibatkan rakyat tempatan, Kerajaan Negeri menempatkan mereka atas Tanah Kerajaan. Menurut beliau, pegawai penguatkuasa berjaya merobohkan kawasan setinggan seperti Kampung BDC Sandakan dan Kampung Ice Box di Tawau dan juga Kampung Pondo di Pulau Gaya. Beliau berkata usaha perobohan sedemikian sedikit sebanyak berkesan dalam mengurangkan kadar jenayah di Negeri itu. Pada pandangan beliau, langkah pengusiran ditumpukan ke atas pendatang asing tanpa izin yang baru dan tidak sangat ke atas pelarian politik yang tiba pada tahun 1970an. Beliau berpendapat kepimpinan yang baik, tadbir urus yang baik dan kerjasama daripada semua sektor masyarakat adalah diperlukan untuk mengatasi masalah berhubung dengan pendatang asing tanpa izin di Sabah; bahawa perlu ada keazaman politik untuk bertindak. Beliau tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengambil langkah apa yang dipanggil sebagai Sabah IC.

W181 : Datuk Dr. Jeffrey Kitingan

Beliau merupakan Pengerusi Parti STAR, Sabah dan pada masa ini ialah Ahli Dewan Negeri Sabah. Beliau memulakan penubuhan Institut Kajian Pembangunan (IDS). Beliau berkata pada tahun 1987, IDS menjalankan kajian mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah dan masalah berkaitan dengannya. Hasil kajian telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara dengan syor-syor yang menunjukkan bahawa menjelang 2006, pendatang asing tanpa izin akan mengatasi penduduk Bumiputra Sabah dan menjelang 2014, jumlah penduduk pendatang asing mungkin lebih tinggi daripada jumlah penduduk tempatan. Beliau menyatakan bahawa kemudiannya, kajian itu diambil alih oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan dan tidak lama selepas itu, jumlah pendatang asing tanpa izin dan pelarian menunjukkan peningkatan dan ramai di antara mereka diberikan Kad Pengenalan. Beliau berkata bahawa pada tahun 1990, beliau diberikan ikatan dokumen yang mengandungi senarai lebih kurang 60,000 rakyat asing yang diberikan Kad Pengenalan; dan beliau memberikan senarai itu kepada Presiden PBS. Beliau tidak begitu mengetahui apa yang terjadi kepada senarai itu selepas itu. Dari tahun 1991 hingga

1994, beliau ditahan di bawah ISA. Beliau mengaku kewujudan sindiket menjual Kad Pengenalan untuk habuan wang dan bahawa sindiket-sindiket ini masih beroperasi hingga kini. Mengikut beliau, alasan sebenar pendatang asing tanpa izin memperoleh Kad Pengenalan adalah rasuah, kepentingan peribadi, campur tangan politik dan agenda politik. Beliau berpendapat bahawa masalah ini timbul kerana pihak berkuasa yang berkenaan tidak menghiraukan Perjanjian Malaysia dan Perjanjian 20 Perkara mengenai Imigrasi Negeri dan hal pendaftaran negara. Beliau mencadangkan Kerajaan Negeri patut mengambil alih perkara-perkara tersebut.

W187 : Dr. Chong Eng Leong

Beliau merupakan seorang pakar bedah. Beliau telah menulis sebuah buku bertajuk "*Lest We Forget (Security and Sovereignty of Sabah)*". Perkara ini terdapat dalam dokumen P147. Menurut beliau, beliau telah menjalankan sendiri penyelidikan dan analisa terperinci ke atas angka dan statistik daripada Jabatan Perangkaan dan Senarai Pemilih. Dalam buku beliau P147, beliau memberikan statistik berkaitan dengan penduduk Sabah dalam tempoh daripada 1970 hingga 2000 dari

segi peningkatan peratusan seperti yang berikut: KadazanDusunMurut (KDM): 162%; Bajau / Iranun: 344% dan Melayu: 1552%. Beliau juga memberikan angka daripada Jabatan Perangkaan mengenai jumlah rakyat asing berbanding dengan penduduk Sabah seperti yang berikut: pada tahun 2000, jumlah rakyat asing ialah 600,000 atau 24% dan pada tahun 2010, jumlah rakyat asing ialah 889,779 atau 29%. Beliau berpandangan bahawa pengeluaran Kad Pengenalan palsu kepada pendatang asing tanpa izin/bukan warganegara bukan semata-mata untuk keuntungan kewangan tetapi untuk menggerakkan agenda politik di bawah Projek IC atau Projek Mahathir. Menurut beliau, tema Projek Mahathir telah dibangkitkan dalam Kes Petisyen Pilihan Raya tahun 1999 yang merujuk kepada wujudnya langkah rahsia pengeluaran Kad Pengenalan Malaysia secara meragukan kepada pendatang asing tanpa izin/bukan warganegara, yang membolehkan mereka mengundi pada Pilihan Raya Parlimen dan Negeri di Sabah; bahawa Projek ini melibatkan Allahyarham Tan Sri Megat Junid, Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa itu, nampaknya dengan persetujuan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad (sekarang Tun). Menurut beliau, semua ini adalah percubaan untuk menutup niat

asal mereka yang ingin menukar demografi Sabah bagi maksud politik.

W196 : Datuk Radin Malleh

Beliau ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Sabah. Beliau menyatakan bahawa semasa beliau menjadi Setiausaha Agung PBS, beliau membangkitkan isu pendatang asing tanpa izin di Parlimen pada tahun 1995 dan juga menimbulkan perkara yang sama dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Badawi (sekarang Tun) selepas PBS diterima masuk semula sebagai parti komponen BN. Beliau berkata bahawa meskipun beliau telah membuat berbagai laporan kepada polis dan telah menulis kepada JPN dan Suruhanjaya Pilihan Raya, beliau tidak menerima sebarang jawapan. Beliau menyebut yang beliau menerima suatu ikatan dokumen mengandungi senarai Kad Pengenalan meragukan daripada seorang yang beliau telah lupa namanya. Selepas memeriksa senarai itu, beliau mendapati ia mengandungi 80,620 Kad Pengenalan yang diragui. Justeru itu, beliau membuat laporan kepada polis, Suruhanjaya Pilihan Raya dan juga Agensi Anti-Rasuah tetapi beliau tidak menerima sebarang jawapan daripada mana-mana agensi ini. Beliau mendakwa pengeluaran

Kad Pengenalan kepada warga asing telah berlarutan sejak 1960an dan hal ini menjadi lebih terancang selepas PBS berkuasa.

W199 : Tan Sri Joseph Pairin Kitingan

Beliau ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur, Sabah. Menurut beliau, walaupun Malaysia tidak menandatangani Konvensyen berkaitan dengan Status Pelarian, Malaysia menerima pelarian sekitar 1970an atas dasar kemanusiaan. Beliau berkata bahawa pada masa itu, semasa beliau menjadi Ketua Menteri Sabah, beliau mengarahkan IDS untuk menjalankan kajian mengenai kehadiran pendatang asing tanpa izin di Sabah. Selepas itu, beliau menggunakan hasil kajian tersebut dalam taklimat kepada Perdana Menteri Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Hasilnya, Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF) untuk Sabah dan Labuan ditubuhkan khusus bagi mengendalikan masalah berkaitan pelarian dan pendatang asing tanpa izin di Sabah. Beliau nyatakan bahawa selaku Ketua Menteri Sabah, beliau juga menjadi pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri, tetapi apabila PBS meninggalkan BN, beliau diarahkan untuk

meletak jawatan itu. Pada tahun 2007, beliau mengemukakan suatu Memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai jumlah pendatang asing tanpa izin yang besar di Sabah dan bagaimana mereka boleh menjejaskan kedaulatan dan keselamatan negara jika masalah ini tidak ditangani dengan segera. Beliau berkata selaku ahli "Emminent People's Group Malaysia" yang diketuai oleh Tun Musa Hitam, beliau mengadakan beberapa rundingan dengan rakan sejawatan Kumpulan itu di Indonesia mengenai hal berkenaan dengan pendatang asing tanpa izin. Beliau juga pernah berjumpa dengan Presiden Suharto, Presiden Indonesia pada masa itu. Beliau sedih dengan hakikat yang walaupun PBS telah menimbulkan masalah berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin dengan pihak berkuasa, tidak banyak telah dilakukan dan bahawa apa yang perlu adalah keazaman politik untuk menguruskan isu ini.

W200 : Mat Swadi Awi

Beliau merujuk diri beliau sebagai seorang pesara. Beliau memberi keterangan bahawa beliau terlibat dalam projek rahsia daripada tahun 1987 hingga 1990 yang nampaknya atas arahan Tun Mustapha Harun, mantan Presiden USNO untuk membantu

merangka strategi menjatuhkan Kerajaan PBS dengan meningkatkan pengundi Islam di kawasan di mana USNO lemah. Dalam hal ini, beliau berkata bahawa beliau bekerja dengan Pengarah dan kakitangan JPN serta Suruhanjaya Pilihan Raya. Beliau mendakwa yang projek ini dilaksanakan dengan diketahui sepenuhnya oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa itu, Allahyarham Tan Sri Megat Junid dan juga Tan Sri Abdul Aziz Samsuddin dan Datuk Seri Dr. Mahathir (sekarang Tun) pada masa yang berkenaan.

W201 : Hassnar bin Hj. M.P. Ebrahim

Beliau ialah seorang ahli perniagaan. Semasa tempoh Kerajaan Berjaya di Sabah, beliau dilantik ke beberapa jawatan politik. Beliau berkata semasa beliau menjadi Ketua Daerah Sandakan, beliau terlibat dengan projek yang dipanggil "Projek IC". Beliau disuruh menandatangani 500 salinan kosong borang HNR10 yang merupakan surat akuan, yang digunakan untuk memohon Kad Pengenalan. Selepas menandatangani borang-borang ini, ia akan dikemukakan kepada JPN, Sabah. Beliau mendakwa semasa PBS menjadi Kerajaan Negeri, beliau menghadiri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tan

Sri Megat Junid yang meminta beliau menyediakan kertas kerja untuk menguatkan dan menambah pengundi Islam di beberapa bahagian pilihan raya Sabah bertujuan menawan kembali kawasan-kawasan ini daripada PBS. Strategi ini dikenali sebagai "Projek IC" yang, menurut beliau melibatkan kelulusan Kad Pengenalan Malaysia kepada warga asing terutama daripada Selatan Filipina, Indonesia, India dan Pakistan. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa mereka akan didaftarkan dalam senarai pemilih dan akan diarahkan untuk mengundi menentang calon PBS dalam pilihan raya. Beliau menerangkan yang beliau bersetuju terlibat dalam projek tersebut sebab beliau telah melihat sendiri dan melalui pengalaman ketidakadilan yang dilakukan oleh Kerajaan PBS ke atas orang Islam. Seterusnya beliau menerangkan beberapa kejadian mengenai ketidakadilan tersebut. Beliau menyatakan bahawa pada bulan Julai 1988, beliau ditangkap oleh Cawangan Khas dan ditahan selama 60 hari. Ini diikuti dengan perintah pemastautin terhad terhadap beliau. Beliau dilepaskan daripada perintah itu pada tahun 1990. Beliau mendedahkan bahawa beliau pernah memberi keterangan sebagai saksi dalam kes petisyen pilihan raya yang difailkan oleh Dr. Chong Eng Leong pada tahun 1999 berhubung peranan beliau

dalam "Projek IC". Beliau mendakwa terdapat sebanyak 90,000 pengundi tidak sah telah dimasukkan ke dalam daftar pemilih.

W202 : Tan Sri Abdul Aziz bin Shamsuddin

Beliau ialah seorang pesara. Beliau adalah mantan seliausaha politik kepada Perdana Menteri pada masa itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad (sekarang Tun). Beliau menafikan mengetahui atau terlibat dalam apa yang dipanggil "Projek IC". Beliau berkata yang beliau tidak memiliki rumah di Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Beliau percaya rumah tersebut dimiliki oleh Kelab Golf Diraja Selangor dan disewakan kepada pelajar-pelajar UITM. Menurut beliau, rumah beliau sebenarnya adalah di No. 10 Jalan Peria 6, Cheras tetapi beliau selalu juga melawat kawan-kawan beliau di rumah di Jalan Kampung Pandan itu. Beliau menafikan dakwaan yang dibuat oleh Akop bin Damsah (W14) dan juga yang dibuat dalam buku bertajuk "007 : Lelaki Malaysia Terakhir" oleh Mutalib M.D.

W203 : Datuk Mohammad Yahya @ Yahya bin Lampung

Beliau berkata yang beliau ialah seorang pesara. Beliau menganggap kehadiran pendatang asing dari Selatan Filipina dan Indonesia ke Sabah adalah berhubung kait dengan sejarah. Beliau berkata beliau langsung tidak tahu mengenai "Projek IC" dan hanya mendengar mengenainya daripada RCI. Beliau juga menafikan sebarang penglibatan dalam apa-apa aktiviti yang berhubung dengan pengeluaran Kad Pengenalan palsu kepada warga asing. Beliau seterusnya menafikan dakwaan yang beliau dan Habsnar Ebrahim pernah berjumpa dengan Allahyarham Tan Sri Megat Junid. Beliau tidak fikir bahawa Kerajaan Persekutuan terlibat dalam apa-apa projek rahsia berhubung dengan pengeluaran Kad Pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin.

W209 : Tun Dr. Mahathir Mohammad

Beliau adalah mantan Perdana Menteri Malaysia. Beliau menafikan mengetahui mengenai apa yang dipanggil "Projek IC" atau terlibat dalam Projek sedemikian. Beliau menyangkal dakwaan saksi-saksi sebelum ini yang menyatakan beliau ada terlibat dalam Projek tersebut. Beliau menafikan telah memberikan

sebarang arahan spesifik kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa itu, Tan Sri Megat Junid supaya membentuk suatu pasukan petugas yang terlibat dalam mengeluarkan Kad Pengenalan /atau kewarganegaraan kepada warga asing / pendatang asing bagi maksud politik. Beliau berkata bahawa terdapat peraturan dan kaedah standard mengenai hal imigresen dan kewarganegaraan. Beliau berpandangan bahawa adalah polisi Kerajaan untuk menimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi pemohon yang telah lama tinggal di Malaysia.

W210 : Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

Beliau ialah pemimpin pembangkang di Parlimen. Beliau menyatakan bahawa meskipun beliau merupakan ahli Kabinet Persekutuan dari 1983 hingga 1996, beliau tidak pernah dijemput untuk menghadiri apa-apa mesyuarat Majlis Keselamatan negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir. Beliau seterusnya menyatakan bahawa perkara Majlis Keselamatan Negara (MKN) tidak pernah dibincangkan. Beliau berkata yang beliau pernah mendengar mengenai Pasukan Petugas Khas tetapi tidak apa yang dipanggil "Projek IC". Menurut beliau, walaupun selaku pemangku Perdana Menteri, beliau tidak diberikan

sebarang taklimat oleh Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN); bahawa polisi berhubung dengan pengeluaran Kad Pengenalan kepada warga asing ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri dan MKN dan perkara ini tidak pernah dibentangkan di Kabinet Persekutuan.

2.1.2 Penyelidik dan Cendekiawan

W1 : Prof. Dr. Hj. Ramlah binti Adam.

Beliau merupakan pensyarah kanan dan penyelidik di Universiti Malaysia Perlis. Kepakaran beliau adalah dalam sejarah Malaysia, khususnya sejarah politik dan perlembagaan Malaysia. Beliau menerangkan secara ringkas sejarah Sabah semasa dikuasai oleh beberapa buah kerajaan sebelum kedatangan penjajahan barat. Tempoh itu menyaksikan kemunculan beberapa buah kerajaan. Dinyatakan bahawa kerajaan yang paling dominan dari segi naungan politik dan pentadbiran, kuasa dan pengaruh ialah Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Walau bagaimanapun, semua ini secara progresif telah berkurangan, malah musnah, dengan kedatangan Sepanyol, Belanda dan Inggeris ke rantau ini. Hasil daripada percaturan sejarah ini,

akhirnya Sabah muncul sebagai entiti politik yang bebas di dalam Persekutuan Malaysia.

Dalam membincangkan asal usul yang mencorakkan demografi Sabah, Prof. Dr. Ramlah merujuk kepada 2 teori utama sebagai faktor penyumbang. Yang pertama dikenali sebagai "Teori Ombak" yang menerangkan keadaan di mana penduduk Selatan Cina berpindah mengikut 3 ombak berasingan ke (a) pulau-pulau Filipina dan Borneo Utara (sekarang Sabah); (b) pulau-pulau Sumatera dan Jawa dan (c) Semenanjung Melayu. Teori kedua berkaitan dengan penemuan arkeologi yang dirujuk oleh Prof. Emeritus, Dr. Nik Hassan Suhaimi dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang berpendapat bahawa penduduk asal Sabah sebenarnya merupakan orang tempatan berdasarkan penemuan Gua Niah di Miri, Sarawak, dan lokasi lain di Sabah.

Kajian Prof. Dr. Ramlah menunjukkan bahawa Kesultanan Sulu mempunyai sistem kerajaan yang teratur dan sophisticated yang berlanjutan ke beberapa bahagian di Sabah (masa itu dikenali sebagai Borneo Utara) sebelum kedatangan barat. Dengan demikian, banyak tradisi dan amalan penduduk asal telah berterusan hingga ke hari ini. Tradisi dan amalan tidak bertulis ini berterusan sampai bila-bila. Dalam konteks inilah ramai

pendatang asing yang tinggal di Sabah tidak menanggap diri mereka sebagai pendatang asing. Berdasarkan kaitan inilah, iaitu sejarah dan kebudayaan yang diterangkan di atas, beliau berpendapat bahawa pendatang asing perlu diberikan peluang untuk tinggal di Sabah tertakluk kepada syarat tertentu; bahawa masalah berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin tidak patut dilihat sebagai isu politik tetapi pihak berkuasa perlu menggunakan pendekatan yang lebih profesional untuk mengatasinya.

W2 : Prof. Emeritus Dr. Ranjit Singh s/o Darshan Singh

Beliau ialah profesor di Universiti Utara Malaysia Sintok, Kedah. Beliau pakar dalam sejarah Brunei dan sejarah Sabah. Beliau pernah menjadi perunding sejarah di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) semasa kes Sipadan & Ligitan antara Indonesia dan Malaysia. Malaysia telah memenangi kes tersebut di ICJ. Menurut Prof. Dr. Ranjit, dalam tahun 1521, Kesultanan Brunei telahpun menjadi sebuah empayar yang berkuasa yang merangkumi beberapa bahagian di Sabah (masa itu dikenali sebagai Borneo Utara) dan beberapa bahagian di Sarawak. Di Sabah dalam Kurun ke-16, terdapat beberapa

masyarakat etnik seperti Dusun di sepanjang kawasan pantai dan Murut di kawasan pedalaman. Pada asasnya terdapat empat kumpulan utama masyarakat pada masa itu iaitu Dusun, Kadazan, Melayu Brunei dan Bisayas. Ini adalah semasa kemuncak Kesultanan Brunei. Selepas itu, Kesultanan Sulu juga muncul sebagai punca kuasa di rantau itu. Selepas itu pula ketibaan pedagang Eropah menjalankan pemiagaan mereka di rantau itu dirasai. Mereka akan membeli barangan tempatan dan kemudian menjualnya kepada pedagang dari China dan India. Beliau menyatakan bahawa bancian pertama di Negeri itu dibuat pada tahun 1881 oleh Syarikat Borneo Utara British namun ia tidak menyeluruh kerana masalah logistik dan kewangan. Seterusnya, banci pada tahun 1891 menunjukkan bahawa terdapat 67,000 orang. Menjelang 1970, ia telah meningkat kepada 651,000 dan menjelang 1991, ialah 1,700,000. Daripada jumlah 1.7 juta ini, 423,000 merupakan bukan warganegara. Mengenai perkara ini, beliau berkata:

"Demografi penduduk telah berubah bukan kerana penambahan penduduk yang semulajadi atau penambahan penduduk Cina yang semulajadi, tetapi kerana faktor baru. Faktor ini ialah daripada 1.7 juta, terdapat 423,000 bukan

warganegara. Siapa mereka ini, tidak dinyatakan oleh banci tersebut”.

Menurut beliau, jumlah ini diperolehi daripada “Laporan Penduduk Sabah, Banci Penduduk & Perumahan 1991”.

W105 : Profesor Madya Dr. Kutayya @ Mariappan

Beliau ialah pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kepakaran beliau adalah dalam bidang sosiologi, khususnya bidang etnik dalam konteks Malaysia. Beliau telah membuat penyelidikan mengenai interaksi etnik dan hubungan etnik, dll., dan juga tentang toleransi etnik di Sabah. Dalam hubungan ini, beliau telah memfokuskan kepada kumpulan etnik seperti Bajau, Kadazan, Dusun, Murut, Melayu dan Suluk. Beliau berpandangan bahawa kumpulan-kumpulan etnik di Sabah mempunyai tahap toleransi yang tinggi dalam interaksi mereka dengan pendatang asing tanpa izin tetapi toleransi ini secara progresif kian menurun.

W108 : Datuk Mohd. Hasnol bin Ayub

Beliau ialah CEO Institut Kajian Pembangunan (IDS) sejak bulan Mac 2009. Beliau menyatakan bahawa IDS ialah badan pemikir Kerajaan Negeri Sabah yang memfokuskan kepada penyelidikan dan kajian polisi mengenai isu pembangunan. IDS ditubuhkan pada tahun 1985. IDS telah menjalankan kajian mengenai isu pendatang asing tanpa izin di Sabah.

W109 : Macarius Sabinus

Beliau ialah Pegawai Penyelidik Taktikal Teknologi Maklumat di Institut Kajian Pembangunan (IDS). Beliau menyertai IDS pada tahun 1985. Pada tahun 1987, beliau dipinjamkan ke Bahagian Penempatan di Jabatan Ketua Menteri, Sabah. Tugas beliau di Bahagian Penempatan termasuklah menjalankan kajian selidik dan berusaha mendaftarkan penduduk sementara di kawasan-kawasan Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Sepulut. Usaha ini akan diumumkan di media berita. Laporan daripada usaha pendaftaran itu perlu dilaporkan ke Bahagian Penempatan dan disalinkan ke Cawangan Khas. Sebaik sahaja usaha pendaftaran itu diumumkan, adalah terpulang kepada pendatang

asing tanpa izin untuk pergi ke Bahagian Penempatan untuk mendaftar diri sendiri. Tujuan usaha pendaftaran ini adalah untuk menganggarkan jumlah mereka di dalam Negeri. Selepas pendaftaran, mereka diberikan terimaan sementara yang dikenali sebagai Kad Burung-Burung.

W110 : Francis @ Thony Luan

Beliau merupakan Eksekutif Kanan di IDS. Beliau menyertai IDS pada tahun 1989. Sebelum itu, beliau bertugas di Bahagian Penempatan di Pejabat KM. Semasa di sana, tugas beliau termasuk menjalankan kajian ke atas pendatang asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen serta pelarian di Sabah. Beliau menerangkan tentang metodologi tugas yang memerlukan seseorang itu mengunjungi sendiri setiap rumah untuk mendaftarkan maklumat terperinci mengenai penghuni di dalam rumah tersebut.

Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) semenjak 1999. Beliau memegang Ijazah Kedoktoran dari Universiti South Carolina, Amerika Syarikat. Beliau telah menjalankan penyelidikan berkenaan dengan pendatang asing dari Filipina dan Indonesia ke Sabah. Secara spesifik, beliau telah menjalankan penyelidikan ke atas 6 kawasan di Sabah iaitu Pulau Mabul, Pulau Bum Bum, Pulau Omadal, Pulau Maiga dan Pulau Sibangkat. Pegawai Penyiasat telah menanyakan beliau mengenai pelbagai artikel di dalam dokumen P92. Artikel yang pertama adalah menjurus kepada jaringan sosial serta impak, dll., berhubung dengan perspektif dan strategi migrasi pendatang asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen di Sabah. Artikel yang kedua adalah mengenai strategi berhubung dengan pekerja tempatan yang tidak mempunyai sebarang dokumen di Sabah. Artikel ketiga adalah berkenaan dengan migrasi dan *moral panic* dengan rujukan khusus ke atas industri kelapa sawit di Sabah. Dan artikel keempat pula adalah berhubung dengan pekerja asing di Sabah.

Beliau merupakan pensyarah kanan di Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pengkhususan beliau ialah Hubungan Antarabangsa. Beliau mengajar Sejarah Malaysia, Politik Malaysia dan Dasar Luar. Beliau telah membuat penyelidikan mengenai isu-isu berhubung dengan pendatang asing di Sabah daripada perspektif keselamatan. Bersama-sama dengan Profesor Azizah Kassim, mantan penyelidik di UMS, tetapi sekarang bertugas di UKM, beliau telah menjalankan kaji selidik dan penyelidikan ke atas penempatan pendatang asing di Sabah dari 2002 hingga 2006. Penempatan-penempatan ini kebanyakannya adalah kampung air. Dalam kaji selidik beliau, dll., beliau telah menyaksikan sendiri, aktiviti jenayah berhubung dengan penjualan dadah dan pemalsuan mata wang serta aktiviti tidak sihat lain di penempatan-penempatan itu; yang mana semua ini telah menimbulkan persepsi awam yang negatif dan juga telah menggugat keselamatan Negeri. Beliau berkata pihak berkuasa yang berkenaan kurang efektif dalam mengawal pendatang asing. Beliau menyatakan bahawa dalam tahun 2008, semasa beliau berada dalam sebuah restoren di Lahad Datu, pemilik restoren itu yang beliau syaki sebagai pendatang asing, telah memaklumkan

kepada beliau, yang dia akan mengundi di Kota Kinabalu dan berharap untuk mendapat habuan wang daripada tindakan ini. Ini merupakan insiden yang boleh merebak dan jika tidak dibendung, boleh mengubah lanskap politik dalam Negeri. Beliau menekankan pentingnya antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sama-sama bertanggungjawab dan bahawa keduanya perlu bekerjasama antara satu sama lain. Bagi beliau ini belum terlaksana. Beliau seterusnya menyatakan bahawa bagi pendatang asing Filipina yang memasuki Sabah dalam tahun 1970an, anak-anak mereka menjadi penduduk generasi kedua atau ketiga di Sabah; bahawa mereka sudah hilang apa-apa bentuk hubungan dengan negara asal mereka. Beliau berpandangan mereka ini perlu diberikan dokumen yang teratur; bahawa semua penduduk di penempatan-penempatan itu sewajarnya didaftarkan. Beliau tidak setuju penempatan-penempatan ini dimusnahkan tetapi sepatutnya hendaklah diselia dengan ketat dan teratur.

Beliau merupakan Ahli Parlimen Serdang. Beliau juga merupakan ahli Projek Analisa Senarai Daftar Pemilih Malaysia (MERAP). Beliau mempunyai pengalaman 10 tahun mengkaji senarai daftar pemilih dan hal-hal yang berkaitan dengannya di Malaysia. Beliau menyatakan yang beliau telah menyemak senarai daftar pemilih di Sabah dan membuat penemuan antaranya seperti yang berikut:

- 1) bahawa kad pengenalan yang dikategorikan sebagai P1 adalah berjumlah 51,300 dan kad pengenalan dalam kumpulan P2 adalah berjumlah 62,550;
- 2) bahawa terdapatnya kad pengenalan pendua, yang bermaksud kad pengenalan dengan nombor yang sama didaftarkan kepada 2 atau lebih orang;
- 3) bahawa kad pengenalan yang asalnya dimiliki oleh seorang itu telah bertukar kepada orang lain;
- 4) bahawa orang yang sama diberikan kad pengenalan baru dengan nombor yang berbeza dan tarikh lahir yang berbeza;
- 5) bahawa daripada sejumlah 113,850 kad pengenalan yang telah dikeluarkan di bawah kumpulan P1 dan P2, sejumlah 49,000 masih terdapat dalam senarai daftar pemilih;

- 6) bahawa 20% daripada yang berada dalam P1 dan P2 telah didaftarkan sebelum 1990; kebanyakan daripada pengundi-pengundi ini iaitu sebanyak 53.9% telah didaftarkan antara 1990 dan 2000.

Perlu dinyatakan bahawa kad pengenalan yang dikumpulkan dalam P1 dan P2 adalah dianggap kad pengenalan bermasalah oleh JPN. Ini dapat dilihat menerusi keterangan Dato' Jariah (W208).

2.1.3 Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara

WB : Nik Nurashikin binti Nik Mansur

Beliau merupakan Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan, Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia, sejak pertengahan 2010. Beliau berkata tugas beliau termasuk memproses permohonan kewarganegaraan dengan memastikan bahawa sesuatu permohonan itu mematuhi peraturan semasa. Beliau menyatakan bahawa mereka yang bukan warganegara melalui operasi undang-undang di Sabah dan yang memiliki MyKad biru perlu juga memiliki sijil kewarganegaraan. Beliau seterusnya menerangkan permohonan berkaitan dengan Perkara

14, 15(1) & (2), 16(a) dan 30 Perlembagaan Persekutuan berkaitan pelbagai kategori status kewarganegaraan Malaysia, dll. Beliau berkata Perkara 30 adalah berkenaan dengan siji yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi kes-kes yang diragui. Menurut beliau, warga asing yang berhasrat menjadi warganegara Malaysia perlu memohon siji kewarganegaraan yang kemudiannya boleh digunakan untuk menyokong permohonannya untuk mendapat kad pengenalan biru. Rekod siji kewarganegaraan yang dikeluarkan kepada pendatang asing dari 2003 hingga sekarang, akan disimpan dalam data komputer JPN manakala bagi yang dikeluarkan sebelum 2003, akan direkod secara manual dan difailkan sewajarnya. Beliau menyatakan bahawa jumlah pendatang asing yang sah di Malaysia yang telah diberikan kewarganegaraan Malaysia bagi tempoh 1963 hingga Oktober 2012 ialah 66,682. Tiada statistik khusus yang disimpan bagi Sabah.

W9 : Ruslan bin Alias

Beliau ialah Ketua Penolong di Seksyen Kad Pengenalan, Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah & Sarawak. Beliau merupakan Ketua Unit Seksyen itu. Beliau berkata bahawa Unit

beliau bertanggungjawab menyelaras program pendaftaran bergerak dalam menyelesaikan kes-kes bagi mereka yang tiada dokumen. Tugas beliau termasuk menyediakan laporan dan ulasan untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas. Menurut beliau, Jawatankuasa Khas ini adalah bagi memproses permohonan kad pengenalan yang bermasalah. Ia mempunyai kuasa untuk meluluskan atau menolak permohonan tersebut selepas membuat penilaian dan pertimbangan yang sewajarnya. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi Sabah sahaja. Ia dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara. Ahli lain ialah Ketua Pengarah Operasi; Pengarah Seksyen Kad Pengenalan dan Ketua Unit, Sabah & Sarawak (iaitu beliau). Jawatankuasa ini telah ditubuhkan sejak 1999 tetapi hanya mula beroperasi mulai 2002 sehingga sekarang. Beliau seterusnya menerangkan perkembangan sistem dokumentasi di Malaysia seperti yang berikut:

- 1) Kad pengenalan di Sabah bermula sejak 1963 di bawah Ordinan Pendaftaran Negara 1962. Pada masa itu, kad pengenalan mempunyai 6 angka sahaja dan berwarna oren;

2) Pada 1972 di bawah Kaedah Pendaftaran Negara, 1972, terdapat 3 versi atau kategori kad pengenalan, iaitu, kad pengenalan biru untuk warganegara Sabah, kad pengenalan merah untuk mereka yang berstatus pemastautin tetap dan kad pengenalan hijau bagi mereka yang berstatus pemastautin sementara;

3) Pada 1990, kad pengenalan berkualiti tinggi dikenali sebagai KPT dikeluarkan. Pada mulanya ia berwarna hitam dan putih tetapi pada 1999, ia ditukar ke pelbagai warna dengan warna asasnya ialah biru bagi semua 3 kategori. Ia hanya boleh dibezakan melalui jalur yang tercetak di atasnya yang mengandungi masing-masing warna biru, merah dan hijau.

4) Pada 2002, terdapat suatu lagi perubahan, kali ini kepada kad pengenalan yang dikenali sebagai KPTC yang mengandungi cip keselamatan dan seterusnya telah ditambah baik pada 2004;

5) Pada 2012, ia akhirnya ditukar ke MyKad yang digunakan oleh rakyat Malaysia pada masa ini. MyKad ini mempunyai 3 warna mewakili 3 kategori pemegang iaitu biru bagi warganegara

Malaysia; merah bagi mereka berstatus pemastautin tetap dan hijau bagi mereka berstatus pemastautin sementara.

Menurut beliau, suatu permohonan untuk kad pengenalan mesti disokong dengan sijil kelahiran atau sijil pengambilan anak angkat atau Borang W jika pemohon dilahirkan di luar negara. Beliau menerangkan bahawa pada 1972, sesuatu permohonan kad pengenalan boleh disokong oleh akuan berkanun jika tiada sijil kelahiran. Sijil perakuan taraf juga boleh digunakan bagi maksud ini. Jika akuan berkanun digunakan, ia perlu diperakukan oleh Penghulu atau Pegawai Daerah di Daerah di mana pemohon berada. Perakuan ini adalah berkenaan dengan tempat lahirnya. Beliau berkata mulai dari 1987, akuan berkanun atau sijil perakuan taraf tidak lagi boleh digunakan bagi permohonan tersebut; bahawa hanya sijil kelahiran boleh digunakan untuk menyokong sesuatu permohonan kad pengenalan dan jika tiada sijil kelahiran, pendaftaran lewat kelahiran boleh digunakan sekiranya ditentukan oleh Mahkamah Majistret.

W10 : Mohd. Nasir bin Sungip

Beliau merupakan Pengarah Urusan Syarikat Warisan Nusa Sdn. Bhd. Beliau merupakan mantan Timbalan Pengarah Seksyen Kad Pengenalan, JPN, Sabah, dari 1980 hingga 1994. Beliau ditangkap dan ditahan di bawah ISA pada tahun 1995 kerana didakwa mengeluarkan kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin. Beliau berkata yang beliau diarahkan oleh Hj. Ramli Kamaruddin, Pengarah JPN, Sabah pada masa itu, untuk menggantikan nama-nama dalam terimaan KP sementara JPN1/9 dan terimaan KP hilang JPN1/11 dengan mereka daripada Suruhanjaya Pilihan Raya bagi maksud meningkatkan pengundi Islam di Sabah; bahawa beliau juga diarahkan menukar nombor KP dan tarikh lahir termasuk gambar mereka. Menurut beliau, terdapat sejumlah 16,000 pemegang sedemikian. Kebanyakan mereka adalah pendatang asing Islam dari Filipina dan Indonesia. Terimaan itu akan membolehkan pemegangnya untuk mendaftar diri sebagai pengundi dan untuk mengundi pada pilihan raya di kedua-dua peringkat Negeri dan Persekutuan.

W11 : Haji Ramli Kamaruddin

Beliau adalah bekas Pengarah, JPN, Sabah, dari tahun 1993 hingga 1995. Beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA selama tempoh 2 tahun dari tahun 1995 hingga 1997. Sebagai Pengarah, beliau bertanggungjawab bagi JPN Sabah dan tugasnya termasuklah mengeluarkan dokumen kepada mereka yang layak seperti sijil kelahiran, sijil kematian, perkahwinan sivil, dokumen pengenalan, kewarganegaraan, dsb. Beliau telah ditahan di bawah ISA kerana dikatakan terlibat dalam mengeluarkan KP bersekuriti tinggi kepada pendatang asing. Beliau menafikan penglibatannya. Beliau mengatakan bahawa beliau telah ditukarkan ke Sabah sebagai Pengarah JPN untuk membantu Kerajaan menjadi lebih berasaskan Islam. Pada masa itu, Parti Bersatu Sabah (PBS) yang pada dasarnya adalah sebuah parti yang didominasi Kristian merupakan Kerajaan Negeri. Menurutnya, beliau ditugaskan untuk mengenal pasti pengundi Islam dan memujuk mereka untuk mengundi parti Islam tertentu. Beliau berkata bahawa 2 minggu sebelum pilihan raya DUN Sabah pada tahun 1993, beliau bertemu dengan Allahyarham Tan Sri Megat Junid, bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Beliau ditemani oleh rakan sepejabatnya,

Encik Asli. Mereka telah diarahkan untuk mengeluarkan terimaan JPN seperti JPN1/9 dan JPN 1/11 kepada pendatang tanpa izin supaya nama mereka dapat dimasukkan ke dalam daftar pemilih dalam kawasan hitam atau kelabu tertentu di Sabah. Mereka akan ditunjukkan mengenai cara untuk mengundi, dsb. Terimaan itu telah dikeluarkan hanya bagi maksud mengundi dan mereka hendaklah menyerahkannya semula selepas mengundi. Mesyuarat yang dikalakan itu telah diadakan di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu. Menurut beliau, lebih kurang 200 terimaan telah dikeluarkan dan 5 hingga 10 bahagian pilihan raya DUN yang terlibat. Pada masa itu, beliau juga menerima arahan daripada Timbalan Ketua Pengarah, JPN, untuk mengeluarkan KP dengan nombor pendua kepada pendatang asing tanpa izin supaya mereka boleh mengundi dalam pilihan raya. Saksi mengakui bahawa apa yang dilakukannya salah di sisi undang-undang tetapi beliau melakukannya atas arahan Allahyarham Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Timbalan Ketua Pengarah, JPN.

W12 : Kee Dzulkifli bin Kee Abdul Jalil

Beliau dahulunya adalah Kerani Pendaftaran di JPN, Kota Kinabalu. Beliau mula berkhidmat di JPN pada tahun 1994. Pada

tahun 1995, beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA selama 26 bulan di Kamunting, Perak dan dibebaskan pada tahun 1999. Beliau dikatakan telah mengeluarkan KP kepada bukan warganegara yang nampaknya atas arahan pegawai-pegawai atasan. Beliau merupakan anggota yang dikatakan pasukan G17 – suatu pasukan petugas yang ditugaskan untuk melaksanakan tugas tertentu yang berhubungan dengan pemerosesan KP dan sijil kelahiran. Pasukan petugas ini telah dibentuk pada tahun 1990 di JPN, Sabah, yang pada masa itu diketuai oleh Datuk Abdul Rauf Sani. Beliau terlibat dalam memasukkan butir-butir yang terdapat dalam borang permohonan ke dalam KP sebelum KP itu dihantar ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur untuk dilaminat. KP tersebut adalah untuk dikeluarkan kepada pendatang asing tanpa izin daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan. Beliau juga terlibat dalam memastikan nama dalam KP tersebut didaftarkan dalam daftar pemilih. Menurut beliau, lebih daripada 100,000 KP sedemikian telah dikeluarkan pada masa itu. Beliau juga terlibat dalam mengeluarkan sijil kelahiran kepada pendatang asing tanpa izin. Beliau melakukan semua yang tersebut atas arahan pegawai atasannya. Dalam kenyataan bertulisnya, beliau berkata terdapat 200,000 sijil kelahiran telah dikeluarkan terutamanya

kepada pendatang asing beragama Islam daripada Filipina dan Indonesia.

W13 : Asli bin Sidup

Beliau merupakan bekas Penolong Pegawai Pendaftaran yang ditempatkan di JPN, Sabah dari tahun 1986 hingga 1996 apabila beliau ditahan di bawah ISA tetapi kemudiannya dibebaskan pada tahun 1997. Beliau pada masa itu merupakan Ketua Unit Rekod. Tugasnya termasuklah memproses borang permohonan KP. Secara khususnya, beliau bertanggungjawab untuk memeriksa butir-butir yang dicatatkan dalam KP dan seterusnya menandatangani KP tersebut. Selepas itu, KP ini akan dihantar ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur untuk dilaminat. Selepas dilaminat, KP ini akan dibawa balik ke Sabah untuk diambil oleh pemohon. Pada masa itu, Pengarah JPN, Sabah ialah Datuk Abdul Rauf Sani. Beliau berkata bahawa tujuan tugas di atas adalah untuk meningkatkan bilangan pengundi Islam di Sabah yang pada masa itu di bawah Kerajaan PBS yang diketuai oleh Datuk Joseph Pairin Kilingan (sekarang Tan Sri). Saksi menerangkan butiran peranannya dalam tugas tersebut iaitu bahawa dia telah pergi ke Kuala Lumpur sebagaimana yang

diarahkan, bahawa dia telah dibawa ke sebuah kediaman kerajaan di Kampung Pandan; yang semasa di situ dia dan beberapa orang yang lain telah diarahkan untuk menandatangani KP; bahawa selepas itu, KP yang ditandatangani itu dihantar ke Ibu Pejabat di Petaling Jaya untuk dilaminat dan dibawa balik ke Sabah untuk diambil oleh pemohon. Beliau juga mengakui bahawa teriman iaitu JPN1/9 dan JPN1/11 telah dikeluarkan kepada bukan warganegara bagi tujuan untuk membolehkan mereka mengundi dalam pilihan raya. Beliau mengesahkan bahawa semua urusan di atas, adalah atas arahan Tan Sri Megat Junid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu, yang ditemuinya di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu, bersama dengan Encik Ramli Kamaruddin dan Datuk Osu Sukam (bekas Ketua Menteri Sabah). Beliau juga mengesahkan bahawa teriman JPN1/9 dan JPN1/11 itu telah digunakan untuk mendaftarkan pemohon dalam daftar pemilih.

W14 : Akop bin Damsah @ Yakop bin Damsah

Beliau merupakan bekas Ketua JPN, Daerah Tamparuli, Sabah. Beliau telah ditempatkan di JPN dari tahun 1972 hingga 1996. Beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA pada tahun 1996 kerana dikatakan telah mengeluarkan KP kepada pendatang

asing tanpa izin, dikatakan atas arahan pegawai atasannya. Pada masa itu, Pengarah JPN, Sabah ialah Datuk Abdul Rauf Sani. Tugasnya termasuklah menandatangani 3 kategori KP (biru, merah dan hijau). Beliau telah terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang ini sejak tahun 1990 dan bilangan dokumen tersebut berjumlah sekurang-kurangnya 100,000. Beliau mengesahkan wujudnya pasukan petugas khas di Kuala Lumpur, bertempat di sebuah rumah di Kampung Pandan, di mana beliau dan beberapa orang yang lain telah diberi taklimat oleh Pengarah, Datuk Rauf Sani dan seorang yang bernama Kolonel Mat Nor mengenai mekanisme yang hendak digunakan. Tugasnya adalah semata-mata untuk menandatangani KP yang selepas itu akan dibawa balik ke Sabah untuk diagihkan kepada pemohon yang terpilih. Menurut beliau, rumah di Kampung Pandan ini adalah kepunyaan "Pak Aziz Shamsuddin" yang dikatakan sebagai setiausaha politik kepada mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir. Beliau berkata dalam satu bulan, mereka mampu menandatangani sehingga 40,000 KP di tempat yang diperkatakan itu. Tujuan keseluruhan kegiatan ini adalah untuk membolehkan pemohon mengundi bagi UMNO di Sabah. Kebanyakan pemohon adalah daripada Filipina dan Indonesia.

W15 : Datuk Abdul Rauf bin Sani

Pada masa ini, beliau merupakan CEO Lembaga Totalisator Malaysia yang berada di bawah Kementerian Kewangan. Sebelum ini beliau merupakan Pengarah JPN, Sabah, dari tahun 1990 hingga 1992. Pada tahun 1996, beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA tetapi telah dibebaskan selepas 60 hari ditahan dan kemudiannya untuk beberapa waktu diletakkan di bawah kediaman terhad. Sebagai Pengarah JPN, tugasnya termasuk diberi kuasa untuk menandatangani pengeluaran KP di Sabah. Terdapat beberapa pegawai lain yang diberikan tugas ini termasuk Asli bin Sidup (W13) dan Akop bin Damsah (W14). Beliau menerangkan proses berhubung dengan permohonan KP iaitu selepas diproses di Sabah, ia akan dihantar ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur untuk dilaminat dan selepas itu dibawa balik ke Sabah untuk diagihkan kepada pemohon. Beliau berkata beliau telah ditangkap di bawah ISA kerana dikatakan mengeluarkan KP palsu bagi tujuan mendapatkan keuntungan. KP ini telah dikeluarkan kepada pendatang asing tanpa izin. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa dokumen tersebut tidak palsu walaupun ia dikeluarkan secara yang menyalahi undang-undang. Beliau mengesahkan bahawa mereka yang

terlibat termasuk Ramli Kamaruddin, Akop Damsah, Kee Dzulkifli dan ramai lagi. Dokumen itu dikeluarkan sebahagian besarnya kepada pendatang asing tanpa izin daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan. KP tersebut telah dikeluarkan tanpa dokumen sokongan. Beliau mengakui memberikan arahan kepada pegawainya seperti W13 dan W14 untuk menjalankan tugas khas di Kuala Lumpur berhubung dengan pengeluaran KP kepada pendatang tanpa izin di sebuah rumah kerajaan di No. 18, Jalan Kampung Pandan, yang dipercayai didiami oleh seorang yang bernama Aziz Shamsuddin, setiausaha politik kepada Perdana Menteri, Dr. Mahathir. Beliau bersetuju telah memberikan taklimat kepada pegawainya mengenai mekanisme yang terlibat. Beliau mengakui bahawa keseluruhan tugas itu adalah untuk mengalahkan Kerajaan Negeri PBS pada masa itu. Beliau menafikan kewujudan Unit yang dipanggil G17 tetapi mengakui bahawa terdapat suatu unit yang bertanggungjawab untuk memproses KP kepada pendatang asing tanpa izin daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan. Beliau juga menyedari bahawa pendatang tanpa izin ini telah diajar bagaimana hendak mengundi dalam pilihan raya.

Beliau merupakan Pengarah Bahagian KP, JPN. Beliau telah menjadi Pengarah sejak tahun 2008 tetapi telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak tahun 1980. Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau merupakan Pengarah JPN, Terengganu, selepas itu Pengarah JPN, Kelantan. Tugasnya termasuklah membantu Ketua Pengarah JPN dalam menguatkuasakan sistem yang dipanggil Sistem I-JPN bertubuh dengan pemerosesan KP di semua Negeri di Malaysia. Fungsi utama Bahagian KP adalah untuk mendaftarkan dan memproses permohonan KP; menyenggara rekod pengeluaran KP dan juga menyemak semula serta menentusahkan butir-butir KP. Semua pengeluaran KP sekarang adalah berpusat di Ibu Pejabat JPN, di Putrajaya. Sebelum itu, pengeluarannya diproses di peringkat Negeri tetapi dikeluarkan oleh Ibu Pejabat. Sistem berpusat bermula pada tahun 1990. Sebelum itu, KP disimpan di dalam bilik kebal di Ibu Pejabat JPN, Putrajaya. Pengerakan proses KP secara khususnya diberikan kepada pegawai kanan. Kelulusan sekarang dibuat secara automatik melalui Sistem I-JPN yang terdapat di semua JPN Negeri. Pada masa ini, terdapat 3 jenis KP utama iaitu MyKad biru, MyPR merah dan MyKas hijau. Menurut

beliau untuk memohon KP biru, pemohon mestilah seorang warganegara. Pemohon mesti mengemukakan siji kelahirannya untuk menentusahkan bahawa dia dilahirkan di Malaysia. Akuan berkanun mahupun perakuan taraf tidak lagi boleh digunakan sejak Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dikuatkuasakan, dan apabila sistem berpusat dilaksanakan di seluruh negara. Bagi yang belum mendaftarkan kelahiran mereka di Sabah, mereka mesti mendaftarkan sedemikian dengan cara membuat pendaftaran lewat yang pada masa ini mesti ditentusahkan oleh seorang Majistret. Perkara ini tidak dilakukan di negeri-negeri lain. Hakikat bahawa seseorang lahir di Sabah tidak semestinya bererti dia mempunyai taraf kewarganegaraan di Sabah. Hanya warganegara Malaysia berumur 12 tahun ke atas boleh memohon MyKad. Mereka yang permit masuknya diluluskan sahaja layak untuk memohon MyPR daripada Jabatan Imigresen. Mereka yang layak untuk mendapatkan MyKad hendaklah menjadi pemastautin di negeri itu selama tempoh lebih daripada 12 tahun sebagaimana mereka yang lahir di sini walaupun taraf kewarganegaraan mereka belum ditentukan. Kesahan MyKad adalah 5 tahun. Perkara ini ada diendorskan pada kad. Beliau berkata bahawa JPN telah menubuhkan Panel Khas KP Sabah untuk menangani KP bermasalah di Sabah. Panel Khas ini

dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPN dengan anggotanya iaitu Pengarah Bahagian KP, Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan masing-masing Ketua Unit bagi Sabah dan Sarawak. Panel ini akan menjalankan temu bual serta meneliti laporan oleh JPN, Sabah. Panel ini ditubuhkan pada tahun 2006. Ia masih lagi wujud. Beliau menyatakan bahawa terdapat operasi bergerak yang dijalankan oleh JPN untuk mendaftarkan mereka yang tinggal di pedalaman Sabah dan Sarawak. Mereka mendaftarkan penduduk yang tidak mempunyai siji kelahiran dan mereka yang tidak memohon untuk mendapatkan KP. Mahkamah bergerak juga telah ditubuhkan untuk menentusahkan dan mengendors pendaftaran lewat kelahiran. Menurut beliau, terdapat kes, di mana dua orang yang berlainan menggunakan KP yang sama iaitu satu nombor KP dengan nama 2 orang yang berlainan. Terdapat 600 kes yang seumpamanya. Beliau menegaskan bahawa terdapat 2 jenis terimaan KP sementara iaitu JPN1/9 dan JPN1/11. JPN1/9 adalah terimaan KP sementara yang dikeluarkan kepada seseorang sementara menunggu KPnya daripada JPN siap manakala JPN1/11 adalah terimaan bagi kehilangan KP. Masing-masingnya disebut sebagai KP09 dan KP11. JPN juga telah menerima pakai ALIS iaitu *Agency Link-Up System* di mana agensi Kerajaan yang berkaitan mempunyai akses bersama

kepada data yang berkaitan dengan KP, dsb., melalui sistem atas talian. Agensi tersebut adalah Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, dsb.

W57 : Laila binti Abdul Majid

Bellau adalah Penolong Ketua Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Pendaftaran Negara, sejak November 2007 tetapi telah berkhidmat di Bahagian itu semenjak tahun 1985. Menurut beliau, JPN memulakan program pengkomputerannya pada tahun 1990. Sebelum itu, JPN memproses permohonan KP secara manual. Walau bagaimanapun, pada tahun 1990, semua permohonan KP telah diproses secara berkomputer dengan pengeluaran KP yang terdiri daripada 12 digit. Pada tahun 1998, suatu sistem baharu yang dikenali sebagai sistem biometrik telah diperkenalkan yang membolehkan pemeriksaan semua permohonan KP melalui kaedah yang dipanggil kaedah cap cari. Pada tahun 2001, KP baharu dengan pemasangan cip telah dikeluarkan. Sekarang MyKad dengan cip yang mempunyai kod 12 membawa maksud bahawa pemegangnya dilahirkan di Sabah. Beliau berkata bahawa

pemerosesan KP di JPN dilakukan oleh pegawai yang berkelayakan dan diberi kuasa yang mesti mempunyai ID pengguna dan kata laluan yang berkaitan. Maklumat dalam cip mengandungi nombor KP, nama ketika lahir, alamat, taraf kewarganegaraan, tarikh lahir dan juga cap jari serta gambar foto pemegang. Dalam pangkalan datanya, JPN menggunakan Sistem DB2 dan maklumat yang berhubungan dengan kelahiran, kematian, KP, kewarganegaraan, dsb., tersimpan dalamnya. Maklumat dalam pangkalan data akan dikemas kini apabila perlu dan boleh dipinda oleh mana-mana pegawai diberi kuasa. Pangkalan data JPN tidak pernah diceroboh dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila ia diberikan Perakuan ISMS sejak tahun 2009. Beliau juga merujuk kepada *Link-Up System Agency* yang dikenali sebagai ALIS yang telah dibangunkan bagi maksud perkongsian maklumat di kalangan beberapa agensi pihak berkuasa yang berkaitan. Terdapat 32 agensi yang dapat menggunakan perkhidmatan di bawah ALIS. Menurut beliau, JPN dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah berkongsi maklumat di bawah ALIS sejak tahun 2002; bahawa JPN telah membantu SPR dalam menentusahkan senarai pengundi yang berdaftar dalam daftar pemilih. Saksi telah mengemukakan statistik P44 yang mengandungi 6 set dokumen. Di bawah Lampiran A, bilangan

pendatang asing tanpa izin yang diberikan kewarganegaraan di Sabah dinyatakan sebanyak 66,682 tetapi berkurangan kepada 59,276 disebabkan oleh kematian iaitu sebanyak 7,406. Lampiran B mengandungi bilangan warganegara yang dilahirkan di Sabah yang memegang KP biru yang dinyatakan sebanyak 1,640,341. Mereka ini bukan warga asing atau pendatang asing. Jumlah keseluruhan KP biru yang diberikan melalui pendaftaran lewat direkodkan sebanyak 146,820. Jumlah keseluruhan orang yang lahir di Sabah ialah 2.5 juta orang, yang kebanyakannya menetap di luar Sabah seperti di Selangor, dsb.

W63 : Datu Abu Bakar bin Mat

Beliau adalah Pengarah JPN, Sarawak. Beliau menerangkan dengan ringkas 3 jenis KP yang digunakan di Sarawak iaitu MyKad, MyPR dan MyKas. Beliau juga menerangkan dengan ringkas sejarah KP di Sarawak dan tatacara permohonan KP, sijil kelahiran, dsb. Beliau menyatakan bahawa kod KP yang diberikan kepada Sarawak ialah 13 dan 52. Menurut beliau, JPN Sarawak telah menerima pakai unit bergerak bagi mendaftarkan kelahiran, dsb., penduduk di kawasan terpencil. Siasatan penentusahan oleh Majistret yang menjalankan amalan di Sabah tidak wujud di

Sarawak. Beliau berkata bahawa masih terdapat orang tidak beragama di Sarawak iaitu orang yang tidak mempunyai apa-apa jua pun dokumen.

W126 : Sity Amirah binti Abdullah

Beliau merupakan Penolong Pegawai Pendaftaran yang ditempatkan di JPN, Sabah. Tugasnya termasuklah sebagai pegawai Unit Bergerak Khas JPN yang ditubuhkan pada tahun 2002. Unit Bergerak Khas ini ditugaskan untuk mengeluarkan sijil kelahiran dan juga mengeluarkan atau mengganti KP bagi orang yang menetap di kawasan pedalaman atau terpencil di Sabah. Bagi menjalankan proses itu, pemeriksaan akan dibuat dengan wakil tempatan, ketua masyarakat, ketua kampung, ketua daerah, dsb., mengenai bilangan pemohon yang tidak mempunyai KP atau dokumen lain. Menurut beliau, dalam tempoh dari tahun 2000 hingga 2013, terdapat sejumlah 44,426 penggantian KP yang dikeluarkan oleh Unit tersebut. Bagi tempoh dari tahun 2000 hingga 2002, sebanyak 35,871 sijil kelahiran telah diluluskan dan sejumlah 10,171 telah ditolak. Beliau menyatakan bahawa Unit Bergerak Khas terus berfungsi sehingga kini kerana terdapat ramai yang menetap di kawasan terpencil tidak mempunyai KP

atau siji kelahiran. Beliau mengesahkan bahawa semua pendaftaran kelahiran perlu dirujuk kepada Mahkamah Majistret untuk ditentukan.

W143 : Lee Jin Haw

Beliau merupakan Pengarah Bahagian Perkahwinan, JPN. Tugasnya termasuklah mendaftarkan perkahwinan bukan Islam dan merekodkan perceraian yang dikeluarkan oleh mahkamah. Pendaftaran perkahwinan dilakukan secara atas talian melalui pendaftaran berpusat bagi seluruh Malaysia. Mengikut rekod beliau, warganegara lelaki Malaysia yang berasal daripada Sabah yang berkahwin dengan pasangan daripada Indonesia, Filipina, China, Singapura dan negara lain berjumlah 1,121 orang; bahawa warganegara perempuan Malaysia yang berasal daripada Sabah yang berkahwin dengan pasangan daripada Indonesia, UK, China, Filipina, Australia dan negara lain berjumlah 429 orang. Jumlah keseluruhan perkahwinan yang direkodkan di JPN dari tahun 1982 hingga 2013 adalah sebanyak 2,370,996.

Beliau merupakan Pengarah JPN, Sabah, sejak tahun 2010. Beliau menerangkan tentang perkembangan sistem KP dan juga siji kelahiran di Sabah. Beliau menggambarkan penjelasannya melalui dokumen P132 dan P135. Rujukan dibuat berdasarkan butir-butir yang terdapat dalam dokumen ini. Menurut beliau, sistem KP telah melalui beberapa perubahan sejak tahun 1963 apabila Malaysia ditubuhkan. Pada tahun 1963, orang yang menjadi warganegara melalui kelahiran, keturunan, pendaftaran atau kemasukan, adalah layak dikeluarkan kepadanya kad oren 6 digit. Pada tahun 1972 hingga 1990, kad 6 digit itu telah digantikan dengan KP biru 7 digit. Pertukaran ini bukan secara automatik. Ia merupakan suatu sistem tapisan dan mereka yang layak mesti mempunyai siji kelahiran atau siji perakuan taraf atau siji perakuan. Orang Cina yang tidak dilahirkan di Sabah telah dikeluarkan kepadanya KP merah. Warga asing yang layak menjadi warganegara dan yang permit masuknya telah diluluskan oleh Jabatan Imigresen telah dikeluarkan kepadanya kad PR. Warga asing yang pasportnya sah dan tinggal di Sabah serta mempunyai pas yang sah akan dikeluarkan kepadanya kad hijau pemastautin sementara. Dari tahun 1972 hingga 1990, berlaku

perubahan pengoperasian daripada KP kepada KP biru. Dalam tempoh itu juga permohonan baharu bagi KP di kawasan pedalaman boleh dibuat melalui akuan berkanun atau surat sumpah yang mesti diendorskan oleh ketua kampung dan diperakui oleh pegawai daerah sebagai majistret. Disebabkan oleh penyalahgunaan sistem ini berhubung dengan akuan berkanun, permohonan itu telah diberhentikan pada tahun 1987. Di bawah Akta Pendaftaran Negara 1990, adalah menjadi kewajipan setiap permohonan disokong dengan siji kelahiran. Menjadi kehendak undang-undang bagi pendaftaran lewat kelahiran untuk diendorskan oleh Mahkamah Majistret. Menurut beliau, terdapat perubahan seterusnya dalam pengeluaran KP bagi tempoh dari tahun 1990 hingga 1999. KP biru telah digantikan dengan KP bunga raya 12 digit. Penambahbaikan lain yang dibuat dari tahun 1990 hingga 2002 ialah penggantian kepada gambar foto berwarna dalam KP bunga raya dan pendaftaran pemegang dibuat melalui sistem berkomputer. Penambahbaikan selanjutnya berlaku dari tahun 2002 hingga 2004 apabila KP bunga raya digantikan dengan KP biru berkualiti tinggi dengan cip yang mengandungi butir-butir peribadi pemegang. Ini akan memudahkan pengesanan KP palsu. Dari tahun 2004 hingga 2012, kapasiti cip dalam KP telah dinaiktarafkan kepada 64k yang

membolehkan pembacaan maklumat dengan lebih pantas. Sebagai tambahan, warna bagi kad PR telah ditukar semula kepada MyPR merah. Warna bagi kad pemastautin sementara telah ditukar kepada hijau. Mulai tahun 2012, ciri-ciri keselamatan tambahan telah ditambah kepada MYKad terkini yang membolehkan pembacaan teknologi mikro. Saksi kemudiannya menerangkan secara ringkas mengenai perkembangan siji kelahiran di Sabah. Beliau menyatakan bahawa semasa Sabah dikenali sebagai Borneo Utara, terdapat 2 jenis siji kelahiran, yang pertama siji yang wujud sebelum tahun 1950-an dan yang satu lagi dalam tempoh antara tahun 1950 hingga 1963. Menurut beliau, siji kelahiran bagi warganegara dan warga asing adalah sama sebelum tahun 2000, yang menyebabkan kekeliruan timbul di kalangan orang awam. Dalam tempoh dari tahun 2000 hingga 2011, JPN telah membuat pertukaran warna bagi siji kelahiran. Warna hijau bagi warganegara dan warna merah bagi warga asing. Pada masa yang sama, pengkomputeran siji kelahiran telah diperkenalkan. Saksi juga merujuk kepada penubuhan *Special Management Laboratory (Workshop)* bagi warga asing yang diadakan di Sabah dari 4 hingga 27 Mei 2010. Perkara ini ditunjukkan dalam dokumen yang dikemukakanannya (P136). Makmal atau Bengkel ini diketuai oleh Timbalan Pengarah

Imigresen, Sabah. Bengkel ini melibatkan agensi seperti kerajaan tempatan, pegawai daerah, agensi keselamatan, polis, pasukan petugas, jabatan-jabatan persekutuan dan individu. Keseluruhannya, terdapat 27 agensi yang terlibat. Objektifnya adalah untuk mengkaji dan menganalisis serta mencadangkan kepada Kerajaan mekanisme yang berkesan dalam mengendalikan warga asing di Sabah yang memberi penekanan khusus kepada kemasukan, pengesanan dan pemantauan. Dapatan mereka telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri, Sabah dan juga Menteri Dalam Negeri dan ahli Dewan Undangan Negeri Sabah. Bengkel ini telah membuat beberapa syor seperti yang berikut:

- 1) Untuk mengekalkan status quo dalam pelaksanaan mekanisme levi dan 50% levi yang dikutip disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi pusat latihan setempat untuk pekerja tidak mahir. Menjelang tahun 2015, semua estet perladangan perlu mengambil 30% pekerja tempatan, jika tidak, levi yang lebih tinggi akan dikenakan.
- 2) Pengenalan kepada Pas Pemastautin sebagai dokumen keselamatan untuk mengelakkan penggunaan pelbagai jenis dokumen sebagaimana sekarang.

3) Penubuhan Sekretariat Tetap dengan fungsi tertentu bagi semua pendatang/warga asing yang berkaitan.

Sebagai tambahan kepada yang tersebut di atas, 28 inisiatif telah dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam dokumen P136.

W208 : Dato' Jariah binti Mohamad Said

Beliau merupakan Ketua Pengarah JPN, Putrajaya. Beliau menerangkan dengan ringkas mengenai polisi, fungsi dan tatacara yang berhubungan dengan KP dan dokumen lain yang berkaitan. Beliau menyatakan bahawa KP bermasalah dikelompokkan sebagai P1, P2 dan P3. Menurut beliau, bagi tempoh dari tahun 1979 hingga 1984, terdapat sebanyak 51,300 KP yang dikelompokkan sebagai P1 dan bagi tempoh dari tahun 1984 hingga 1988, terdapat sebanyak 62,550 KP dikelompokkan sebagai P2 dan bagi tempoh dari tahun 1990 hingga 1996, terdapat sebanyak 16,689 KP yang dikelompokkan sebagai P3. Jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 113,850. Menurut beliau, jumlah ini merupakan KP bermasalah; bahawa JPN

mempunyai rekod yang lengkap bagi P1 tetapi hanya mempunyai sebahagian rekod bagi P2 dan tidak mempunyai rekod bagi P3. Beliau berkata bahawa Menteri Dalam Negeri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji semula semua KP bermasalah di Sabah. Beliau menjelaskan perkembangan sistem kad dari tahun 1963 hingga 2012. Beliau juga menjelaskan pelaksanaan pelbagai sistem yang diperkenalkan oleh JPN seperti pengenalan cap jari automatik dan *agency link-up system (ALIS)*. Bagi isu "Projek KP", beliau menyatakan bahawa beliau tidak tahu-menahu tentang projek sedemikian. Beliau berpandangan bahawa pendatang asing yang menetap di Malaysia bagi tempoh yang lama patut dipertimbangkan bagi taraf kewarganegaraan dengan tertakluk kepada syarat-syarat.

2.1.4 Pegawai Imigresen

W50 : Abdul Khalid bin Abdul Karim

Beliau merupakan Penolong Penguasa Imigresen sejak tahun 1983. Beliau juga merupakan Ketua Unit Khas di Jabatan itu sejak Februari 2012. Salah satu daripada fungsinya adalah untuk mengeluarkan dokumen seperti pasport dan pelbagai jenis

dokumen perjalanan. Beliau juga mengeluarkan visa, permit dan pas kepada pendatang asing. Fungsinya yang lain adalah menjaga pintu masuk negara yang diwartakan ke dalam negeri itu. Menurut beliau, terdapat 3 pintu masuk melalui darat iaitu Long Pasia, Sindumin dan Pegalungan; terdapat juga 3 pintu masuk melalui udara iaitu Lapangan Terbang Tawau, Lapangan Terbang Sandakan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu; dan terdapat juga 6 pintu masuk melalui laut iaitu Sipitang, Kota Kinabalu, Kudat, Tawau, Sandakan dan Semporna. Sebagai Ketua Unit Khas, tugas beliau termasuklah pengeluaran pas IMM13 dan memastikan ia dikeluarkan dengan mengikut peraturan-peraturan imigresen. Ia juga termasuk meluluskan pelanjutan pas lawatan sosial bagi pelarian Filipina. Pas lawatan sosial ini dikeluarkan menurut pas IMM13. Beliau juga terlibat dalam pengeluaran pas HIF-22 iaitu sejenis pas lawatan sosial. Ringkasnya, pas lawatan sosial merupakan suatu prasyarat untuk mendapatkan pas IMM13. Permit masuk adalah suatu permit yang membolehkan seseorang masuk dan terus berada di Malaysia dan dikeluarkan menurut Seksyen 10 Akta Imigresen 1959/1963. Ia adalah bagi tempoh selama 6 bulan. Sebelum mendapatkan PR, seseorang perlu mempunyai suatu permit masuk. Pada masa ini, hanya kanak-kanak pemegang IMM13 dikeluarkan pas IMM13. Mereka

mesti mempunyai siji kelahiran yang dikehendaki dan mereka mesti berumur 16 tahun ke atas. Pas IMM13 adalah sah selama tempoh 1 tahun dan boleh diperbaharui. Ia boleh dibatalkan jika, sebagai contoh, pemegang disabitkan dengan kesalahan. Garis panduan yang sewajarnya bagi pengeluaran pas IMM13 terkandung dalam Pekeliling Pejabat Bil. 2/2012 (P23) & (P24). Arahan ini belum wujud semasa tahun 1972 hingga 1984. Nampaknya saksi ini tidak tahu tentang apa-apa garis panduan tertentu yang dikeluarkan dari tahun 1972 hingga 1984. Setakat Disember 2012, jumlah keseluruhan pas IMM13 yang dikeluarkan berjumlah 98,427 (P25). Daripada jumlah ini, 60,248 adalah pemegang aktif IMM13 (bermaksud mereka membaharui pada setiap tahun). Selebihnya adalah tidak aktif, hal ini mungkin disebabkan mereka diberikan permit masuk dan sebahagiannya telah kembali ke Filipina. Sebahagiannya mungkin telah meninggal dunia, dsb. Jumlah sebanyak 60,248 ini merangkumi tempoh dari tahun 2005 hingga 2012. Pekeliling Pejabat Bil. 2/2012 di atas hanya terpakai bagi Sabah. Ia dikeluarkan selepas suatu Bengkel yang diadakan oleh Jabatan Imigresen pada 15 & 16/10/2012. Cadangan itu telah diterima oleh Unit Khas dan ditentusahkan oleh Pengarah pada bulan Disember 2012. Sebelum ini, tiada garis panduan yang komprehensif berhubung

dengan pengeluaran pas IMM13 (P27). Garis panduan itu mula berkuat kuasa hanya pada Disember 2012. Di bawah garis panduan baharu ini, tanggungan bagi seseorang pemegang IMM13, mestilah mengemukakan siji kelahirannya. Dan jika kelahirannya lewat didaftarkan, ia mesti diendors oleh seorang Majistret Kelas Pertama. Perkara ini tidak dilakukan sebelum ini. Bagi pemohon di bawah umur 18 tahun, kuasa untuk meluluskan pengeluaran pas IMM13 terletak pada ketua atau ketua Jabatan Imigresen daerah. Bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas, kelulusan terletak pada Pengarah Jabatan Imigresen, Sabah.

W96 : Datuk Robert Lian

Bellau merupakan Pengarah Imigresen, Sarawak. Menurut bellau, Jabatan Imigresen Sarawak hanya mengeluarkan 4 jenis dokumen, iaitu visa, pas, permit masuk dan siji perakuan cemas. Bellau menyatakan bahawa Sarawak mempunyai 31 pintu masuk yang diwartakan dan bahawa Sarawak mempunyai kawalan sendiri sepenuhnya bagi perkara-perkara imigresen di bawah Akta Imigresen. Bellau mendedahkan bahawa Sarawak mempunyai lebih kurang 171,000 pekerja asing setakat akhir 2012, sebahagian besarnya adalah daripada Indonesia tetapi

sebahagiannya pula daripada Filipina, Thailand dan negara Asean yang lain. Beliau menyatakan bahawa Sarawak sedang melaksanakan apa yang dikenali sebagai Program 6P yang dilancarkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Sejumlah 22,222 pekerja asing setakat ini telah mendapat faedah daripada Program 6P ini. Menurut beliau, sejak tahun 1968, terdapat hanya 2,694 pemegang IMM13 di Sarawak. Walau bagaimanapun, hanya terdapat 275 orang yang aktif. Beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang pendatang asing tanpa izin yang diberikan kewarganegaraan di Sarawak.

W98 : Haji Haniff bin Omar

Beliau merupakan Pengarah yang ditempatkan di Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Putrajaya, sejak tahun 2012. Tugas beliau termasuklah menyemak dan mengeluarkan PRKS dan dokumen lain yang berhubungan dengan pekerja asing. Terdapat 2 sektor utama yang terlibat, iaitu, sektor pembantu rumah dan sektor am seperti perladangan, pembuatan, pertanian dan perkhidmatan am, dsb. Beliau seterusnya menerangkan perincian mengenai tatacara yang berhubungan dengan permohonan majikan bagi kelulusan untuk membawa masuk

pekerja asing ke dalam negara. Tatacara tersebut telah diterima pakai sejak pelaksanaan Akta Imigresen, 1959. Beliau berkata statistik imigresen menunjukkan bahawa sehingga Disember 2012, jumlah pekerja asing di Malaysia adalah seramai 1.57 juta orang. Jumlah sebanyak 1.57 juta ini termasuk pekerja asing di Sabah. Semua data sekarang adalah berpusat dengan penggunaan bantuan berkomputer. Majoriti pekerja asing adalah daripada Indonesia, Nepal dan Bangladesh. Dasar sekarang ialah pekerja asing tidak dibenarkan membawa tanggungan mereka atau berkahwin di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai Undang-Undang Buruhnya sendiri khusus kepada kedua-dua negeri tersebut. Adalah sukar untuk mendapatkan pekerja asing di Sabah, sebagai contoh, berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kerajaan telah menerima pakai Program 6P yang relevan dengan Malaysia Barat sedangkan Sabah mengguna pakai Program 5P.

W104 : Raja Kamariah binti Raja Abdul Rahman

Beliau merupakan Ketua Penolong Setiausaha yang ditempatkan di Bahagian Hal Ehwal Imigresen, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya. Tugasnya termasuklah memproses

rayuan oleh pemohon yang permohonan permit masuknya telah ditolak di peringkat negeri untuk dipertimbangkan oleh Menteri Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan garis panduan atau kriteria tertentu dalam menimbang rayuan berhubung dengan penolakan permohonan bagi permit masuk di peringkat Negeri. Permohonan awal bagi permit masuk di Sabah dan Sarawak diluluskan oleh Jabatan Imigresen Negeri masing-masing. Selepas itu ia dihantar kepada Ketua Pengarah di Ibu Pejabat, Kuala Lumpur. Menurut statistik Sabah, pada tahun 2009, terdapat sebanyak 890 rayuan tetapi hanya 59 yang diluluskan sementara 831 rayuan ditolak. Dalam tahun 2011, terdapat 19 rayuan tetapi hanya 4 yang diluluskan. Dalam tahun 2012, terdapat 8 rayuan tetapi hanya 2 yang diluluskan.

W138 : Datuk Muhammad bin Mentek

Beliau merupakan Ketua Pengarah ESSCOM, Sabah. Beliau menjadi Pengarah Imigresen Sabah dari tahun 2010 hingga 2013. Beliau menerangkan dengan ringkas sejarah Jabatan Imigresen di Sabah. Menurut beliau, ia ditubuhkan pada tahun 1948. Pada tahun 1954, ia diletakkan di bawah jabatan polis. Pada tahun 1963, selepas penubuhan Malaysia, ia diletakkan semula di bawah

Jabatan Imigresen sehingga sekarang. Beliau seterusnya menerangkan dengan ringkas tugas Pengarah Imigresen Sabah yang termasuk menguruskan dan mengawal pengeluaran pasport antarabangsa Malaysia dan dokumen perjalanan di samping menguruskan permohonan bagi pasport hilang atau rosak, terimaan kad pengenalan sementara dan permit masuk, dsb. Beliau menyatakan bahawa sebagai Pengarah, beliau terlibat dengan *Sosok Malindo Meeting* antara Malaysia dengan Indonesia yang diadakan sekali setahun untuk membuat ketetapan mengenai isu imigresen dua hala seperti kemasukan orang daripada Nunukan dan Tarakan ke Tawau. Beliau juga terlibat dengan pasukan kerja bersama berhubung dengan kajian sempadan; juga pasukan kerjasama kawalan sempadan bersama antara Malaysia dengan Filipina termasuk BIMP-EAGA. Mengenai warga asing di Sabah, beliau menyatakan bahawa mereka boleh dibahagikan kepada 6 kategori iaitu (1) pekerja asing yang memegang pas lawatan kerja sementara (PLKS); (2) pendatang asing sah yang memegang pelbagai jenis pas; (3) pemegang IMM13 dan HIF-22; (4) pendatang asing tanpa izin; (5) orang tidak bernegara dan (6) pemegang siji banci dan resit pengenalan sementara. Di bawah (2) di atas, terdapat pas seperti yang berikut, iaitu pas sempadan (hanya Tawau), pas pelajar, pas lawatan

(ikhtisas), PLKS (luar pesisir, tukang masak, tukang urut), Pas Malaysia Rumah Keduaku, pas lawatan sosial, dsb. Bagi orang tidak bermegara, beliau menyatakan bahawa mereka ini adalah orang yang kerakyatannya belum ditentukan. Beliau memberi contoh kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu bapa pendatang asing yang tidak mempunyai apa-apa dokumen atau sijil kelahiran dan telah ditinggalkan. Menurut beliau, Jabatan Imigresen Sabah tidak mengeluarkan apa-apa dokumen kepada orang tidak bermegara kerana mereka tidak mempunyai sijil kelahiran. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan supaya suatu pas yang dikenali sebagai sebagai Pas Residen dikeluarkan kepada mereka dan pas ini boleh diperbaharui. Kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu bapa yang memegang Pas Residen ini boleh juga dikeluarkan Pas ini kepadanya dan dibenarkan bekerja di Sabah. Saksi seterusnya menerangkan bahawa terdapat 13 pintu masuk ke Sabah melalui udara, laut dan darat; bahawa pintu masuk melalui udara adalah Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan; bahawa pintu masuk melalui darat adalah Pegalungan, Long Pasia dan Sindumin; bahawa terdapat 7 pintu masuk melalui laut iaitu Sipitang, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Semporna. Beliau menyatakan bahawa jumlah keseluruhan PLKS yang dikeluarkan kepada pendatang daripada Indonesia

dan Filipina antara tahun 2007 hingga 2012 adalah 1,130,399; bahawa jumlah keseluruhan pas IMM13 termasuk HIF-22 yang dikeluarkan antara tempoh dari 1997 hingga September 2012 adalah 98,066; bahawa bilangan ini meningkat disebabkan oleh perkahwinan. Beliau berkata pas IMM13 hanya dikeluarkan kepada pelarian Filipina yang masuk ke Sabah dari tahun 1972 hingga 1984. Dalam tahun 1997, banci dilaksanakan oleh FSTF.

W148 : Datuk Alias bin Ahmad

Beliau merupakan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Malaysia. Beliau menjelaskan bahawa dokumen IMM13 dikeluarkan di Malaysia melalui perintah pengecualian yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri sebagai suatu bentuk pas lawatan kepada mereka yang tidak mempunyai dokumen perjalanan. Walau bagaimanapun, hanya di Sabah pas IMM13 dikeluarkan kepada pelarian. Resit pengenalan sementara (kad burung-burung) yang dikeluarkan oleh Jabatan KM, diiktiraf dan diterima oleh Jabatan Imigresen. Permit masuk diberikan berdasarkan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan mengikut Akta Imigresen. Menurut beliau, disebabkan oleh kedudukan geografi Sabah, ia menjadi fokus kepada penghijrahan

warga asing; bahawa untuk menguruskan mereka, suatu sistem profil yang komprehensif perlu diwujudkan. Beliau menjelaskan tentang hubungan antara negara-negara jiran berhubung dengan pengurusan bersama pekerja asing dan isu pendatang yang lain. Mengenai isu integriti, beliau menyatakan bahawa Jabatannya telah menubuhkan Bahagian Integriti Khas untuk meningkatkan integriti, disiplin dan prestasi Jabatan. Hasilnya pandangan masyarakat terhadap Jabatan bertambah baik.

2.1.5 Pegawai Daerah

W89 : Harun bin Bidin

Beliau merupakan Ketua Daerah yang ditempatkan di Mahkamah Anak Negeri, Kudat. Oleh itu, beliau juga merupakan Ketua Mahkamah Anak Negeri Kudat. Menurut beliau, Sistem Mahkamah Anak Negeri di Sabah ditubuhkan pada tahun 1881. Beliau menyatakan bahawa Mahkamah Anak Negeri tidak mengeluarkan apa-apa perakuan anak negeri sekarang. Ia telah diberhentikan sejak tahun 1982 kerana disalahgunakan.

Beliau merupakan Pegawai Daerah Papar. Menurut beliau, Daerah Papar mempunyai 20 buah kampung. Banci pada tahun 2010 menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 21,500 bukan warganegara dalam Daerah Papar yang merupakan 16.7% daripada jumlah keseluruhan penduduk di situ. Beliau menjelaskan perkara ini dengan mengemukakan dokumen P138. Sebagai Pegawai Daerah, beliau juga merupakan pengerusi jawatankuasa setinggian. Jawatankuasa ini terlibat dalam perbincangan mengenai perkara yang berhubungan dengan setinggian. Terdapat juga jawatankuasa kerja dan tindakan daerah. Beliau telah menekankan masalah dan kekangan yang dihadapi dalam menyelesaikan masalah setinggian di daerah itu. Beliau merujuk kepada penggunaan pengaruh politik dalam mendapatkan elektrik dan air yang disambung ke kawasan-kawasan setinggian. Beliau menarik perhatian tentang wujudnya parti politik yang menubuhkan cawangan di kawasan-kawasan setinggian tersebut, yang dengan itu menambahkan lagi kesukaran bagi pegawai penguat kuasa semasa menjalankan operasi perobohan, dsb. Keselamatan pegawai penguat kuasa kadang kalanya berisiko. Menurut beliau, daerah itu membuka lebih peluang pekerjaan

kepada pekerja asing dengan wujudnya projek-projek besar kerajaan. Beliau mendapati penduduk tempatan merupakan penyebab utama pengambilan kerja pendatang asing dan dengan menyewakan lesen pemliagaan mereka kepada warga asing, dsb. Beliau mengesyorkan supaya tindakan keras diambil oleh kerajaan terhadap pendatang asing tanpa izin.

W174 : Haji Faimin bin Kamin

Beliau merupakan Pegawai Daerah bagi Daerah Ranau. Oleh itu, beliau merupakan Ketua Pentadbir yang bertanggungjawab bagi merancang dan menyelaras pembangunan di Daerah itu. Beliau menyatakan bahawa tidak terdapat penempatan setinggian di Daerah Ranau. Walau bagaimanapun, terdapat penempatan pendatang asing yang terletak di ladang persendirian di Kundasang. Pendatang asing ini sebahagian besarnya adalah penanam sayur yang diupah oleh syarikat dan mereka biasanya disediakan tempat penginapan oleh syarikat. Kebanyakan pekerja adalah orang Timor. Banci pada tahun 2010 menunjukkan bahawa terdapat seramai 5,739 warga asing dalam Daerah itu. Pendatang asing di Ranau dan Kundasang telah didapati menjalankan pemliagaan dengan

menggunakan lesen yang dimiliki oleh penduduk tempatan. Kebanyakannya adalah orang Pakistan yang berkahwin dengan penduduk tempatan. Mereka menggunakan lesen yang diberikan kepada isteri mereka yang merupakan penduduk tempatan. Pekerja asing boleh juga didapati bekerja di sektor pertanian dan perladangan.

W177 : Zulkifli bin Nasir @ Gimsen Stanley

Beliau merupakan Pegawai Daerah Lahad Datu sejak tahun 2008. Sebelum itu, beliau merupakan Pegawai Daerah Keningau. Beliau menyatakan bahawa penduduk asal Lahad Datu adalah orang Indahan daripada Daerah Kinabatangan. Beliau berkata bahawa Jawatankuasa Setinggalan Daerah tidak dapat melaksanakan kerja perobohan rumah setinggalan disebabkan oleh campur tangan politik, kekangan dari segi kakitangan dan kewangan. Beliau menjelaskan bahawa bilangan penduduk telah meningkat disebabkan oleh kehadiran pendatang asing; bahawa pendatang asing menetap di situ kerana terdapat peluang pekerjaan yang banyak, terutama di ladang kelapa sawit dalam Daerah itu. Beliau bersetuju bahawa banci yang diambil pada tahun 2010 menunjukkan bahawa terdapat seramai 77,003 atau

37.2% bukan warganegara dalam Daerah itu. Menurut beliau, Lahad Datu menghadapi masalah penjajaan haram, penjualan rokok, kaset dan ikan oleh bukan warganegara; bahawa Majlis menghadapi masalah penguatkuasaan dari segi kekurangan kakitangan, dsb. Beliau menyatakan bahawa 2 minggu sebelum pencerobohan Tanduo baru-baru ini, beliau telah dimaklumkan oleh OCPD tentang kemungkinan berlakunya serangan ke atas Bandar Lahad Datu oleh militan daripada Selatan Filipina. Walau bagaimanapun, serangan itu nampaknya dapat dielakkan kerana tindakan tertentu yang diambil oleh Pegawai Daerah dan OCPD.

W178 : Abdul Mohamad Ibnu bin Abdul Kadir Baba

Beliau merupakan Pegawai Daerah yang ditempatkan bagi Daerah Semporna. Daerah itu meliputi 49 buah pulau dan 174 buah kampung tetapi hanya 17 daripada 49 buah pulau yang diduduki. Beliau menyatakan bahawa keselamatan merupakan kebimbangan utama kerana kedudukan Semporna yang paling hampir dengan Selatan Filipina dan penduduk di situ mempunyai hubungan kekeluargaan di kedua-dua belah sempadan yang menyebabkan wujudnya banyak penempatan haram di sepanjang pantai Semporna dan di pulau-pulau. Terdapat 18 penempatan

setinggalan dalam Kawasan Penilaian Majlis Daerah Semporna dan 156 penempatan setinggalan berada di luar Kawasan Penilaian tersebut. Masalah sosial seperti pengedaran dan penagihan dadah merupakan perkara biasa di penempatan itu. Menurut beliau, ESSCOM merancang untuk menempatkan semula 18 penempatan setinggalan tersebut kerana ia dianggap sebagai mengancam keselamatan. ESSCOM dan Pejabat Daerah berhasrat untuk menjalankan banci ke atas 18 penempatan yang diperkatakan itu. Beliau berkata bahawa Majlis Daerah menghadapi masalah kewangan dan kakitangan. Berlaku juga campur tangan politik dalam menjalankan operasi penguatkuasaannya.

W179 : Arisin bin Aripin

Beliau merupakan Pegawai Daerah Kinabatangan yang mempunyai jumlah penduduk seramai 150,327 orang berdasarkan banci pada tahun 2010. Daripada jumlah ini, seramai 117,689 orang dikatakan sebagai bukan warganegara yang mewakili 78.30% daripada jumlah keseluruhan penduduk dalam Daerah itu. Terdapat 91 buah rumah setinggalan yang terdiri daripada 597 setinggalan yang 191 daripadanya adalah pendatang asing.

Kebanyakan pendatang asing ini tinggal di ladang-ladang di mana mereka bekerja. Sukar untuk menentukan jumlah sebenar warga asing yang tidak mempunyai dokumen kerana syarikat perladangan tidak memaklumkan Pegawai Daerah atau Majlis Daerah tentang perkara itu. Beliau mengatakan bahawa keselamatan keseluruhan Daerah itu adalah terkawal tetapi terdapat kes yang berkaitan dengan dadah, pergaduhan dan juga pembunuhan. Beliau berkata bahawa selepas kejadian pencerobohan Tandu, wujud interaksi yang lebih baik di antara Majlis, Polis dan agensi keselamatan yang lain. Beliau mencadangkan supaya langkah keselamatan dipertingkatkan dari segi penambahan kakitangan di semua pintu masuk, dsb. Beliau menyatakan bahawa pegawai penguat kuasa menghadapi masalah berhubung dengan warga asing yang menceroboh Tanah Kerajaan.

W180 : Wong Foo Tin

Beliau merupakan Pegawai Daerah Beaufort. Terdapat 3 penempatan selinggan yang terdiri daripada 500 orang, kesemuanya adalah pendatang tanpa izin. Daerah Beaufort mempunyai seluas 62,000 ekar ladang kelapa sawit dan 16,000

ekar ladang getah. Kedua-dua sektor ini mengambil pekerja warga asing. Beliau menyatakan bahawa adalah sukar untuk menentukan jumlah sebenar warga asing dalam sektor ini. Beliau berkata bahawa masalah utama adalah berkenaan dengan kanak-kanak yang tidak mempunyai apa-apa sijil kelahiran disebabkan oleh perkahwinan ibu bapa mereka yang tidak didaftarkan. Perkahwinan ini adalah antara penduduk tempatan dengan warga asing. Penempatan setinggan ini memburukkan pandangan serta menjadi tempat penularan kegiatan jenayah. Beliau mencadangkan supaya pihak berkuasa menerima pakai pendekatan yang dilakukan oleh Singapura yang menjadikan majikan bertanggungjawab terhadap pekerja mereka dan pekerja asing itu ditempatkan di kawasan terhad tertentu bagi pengawalan dan pemantauan yang berkesan.

W182 : Susilo bin Sumarto

Beliau merupakan Pegawai Daerah Kunak. Beliau berkata bahawa 46.9% daripada jumlah penduduk Kunak terdiri daripada pendatang asing tanpa izin daripada Indonesia dan Filipina. Kebanyakan pendatang Indonesia bekerja di ladang sementara pendatang Filipina tertumpu di laut seperti menanam rumpai laut

dan menangkap ikan. Beliau menyatakan bahawa terdapat bukti yang kukuh bahawa Bajau Laut yang dipanggil Palaah yang kebanyakannya terlibat dalam menangkap ikan telah menimbulkan masalah seperti menceroboh tanah Kerajaan dan mendirikan rumah mereka di sepanjang pantai serta mencuri elektrik dan air dan juga terlibat dalam kegiatan jenayah. Beliau mengakui bahawa Majlis tidak mempunyai kakitangan penguatkuasaan yang mencukupi. Kehadiran pendatang tanpa izin dilaporkan kepada Majlis melalui Polis dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan. Beliau berkata bahawa tiada masalah besar dengan kehadiran pendatang asing tanpa izin di situ.

W183 : Sebastian Lim

Beliau merupakan Pegawai Daerah Kudat. Daerah Kudat mempunyai 14 buah pulau. Beliau berkata bahawa pada tahun 1989, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengarahkan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di Sabah untuk menerima pakai apa yang dipanggil "Dasar Pengurangan". Terdapat 7 penempatan setinggan di Kudat. 11 di Banggi dan 11 di Matunggong. Masalah yang berhubungan dengan penempatan setinggan adalah pencemaran alam sekitar dan kegiatan jenayah.

Menurut beliau, tiada mekanisme yang sesuai untuk mengumpul dan mengemas kini maklumat. Jabatan Perangkaan melaporkan bahawa Kudat mempunyai seramai 8,494 bukan warganegara atau sejumlah 9.9% daripada jumlah penduduknya.

W184 : Sapdin bin Ibrahim

Beliau merupakan Pegawai Daerah Pitas. Beliau menyatakan bahawa terdapat 7 perkampungan tradisional dalam Daerah itu yang dibekalkan sepenuhnya dengan kemudahan elektrik dan air, dewan masyarakat serta masjid. Tiada penempatan setingan di Daerah Pitas.

2.1.6 Pegawai Polis

W33 : Datuk Haji Ibrahim bin Haji Zakaria

Beliau pada masa ini merupakan Ketua Cawangan Khas, Sarawak sejak Februari 2012. Beliau telah berada di Cawangan Khas sejak tahun 1984. Pada tahun 1996, beliau telah ditempatkan di Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Pada masa itu, beliau telah ditugaskan untuk menemu bual dan menyoal

siyasat tahanan ISA berhubung dengan pengeluaran haram KP di Sabah. Terdapat seramai 94 orang yang disyaki telah ditahan pada masa itu dengan 24 daripada mereka adalah daripada JPN, Sabah. Beliau telah diarahkan untuk menyoal siyasat Datuk Rauf bin Sani, Pengarah JPN, Sabah pada ketika itu dan untuk menyediakan laporan sewajarnya. Beliau juga menyoal siyasat 2 tahanan ISA lain. Hasil soal siyasat, beliau berupaya mendedahkan bahawa sebanyak 6,305 KP telah dikeluarkan secara haram dengan kutipan sebanyak RM167,300. KP ini dikeluarkan kepada pendatang asing Filipina, Indonesia dan juga penduduk tempatan. Ia lebih kepada mendapatkan habuan wang. Tiada apa-apa motif lain yang terbabit setakat yang berkenaan dengan saksi. Mereka telah bertindak atas kehendak sendiri. Tujuan soal siyasat adalah untuk menentukan sama ada kegiatan mereka mengancam keselamatan Negara. Beliau tidak bersetuju bahawa Datuk Rauf Sani telah melindungi pegawai atasannya yang terbabit.

W34 : DSP Badaruddin bin Ismail

Beliau merupakan Pegawai Turus, yang ditempatkan di Ibu Pejabat Cawangan Khas, Kelantan sejak tahun 2009. Beliau telah berada di Cawangan Khas selama 17 tahun. Pada bulan April

1996, beliau telah ditempatkan di Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Pada masa itu, beliau telah diarahkan untuk menemu bual tahanan ISA yang bernama Ramli bin Kamaruddin, Pengarah JPN, Sabah pada masa itu, kerana dikatakan mengeluarkan KP kepada pendatang asing tanpa izin. KP ini adalah terimaan JPN yang bermaksud penggantian bagi KP yang rosak dan JPN1/11 yang merupakan terimaan bagi penggantian KP yang hilang. Terdapat sebanyak 16,000 terimaan sedemikian yang dikeluarkan secara haram sebagaimana yang didedahkan oleh Ramli Kamaruddin, kebanyakannya kepada pendatang Filipina, India dan Pakistan. Motifnya adalah untuk mendapatkan habuan wang dan amaun yang terlibat melebihi RM1 juta. Tiada motif lain yang dibabitkan. Tiada penglibatan politik. Beliau mengakui bahawa beliau tidak menemu bual saksi-saksi lain bagi menyokong atau sebaliknya keterangan yang didedahkan oleh Ramli Kamaruddin. Beliau merupakan seorang Inspektor pada masa itu.

W56 : Ahmad Fauzan bin Mohd.

Beliau merupakan Pegawai Cawangan Khas yang ditempatkan di Bahagian Penyelarasan Perlindungan Operasi dan

Keselamatan mengenai Sindiket Pemerdagangan Orang dan Pemalsuan Identiti dan Dokumen Perjalanan. Tugas beliau termasuklah menjalankan kajian dan penilaian mengenai maklumat intelek dan / atau laporan temu bual berhubung dengan kegiatan sindiket atau aktiviti pemerdagangan orang dan juga pengeluaran KP secara salah. Secara khususnya, beliau terlibat dengan penilaian temu bual yang dijalankan oleh pegawai lain bagi menentukan sama ada terdapat apa-apa unsur yang mengancam keselamatan Negara. Beliau berkata bahawa pada tahun 1995, beliau terlibat dengan operasi berhubung dengan kegiatan sindiket di Sabah yang terlibat dengan pengeluaran haram KP Malaysia kepada pendatang asing, dsb. Operasi tersebut adalah dari tahun 1995 hingga 2001 yang mana 94 orang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Antara mereka yang ditangkap ialah 24 pegawai daripada JPN, Sabah, termasuk 2 pengarah, iaitu, Datuk Abdul Rauf Sani dan Ramli bin Kamaruddin. Datuk Abdul Rauf Sani dan Ramli bin Kamaruddin telah diletakkan dalam tahanan selama 60 hari sementara Ramli bin Kamaruddin telah ditahan selama 2 tahun. Perintah tahanan telah ditandatangani oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Menurut saksi, daripada penilaian beliau terhadap tahanan, beliau dapat membuat kesimpulan bahawa

sindiket itu telah diatur yang melibatkan pegawai daripada JPN, Sabah dan bahawa motifnya adalah semata-mata wang. Ia adalah bagi mendapatkan habuan wang. Kos bagi satu KP dikatakan daripada RM50 hingga RM1400. Amaun yang terlibat lebih kurang RM11 juta. Beliau berkata bahawa selain 94 orang yang ditangkap di bawah ISA, 3,035 yang lain telah ditangkap oleh agensi penguatkuasaan lain dan telah dituduh atas kesalahan yang berhubungan dengan pemilikan dan pemalsuan KP, dsb. Dalam penilaiannya mengenai maklumat yang diperolehi daripada temu bual yang dikumpul, beliau tidak mengesan apa-apa penglibatan politik dalam kegiatan sindiket itu dan / atau individu yang terlibat. Beliau menjelaskan bahawa tumpuan beliau tentang kegiatan mereka hanya dari perspektif wang dan sama ada kegiatan itu menjejaskan keselamatan Negara.

W81 : Dato' Pahlawan Hamza bin Taib

Beliau merupakan Pesuruhjaya Polis Sabah, sejak November 2010. Beliau menerangkan dengan ringkas struktur pasukan polis di Sabah. Secara keseluruhannya beliau bertanggungjawab bagi pasukan polis Sabah yang berjumlah lebih kurang 6,000 kakitangan yang tidak termasuk Pasukan Operasi

Am. Polis bekerja rapat dengan Jabatan lain seperti Jabatan Imigresen dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin. Penghantaran pulang yang disasarkan dirujuk kepada Jabatan Imigresen. Sementara menunggu penghantaran pulang, mereka diletakkan di pusat tahanan sementara. Mereka yang didapati melakukan kesalahan mengenai dadah akan ditangkap dan dituduh di mahkamah. Dua operasi utama dijalankan oleh Polis, iaitu Ops Bersepadu dan Ops Ngah. Ops bersepadu adalah suatu operasi bersepadu yang dijalankan oleh Pasukan Operasi Am bersama dengan pelbagai jabatan dalam kontingen polis dan Jabatan Imigresen. Ops Ngah adalah nama kod yang digunakan dalam operasi terhadap pendatang asing tanpa izin di Sabah. Saksi telah mengemukakan dokumen P53 yang memperincikan jumlah pendatang tanpa izin yang ditahan dan ditangkap. Dari tahun 2005 hingga 2012, jumlahnya adalah seramai 59,046 orang. Jumlah mereka yang ditangkap ialah 91,386 orang yang mana 23,870 orang daripadanya telah dibebaskan. Jumlah mereka yang diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar pulang adalah 75,727 orang. Jabatan Imigresen sekarang melaksanakan suatu program yang dipanggil "Program 5P" yang lebih kurang sama dengan program pengampunan tahun-tahun sebelumnya. Menurut beliau, rekod menunjukkan bahawa

penduduk tempatan menyumbang sebanyak 70% daripada indeks jenayah dalam Negeri. Trend ini tidak meningkat naik berhubung dengan jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing. Ia kekal stabil pada tahap 30%. Beliau berpendapat bahawa kebanyakan jenayah dilakukan oleh penduduk tempatan.

W88 : Insp. Abdul Satal bin Mad. Buraisal

Beliau merupakan pegawai penyiasat yang ditempatkan di Bahagian Jenayah Perdagangan, Lahad Datu. Beliau adalah Ketua Bahagian itu. Beliau bertanggungjawab bagi menyiasat 3 laporan yang diterima olehnya pada bulan Mei 2012 mengenai apa yang dipanggil Projek KP. Laporan itu adalah seperti yang berikut:

- a) Seorang pengadu wanita Bisaya membuat laporan polis mengatakan bahawa dia telah dijanjikan dengan suatu KP Malaysia oleh suatu sindiket selepas membayar kepada sindiket itu wang berjumlah RM2500. Pembayaran dikatakan telah dibuat kepada dua lelaki di sebuah bilik hotel iaitu seorang lelaki Melayu yang dipanggil Kamaruddin bin Idris, seorang kakitangan JPN, Putrajaya, dan seorang lagi

dikenali sebagai Missnun bin Derman, seorang petani dari Johor.

- b) Seorang guru dikatakan telah bertemu dengan dua lelaki yang sama di atas, di hotel yang sama di Lahad Datu dan juga dijanjikan bahawa dia boleh mendapatkan suatu KP Malaysia selepas membayar RM4000. Dia membayar amaun tersebut tetapi tidak menerima dokumen yang dijanjikan.

- c) Seorang Bugis yang telah kehilangan KPnya dalam tahun 1985, telah cuba untuk memohon penggantian kad tetapi tidak berjaya. Pada hari yang sama yang disebut oleh dua pengadu dalam (a) dan (b) di atas, dia bertemu dengan dua orang yang sama iaitu Kamaruddin Idris dan Missnun Derman di hotel tersebut dan dijanjikan bahawa dia boleh mendapatkan penggantian KP selepas membayar RM2800. Dia membayar amaun tersebut tetapi janji itu tidak ditunaikan.

Menurut Inspektor itu, dua orang yang bernama di atas telah ditangkap dan dituduh di mahkamah. Kes itu masih belum selesai.

W90 : Insp. Mohd Sani bin Husin

Beliau merupakan pegawai penyiasat yang ditempatkan di Bahagian Jenayah Perdagangan, Tawau. Beliau menyatakan bahawa suatu laporan telah dibuat oleh Inspektor Siva Prakash pada 26/5/2012 mengenai suatu serbuan yang diadakan di sebuah hotel di Tawau pada 25/5/2012; bahawa serbuan tersebut telah menghasilkan tangkapan seramai 15 orang kerana terlibat dalam pengeluaran haram KP Malaysia. Nama 15 orang itu terdapat dalam senarai yang terdiri daripada 5 warga Malaysia, 9 warga Pakistan dan 1 warga Indonesia. Sejumlah dokumen telah disita dalam serbuan itu.

W186 : Superintenden Shamsuddin bin Mat

Beliau merupakan OCPD Lahad Datu. Beliau telah memohon untuk dipanggil sebagai saksi untuk mematahkan atau menjelaskan kenyataan yang dibuat oleh Zulkifli bin Nasir (W177) bahawa dia (W186) mengetahui tentang pencerobohan di Kampung Tanduo 2 minggu sebelum kejadian sebenar berlaku. Menurut beliau, perkara itu tidak benar dan beliau telah membuat laporan polis mengenainya. Beliau menjelaskan bahawa beliau

hanya mengetahui tentang pencerobohan itu pada tarikh sebenar kejadian itu berlaku.

W195 : ASP Jimrey Anak Hilary Chukan

Beliau merupakan pegawai yang ditempatkan di Operasi Riskan, Unit Anti Pmerdagangan Orang, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Unit ini telah ditubuhkan pada 15/10/2008 bagi melindungi semua yang dikategorikan sebagai mangsa di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran. Beliau menjelaskan secara ringkas pengalaman Amerika dalam membanteras masalah pmerdagangan orang dan bahawa Malaysia masih belum meningkatkan prosedur operasinya, dsb., mengenai perkara ini. Beliau mendedahkan fakta bahawa Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Majlis Anti-Pemerdagangan Orang yang selari dengan usaha Kerajaan dalam menangani kegiatan jenayah sedemikian.

W207 : ASP Rehwell Marung @ Rowell

Bellau merupakan OCPD Sandakan. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak pernah tahu tentang suatu kad yang dipanggil Kad Polis atau Kad Operasi Bersih yang disebut oleh W205. Beliau ada mendengar satu lagi kad yang dipanggil Kad Expo. Beliau berpendapat bahawa Kad Polis ini tidak dikeluarkan dengan sepatutnya.

W211 : Superitenden Mohd Azman bin Ahmad Sapri

Bellau merupakan Ketua Penyiasat RCI. Di bawah beliau terdapat suatu pasukan yang terdiri daripada 13 penyiasat berpengalaman daripada jabatan polis dan SPRM. Mereka dilantik oleh Peguam Negara Malaysia untuk membantu RCI. Tugas penyiasat sangat luas skopnya termasuk merekodkan kenyataan daripada saksi yang berpotensi yang hadir di hadapan RCI. Dalam menjelaskan penyiasatannya, beliau telah mengemukakan beberapa ikat dokumen dan dokumen ini telah ditanda sebagai P172, P173, P174, P175 dan P176 yang mengandungi semua butiran yang berhubungan dengan penyiasatan.

2.1.7 Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan

W64 : Mohammad Amir Izzat Romeo bin Abdullah

Beliau merupakan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Oleh itu, beliau adalah ketua Bahagian Setinggalan. Tugasnya termasuk menjalankan operasi yang berhubungan dengan perobohan rumah setinggalan, menjalankan bancian, menjawab aduan awam di samping membantu penduduk setinggalan yang terjejas akibat bencana alam, dsb. Menurut beliau, rumah setinggalan diperhalkan sebagai rumah atau struktur yang dibina di kawasan yang tidak diiktiraf sebagai kampung di bawah Ordinan Tanah Sabah. Ia merupakan struktur binaan yang tidak pernah diluluskan oleh DBKK menurut undang-undang kecil bangunan. Beliau berkata bahawa jabatannya menjalankan bancian dan pemantauan tetap ke atas setinggalan di samping menyalahi aduan orang awam tentang pembinaan rumah setinggalan dalam bidang kuasa geografinya. Jabatan Tanah dan Ukur juga terlibat dalam pengawasan penempatan setinggalan di Kota Kinabalu bersama dengan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF). Walau bagaimanapun, Pejabat Ketua Menteri mengambil alih kawalan ke atas kawasan yang ditetapkan bagi pelarian. Beliau menyatakan

bahawa kebanyakan setinggan di kawasan Kota Kinabalu adalah warganegara Malaysia. Tidak banyak setinggan dari kalangan pendatang asing. Pegawai penguat kuasa ada kalanya tidak mendapat kerjasama daripada pemilik rumah setinggan. Mereka mendapati setinggan yang memiliki pelbagai jenis dokumen seperti pas IMM13, pasport, siji kelahiran, MyPR, dsb. Beliau berkata bahawa sehingga penghujung tahun 2012, 31 lokasi setinggan telah direkodkan. Ia tidak diwartakan sebagai penempatan pelarian kerana tidak diawasi oleh FSTF. Statistik bagi kawasan setinggan di seluruh Kota Kinabalu ditunjukkan dalam dokumen yang ditandakan sebagai P47. Beliau mengakui bahawa statistik yang ditunjukkan dalam P47 tidak pada keseluruhannya tepat kerana lebih banyak rumah telah didirikan sejak tahun 2012. Sungguhpun begitu, statistik menunjukkan bahawa jumlah rumah setinggan di Kota Kinabalu adalah sebanyak 3,781 dengan jumlah keseluruhan penduduk seramai 23,562 orang. Beliau seterusnya menyatakan bahawa selama bertahun-tahun dari tahun 2008 hingga 2012, DBKK telah menjalankan kerja-kerja perobohan. Daripada jumlah yang diberikan, ternyata bahawa semasa tempoh dari tahun 2008 hingga September 2013, bilangan rumah setinggan yang dirobokkan melebihi 4,500 buah. Tiada penempatan alternatif

disediakan bagi mereka yang rumah mereka dirobohkan, ini disebabkan oleh rumah tersebut dibina di atas tanah negeri tanpa mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan dan dengan itu, dapat mengelakkan daripada membayar cukai taksiran, dsb. Beliau menyatakan bahawa halangan utama bagi langkah penguatkuasaan adalah daripada ahli politik yang ingin meraih undi daripada penduduk setinggan. Tambahan pula, penduduk setinggan ada kalanya menghalang dengan kekerasan terhadap langkah penguatkuasaan yang diambil. Dalam kawasan di bawah bidang kuasa DBKK, kawasan setinggan diberikan kemudahan asas seperti air dan elektrik dan juga jalan serta jambatan. Terdapat kes di mana kemudahan itu ditarik balik disebabkan kawasan berkenaan telah disasarkan untuk dirobohkan. Menurut beliau, implikasi sosial adalah negatif dan besar. Kanak-kanak akan melibatkan diri mereka dengan perjudian, mencuri, dadah, dsb. Terdapat juga masalah berhubung dengan pengurusan kawasan persekitaran mereka. Mereka tinggal dalam keadaan yang tidak bersih. Terdapat sampah-sarap di sana sini. Ia sesak dan kotor. Berkenaan dengan pendatang asing tanpa izin yang menjalankan perniagaan di Kota Kinabalu, saksi menyatakan bahawa lesen perlu didapatkan daripada pihak berkuasa; bahawa majikan tidak dibenarkan mengambil

pendatang asing tanpa izin bekerja; bahawa DBKK secara tetap memeriksa premiagaan yang disyaki mengambil pendatang asing tanpa izin bekerja dan telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Beliau berkata walau bagaimanapun, kebanyakan, jika tidak semua, pekerja dalam premiagaan restoren merupakan warganegara.

W65 : Abdul Rahim bin Katiman

Beliau merupakan Penolong Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Tenom. Tugas beliau termasuk mengawal dan merekodkan pertumbuhan setinggan di kawasan Pekan Darat. Hanya terdapat satu kawasan setinggan dalam Daerah Tenom dengan 34 buah rumah yang menjadi kediaman bagi 174 orang. Kawasan ini dikenali sebagai kampung Tenom Lama. Beliau mengemukakan statistik dalam dokumen P48 yang menunjukkan jumlah setinggan dalam kawasan itu. Setinggan terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Pakistan, Suluk, Bajau, Jawa, Murut, Kadazan, dsb. Bidang pekerjaan mereka berbeza-beza daripada guru hinggalah kepada pesara, petani, peniaga, buruh, dsb. Kesemua mereka dikatakan warganegara Malaysia kecuali dua daripada mereka yang memegang pas IMM13. Di

Daerah Tenom, terdapat pendatang asing yang mempunyai pasport dan permit kerja. Mereka bekerja di syarikat perladangan seperti Sime Darby Group. Terdapat juga peniaga Pakistan yang memiliki KP Malaysia yang sepatutnya. Menurut beliau, tiada kenaikan ketara dalam jumlah penduduk di daerah Tenom. Kebanyakan peniaga asing bemiaga sendiri dengan anggaran pendapatan sebanyak RM5000 sebulan. Penduduk setinggan menerima sedikit bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berjumlah RM70 sebulan. Penduduk tempatan mengadu bahawa warga asing telah merampas peluang pekerjaan mereka di syarikat perladangan. Saksi berkata walau bagaimanapun, penduduk tempatan tidak begitu berminat bekerja dalam bidang perladangan.

W66 : Kassim bin Selamat

Beliau merupakan Ketua Unit Setinggan, Majlis Perbandaran Sandakan. Tugas beliau termasuk menjalankan dan memantau banciaan ke atas setinggan di kawasan yang berada di bawah Majlis di samping membanteras dan mengawal pertumbuhan rumah-rumah setinggan di atas tanah kerajaan dan persendirian. Setinggan adalah mereka yang membina rumah tanpa mendapat

kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan dan di atas tanah yang dipunyai oleh kerajaan atau pemilik persendirian. Statistik menunjukkan bahawa bilangan setinggan dari tahun 2008 hingga 2012 adalah 43 (lihat P49). Daripada 43 penempatan setinggan ini, 24 daripadanya didirikan di atas tanah kerajaan manakala 19 di atas tanah persendirian. Beliau berkata bahawa Majlis hanya terlibat dalam perobohan rumah setinggan di atas tanah kerajaan manakala perobohan rumah di atas tanah persendirian adalah di bawah tanggungjawab pemilik tanah berkenaan. Walau bagaimanapun pemilik boleh meminta Majlis melakukan kerja perobohan dengan dikenakan bayaran. Pada amnya, kemudahan asas tidak disediakan di penempatan setinggan tetapi terdapat penempatan setinggan tertentu yang diberikan kemudahan air dan elektrik kerana penempatan ini diduduki oleh warganegara Malaysia. Sesetengah parti politik menyediakan dana bagi pembinaan jambatan ke penempatan tertentu. Akibatnya, berlaku kecurian air dan elektrik melalui penyambungan haram. Terdapat juga masalah pelupusan sampah kerana tiada sistem pembentungan yang sepatutnya di kawasan penempatan setinggan dan hal ini telah menyebabkan sungai dan parit dicemari, dsb. Wujud masalah sosial seperti pengedaran dadah, penyeludupan rokok, kegiatan mencuri telur penyu, dsb.

Menurut saksi, unit penguatkuasaan menghadapi masalah semasa menjalankan kerja-kerja perobohan. Ia adalah merbahaya. Oleh itu, Majlis telah meminta bantuan daripada agensi lain seperti Polis, Lembaga Elektrik Sabah, Jabatan Imigresen, JPN dan Lembaga Air. Pendekatan yang bersepadu ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali dalam kerja-kerja perobohan ini. Beliau memberikan statistik yang berikut: dari tahun 2000 hingga 2008, bilangan rumah setinggan yang dirobuhkan adalah 4,620 dan dari tahun 2009 hingga 2011, bilangannya berjumlah 1,080. Dalam hal di mana warganegara Malaysia terjejas, mereka diberikan penempatan baharu di bawah Projek Perumahan Rumah Rakyat atau PPR yang terletak dalam kawasan seperti di Kampung Tenusa 2 dan Tenusa 1. Tetapi bagi bukan warganegara, ia bukan di bawah urusan Majlis. Mereka akan diuruskan oleh agensi lain seperti Jabatan Imigresen, Polis, dsb. Saksi menyatakan bahawa bilangan pendatang asing tanpa izin terutamanya di Sandakan dan Pantai Timur telah meningkat pada keseluruhannya. Satu daripada sebabnya adalah kerana kebanyakan majikan di premis perniagaan mengambil pekerja dari pendatang tanpa izin. Majlis telah mengambil tindakan terhadap majikan sedemikian dengan usaha sama Jabatan Buruh dan JPN dan mereka telah berjaya mengatasi masalah itu. Apabila ditanya

tentang penubuhan ESSCOM yang merangkumi Daerah Sandakan, saksi berkata beliau mengalu-alukannya.

W67 : Abdul Sait @ Abdul Said bin Ombok

Beliau merupakan Pegawai Eksekutif yang ditempatkan di Majlis Daerah Papar. Tugas beliau termasuklah mentadbir dan mengawasi hal ehwal yang berhubungan dengan setinggan dan juga berhubung dengan jawatankuasa setinggan yang ditubuhkan di bawah Majlis. Beliau juga terlibat dalam menjalankan dan memantau bancian ke atas setinggan dalam daerah itu. Beliau mengemukakan dokumen P50 yang menunjukkan statistik bagi setinggan di daerah itu. Penempatan setinggan terletak di 4 kawasan dalam daerah itu tetapi satu daripadanya tidak lagi wujud. 3 kawasan selebihnya adalah di Pituru, Sri Pritchard dan Pekan Kimanis. Terdapat 162 buah rumah dengan seramai 566 penduduk di kawasan itu. Kesemua 566 penduduk itu dikatakan warganegara Malaysia. Antara yang tinggal di kawasan setinggan ini ialah orang Indonesia, Filipina dan Ubian. Mereka dikatakan mempunyai KP Malaysia. Semua penempatan setinggan ini terletak di atas tanah negeri. Majlis Daerah telah menjalankan kerja-kerja perobohan di penempatan ini dari tahun 1997 hingga

2013, 4 kerja-kerja perobohan telah dijalankan ke atas 3 penempatan, dan 24 rumah telah dirobohkan. Terdapat pusat pendatang asing di Kinarut yang diuruskan oleh FSTF tetapi Majlis tidak mempunyai bidang kuasa ke atasnya.

W68 : Majid @ Majied bin Patola

Beliau merupakan Inspektor Perbandaran yang ditempatkan di Majlis Perbandaran Tawau. Tugas beliau termasuklah mengawasi semua penempatan setinggan dalam kawasan Perbandaran Tawau. Beliau telah mengemukakan dokumen P51 yang menunjukkan statistik ke atas bancian yang diambil pada tahun 2009 seperti berikut : (1) jumlah keseluruhan rumah setinggan di 24 koloni setinggan adalah 4,167; (2) bahawa daripada jumlah 4,167 rumah ini, 3,265 dimiliki oleh penduduk tempatan dan 491 dimiliki oleh pendatang asing; dan (3) jumlah keseluruhan penduduk di daerah Tawau adalah 19,445 orang. Beliau berkata bahawa tiada usaha untuk menjalankan bancian ke atas penempatan itu sejak tahun 2009 disebabkan oleh kurangnya kerjasama di penempatan tersebut. Majlis telah menjalankan kerja-kerja perobohan ke atas struktur yang dibina secara haram di atas tanah Kerajaan. Tiada rumah atau penempatan alternatif

ditawarkan kepada mereka yang rumahnya telah dirobohkan. Menurut saksi, kelemahan kerja-kerja perobohan ini adalah ia membawa kesan kepada pembinaan semula setinggan, oleh itu lebih banyak penempatan atau koloni setinggan didirikan di kawasan lain. Hal ini memburukkan lagi masalah pemantauan yang dilakukan oleh Majlis di samping perlu mengawal masalah sosial, kesihatan, persekitaran, dsb., yang berleluasa di penempatan itu. Beliau menyatakan bahawa penduduk di penempatan setinggan itu memiliki KP Malaysia atau KP pemastautin tetap. Sesetengahnya tidak mempunyai dokumen langsung dan oleh itu dianggap sebagai pendatang asing tanpa izin.

W69 : Tiam @ Duhimin bin Gilong

Beliau merupakan Penolong Pegawai Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Ranau. Tugas beliau termasuklah memantau dan mengawal penempatan setinggan di bawah bidang kuasa Majlis. Beliau berkata bahawa terdapat ramai pekerja asing dalam daerahnya. Mereka bekerja dalam sektor perladangan dan pembinaan. Mereka tinggal di rumah yang disediakan oleh majkan mereka. Kebanyakannya adalah orang Bugis dan sedikit

orang Timor. Sesetengahnya berkahwin dengan penduduk tempatan. Menurut beliau, bilangan mereka ini adalah terkawal. Mereka tidak memberikan apa-apa masalah sosial di daerah itu. Mereka telah menyumbang secara positif kepada sektor pertanian dan pembinaan.

W70 : Nelson bin Johnivies

Beliau merupakan Penolong Pegawai Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Penampang. Tugas beliau termasuklah menjadi Ketua Bahagian Penguatkuasaan yang menguruskan aduan awam dan hal ehwal setinggan. Beliau menyifatkan setinggan sebagai seseorang yang mendirikan rumah di atas tanah Kerajaan tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan dan di atas tanah persendirian dengan melanggar undang-undang kecil bangunan. Pegawainya telah menjalankan kerja-kerja perobohan rumah setinggan dalam daerahnya dengan mengikut proses yang sepatutnya. Tindakan sedemikian diambil lazimnya berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Pejabat tanah akan dimaklumkan mengenai apa-apa kerja perobohan rumah setinggan di atas tanah Kerajaan supaya notis yang sewajarnya dapat dikeluarkan kepada setinggan yang

berkenaan. Beliau menyatakan bahawa sebanyak 25 buah rumah setinggan telah dirobohkan. Ia dipunyai oleh kedua-duanya warganegara dan bukan warganegara. Majlis tidak menyediakan penempatan alternatif kepada mereka yang rumahnya telah dirobohkan. Beliau mengemukakan dokumen P52 yang menunjukkan statistik tentang bancian ke atas jumlah setinggan dalam daerahnya. Terdapat 5 penempatan setinggan, 4 berada di atas tanah persendirian dan yang selebihnya di atas tanah Kerajaan. Jumlah keseluruhan penduduk di rumah berkenaan adalah 2,282 orang dan daripada jumlah ini, sebanyak 2,024 orang adalah warganegara dan 258 orang bukan warganegara. Bukan warganegara memiliki pas IMM13 dan / atau pasport, dsb. Penempatan setinggan tidak mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik tetapi mereka mempunyai generator. Keadaan persekitaran adalah tidak bersih. Kebanyakan kanak-kanak tidak bersekolah. Masalah keselamatan adalah terkawal. Terdapat kes di mana majikan telah didapati mengambil pekerja pendatang asing tetapi pihak berkuasa yang berkaitan telah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara itu. Saksi menyatakan bahawa pendatang asing telah menyumbang secara positif dalam sektor pembinaan di daerahnya. Beliau tidak menyebut tentang apa-apa kesan negatif mengenainya.

Beliau merupakan Penolong Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Keningau. Tugas beliau termasuklah menjalankan pemeriksaan dan pengutipan data setinggan dalam daerahnya dan juga menjalankan bancian ke atas rumah setinggan yang dibina di atas tanah Kerajaan dan tanah persendirian. Beliau telah mengemukakan dokumen P53 yang menunjukkan 13 penempatan setinggan dalam daerah Keningau iaitu 5 di atas tanah Kerajaan dan 8 di atas tanah persendirian. Terdapat 598 rumah dalam penempatan tersebut tetapi jumlah penduduknya tidak dapat ditentukan. Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan bahawa jumlah setinggan dalam daerah Keningau adalah 4,370, yang 2,947 daripadanya adalah bukan warganegara. Beliau menyatakan bahawa tiada kemudahan seperti bekalan air dan elektrik di penempatan setinggan itu. Mereka mendapatkan bekalan air daripada telaga dan mata air. Beliau tidak tahu daripada mana mereka mendapatkan bekalan elektrik. Menurut beliau, keadaan sanitasi yang kotor merupakan masalah utama di penempatan setinggan ini. Perkara ini telah dirujuk kepada Jabatan Kesihatan di Keningau. Terdapat juga kes penagihan dadah dan kecurian. Beliau menyatakan bahawa

kerja-kerja perobohan telah dijalankan antara tempoh dari tahun 2002 hingga 2012 yang mana sebanyak 346 rumah telah dirobohkan. Unit Penguatkuasaan Majlis menerima halangan dan ancaman termasuk juga serangan daripada pendatang asing berkensaan. Tiada penempatan alternatif ditawarkan kepada mereka yang rumahnya dirobohkan. Terdapat cadangan untuk menempatkan semula mereka di suatu kawasan di Batu 27, Jalan Tenom tetapi setakat ini, belum diwujudkan. Penempatan setinggan itu telah menyebabkan peningkatan dalam jumlah penduduk pendatang asing di daerah Keningau. Majikan dan juga pemilik premis perniagaan juga mengambil pekerja pendatang asing kerana bekalan tenaga kerja yang mudah dan murah. Walau bagaimanapun, tindakan bersama oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan telah mengurangkan masalah tersebut.

W72 : Hillary bin Severinus

Beliau merupakan Penolong Pegawai Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Tambunan. Tugas beliau termasuklah menjalankan penguatkuasaan undang-undang kecil bangunan Majlis. Beliau berkata bahawa tiada penempatan setinggan dalam daerahnya tetapi terdapat warga asing atau

pendatang asing menyewa rumah daripada penduduk tempatan. Beliau mengemukakan dokumen P54 untuk menunjukkan banci yang diambil bagi 3 kawasan yang pendatang asing dikatakan telah menyewa rumah daripada penduduk tempatan. Jumlah keseluruhan yang direkodkan ialah 201 orang. Pendatang asing ini memiliki berbagai-bagai jenis KP yang berlainan yang meliputi dari MyKad, MyPR, MyKid dan pas IMM13, dsb. Menurut beliau, masalah yang dihadapi daripada pendatang asing ini adalah berkaitan dengan pertikaian yang berlaku di kalangan penjaja. Tiada masalah serius lain yang terlibat.

W73 : Manisah binti Mahmud

Beliau merupakan Pengarah yang ditempatkan di Jabatan Pelaburan dan Socio-Ekonomi, Perbadanan Labuan Bhd. Beliau juga merupakan Pengarah Syarikat Labuan Halal Hub, Perbadanan Labuan Bhd. Tugas beliau termasuklah membantu Jabatan Tanah memantau penempatan setinggan di Wilayah Labuan. Beliau merupakan anggota Jawatankuasa Pemantauan Setinggan. Beliau menyatakan bahawa Labuan telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 1984 oleh Kerajaan Berjaya Sabah pada ketika itu. Saiz geografi Labuan adalah 87.52

km. persegi. Keluasan ini termasuk 6 buah pulau yang berdekatan. Menurut beliau, terdapat 2 penempatan setinggian di Labuan, iaitu, di Kampung Seguking Laut dan Kampung Muslim. Kedua-dua penempatan ini diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara. Beliau mengemukakan dokumen P56 yang menunjukkan banci penduduk Labuan-setakat tahun 2010 seperti yang berikut: warganegara Malaysia kira-kira 65,881 orang dan bukan warganegara kira-kira 10,565 orang. Adalah dianggarkan bahawa di penempatan Kampung Muslim, jumlah pendatang asing adalah lebih kurang 50% daripada jumlah keseluruhan penduduk seramai 981 orang. Mereka memiliki sama ada pas IMM13, pasport atau pas pekerja dan kebanyakannya terlibat dalam sektor pembinaan dan pembersihan. Menurut beliau, pendatang asing yang menjalankan perniagaan di Labuan kebanyakannya adalah ekspatriat yang mendapatkan lesen mereka daripada SSM. Beliau menyatakan bahawa Perbadanan tidak mempunyai perancangan untuk merobohkan penempatan setinggian di Labuan walaupun terdapat masalah yang timbul daripadanya seperti keadaan yang tidak bersih, keadaan persekitaran yang berbahaya, dsb. Beliau berkata bahawa bekalan air dan elektrik disediakan di penempatan yang terletak di Kiamsam yang dikawal oleh NSC tetapi bekalan tidak disediakan di 2 penempatan setinggian di Kampung Muslim

dan Kampung Seguking Laut. Mereka terpaksa menggunakan generator sendiri bagi mendapatkan bekalan elektrik dan membeli bekalan air sendiri. Beliau tidak menyatakan sebab mengapa berlaku diskriminasi sedemikian.

W74 : Mohd. Fawzi bin Abdul Kadir

Beliau merupakan Pegawai Eksekutif yang ditempatkan di Majlis Daerah Lahad Datu. Tugas beliau termasuklah pengawasan pegawainya di Unit Setingan. Beliau menyatakan bahawa terdapat 13 kawasan setingan di Daerah Lahad Datu yang terdiri daripada 2,186 rumah setingan dengan jumlah penduduk seramai 15,053 orang. Penduduk memegang KP biru atau MyPR. Rumah setingan terletak di atas tanah Kerajaan kecuali 2 daripadanya yang terletak di atas tanah persendirian. Menurut beliau, hanya sebahagian kecil daripada 13 penempatan setingan itu disediakan kemudahan air dan elektrik. Beliau berkata bahawa tanggungjawab menyediakan bekalan air dan elektrik masing-masing terletak di bawah Jabatan Air dan Lembaga Elektrik. Beberapa penempatan adalah penempatan air. Berbagai-bagai kumpulan etnik seperti Bajau, Suluk, Bugis, Kadazandusun, dsb., mendiami penempatan ini. Beliau

menyatakan bahawa penempatan ini menghadapi masalah kebersihan dan kesihatan. Beliau tidak menyatakan sama ada Majlis patut menyelesaikan masalah itu. Beliau menjelaskan bahawa banyak kerja-kerja perobohan telah dijalankan dalam tempoh dari tahun 1997 hingga 2012; bahawa dalam tahun 1997, 4 penempatan yang terdiri daripada 800 rumah telah dirobohkan dan kemudiannya ditempatkan semula di suatu perkampungan simpanan sementara. Anggaran jumlah orang yang tinggal di kampung ini sekarang adalah 1,650 orang dan kesemuanya adalah warganegara Malaysia. Beliau seterusnya memberikan statistik tentang jumlah rumah yang telah dirobohkan iaitu dalam tahun 2009 (10); 2010 (20) dan 2012 (40). Beliau berpendapat bahawa kehadiran pendatang asing tanpa izin di Lahad Datu telah meningkatkan jumlah penduduk dan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak berkuasa untuk menyelesaikannya.

W91 : Zuldahri bin Tujah

Beliau merupakan Penolong Pegawai Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Kinabatangan. Tugas beliau termasuklah menjalankan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil

Majlis dan penyediaan data berkenaan dengan setinggian di bawah bidang kuasa Majlis. Beliau mengemukakan dokumen P71 yang menunjukkan statistik mengenai bilangan setinggian di daerah itu. Jumlah keseluruhan rumah setinggian dalam daerah itu yang direkodkan adalah sebanyak 91 yang terdiri daripada 197 anggota keluarga. Terdapat 3 penempatan setinggian yang terletak di atas tanah kerajaan. Bilangan pendatang tanpa izin adalah 191 orang. Menurut beliau, kehadiran pendatang asing tanpa izin telah menyebabkan jumlah penduduk di Kinabatangan meningkat secara mendadak. Mereka juga telah menyumbang kepada meningkatnya kegiatan jenayah seperti pengedaran dadah, menjalankan pemiagaan tanpa lesen, menceroboh tanah kerajaan, dsb. Beliau berpendapat bahawa Majlis hendaklah menangani punca masalah yang berhubungan dengan pendatang asing tanpa izin; bahawa penguatkuasaan mesti dijalankan secara serius. Beliau mencadangkan agar suatu badan khas ditubuhkan untuk menangani isu setinggian.

W92 : Salim bin Silin

Beliau merupakan ketua Unit Setinggian yang ditempatkan di Majlis Daerah Kunak. Tugas beliau termasuklah mengumpul dan

memantau data maklumat mengenai setinggan di bawah bidang kuasa daerahnya. Beliau mengemukakan dokumen P72 berhubung dengan statistik mengenai setinggan dalam daerah itu. Terdapat 7 penempatan setinggan dalam daerah Kunak. Bilangan rumah setinggan yang dianggarkan adalah 8,000 yang 6,000 daripadanya merupakan pendatang asing. Kebanyakan daripada mereka adalah pemegang pas IMM13. Sesetengahnya mempunyai sijil kelahiran. Beliau berkata bahawa jumlah penduduk di kawasan setinggan masih meningkat. 7 kawasan setinggan itu terletak di atas tanah kerajaan. Kebanyakan daripada mereka adalah orang Suluk, Bugis dan Bajau Laut dan kebanyakannya bekerja sebagai nelayan, buruh dan peniaga tidak berlesen. Banyak juga yang bekerja di ladang kelapa sawit. Majlis telah merancang untuk merobohkan rumah setinggan dan membina lebih kurang 400 unit rumah pangsa kos rendah bagi penduduk tempatan yang tinggal di kawasan setinggan. 4 daripada kawasan setinggan ini terletak di atas tanah persendirian. Menurut saksi, terdapat masalah sosial di kawasan setinggan ini seperti penyeludupan rokok, pengedaran dadah, kecurian air dan elektrik, dsb. Keadaan sanitasi sangat buruk. Terdapat juga ancaman kesihatan disebabkan oleh keadaan persekitaran yang tidak bersih. Majlis terlibat dalam operasi bersama terhadap

pendatang tanpa izin. Wujud ancaman dan ugutan terhadap pegawai penguat kuasa. Pada masa ini, terdapat kekurangan kakitangan penguatkuasaan dalam Majlis. Tambahan lagi, jabatan imigrasi atau jabatan kastam tidak terdapat di Kunak untuk menjalankan apa-apa bentuk operasi yang berterusan terhadap pendatang asing tanpa izin.

W112 : Mustapha Elias bin Sulai

Beliau merupakan Penolong Pegawai Eksekutif yang ditempatkan di Majlis Daerah Semporna. Tugas beliau termasuklah memantau dan mengawasi hal ehwal setinggan di bawah bidang kuasa daerah Semporna. Menurut beliau, terdapat 18 kawasan setinggan yang dikawal selia oleh Majlis Daerah Semporna. Kawasan ini terdiri daripada 4,359 rumah dengan jumlah keseluruhan penduduk seramai 33,963 setakat tahun 2010. Jumlah ini termasuk penduduk tempatan dan pendatang asing daripada Filipina dan Indonesia. Kesemua 18 kawasan setinggan ini menikmati bekalan air dan elektrik. Masalah utama dalam kawasan ini adalah amalan persekitaran yang tidak sihat, kegiatan jenayah dan ancaman kesihatan. Di Kampung Sri Jaga yang di situ dilaporkan 6 pasukan keselamatan telah dibunuh

semasa pencerobohan Sulu baru-baru ini telah dicadangkan untuk dipindahkan ke Kampung Tagasan yang berkeluasan 100 ekar tanah.

W119 : Ahmad Helmy bin Mohd. Taib

Beliau merupakan Penolong Pegawai Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Putatan yang mempunyai bidang kuasa ke atas perkara yang berhubungan dengan setinggan dalam Daerah itu. Beliau menyatakan bahawa terdapat 220 rumah setinggan yang terdiri daripada 1,100 penduduk (tempatan dan pendatang asing). Majlis mempunyai bidang kuasa ke atas setinggan di atas tanah Kerajaan dan tidak bagi setinggan di atas tanah persendirian. Beliau berkata bahawa hanya rumah setinggan yang dipunyai oleh penduduk yang sah diberikan bekalan air dan elektrik. Kawasan setinggan pada umumnya kotor dan terdapat masalah berkaitan dadah dan kegiatan jenayah lain di situ. Beliau menyatakan bahawa sesetengah penduduk tempatan telah menyewakan lesen pemiagaan mereka dan oleh yang demikian, Majlis telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Pendatang asing juga dilihat menjalankan aktiviti berjaja di jalan-jalan. Memandangkan Putatan telah diisytiharkan sebagai suatu

Daerah, pembangunan baru dan kegiatan ekonomi telah menarik penghijrahan penduduk termasuk warga asing.

W121 : Yuzelrul bin Ahmad Yusop

Beliau merupakan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Kanan yang ditempatkan di Majlis Daerah Beaufort. Tugas beliau termasuklah memantau setinggian di dalam Daerah itu. Menurut beliau, banci terakhir yang dijalankan ke atas 7 penempatan setinggian mendedahkan sebanyak 267 rumah diduduki oleh 2,038 penghuni. Penempatan setinggian ini terletak di atas tanah Kerajaan. Kebanyakan penduduk setinggian ini dipercayai rakyat Malaysia. Terdapat juga pendatang tanpa izin di penempatan ini. Penempatan ini diberikan bekalan air dan elektrik.

W127 : Sanif bin Alfia

Beliau merupakan Pembantu - Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Pitas. Majlis telah ditubuhkan hanya baru-baru ini iaitu pada bulan Mei 2010. Sebelum itu, Pitas adalah di bawah Majlis Daerah Kota Marudu. Terdapat 7 penempatan

setingan dalam kawasan itu yang terdiri daripada 80% penduduk tempatan dan 20% warga asing. Warga asing ini mempunyai dokumen seperti KP, MyPR dan pas IMM13. Kebanyakan daripada mereka adalah orang Suluk. Kebanyakannya menjadi nelayan. Penempatan ini terletak berdekatan dengan laut. Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2012, jumlah penduduk Pitas adalah sebanyak 38,764 orang dengan 1,285 orang atau 3.3% terdiri daripada pendatang asing.

W128 : Hazlan bin Jablee

Bellau merupakan Penolong Setiausaha Penyelarasan yang ditempatkan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Sabah. Tugas beliau termasuklah menyelaras dan memantau perobohan rumah setinggan. Di Sabah terdapat 23 pihak berkuasa tempatan. Menurut beliau, statistik menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 140,499 rumah setinggan dan sebanyak 8,284 rumah setinggan telah dirobohkan. Bancian juga dibuat di rumah-rumah setinggan. Kerajaan tidak menyediakan peruntukan bagi menguruskan masalah setinggan. Pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai bidang kuasa ke atas penempatan pelarian yang berada di bawah tanggungjawab FSTF. Setinggan telah menyebabkan masalah sosial meningkat. Mereka biasanya menduduki tanah negeri dan tidak membayar apa-apa cukai, dll.

W134 : Mohd. Rizam bin Razali

Bellau merupakan Pembantu Penguat Kuasa yang ditempatkan di Majlis Daerah Beluran. Beliau menyatakan bahawa di Bandar Beluran, terdapat sebanyak 298 buah rumah yang terdiri daripada 2,329 pemastautin. Semua pemastautin ini adalah

warganegara yang memegang MyKad. Terdapat 3 penempatan setinggan dalam kawasan itu yang meliputi seramai 2,323 orang. Di Telupid, terdapat 5 penempatan setinggan yang diduduki oleh warga tempatan. Beliau berkata tiada pendatang asing tinggal di Baluran. Menurut beliau, statistik menunjukkan bahawa banci pada tahun 2010 mendedahkan jumlah penduduk Baluran sebagai 106,632 orang yang 60,000 daripadanya adalah warganegara sementara 49,891 atau 43.3% bukan warganegara. Terdapat 2 ladang kelapa sawit yang besar di Baluran, iaitu Malsa Corporation dan Palmol.

W192 : Datuk Ismail Mayskob

Beliau merupakan Presiden Majlis Perbandaran Tawau. Banci pada tahun 2010 telah merekodkan jumlah penduduk Tawau sebagai terdiri daripada 240,966 warganegara dan 171,409 bukan warganegara atau 41% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Tanggungjawab utama Majlis adalah untuk mengawal dan memantau setinggan dan rumah-rumah setinggan yang didirikan di atas tanah Kerajaan. Menurut beliau penghijrahan pendatang daripada Filipina dan Indonesia masih berterusan, dengan pendatang Indonesia masuk melalui Tawau dan

pendatang daripada Filipina masuk dengan menaiki bot. Terdapat sebilangan kecil orang Iban daripada Sarawak. Tawau mempunyai 25 penempatan setinggian, yang kebanyakannya diduduki oleh penduduk tempatan. Majlis mengamalkan dasar yang dipanggil "dasar pengurangan". Kesukaran yang dialami oleh Majlis semasa menjalankan tindakan penguatkuasaan adalah apabila berlakunya campur tangan politik. Jumlah keseluruhan setinggian yang direkodkan bagi daerah Tawau setakat tahun 2012 adalah 19,319. Kebanyakan penempatan setinggian terletak di atas tanah Kerajaan. Ia tidak tersusun dan menimbulkan masalah kesihatan dan persekitaran di samping masalah ekonomi serta keselamatan.

W197 : Datuk James Wong

Beliau merupakan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan. Beliau berkata bahawa kegiatan ekonomi utama di Daerah Sandakan adalah pelancongan dan minyak sawit. Pendatang asing bekerja dalam 2 sektor ini. Jumlah penduduk Sandakan pada masa ini adalah seramai 453,500 orang yang terdiri daripada 188,800 atau 42% (Melayu), 65,400 atau 14% (Cina); 27,100 atau 17% (Lain-lain) dan 172,200 atau 38% (bukan warganegara). Beliau menyatakan bahawa Majlis Perbandaran Sandakan juga

terlibat dalam kerja-kerja perobohan rumah setinggan tetapi menghadapi masalah kekurangan pegawai penguatkuasaan. Menurut beliau, adalah mudah untuk masuk ke Sandakan daripada Filipina disebabkan oleh kedudukannya yang hampir dengan Negara itu. Sebenarnya, pihak berkuasa menyedari tentang kewujudan 32 pintu masuk tidak sah ke Sandakan. Sandakan mempunyai 41 koloni setinggan yang terdiri daripada 3,936 buah rumah yang menjadi tempat penginapan kepada 20,050 penduduk. Dalam tahun 2000, Majlis Perbandaran Sandakan telah merobohkan 4,620 rumah setinggan. Dalam tempoh dari tahun 2009 hingga 2012, SMC juga telah merobohkan sebanyak 1,080 rumah setinggan.

2.1.8 Pegawai Kastam & Jabatan KM

W3: Abdul Jaapar Alip

Beliau seorang pegawai kerajaan yang telah bersara. Dari 1993-2008, beliau telah bertugas di Unit Penempatan di Jabatan Ketua Menteri, Sabah, sebagai pegawai kebajikan. Beliau merupakan ketua Unit tersebut. Unit itu telah ditubuhkan pada 1976 untuk menjaga hal ehwal pelarian di skim penempatan

tersebut. Pada masa itu, lima skim penempatan telah diwujudkan iaitu Telipok (Kota Kinabalu), Kinarut (Kota Kinabalu), Kampung Bahagia (Sandakan), Kampung Selamat (Semporna) dan Kampung Hidayat (Tawau). Skim penempatan tersebut telah ditempatkan di tanah kerajaan. Pelarian-pelarian yang berada di skim penempatan ini berasal dari Filipina. Mereka telah memasuki Sabah dari tahun 1972 sehingga 1976. Pelarian-pelarian telah melalui proses temuduga sebelum mereka dibenarkan untuk menetap di dalam skim penempatan tersebut. Terdapat lima syarat yang perlu dipenuhi iaitu (a) mereka mesti berasal dari tempat yang dikenali sebagai Wilayah 9 - Selatan Filipina; (b) mereka mesti terlibat secara langsung di dalam peperangan dengan kerajaan Filipina; (c) mereka mesti telah memasuki Sabah dalam tempoh antara tahun 1970 dan 1984; (d) mereka mesti beragama Islam dan (e) mereka mesti menunjukkan keinginan atau niat untuk tidak menetap di Sabah. Tahun 1984 telah dipilih untuk dijadikan tarikh akhir kerana pada masa itu, dianggap bahawa konflik bersenjata di Filipina telah tamat. Beliau seterusnya menerangkan pelbagai jenis dokumen yang ada untuk pelarian. Menurutnya, setelah didaftarkan sebagai seorang pelarian oleh Jabatan Imigresen, pelarian akan diberi resit akuan pendaftaran dan seterusnya pas lawatan kerja yang

kemudiannya diambil semula untuk ditukarkan dengan kad pendaftaran sementara oleh Unit Penempatan. Untuk gerakan ini, seramai 325,000 orang telah didaftarkan. Ini adalah untuk tempoh dari tahun 1987 hingga 1992. Tiada gerakan serupa telah dijalankan dari tahun 1992 hingga 2007. Pada tahun 2007, suatu gerakan pembetulan dilakukan oleh Unit Penempatan disebabkan masih terdapat beberapa pelarian yang layak untuk didaftarkan sebagai pelarian dibawah garis panduan lama. Beliau merumuskan keterangannya dengan merujuk kepada beberapa dokumen yang dikemukakan sebagai "Lampiran". Adalah tidak perlu untuk merujuk secara khusus kandungan dokumen tersebut pada peringkat ini.

W4 : Mokhtar Yassin Ajam

Beliau merupakan setiausaha yang ditugaskan di Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri, Sabah, sejak Oktober 2005. Oleh itu, beliau bertanggungjawab dalam penyelarasan imigresen, keselamatan dan perkara berkaitan dengan ketenteraman awam serta mengurus Unit Penempatan di jabatan itu. Lebih khusus lagi, skop kerja beliau adalah berkaitan dengan pentadbiran, unit fail,

membasmi pembalakan haram dan mengurus skim-skim penempatan dan seterusnya untuk melapor kepada Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri. Beliau menyatakan bahawa Bahagian Penempatan mula ditubuhkan pada 1976. Ia seterusnya dipanggil Unit Penempatan. Sebelum 1976, hal ehwal pelarian dikendalikan oleh Palang Merah Antarabangsa dan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR). Pelarian merupakan mereka yang melarikan diri dari konflik di Filipina Selatan. Ini berlaku dalam tempoh dari tahun 1972 hingga 1976. Walau bagaimanapun, Unit Penempatan mengambil alih tanggungjawab dari tahun 1976 sehingga 1989. Dari tahun 1989 seterusnya, ia diambil alih oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF) di bawah Majlis Keselamatan Negara. FSTF bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengurus skim penempatan tetapi dibantu oleh Unit Penempatan Jabatan Ketua Menteri. Mereka bertanggungjawab untuk mengurus 5 skim penempatan serta 32 kampung di seluruh Sabah. Rekod 2010 menunjukkan seramai 33,019 orang telah didaftarkan sebagai pelarian Filipina. Beliau menjelaskan bahawa pelarian Filipina diberi pas IMM13 sementara pendatang Cina Indonesia diberi dokumen yang dikenali sebagai HIF-22. Beliau mengakui bahawa anak-anak pelarian kadang-kadang tidak diberi siji kelahiran kerana ibu bapa

mereka tidak dapat menunjukkan sijil perkahwinan mereka. Terdapat ramai kanak-kanak di skim penempatan yang tidak mempunyai apa-apa dokumen langsung, hanya kerana ibu bapa mereka tidak mendaftar perkahwinan mereka. Kanak-kanak ini dianggap sebagai tidak bernegara.

W194 : Mohd. Fadzly bin Abdullah

Beliau merupakan Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Sabah. Beliau berkata pendatang asing tanpa izin banyak terlibat dalam penyeludupan rokok dari Indonesia dan Filipina. Rokok adalah kira-kira 50% lebih murah daripada harga pasaran. Mereka juga terlibat dalam penyeludupan minuman beralkohol, bunga api, tayar, tekstil, dadah, dll. Semua kegiatan-kegiatan tersebut telah mengakibatkan kerugian besar kepada Kerajaan dari segi perolehan yang berjumlah berbilion ringgit. Menurut beliau, Jabatan Kastam telah mengadakan operasi tetap bersama dengan agensi penguatkuasa lain seperti pihak berkuasa tempatan, jabatan imigresen, polis marin, dll. untuk memerangi penyeludup ini. Namun, penyeludup ini masih meneruskan kegiatan jahat mereka. Beliau menyatakan bahawa 80% penjaja rokok di jalan-jalan merupakan pendatang dari

Filipina. Peningkatan di dalam kegiatan penyeludupan mungkin disebabkan oleh gudang yang terletak berhampiran dengan tepi sempadan Indonesia yang menyediakan jalan mudah dengan bot ke Sabah.

2.1.9 Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya

W58 : Shafee bin Sajat

Beliau merupakan Ketua Penolong Setiausaha yang bertugas di Seksyen Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Pilihan Raya. Tugas beliau termasuk pengurusan pangkalan data yang berkaitan dengan pengundi berdaftar serta pemantauan data. Beliau juga bertanggungjawab untuk memastikan semua sistem aplikasi yang digunakan dalam proses pendaftaran pengundi berada dalam keadaan yang baik dan elok semasa proses pendaftaran. Tanggungjawab beliau juga termasuk menyemak data yang sedia ada yang perlu dihantar ke agensi berkaitan seperti JPN, Rekod Pesara, Tentera dan Polis serta mengemas kini rekod-rekod lain. Terdapat rujuk silang di antara rekod di JPN dan SPR mengenai pendaftaran pengundi terutamanya berkaitan dengan status kerakyatan, umur layak, alamat pos, dll., dan juga

untuk menyelaraskan maklumat jantina, kaum dan lain-lain. Rujuk silang dengan JPN dilakukan secara kajian semula suku tahunan. SPR akan menyerahkan senarai nama kepada JPN secara berkala. Sebagai contoh, mereka akan menghantar senarai orang yang berusia 80 tahun ke atas kepada JPN untuk pengesahan sama ada mereka masih hidup atau tidak. Kadang kala, SPR akan menyerahkan seluruh pangkalan data kepada JPN untuk pengesahan bagi menentukan sama ada pengundi yang disebut di dalamnya masih layak untuk berada di dalam daftar pemilih. Usaha terakhir sedemikian dilakukan pada tahun 2011. Beliau kemudiannya menyentuh mengenai kelayakan pengundi. Di sini beliau menyatakan bahawa semua rakyat Malaysia yang berusia 21 tahun ke atas dan mempunyai alamat kediaman di Malaysia layak untuk mendaftar sebagai pengundi. Pemohon boleh memohon pada bila-bila masa di mana-mana pejabat pos atau wakil lain yang dilantik. Permohonan diproses dan dimuat naik ke dalam sistem komputer. Ia juga disemak dengan status kewarganegaraan, dsb. dan akan dirujuk silang secara langsung kepada ALIS dengan JPN. Proses permohonan akan ditunjukkan selama 14 hari dan selepas itu akan diluluskan oleh SPR. Beliau seterusnya menyebut tentang Prosedur Operasi Standard (SOP) berhubung dengan proses pendaftaran pengundi. Semua

permohonan atau pendaftaran adalah dirujuk silang secara automatik dengan KP pemohon yang disimpan di dalam rekod JPN melalui ALIS. Beliau kemudiannya menerangkan dengan terperinci siapa yang mempunyai akses kepada pangkalan data tersebut dan bagaimana. Beliau mengemukakan pelbagai dokumen yang menunjukkan statistik pengundi yang berdaftar bermula dari tahun 1967 meliputi kedua-dua pilihan raya Persekutuan dan Negeri; bahawa dari 1969 hingga 2008, terdapat penambahan pengundi berdaftar dari 20,000 ke 200,000. Ini dapat dilihat dalam dokumen bertanda P35. Sebuah lagi dokumen bertanda P36 menunjukkan jumlah pengundi berdaftar untuk kedua-dua pilihan raya Persekutuan dan Negeri dari tahun 1996 hingga 2012. Di sini, pangkalan data adalah tidak lengkap. Saksi mengatakan bahawa beliau tidak mempunyai semua maklumat yang diperlukan untuk menyediakan statistik. Satu dokumen lain yang bertanda P37 tidak menunjukkan apa-apa yang penting. Apabila ditanya mengenai angka 959,699 yang ditunjukkan dalam P36, beliau mengatakan bahawa itu adalah jumlah pengundi berdaftar di Sabah sehingga suku kedua tahun 2012. Angka 959,699 tidak menunjukkan status kewarganegaraan atau kerakyatan mereka tetapi beliau menganggap mereka semua warganegara Malaysia. Beliau menerangkan bahawa hanya rakyat

Malaysia boleh mendaftar sebagai pengundi. Beliau seterusnya menjelaskan mengenai ALIS, apa itu ALIS dan bagaimana ia berfungsi di antara pelbagai agensi. ALIS telah digunakan oleh SPR sejak Julai 2002. Beliau menerangkan dengan terperinci pengeluaran dan / atau pembatalan pengundi daripada daftar pemilih. Menurut beliau, 1,133,279 nama telah dikeluarkan dari daftar pemilih sehingga suku ketiga 2012 (lihat P41). Ini meliputi seluruh Malaysia. Bagi Sabah, dicatatkan seramai 78,340 nama telah dikeluarkan atau dibatalkan dari daftar pemilih.

W97 : Yusniati binti Ishak

Beliau merupakan setiausaha yang bertugas di Bahagian Pendaftaran Pengundi, Suruhanjaya Pilihan Raya, Putrajaya. Beliau menjelaskan prosedur berkaitan dengan permohonan untuk mendaftar sebagai pengundi di dalam daftar pemilih. Beliau merujuk kepada 3 syarat utama, iaitu (a) pemohon mestilah warganegara Malaysia, (b) pemohon hendaklah mengisi Borang A dengan semua butiran yang berkaitan dan (c) Suruhanjaya Pilihan Raya akan memeriksa butir-butir pemohon dengan JPN. Terdapat

lebih kurang 700 Penolong Pendaftar Pilihan Raya yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya di seluruh negara.

2.1.10 Jabatan-jabatan Lain

W7 : Hj. Norezan bin Wahid

Beliau merupakan Pengarah Jabatan Statistik Negeri sejak 2008. Fungsi Jabatan adalah untuk mengumpul maklumat dan input untuk tujuan perancangan Kerajaan Negeri. Salah satu daripada fungsinya adalah untuk menjalankan banci penduduk dan perumahan. Dalam hal ini, ia mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang konsisten dengan standard antarabangsa yang diamalkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu serta Akta Banci, 1960. Beliau mengatakan bahawa selama ini, jabatan tersebut telah menjalankan 5 bancian iaitu 1979, 1980, 1991, 2000 dan 2010. Banci dilakukan pada setiap 10 tahun. Ia merangkumi seluruh Malaysia dan tidak terhad kepada Sabah. Banci terakhir yang dijalankan ke atas populasi Sabah adalah pada tahun 2010 dan jumlah adalah 3.2 juta. Daripada ini hampir 889,000 adalah bukan warganegara yang termasuk pendatang yang sah dan yang tidak sah. Tiada kewajipan bagi pegawai banci untuk

mengesahkan jawapan lisan responden-responden dengan cara dokumen, dsb., walaupun akan terdapat beberapa bentuk mekanisme untuk menyemak ketepatan atau sebaliknya data mereka. Margin kesilapan untuk banci 2010 adalah kira-kira 2.8%.

W62 : Kalbin bin Hj. Mohd. Said

Beliau merupakan Timbalan Penguasa Penjara, Sabah. Tugas beliau termasuk membantu Pengarah Penjara, Sabah, dalam mengurus, mengawal dan menyelia Jabatan Penjara dalam hal berkaitan dengan perkhidmatan, kewangan dan hal-hal pentadbiran lain. Terdapat 5 penjara di Sabah iaitu 2 di Kota Kinabalu, 1 di Sandakan, 1 di Tawau dan 1 di Labuan. Beliau mengemukakan dokumen P45 yang menunjukkan statistik bilangan banduan di pelbagai penjara Negeri. Di penjara lelaki Kota Kinabalu, bilangan pada tahun 2012 ialah 4,257 sementara untuk wanita, terdapat 678 banduan. Mereka terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara. Di penjara Sandakan, jumlah bilangan banduan ialah 2,058 pada tahun 2012 dan di penjara Tawau, sejumlah 2,297 banduan direkodkan pada tahun 2012. Jumlah banduan di Sandakan dan Tawau termasuk

banduan lelaki dan perempuan. Menurut beliau, terdapat 2,410 warganegara Filipina yang ditahan di penjara Kota Kinabalu pada tahun 2012 dengan hanya 448 warga Indonesia dan 37 warga India. Beliau juga mengemukakan statistik berkaitan dengan kos yang ditanggung untuk menyanggara banduan dari negara lain. Beliau menyatakan bahawa bagi penjara lelaki Kota Kinabalu, jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk bukan warganegara bagi tempoh dari 2006 hingga Oktober 2012 ialah RM281,455,515.00. Dan bagi banduan wanita di Kota Kinabalu, kos bagi tempoh yang sama ialah RM45,867,360.00. Bagi penjara Sandakan, jumlahnya ialah RM112,873,695.00 dan bagi penjara Tawau, sebanyak RM163,884,270.00. Kos ini hanya berkaitan dengan bukan warganegara.

W75 : Dr. Maria Sulaiman

Beliau merupakan Penolong Pengarah Kanan Kesihatan bertugas di Jabatan Kesihatan Sabah. Beliau menerangkan secara ringkas sejarah Jabatan Kesihatan di Sabah dan struktur serta komposisi pentadbirannya. Menurut beliau, visi Jabatan tersebut adalah untuk menggalakkan individu dan keluarga mereka untuk terlibat dalam penjagaan kesihatan demi membina

sebuah komuniti yang sihat. Untuk itu, ia menjalankan program-program yang berkaitan dengan kesihatan, perubatan dan perkhidmatan pergigian. Bukan warganegara merupakan mereka yang tidak memegang KP Malaysia atau MyKad. Mereka juga termasuk orang yang ditakrifkan sebagai orang asing atau pendatang asing dengan memiliki dokumen yang sah. Beliau menyatakan pendatang asing yang mendapatkan rawatan di hospital kita telah meningkat. Rekod dari tahun 2001 hingga 2011 menunjukkan bahawa terdapat 1,010,333 pesakit luar bukan warganegara dan 295,053 pesakit dalam bukan warganegara menerima rawatan di hospital kita. Beliau menunjukkan ikatan P58 yang mencerminkan angka sebenar dan bahawa angka 1,008,716 merupakan jumlah pesakit luar dan dalam bukan warganegara yang telah mendapatkan rawatan di hospital-hospital kita dari tahun 2000 sehingga tahun 2011. Angka ini merupakan 53.1% daripada jumlah keseluruhan iaitu lebih daripada penduduk tempatan. Akibatnya, beban dari segi kos adalah sesuatu yang berat ditanggung oleh Kementerian Kesihatan. Tambahan pula, ia telah mengakibatkan pertambahan beban kerja bagi kakitangan perubatan. Beliau menambah bahawa bilangan kelahiran warga asing bagi tempoh yang sama ialah 122,882. Ini merupakan angka yang dilahirkan di hospital sahaja. Beliau mendedahkan bahawa

tunggakan untuk kos rawatan yang diberi kepada pendatang asing ialah RM21,672,031.58. Ini merupakan jumlah yang tidak dibayar oleh bukan warganegara yang berjumlah 42,092 orang. Menurut beliau, adalah amat sukar untuk mengutip bayaran ini. Jumlah RM21 juta ini boleh dibandingkan kepada jumlah RM723,839.32 yang tidak dibayar oleh rakyat Malaysia. Ini merupakan perbezaan yang besar.

W76 : Datuk Aishah binti Mohd. Azry

Beliau merupakan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, Sabah. Tugas beliau termasuk mentadbir Jabatan tersebut dan menguatkuasakan undang-undang buruh di Negeri Sabah. Beliau menerangkan fungsi *Job Malaysia Center* yang merupakan pusat di mana pencari kerja mendaftar diri untuk pelbagai peluang pekerjaan. Tiada definisi untuk istilah "pekerja asing" walaupun terdapat definisi untuk istilah "pekerja bukan pemastautin" dibawah Ordinan Buruh Sabah. Ia ditakrifkan sebagai seseorang yang tidak berasal dari Sabah sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 71 Akta Imigresen 1959/1963. Mana-mana majikan yang ingin mendapatkan khidmat seorang pekerja bukan pemastautin perlu mendapatkan lesen dari Jabatan Tenaga Kerja.

Beliau merupakan Pegawai Kebajikan Masyarakat Kanan bertugas di Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am, Sabah. Tugas-tugas beliau termasuk menguruskan Unit Kanak-kanak. Ini juga melibatkan hal ehwal yang berkaitan dengan Sekolah Tunas Bakti. Menurut beliau, kanak-kanak tidak bernegara merupakan seorang yang berusia di bawah 18 tahun, tidak mempunyai status kerakyatan dan tanpa dokumen. Terdapat 2 kategori kanak-kanak iaitu kanak-kanak jalanan dan kanak-kanak gelandangan. Kanak-kanak jalanan merupakan mereka yang mempunyai ibu bapa dan didapati merayau atau tinggal di tempat-tempat awam manakala kanak-kanak gelandangan merupakan mereka yang tidak mempunyai ibu bapa serta didapati merayau-rayau di jalanan. Peranan beliau adalah untuk menghantar kanak-kanak ini ke Rumah Pelindungan Ehsan. Rumah ini menyediakan penginapan, makanan, latihan, dsb. kepada kanak-kanak ini. Jika ibu bapa mereka dapat dikesan, mereka akan diserahkan kembali kepada ibu bapa mereka tetapi jika tidak, mereka akan diletakkan di Rumah Kanak-kanak. Ini adalah bagi warganegara. Bagi bukan warganegara, mereka akan dihantar ke Rumah Pelindungan Ehsan yang berada di bawah bidang kuasa Pasukan Petugas

Khas Persekutan. Menurut beliau, jika ibu bapa mereka tidak mendapatkan mereka apabila mereka mencapai usia 19 tahun, mereka akan diletakkan di pusat tahanan untuk orang dewasa.

W78 : Baharuddin bin Alwi

Beliau merupakan Ketua Penolong Pengarah Kanan yang ditugaskan ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah. Beliau juga ialah Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk, Sabah. Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan tersebut sejak 1990. Tugas beliau termasuk mendaftar perkahwinan orang Islam dan juga perceraian. Beliau juga mengurus perkahwinan antara penduduk tempatan dengan warga asing. Beliau mengemukakan dokumen P61 yang menunjukkan statistik seramai 8,859 pendatang asing lelaki berkahwin dengan penduduk tempatan dalam tempoh dari tahun 2000 hingga 2012 dan pendatang asing perempuan yang mengahwini lelaki tempatan seramai 1,433.

W79: Christina Linus Majali

Beliau merupakan Ketua Jurutera yang bertugas di SESB sejak 2005. Tugas beliau termasuk memantau penyambungan haram bekalan elektrik di Sabah. Kebanyakan penyambungan haram adalah di Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Semporna. Di daerah ini, kebanyakan penyambungan haram berlaku di kawasan setinggan. Beliau mengemukakan dokumen P62 yang menunjukkan statistik jumlah operasi yang dijalankan oleh SESB dari tahun 2009 hingga Februari 2013 iaitu sebanyak 695 di mana kerugian setahun dianggarkan sebanyak RM3,717,720 tidak termasuk kos yang dikatakan tidak perlu seperti pembayaran bekerja lebih masa, pengangkutan dsb., dianggarkan berjumlah RM276,400 dari tahun 2009 hingga Februari 2013.

W87 : Norhayati binti Abdul Majid

Beliau merupakan Pegawai Tadbir yang bertugas di Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan Sabah. Tugas beliau berkaitan dengan pelantikan Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung dari

pelbagai masyarakat. Ketua Daerah juga menjadi Ketua Hakim Mahkamah Anak Negeri. Hierarki distrukturkan seperti berikut: Peringkat Ketua Kampung, kemudian Mahkamah Anak Negeri, kemudian Mahkamah Daerah Anak Negeri dan seterusnya Mahkamah Rayuan Anak Negeri. Mahkamah Daerah Anak Negeri diketuai oleh Pegawai Daerah. Keputusan Mahkamah Daerah Anak Negeri boleh dirayu di Mahkamah Rayuan Anak Negeri. Terdapat 28 Mahkamah Daerah Anak Negeri dan 34 Mahkamah Anak Negeri di Sabah. Ketua Anak Negeri dilantik setelah diperakukan oleh Ahli Parlimen Daerah masing-masing serta disokong oleh Pegawai Daerah berkenaan. Perakuan itu diserahkan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah, untuk dipertimbangkan.

W103 : Querin Jokinol

Beliau merupakan Ketua Jurutera yang bertugas di Jabatan Air Sabah. Beliau menyatakan bahawa di kawasan penempatan setingan, kecurian bekalan air melalui penyambungan haram adalah perkara biasa. Ini telah mengakibatkan kerugian hasil yang besar oleh Jabatan. Beliau menyatakan bahawa mereka tidak dapat menangkap pesalah-pesalah. Jabatan telah melancarkan

apa yang dipanggil "Operasi Kecurian Air, Warga Asing di Setinggalan Negeri Sabah". Akibatnya, mereka telah mendapati kerugian adalah seperti yang berikut: RM64,254.64 (2008), RM73,321.20 (2009); RM227,059.20 (2010); RM181,850.15 (2011) dan RM233,760.00 (2012). Mereka juga telah mengalami kos yang tidak perlu berjumlah RM500,000 pada tahun 2012.

W131 : Daimin bin Binti

Beliau merupakan Penolong Pengarah bertugas di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan. Sebelum itu, beliau bertugas di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Kota Kinabalu (JUPEM). Semasa di Sabah, beliau terlibat dalam pengukuran sempadan, pengurusan data ukuran, dll. Menurut beliau, JUPEM mempunyai 4 objektif utama, iaitu, (1) untuk memastikan Kadaster yang berhubungan dengan tugas mengukur tanah dan pengeluaran hak milik dan juga untuk memastikan produk pemetaan adalah sampai ke standard yang diperlukan; (2) untuk mengekalkan dan mengemaskinikan kualiti Kadastra dan pangkalan data kajian pemetaan bagi memenuhi keperluan data infrastruktur geospasial; (3) untuk menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dalam bidang pengukuran dan pemetaan Kadastra dan (4) untuk menentukan

penanda dan ukuran sempadan Negeri dan antarabangsa memenuhi keperluan Pentadbiran Negeri dan melindungi kedaulatan negara. Beliau kemudian menerangkan fungsi-fungsi Jabatannya. Semua ini ditunjukkan di dalam dokumen P114. Menurut beliau, saiz geografi Sabah termasuk pulau-pulau ialah 73,621.1 km persegi; bahawa sempadan tanah dengan Kalimantan Timur ialah 2330.01km dan sempadan laut dengan Filipina ialah 774.3km seperti ditentukan oleh Perjanjian Paris 1898 di antara AS dan Sepanyol serta Konvensyen 1930 di antara AS dan Great Britain. Kedua-dua Perjanjian dan Konvensyen diiktiraf di peringkat antarabangsa di atas peta maritim. Sabah mempunyai 229 buah pulau.

W142 : Mohd. Yusoff Anthony bin Abdullah

Beliau merupakan Ketua Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan Jabatan Perikanan, Sabah. Tugas beliau termasuk penyeliaan kegiatan penguatkuasaan Jabatan bersama atau bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain di bawah jawatankuasa yang dikenali sebagai Ops Kumpulan. Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan mempunyai seramai 75 orang kakitangan. Ia dilengkapi dengan bot peronda dan 4 kenderaan

SUV. Menurut beliau, daripada statistik Jabatan, 38,000 orang terlibat di dalam industri perikanan laut dalam. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) bagi Sabah meliputi 200 batu nautika sehingga ke perairan antarabangsa. Sabah mempunyai 1,700km garis pinggir laut dan 50,000 batu nautika kawasan laut. Ia amat kaya dengan sumber marin. Saksi itu seterusnya menerangkan secara terperinci kegiatan mengebom ikan yang dijalankan oleh pendatang asing di Sabah. Kegiatan itu telah merosakkan batu karang dan sumber marin yang lain dsb. seterusnya menjejaskan industri pelancongan. Banyak kes-kes yang melibatkan kegiatan tersebut telah dibawa ke mahkamah. Kebanyakan yang tertuduh didapati pendatang asing dari Filipina berjumlah 209 orang dan 18 orang dari Indonesia. Walau bagaimanapun, penduduk tempatan berjumlah 148 orang. Sejenis lagi penangkapan ikan secara haram oleh warga asing / pendatang asing adalah dengan menggunakan sodium sianida untuk menangkap ikan seperti kerapu, udang karang dan ikan hiasan yang boleh mendapatkan harga yang tinggi di pasaran dan di restoran. Beliau menjelaskan kesukaran yang dihadapi untuk mencegah kegiatan tersebut disebabkan oleh garis pinggir laut yang panjang, kekurangan kakitangan dan peralatan serta undang-undang semasa yang telah meletakkan beban yang berat ke atas Jabatan bagi

mendapatkan bukti untuk mengekalkan tuduhan ke atas kes-kes pemilikan. Beliau mencadangkan undang-undang dipinda dengan sewajarnya; bahawa Jabatan dibekalkan dengan logistik yang lebih baik dari segi kakitangan dan peralatan.

W191 : Chua Cheon Hwa

Beliau merupakan Penolong Setiausaha Bahagian Dasar, Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Putrajaya. Menurut beliau, takrif "kanak-kanak jalanan" merupakan kanak-kanak yang tiada ibu bapa atau kanak-kanak yang telah ditinggalkan ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, bagi Kementerian, takrif ini meliputi semua kanak-kanak yang merayau di jalanan. Kementerian sepatutnya telah menjalankan kajian dalam 3 fasa tetapi akhirnya hanya 1 fasa yang meliputi Kota Kinabalu dan pulau-pulau berdekatan sahaja dijalankan. 2 fasa yang lain tidak di jalankan disebabkan masalah data dan pembiayaan. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa kajian mendapati terdapat 1,630 kanak-kanak jalanan, kebanyakannya adalah Bajau dari Filipina Selatan.

2.1.11 Bekas Tahanan ISA dan Tahanan Lain

W10 : Mohd. Nasir bin Sungip

Beliau merupakan Pengarah Urusan Syarikat Warisan Nusa Sdn. Bhd. Beliau merupakan mantan Timbalan Pengarah Seksyen Kad Pengenalan, JPN, Sabah, dari 1980 hingga 1994. Beliau ditangkap dan ditahan di bawah ISA pada tahun 1995 kerana didakwa mengeluarkan kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin. Beliau berkata yang beliau diarahkan oleh Hj. Rami Kamaruddin, Pengarah JPN, Sabah pada masa itu, untuk menggantikan nama-nama dalam terimaan KP sementara JPN1/9 dan terimaan KP hilang JPN1/11 dengan mereka daripada Suruhanjaya Pilihan Raya bagi maksud meningkatkan pengundi Islam di Sabah; bahawa beliau juga diarahkan menukar nombor KP dan tarikh lahir termasuk gambar mereka. Menurut beliau, terdapat sejumlah 16,000 pemegang sedemikian. Kebanyakan mereka adalah pendatang asing Islam dari Filipina dan Indonesia. Terimaan itu akan membolehkan pemegangnya untuk mendaftar diri sebagai pengundi dan untuk mengundi pada pilihan raya di kedua-dua peringkat Negeri dan Persekutuan.

W11: Haji Ramli Kamaruddin

Beliau adalah bekas Pengarah, JPN, Sabah, dari tahun 1993 hingga 1995. Beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA selama tempoh 2 tahun dari tahun 1995 hingga 1997. Sebagai Pengarah, beliau bertanggungjawab bagi JPN Sabah dan tugasnya termasuklah mengeluarkan dokumen kepada mereka yang layak seperti sijil kelahiran, sijil kematian, perkahwinan sivil, dokumen pengenalan, kewarganegaraan, dsb. Beliau telah ditahan di bawah ISA kerana dikatakan terlibat dalam mengeluarkan KP bersekuriti tinggi kepada pendatang asing. Beliau menafikan penglibatannya. Beliau mengatakan bahawa beliau telah ditukarkan ke Sabah sebagai Pengarah JPN untuk membantu Kerajaan menjadi lebih berasaskan Islam. Pada masa itu, Parti Bersatu Sabah (PBS) yang pada dasarnya adalah sebuah parti yang didominasi Kristian merupakan Kerajaan Negeri. Menurutnya, beliau ditugaskan untuk mengenal pasti pengundi Islam dan memujuk mereka untuk mengundi parti Islam tertentu. Beliau berkata bahawa 2 minggu sebelum pilihan raya DUN Sabah pada tahun 1993, beliau bertemu dengan Allahyarham Tan Sri Megat Junid, bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Beliau ditemani oleh rakan sepejabatnya,

Encik Asli. Mereka telah diarahkan untuk mengeluarkan terimaan JPN seperti JPN1/9 dan JPN 1/11 kepada pendatang tanpa izin supaya nama mereka dapat dimasukkan ke dalam daftar pemilih dalam kawasan hitam atau kelabu tertentu di Sabah. Mereka akan ditunjukkan mengenai cara untuk mengundi, dsb. Terimaan itu telah dikeluarkan hanya bagi maksud mengundi dan mereka hendaklah menyerahkannya semula selepas mengundi. Mesyuarat yang dikatakan itu telah diadakan di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu. Menurut beliau, lebih kurang 200 terimaan telah dikeluarkan dan 5 hingga 10 bahagian pilihan raya DUN yang terlibat. Pada masa itu, beliau juga menerima arahan daripada Timbalan Ketua Pengarah, JPN, untuk mengeluarkan KP dengan nombor pendua kepada pendatang asing tanpa izin supaya mereka boleh mengundi dalam pilihan raya. Saksi mengakui bahawa apa yang dilakukannya salah di sisi undang-undang tetapi beliau melakukannya atas arahan Allahyarham Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Timbalan Ketua Pengarah, JPN.

W12 : Kee Dzulkifli bin Kee Abdul Jalil

Beliau dahulunya adalah Kerani Pendaftaran di JPN, Kota Kinabalu. Beliau mula berkhidmat di JPN pada tahun 1994. Pada

tahun 1995, beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA selama 26 bulan di Kamunting, Perak dan dibebaskan pada tahun 1999. Beliau dikatakan telah mengeluarkan KP kepada bukan warganegara yang nampaknya atas arahan pegawai-pegawai atasan. Beliau merupakan anggota yang dikatakan pasukan G17 – suatu pasukan petugas yang ditugaskan untuk melaksanakan tugas tertentu yang berhubungan dengan pemerosesan KP dan siji kelahiran. Pasukan petugas ini telah dibentuk pada tahun 1990 di JPN, Sabah, yang pada masa itu diketuai oleh Datuk Abdul Rauf Sani. Beliau terlibat dalam memasukkan butir-butir yang terdapat dalam borang permohonan ke dalam KP sebelum KP itu dihantar ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur untuk dilaminat. KP tersebut adalah untuk dikeluarkan kepada pendatang asing tanpa izin daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan. Beliau juga terlibat dalam memastikan nama dalam KP tersebut didaftarkan dalam daftar pilih. Menurut beliau, lebih daripada 100,000 KP sedemikian telah dikeluarkan pada masa itu. Beliau juga terlibat dalam mengeluarkan siji kelahiran kepada pendatang asing tanpa izin. Beliau melakukan semua yang tersebut atas arahan pegawai atasannya. Dalam kenyataan bertulisnya, beliau berkata terdapat 200,000 siji kelahiran telah dikeluarkan terutamanya

kepada pendatang asing beragama Islam daripada Filipina dan Indonesia.

W13 : Asli bin Sidup

Beliau merupakan bekas Penolong Pegawai Pendaftaran yang ditempatkan di JPN, Sabah dari tahun 1986 hingga 1996 apabila beliau ditahan di bawah ISA tetapi kemudiannya dibebaskan pada tahun 1997. Beliau pada masa itu merupakan Ketua Unit Rekod. Tugasnya termasuklah memproses borang permohonan KP. Secara khususnya, beliau bertanggungjawab untuk memeriksa butir-butir yang dicatatkan dalam KP dan seterusnya menandatangani KP tersebut. Selepas itu, KP ini akan dihantar ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur untuk dilaminat. Selepas dilaminat, KP ini akan dibawa balik ke Sabah untuk diambil oleh pemohon. Pada masa itu, Pengarah JPN, Sabah ialah Datuk Abdul Rauf Sani. Beliau berkata bahawa tujuan tugas di atas adalah untuk meningkatkan bilangan pengundi Islam di Sabah yang pada masa itu di bawah Kerajaan PBS yang diketuai oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan (sekarang Tan Sri). Saksi menerangkan butiran peranannya dalam tugas tersebut iaitu bahawa dia telah pergi ke Kuala Lumpur sebagaimana yang

diarahkan, bahawa dia telah dibawa ke sebuah kediaman kerajaan di Kampung Pandan; yang semasa di situ dia dan beberapa orang yang lain telah diarahkan untuk menandatangani KP; bahawa selepas itu, KP yang ditandatangani itu dihantar ke Ibu Pejabat di Petaling Jaya untuk dilaminat dan dibawa balik ke Sabah untuk diambil oleh pemohon. Beliau juga mengakui bahawa terimaan iaitu JPN1/9 dan JPN1/11 telah dikeluarkan kepada bukan warganegara bagi tujuan untuk membolehkan mereka mengundi dalam pilihan raya. Beliau mengesahkan bahawa semua urusan di atas, adalah atas arahan Tan Sri Megat Junid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu, yang ditemuinya di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu, bersama dengan Encik Ramli Kamaruddin dan Datuk Osu Sukam (bekas Ketua Menteri Sabah). Beliau juga mengesahkan bahawa terimaan JPN1/9 dan JPN1/11 itu telah digunakan untuk mendaftarkan pemohon dalam daftar pemilih.

W14 : Akop bin Damsah @ Yakop bin Damsah

Beliau merupakan bekas Ketua JPN, Daerah Tamparuli, Sabah. Beliau telah ditempatkan di JPN dari tahun 1972 hingga 1996. Beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA pada tahun 1996 kerana dikatakan telah mengeluarkan KP kepada pendatang

asing tanpa izin, dikatakan atas arahan pegawai atasannya. Pada masa itu, Pengarah JPN, Sabah ialah Datuk Abdul Rauf Sani. Tugasnya termasuklah menandatangani 3 kategori KP (biru, merah dan hijau). Beliau telah terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang ini sejak tahun 1990 dan bilangan dokumen tersebut berjumlah sekurang-kurangnya 100,000. Beliau mengesahkan wujudnya pasukan petugas khas di Kuala Lumpur, bertempat di sebuah rumah di Kampung Pandan, di mana beliau dan beberapa orang yang lain telah diberi taklimat oleh Pengarah, Datuk Rauf Sani dan seorang yang bernama Kolonel Mat Nor mengenai mekanisme yang hendak digunakan. Tugasnya adalah semata-mata untuk menandatangani KP yang selepas itu akan dibawa balik ke Sabah untuk diagihkan kepada pemohon yang terpilih. Menurut beliau, rumah di Kampung Pandan ini adalah kepunyaan "Pak Aziz Shamsuddin" yang dikatakan sebagai setiausaha politik kepada mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir. Beliau berkata dalam satu bulan, mereka mampu menandatangani sehingga 40,000 KP di tempat yang diperkatakan itu. Tujuan keseluruhan kegiatan ini adalah untuk membolehkan pemohon mengundi bagi UMNO di Sabah. Kebanyakan pemohon adalah daripada Filipina dan Indonesia.

W15 : Datuk Abdul Rauf bin Sani

Pada masa ini, beliau merupakan CEO Lembaga Totalisator Malaysia yang berada di bawah Kementerian Kewangan. Sebelum ini beliau merupakan Pengarah JPN, Sabah, dari tahun 1990 hingga 1992. Pada tahun 1996, beliau telah ditangkap dan ditahan di bawah ISA tetapi telah dibebaskan selepas 60 hari ditahan dan kemudiannya untuk beberapa waktu diletakkan di bawah kediaman terhad. Sebagai Pengarah JPN, tugasnya termasuk diberi kuasa untuk menandatangani pengeluaran KP di Sabah. Terdapat beberapa pegawai lain yang diberikan tugas ini termasuk Asli bin Sidup (W13) dan Akop bin Damsah (W14). Beliau menerangkan proses berhubung dengan permohonan KP iaitu selepas diproses di Sabah, ia akan dihantar ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur untuk dilaminat dan selepas itu dibawa balik ke Sabah untuk diagihkan kepada pemohon. Beliau berkata beliau telah ditangkap di bawah ISA kerana dikatakan mengeluarkan KP palsu bagi tujuan mendapatkan keuntungan. KP ini telah dikeluarkan kepada pendatang asing tanpa izin. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa dokumen tersebut tidak palsu walaupun ia dikeluarkan secara yang menyalahi undang-undang. Beliau mengesahkan bahawa mereka yang

terlibat termasuk Ramli Kamaruddin, Akop Damsah, Kee Dzulkiffi dan ramai lagi. Dokumen itu dikeluarkan sebahagian besarnya kepada pendatang asing tanpa izin daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan. KP tersebut telah dikeluarkan tanpa dokumen sokongan. Beliau mengakui memberikan arahan kepada pegawainya seperti W13 dan W14 untuk menjalankan tugas khas di Kuala Lumpur berhubung dengan pengeluaran KP kepada pendatang tanpa izin di sebuah rumah kerajaan di No. 18, Jalan Kampung Pandan, yang dipercayai didiami oleh seorang yang bernama Aziz Shamsuddin, setiausaha politik kepada Perdana Menteri, Dr. Mahathir. Beliau bersetuju telah memberikan taklimat kepada pegawainya mengenai mekanisme yang terlibat. Beliau mengakui bahawa keseluruhan tugas itu adalah untuk mengalahkan Kerajaan Negeri PBS pada masa itu. Beliau menafikan kewujudan Unit yang dipanggil G17 tetapi mengakui bahawa terdapat suatu unit yang bertanggungjawab untuk memproses KP kepada pendatang asing tanpa izin daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan. Beliau juga menyedari bahawa pendatang tanpa izin ini telah diajar bagaimana hendak mengundi dalam pilihan raya.

W42 : Nisa binti Rahman

Dia seorang Bugis dari Indonesia. Dia dilahirkan di Sulawesi pada 1983. Pada Oktober 2011, dia memasuki Sabah menaiki kapal kargo melalui Nunukan dan Tawau dengan sekumpulan orang dari negaranya. Dia kemudiannya bekerja di ladang kelapa sawit. Dia tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan pada masa itu. Dia tidak mempunyai kesukaran untuk memasuki Sabah. Dia datang atas alasan ekonomi. Pada Disember 2012, dia ditangkap di Tawau. Dia ditangkap oleh pegawai imigresen. Sekarang dia ditahan di pusat tahanan sementara Sandakan sementara menunggu penghantaran balik ke Indonesia. Dia menerangkan keadaan di pusat tahanan sebagai boleh tahan dengan 3 kali makan sehari dan terdapat kemudahan asas disediakan.

W45 : Riyanti binti Sandamarten

Dia merupakan tahanan dari pusat tahanan sementara, Tawau. Dia adalah seorang pendatang asing tanpa izin dari Sulawesi, Indonesia. Dia ditahan di sebuah pusat hiburan dan dibawa ke pusat tahanan sementara di Tawau. Dia memasuki

Sabah melalui Tarakan dan Nunukan ke Tawau pada tahun 1992. Dia berusia 13 tahun ketika itu. Dia datang bersama kakaknya yang berusia 24 tahun. Mereka mempunyai pasport bersama pada masa itu. Mereka datang menaiki bot. Mula-mula, dia bekerja di kilang papan lapis, Sandakan. Selepas itu, beliau berpindah ke Lahad Datu. Pada tahun 1996, beliau mengahwini seorang berbangsa Cina bernama Chong Luen Lin dari Tawau. Perkahwinan itu didaftarkan di JPN Tawau. Pada tahun 1997, dia tinggal di Tawau bersama suaminya. Pada tahun 2005, dia bercerai dengan suaminya dan kembali ke Indonesia bersama 2 orang anaknya. Anak-anaknya mempunyai siji kelahiran Sabah. Dia nampaknya kembali ke Tawau pada tahun 2007. Anak-anaknya telah kembali ke Tawau lebih awal kerana bersekolah. Dia telah balik ke Tawau tanpa melalui saluran yang betul. Dia tidak mengalami kesulitan dalam berbuat demikian. Pada tahun 2012, dia ditangkap di sebuah bar awam di Fajar, Tawau dan ditahan di pusat tahanan sementara, Tawau. Dia sudah berada di situ selama 5 bulan sementara menunggu untuk dihantar pulang ke Indonesia. Menurutnya, jika dihantar balik dia akan kembali dengan dokumen yang sah kerana anak-anaknya berada di sini. Dia menggambarkan pusat tahanan sementara itu sebagai agak baik dari segi kemudahan dan layanan.

W47 : Love Melsie Bejec

Dia dilahirkan di Davao, Filipina pada tahun 1988. Dia seorang Visaya, Tagalog. Dia sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak lelaki yang tinggal di Filipina. Dia ditangkap pada tahun 2012 oleh Jabatan Imigresen, Keningau, semasa dia di bar awam. Dia tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan semasa ditangkap. Dia sekarang ditahan di pusat tahanan sementara, Kimanis, Papar sementara menunggu untuk dihantar pulang ke negara asalnya. Menurutnya, dia datang ke Sabah dengan menaiki kapal dari Zamboanga ke Sandakan untuk mencari pekerjaan. Dia sudah berada di pusat tahanan selama 6 bulan. Dia mengatakan bahawa dia dilayan dengan baik di pusat tahanan tersebut.

W48 : Konita Hingisabon

Dia seorang tahanan di pusat tahanan sementara, Kimanis, Papar. Dia seorang pendatang asing tanpa izin dari Indonesia dan dilahirkan di sana pada 1992. Dia adalah dari suku kaum Balawiling Timur dan seorang Kristian. Dia telah ditangkap pada Ogos 2012 semasa dia bekerja di syarikat tempat cuci kereta di

Kota Kinabalu. Dia ditangkap oleh polis. Dia tidak memiliki apa-apa dokumen perjalanan atau pengenalan yang sah pada masa itu. Dia sudah berada di pusat tahanan itu selama 6 bulan. Dia berada di sana sementara menunggu untuk dihantar balik ke negara asalnya. Dia datang ke Sabah pada tahun 2007 bersama bapa saudaranya semasa berusia 16 tahun. Dia datang dengan menaiki bot dan memiliki pasport yang telah tamat tempoh semasa ditangkap. Dia datang atas alasan ekonomi. Dia membuat pelbagai pekerjaan di Sabah. Jika dihantar pulang, menurutnya, dia berhasrat untuk kembali tetapi dengan dokumen yang sah. Dia agak berpuas hati dengan keadaan di pusat tahanan sementara itu.

2.1.12 Majikan

W80 : Zakaria bin Hj. Nasiran

Belliau merupakan seorang Pentadbir Eksekutif, Sime Darby, Tawau. Sime Darby memiliki ladang kelapa sawit di Tawau, Kunak, Sandakan dan Tenom dengan keluasan 45,482 hektar. Ia mempunyai 5,523 pekerja dan 85% daripada mereka adalah pekerja asing dari Filipina dan Indonesia. Baki 15% merupakan

penduduk tempatan. Menurut saksi, pekerja tempatan tidak mudah didapati walaupun iklan dibuat melalui Jabatan Tenaga Kerja. Kemudahan seperti perumahan, air, elektrik dan klinik dalaman disediakan oleh syarikat. Beliau menyatakan bahawa terdapat masalah sosial di kalangan pekerja asing seperti kecurian dan kegiatan jenayah yang lain. Pesalah dilaporkan kepada polis dan kemudiannya dibuang kerja.

W82 : Nokiah a/l Sannasi

Beliau ialah Pengurus Besar AUMKAR *Group of Plantations*, Tawau. Syarikat beliau mempunyai 7,000 hektar ladang kelapa sawit di Daerah Kunak. Syarikat itu mempunyai 850 pekerja di mana 800 daripada mereka merupakan pekerja asing atau migran. Mereka datang dari Indonesia dan Filipina iaitu 500 Indonesia dan 300 Filipina. Pekerja lain adalah warga tempatan. Semua pekerja migran adalah pemegang pasport serta memiliki permit masuk atau permit kerja. Pekerja di ladang diberi 5 tahun permit untuk tinggal di Negeri ini. Selepas itu, mereka perlu kembali ke negara asal. Menurut saksi, ia adalah sukar untuk mengambil orang tempatan untuk bekerja walaupun iklan-iklan dilakukan melalui Jabatan Tenaga Kerja. Syarikat menyediakan kemudahan seperti

perumahan, air, elektrik dan klinik dalaman dsb. untuk pekerja mereka.

W83 : Naila binti Rudin

Beliau merupakan Pembantu Pengurus, Pentadbiran dan Sumber Manusia, IOI Corporation Bhd., Sandakan. Syarikat tersebut memiliki ladang kelapa sawit yang meliputi kawasan seluas 49,983 hektar di Sandakan. Beliau mengemukakan dokumen P64 yang menunjukkan pekerja dari Filipina dan Indonesia. Jumlah terkini pekerja Indonesia di Syarikat tersebut sehingga 2013 ialah 6,436 dan ia mempunyai 193 pekerja Filipina. Terdapat 967 pekerja tempatan di syarikat itu. Kebanyakan pekerja migran adalah pemegang pasport atau mempunyai permit masuk atau permit kerja.

W84 : Luz Davila

Beliau merupakan Penolong Pengurus, Pentadbiran dan Sumber Manusia, IOI Corporation Bhd., Lahad Datu. Saiz ladang di Lahad Datu adalah seluas 56,000 hektar. Beliau menunjukkan

dokumen P65 yang mengandungi statistik pekerja dari Filipina dan Indonesia. Ladang Syarikat tersebut di Lahad Datu mempunyai 7,490 pekerja Filipina dan Indonesia. Sebahagian besar daripada mereka merupakan rakyat Indonesia iaitu 5,647 atau 75% dan 1,954 atau 25% adalah rakyat Filipina. Bilangan pekerja tempatan hanya 596 orang. Pekerja asing diambil kerja melalui agen. Mereka pemegang pasport atau permit kerja atau pas kerja. Menurutny, orang tempatan tidak berminat untuk bekerja di ladang.

W86 : Ruslan bin Sunman @ Samang

Beliau adalah Pengurus Besar Felda Global Ventures Plantation (M) Sdn. Bhd., Sabah dan Sarawak. Di Sabah, Syarikat itu berpangkalan di Sahabat, Wilayah Selatan, Lahad Datu. Saiznya adalah seluas 25,000 hektar dan mempunyai 2,080 pekerja. Walau bagaimanapun, jumlah pekerja adalah 9,335. 90% pekerja adalah pendatang asing. Kebanyakan mereka berasal dari Indonesia dan Filipina. Mereka diambil kerja melalui agen kontrak dan dengan kelulusan dari Jabatan Tenaga Kerja. Jabatan Imigresen perlu meluluskan kuota pekerja yang diperlukan. Mereka semua adalah pemegang dokumen yang sah seperti

pasport, permit masuk, atau permit kerja. Saksi mengemukakan dokumen P68 yang menunjukkan statistik jumlah pekerja Syarikat di Sabah. Jumlah pekerja yang direkod ialah 9,935 di mana 91.05% merupakan pekerja asing manakala pekerja tempatan hanya 8.95%.

W140 : Chong Fook Soon

Beliau merupakan Pengurus Kumpulan Liziz Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembinaan dari Ipoh, Perak. Syarikat ini terlibat di dalam kerja-kerja infrastruktur awam. Syarikat ini mempunyai 60 hingga 60 pekerja am dengan 30% terdiri daripada pekerja asing dari Filipina dan Indonesia. Beliau menyatakan bahawa mereka semua mempunyai permit kerja. Beberapa pekerja asing berkemahiran tinggi dan telah berkhidmat dengan syarikat itu selama kira-kira 10 tahun. Pekerja asing disediakan dengan penginapan dan pengangkutan. Permit kerja mereka diurus oleh agensi-agensi. Menurut beliau, syarikat itu tidak mengambil pendedar tanpa izin untuk bekerja dan sebaliknya lebih suka untuk mengambil orang tempatan kerana adalah lebih mahal dan menyusahkan untuk mendapatkan permit kerja, dll. untuk pekerja asing. Walau bagaimanapun, beliau mengakui orang tempatan

lebih sukar untuk diurus. Kadang-kala mereka tidak datang bekerja. Para pekerja sekarang dibayar gaji minimum sebanyak RM800 sebulan tetapi boleh mendapatkan pendapatan lebih jika bekerja lebih masa. Pekerja asing yang sakit akan dihantar ke hospital Kerajaan untuk rawatan. Beliau mengatakan bahawa industri pembinaan masih memerlukan pekerja asing.

W141: Shak Choon Han

Beliau adalah seorang Penyelia Tapak yang ditugaskan dalam pembinaan rumah kedai di Tenom Jaya, Tenom. Beliau mempunyai 16 tahun pengalaman di dalam industri pembinaan. Beliau sekarang telah bersara disebabkan masalah kesihatan. Menurutnys, pekerja asing di dalam industri pembinaan di Sabah kebanyakannya datang dari Filipina. Mereka mahir, rajin dan berdisiplin. Pekerja tempatan dan asing telah bekerja sama dengan baik. Mereka dibayar menurut kemahiran dan pengalaman mereka. Pekerja tempatan biasanya diambil sebagai penyelia, penolong penyelia atau mandur. Syarikat pembinaan biasanya menyediakan penginapan kepada pekerja asing mereka dan menanggung perbelanjaan perubatan mereka jika mereka pergi ke hospital-hospital Kerajaan untuk rawatan.

Bellau merupakan Pengurus Besar Hap Seng Properties, Sabah. Tugas beliau termasuk mengurus, tenaga kerja, pelaksanaan, jualan dan pemasaran projek-projek di Malaysia Timur. Sebelum ini, beliau telah berkhidmat dengan sebuah firma perunding. Menurutnya, syarikat beliau menjalankan pemiagaan pembinaan dan mempunyai projek di Kota Kinabalu, Tawau, Lahad Datu dan Sandakan. Beliau menyatakan bahawa syarikat beliau akan menganugerahkan projek pembinaan kepada kontraktor dan kontraktor akan bertanggungjawab untuk menyediakan tenaga kerja untuk projek tersebut. Sebagai pemaju, syarikat beliau tidak mengambil pekerja, dll. Kontraktor yang perlu menyediakan penginapan asas kepada pekerja asing mereka. Beliau mengatakan bahawa kontraktor yang melakukan projek-projek beliau telah mengambil seramai 1,000 sehingga 2,000 pekerja di Sabah di mana lebih daripada 95% daripada mereka merupakan pekerja asing yang kebanyakannya berasal dari Filipina dan Indonesia. Beliau menjelaskan bahawa kerja di dalam industri pembinaan adalah sukar. Lebih ramai pekerja asing diambil untuk bekerja kerana kemahiran dan kesediaan mereka untuk bekerja keras sementara pekerja tempatan lebih suka

bekerja di pejabat. Secara amnya, pekerja dalam industri ini dibayar gaji yang baik. Beliau mengatakan bahawa pemaju lebih mementingkan kemahiran pekerja daripada tempat asal mereka iaitu warga tempatan atau asing; bahawa mereka mesti memastikan kerja dapat dilakukan. Menurut beliau, ia adalah lebih murah untuk mengambil pekerja asing kerana pekerja tempatan akan meminta gaji yang lebih besar; bahawa pekerja asing lebih nilai dengan gaji yang ditawarkan berbanding dengan pekerja tempatan. Tambahan pula, beliau mengatakan kesukaran untuk mencari pekerja tempatan dan beliau mencadangkan lebih ramai penduduk tempatan dilatih di dalam industri pembinaan; bahawa perlu ada badan-badan profesional dan sekolah vokasional ditubuhkan untuk tujuan tersebut.

2.1.13 Pekerja (Tempatan & Asing)

W16 : Abdul Salam bin Ali

Dia bekerja sendiri tetapi kadang-kala menjadi nelayan di laut. Dia seorang Bajau Filipina dan telah menetap di Sabah selama lebih kurang 40 tahun. Dia tinggal di skim penempatan Kinarut sejak 1975. Dia memegang MyKad dengan kod 12, yang

bermaksud lahir di Sabah. Dia menyatakan yang dia lahir di Tawi-Tawi, Filipina pada tahun 1959 dan telah memasuki Sabah secara haram pada tahun 1971 semasa dia berumur 18 tahun. Dia datang kerana perang di Filipina. Dia memasuki Sabah tanpa sebarang dokumen. Sejurus selepas memasuki Sabah, dia berjaya memperoleh pas perjalanan daripada JPN, Sabah yang perlu diperbaharui setiap bulan. Selepas itu, dia memohon dan diberikan pas IMM13 oleh Jabatan Imigresen. Selepas menggunakan pas IMM13 selama 10 tahun, dia memohon dan diberikan kad pengenalan biru mengandungi 6 angka oleh JPN, Sabah. Dia mengambil masa hampir 3 tahun untuk mendapat kad pengenalan biru. Isterinya mempunyai kad pengenalan merah dan 5 anaknya juga mempunyai kad pengenalan merah tetapi semua mereka mempunyai sijil kelahiran yang menunjukkan mereka lahir di Sabah. Dia berjaya menukar kad pengenalan birunya kepada kad pengenalan berkualiti tinggi dengan 12 angka. Selepas itu, dia diberikan MyKad dengan kod 12 oleh JPN, Sabah. Dia telah mendaftar sebagai pengundi dan telah mengundi sebanyak 3 kali. Di skim penempatan Kinarut di mana dia tinggal, terdapat lebih kurang 3,000 penghuni di sana dan mereka memiliki pelbagai jenis dokumen. Skim penempatan itu mempunyai segala kemudahan asas seperti air, bekalan elektrik, sekolah, sebuah klinik, dll.

Mereka mendapat bantuan daripada FSTF. Dia mengaku wujud masalah sosial di penempatan itu seperti penyalahgunaan dadah.

W17 : Sakandal bin Anching

Dia seorang kontraktor di Sabah. Dia dilahirkan pada 1954 di Tawi-Tawi, Filipina. Dia memasuki Sabah secara haram pada 1973. Sebaik sahaja masuk, dia diberikan pas perjalanan dan selepas itu pas IMM13 oleh Jabatan Imigresen. Dia tinggal di skim penempatan Kinarut dan pada 2010 dia dilantik sebagai ketua di penempatan itu oleh FSTF. Pada 2004, dia memohon dan diberikan kad pengenalan merah penduduk tetap pada 2010 dan memegangnya sampai sekarang. Isterinya yang lahir di Sabah memegang kad pengenalan biru. 3 orang anaknya adalah pemegang IMM13 walaupun mereka semua dilahirkan di Sabah dan mempunyai sijil kelahiran.

W18 : Ismail bin Balaka

Dia dilahirkan pada 1954 di sebuah pulau di Ubian, Filipina. Dia tinggal di skim penempatan Kinarut. Dia seorang Bajau-Ubian.

Dia memegang MyKad yang ada 12 kod (bermaksud lahir di Sabah). Dia tidak mempunyai sijil kelahiran. Dia memasuki Sabah secara haram pada 1975 kerana perang saudara di Filipina. Jabatan Ketua Menteri telah menjalankan beberapa banci di skim penempatannya bersama-sama dengan FSTF. Menurut pemyataannya yang dibacakan kepadanya oleh pegawai penyiasat, dia menyatakan bahawa dalam suatu perjumpaan yang dihadapinya, dia diminta mengisi beberapa borang dan cap jari dan gambarnya telah diambil. Dia kemudiannya diberitahu bila tiba masa kad pengenalan biru akan dikeluarkan kepadanya. Seterusnya, kad pengenalan biru dikeluarkan kepadanya yang kemudiannya dia tukar kepada kad pengenalan KPT yang dikeluarkan oleh JPN, Sabah. Dia sekarang memegang MyKad yang mengandungi 12 angka. Dia mengaku telah mendaftar sebagai pengundi dan telah mengundi semasa pilihanraya. Isterinya juga memegang MyKad dan begitu juga kesemua 5 orang anaknya. Semua mereka juga mempunyai sijil kelahiran yang menunjukkan mereka lahir di Sabah.

W19 : Hatta bin Ghani

Dia seorang pekerja binaan dan merupakan seorang Bajau yang lahir di Tawi-Tawi, Filipina. Dia memegang MyKad dengan kod 12. Dia memasuki Sabah secara haram pada 1976 kerana perang saudara di Filipina. Dia telah berkahwin dan mempunyai 5 orang anak. Selepas 1 tahun di Sabah, dia berjaya mendapatkan pas IMM13 yang dipegangnya sehingga 1990 apabila dia memperoleh kad pengenalan biru dan selepas itu, mendaftarkan diri sebagai pengundi dan telah mengundi di Keningau semasa pilihanraya. Hakikatnya, sebelum mendapat kad pengenalan biru, dia telah diberikan kad pengenalan hijau yang membolehkan dia menukarnya ke kad pengenalan biru daripada JPN, Sabah. Dia menafikan menerima bantuan sesiapa dalam hal ini.

W21 : Abdul bin Ainul

Dia seorang pekerja binaan. Dia seorang pendatang asing dari Basilan, Filipina. Dia datang ke Sabah kerana konflik bersenjata di Selatan Filipina. Dia memasuki Sabah dengan ibunya pada 1980. Dia masih kecil pada masa itu. Pada 1981, ibu dan adik-beradiknya pulang ke Basilan tetapi dia membuat

keputusan untuk terus tinggal di Sabah. Dari 1980 hingga 1990, dia membuat pelbagai kerja di Sabah tanpa sebarang dokumen tetapi tidak pernah ditangkap oleh pihak berkuasa. Pada masa ini, dia memegang pas IMM13. Sebelum ini, dia memegang siji banci. Dia telah memohon permit masuk daripada Jabatan Imigresen dan masih menunggu jawapannya. Dia berharap untuk memohon kad pengenalan merah jika permit masuk dia diluluskan. Dia sekarang tinggal di skim penempatan Kinarut dan merupakan pengerusi di sana. Pihak FSTF mempunyai kawalan ke atas skim penempatan tersebut yang kebanyakannya adalah terdiri daripada pelarian Filipina. Terdapat lebih kurang 7,000 penghuni di skim penempatan itu. Di penempatan itu air dan elektrik dibekalkan. Dia mengaku terdapatnya masalah sosial di penempatan itu seperti penyalahgunaan dadah, dll. Dia tidak berhasrat untuk pulang ke Filipina.

W22 : Madyusay bin Pingay

Dia seorang pendatang asing tanpa izin dari Tawi-Tawi, Filipina. Dia seorang Bajau dan dilahirkan pada 1954. Dia memasuki Sabah pada 1972 kerana perang di Selatan Filipina. Dia mulanya tinggal di Sandakan, kemudian di Pulau Gaya, Kota

Kinabalu. Pada mulanya, dia diberikan pas perjalanan atau apa yang dikenali sebagai "kad burung-burung" oleh Pejabat Ketua Menteri. Selepas itu, dia memohon kepada Jabatan Imigresen untuk suatu pas kerja yang kemudiannya beliau tukar kepada pas IMM13. Dia memegang pas IMM13 ini hingga 2003 setelah dia memohon dan diberikan permit masuk. Dia kemudiannya memohon dan diberikan MyPR merah oleh Jabatan Inigresen. Pada masa ini dia memegang kad MyPR ini. Dia diberitahu yang dia layak untuk memohon kewarganegaraan Malaysia pada 2017. Dia mempunyai 6 orang anak. Isterinya telah meninggal dunia. Kesemua anaknya mempunyai siji kelahiran dan mereka juga mempunyai MyPR. Dia tinggal di Kampung Lok Urai, Pulau Gaya di mana majoriti penghuni di situ adalah pelarian dari Filipina. Namun terdapat juga beberapa orang tempatan. Tidak terdapat kemudahan asas seperti air dan bekalan elektrik di kampungnya.

W24 : Jamil bin Mala

Dia seorang pendatang asing tanpa izin Bajau dari Filipina. Dia lahir pada 1949. Dia memasuki Sabah pada 1978 kerana perang di Selatan Filipina. Dia bekerja di pelbagai tapak pembinaan di Sabah sebagai buruh. Sekarang dia bekerja sendiri

sebagai peniaga barang runcit. Tiada sebarang insiden dihadapi selama 10 tahun dia di Sabah tanpa apa-apa dokumen. Dia kemudiannya mendapat pas kerja daripada Jabatan Imigresen yang kemudiannya ditukarkan ke pas IMM13 pada sekitar 1999. Kemudian, dia memohon dan diberikan kad pengenalan penduduk tetap (MyPR merah) pada 2010. Dia mempunyai 2 orang anak. Mereka semua memiliki siji kelahiran; anak sulung mempunyai MyPR merah manakala anak bongsu memegang pas IMM13. Isterinya memegang MyPR merah. Mereka tinggal di skim penempatan Telipok yang mempunyai bekalan air dan elektrik. Dia tidak pernah pulang ke Filipina semenjak pertama kali tiba di Sabah. Dia tidak berniat untuk pulang sampai bila-bila.

W27 : Aziz bin Kasim

Dia seorang pendatang asing tanpa izin dari India. Dia dilahirkan di Tamil Nadu, India, pada 1979. Dia seorang tukang masak di sebuah restoran di Inanam. Dia memasuki Malaysia pada 1980 dengan menggunakan pasport India. Selepas itu, dia pergi ke Kota Kinabalu melalui Labuan tanpa melalui tempat pemeriksaan imigresen walaupun dia sedang memiliki passport India. Semasa di Kota Kinabalu, dia bekerja di beberapa restoran

India. Pada 1987, dia didatangi beberapa orang yang memberitahu mereka boleh membantunya untuk mendapatkan kad pengenalan Malaysia. Dia disuruh menandatangani suatu borang. Sebulan kemudian, dia berjaya mendapat kad pengenalan biru yang mempunyai 6 angka. Dia mengaku yang dia mendapat kad pengenalan ini tanpa apa-apa sokongan sijil kelahiran dan / atau sijil kewarganegaraan Malaysia. Pada 1994, dia memohon dan diberikan passport Malaysia. Dia telahpun sebenarnya menggunakan passport tersebut untuk ke luar negeri. Dengan kad pengenalan birunya, dia berjaya mendapatkan lesen perniagaan untuk membuka sebuah restoran di Inanam. Ini dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya, Kota Kinabalu. Terdapat suatu ketika, dia memiliki 5 buah restoran sedemikian. Sekarang, dia hanya bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran di Inanam. Dia sekarang memegang MyKad yang dia peroleh pada tahun 2000. Dia mengaku bahawa pada pelbagai peringkat semasa dia memohon untuk mendapatkan kad-kad pengenalan baru, dia tidak menghadapi sebarang kesukaran daripada pihak berkuasa. Dia mempunyai 3 orang anak yang semuanya adalah pemegang MyKad. Isterinya, juga dari India, telah memohon PR dan sedang menunggu keputusan daripada JPN, Kota Kinabalu. Dengan kad pengenalan birunya dan / atau MyKad, dia boleh mengundi dan

telah mengundi sebanyak 4 kali. Dia berkata yang dia ingin terus menetap di Malaysia selama-lamanya.

W28 : Suaib bin Baraham

Dia seorang pendatang asing Suluk Filipina. Dia dilahirkan di sebuah pulau di Parnag, Filipina, pada 1954. Dia datang ke Sabah dengan bapa saudaranya pada 1972 semasa dia berumur 12 tahun. Tiada sebarang kesukaran untuk memasuki Sabah. Dia datang kerana konflik bersenjata di negara asalnya. Semasa di Sabah, pada mulanya dia tinggal dengan bapa saudaranya. Dia tinggal di sebuah pulau di Banggi selama 16 tahun tanpa sebarang dokumen. Pada 1988, dia berpindah ke Telipok di mana dia diberikan suatu resit pengenalan sementara oleh Pejabat Ketua Menteri yang melayakkan dia untuk tinggal di penempatan pelarian Telipok. Kemudian, dia berpindah ke penempatan pelarian di Kampung Suan Kecil, Keningau. Dia tidak pernah cuba untuk memohon pas IMM13. Selama 40 tahun dia di Sabah, dia tidak pernah kembali ke negara asalnya, Filipina. Dia sekarang menganggap dirinya sebagai warganegara Malaysia.

W37 : Isabelito Teves Pia

Dia seorang pendatang asing tanpa izin dari Filipina. Dia dilahirkan di Basilan, Filipina, pada 1964. Dia seorang Roman Katolik. Dia memegang kad pengenalan hijau Malaysia dengan kod 71. Dia seorang petani. Dia datang ke Sabah pada 1986 terutamanya untuk kehidupan yang lebih baik. Sepanjang dia tinggal di Sabah, dia membuat pelbagai jenis kerja. Pada 1990, dia berkahwin di Kota Kinabalu dan mereka mempunyai 2 orang anak, masing-masing sekarang 19 dan 17 tahun. Semasa dia bekerja, dia tidak memiliki apa-apa dokumen pengenalan. Kad banci dikeluarkan kepadanya oleh FSTF. Ini selepas banci yang dijalankan oleh FSTF. Dia katanya diberikan pas lawatan oleh seorang lelaki Melayu selepas membuat bayaran. Dan dia berjaya memperbaharui pas lawatan ini 2 atau 3 kali melalui lelaki Melayu yang sama. Pada 1993, dia berjaya memperoleh kad pengenalan hijau. Dia membuat percubaan untuk memperbaharui pas lawatannya tetapi ditolak. Dengan kad pengenalan hijau, dia berjaya mendapatkan lesen memandu dan membuka akaun. Pada 2000, dia memohon PR tetapi ditolak. Rayuannya terhadap penolakan itu juga telah diketepikan. Dia masih menggunakan Pasport Antarabangsa Filipina jika dia hendak pergi ke luar negeri.

Semua anaknya adalah warganegara Malaysia. Dia tidak pernah ditangkap sepanjang masa dia tinggal di Sabah. Kad pengenalan hijau yang dimilikinya didakwa tidak terdapat dalam rekod JPN, Kota Kinabalu.

W39 : Rasad bin Salleh

Dia seorang pekerja binaan. Dia dilahirkan di Mindanao, Filipina, pada 1962. Dia memasuki Sabah secara haram pada 1979. Sekarang dia tinggal di penempatan pelarian di Kampung Tongkang, Kudat. Dia telah dilantik oleh FSTF selaku Timbalan Pengerusi di penempatan tersebut. Dia telah berkahwin dan mempunyai 7 orang anak, 2 daripadanya telah meninggal dunia. Isteri dan 3 orang anaknya adalah pemegang IMM13. 2 orang anaknya yang lain masih kecil. Dia memegang MyKad hijau dengan kod 71. Selaku Timbalan Pengerusi, tugasnya termasuklah menyelia keselamatan dan kebajikan penduduk di penempatan itu serta membuat – laporan kepada FSTF. Penempatan itu mengandungi 70% Bajau dan 30% Suluk. Ia mempunyai bekalan air dan elektrik serta sekolah agama. Berdasarkan banci yang dibuat oleh FSTF, terdapat lebih kurang 660 orang di penempatan itu. Penduduk di situ memegang

pelbagai jenis dokumen terdiri daripada MyKad, MyPR, pas IMM13 hinggalah "kad burung-burung", dll. Walau bagaimanapun, majoritinya adalah pemegang IMM13. Dia menerangkan bagaimana dia memasuki Sabah dengan bot melalui Sandakan pada 1979 kerana perang di Filipina pada masa itu. Pada 1980, pas IMM13 dikeluarkan kepadanya oleh Jabatan Imigresen. Pada 1993, dia telah memohon dan kad pengenalan hijau dikeluarkan kepadanya oleh JPN, Sabah yang kemudiannya ditukarkan ke MyKad hijau. Kad ini telah tamat tempoh dan permohonannya untuk membaharui telah ditolak. Tiada alasan diberikan. Sekarang dia memegang pas IMM13. Dia berhasrat untuk tinggal di Sabah selama-lamanya.

W40 : Siah bin Jabidi

Dia seorang tukang kayu yang tinggal di skim penempatan Kampung Sungai Buaya, Tawau. Dia dilantik sebagai pengerusi di penempatan itu. Dia daripada masyarakat Suluk. Dia pemegang IMM13. Suatu penempatan telah wujud pada 1982. Menurut banci yang diambil pada tahun 2012, jumlah orang yang tinggal di sana ialah 1,520. Tiada terdapat kemudahan bekalan air dan elektrik di penempatan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat sambungan

bekalan air dan elektrik haram ke penempatan itu. Penduduk di sana kebanyakannya ialah nelayan dan pekerja binaan. Kebanyakan mereka adalah daripada masyarakat Bajau dan Suluk. Terdapat juga orang Layakan. Menurutny, 70% penduduk memegang IMM13; 10% memegang kad pengenalan Malaysia dan 20% tidak mempunyai sebarang dokumen langsung. Mereka mempunyai pelbagai masalah sosial di penempatan itu seperti penyalahgunaan dadah, jualan rokok haram, dll. Saksi ini berkata yang dia dilahirkan di Jolo, Filipina. Dia memasuki Sabah melalui Semporna dengan bot pada 1977 bersama-sama sekumpulan orang lain. Dia bekerja di pelbagai tempat di Sabah. Seterusnya, dia berjaya memperoleh suatu dokumen yang dipanggil HIF-22 yang hanya boleh dikeluarkan kepada pendatang asing berbangsa Cina dari Indonesia. Dari 1982 hingga 1989, dia tinggal di Kampung Titingan, Tawau. Selepas itu, dia berpindah ke Kampung Sungai Brap hingga sekarang. Pada tahun 1991, suatu banci telah dijalankan oleh FSTF di penempatannya dan kad banci dikeluarkan kepadanya. Pada 1997, dia memperoleh pas IMM13 yang dipegang hingga kini. Dia berkata penduduk di penempatannya tidak memohon kepada pihak berkuasa untuk medapat bekalan air dan elektrik kerana mereka berpendapat

mereka tidak berhak memandangkan mereka tidak mempunyai dokumen yang teratur, dsb.

W42 : Nisa binti Rahman

Dia seorang Bugis dari Indonesia. Dia dilahirkan di Sulawesi pada 1983. Pada Oktober 2011, dia memasuki Sabah menaiki kapal kargo melalui Nunukan dan Tawau dengan sekumpulan orang dari negaranya. Dia kemudiannya bekerja di ladang kelapa sawit. Dia tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan pada masa itu. Dia tidak mempunyai kesukaran untuk memasuki Sabah. Dia datang atas alasan ekonomi. Pada Disember 2012, dia ditangkap di Tawau. Dia ditangkap oleh pegawai imigresen. Sekarang dia ditahan di pusat tahanan sementara Sandakan sementara menunggu penghantaran balik ke Indonesia. Dia menerangkan keadaan di pusat tahanan sebagai boleh tahan dengan 3 kali makan sehari dan terdapat kemudahan asas disediakan.

W43 : Waja bin Alik

Dia dilahirkan di Tambawan, Mindanao, Selatan Filipina pada 1967. Dia pemegang IMM13. Dia datang ke Sabah dengan sebuah bot semasa berumur 14 tahun bersama-sama dengan 5 orang anggota keluarga dan 20 orang lain. Mereka mendarat di Pulau Berhala, Sandakan, Sabah. Mereka tiada masalah semasa mendarat. Mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan atau pengenalan bersama-sama mereka pada masa itu. Mereka tinggal di Pulau Berhala semenjak itu iaitu dari 1980 hingga sekarang. Pulau Berhala ke Sandakan adalah lebih kurang 30 minit dengan bot. Dari 1980 hingga 1997, dia tidak mempunyai dokumen pengenalan. Pada 1997, pas IMM13 dikeluarkan kepadanya oleh Jabatan Imigresen. Isterinya dikeluarkan apa yang dipanggil "kad polis operasi". Isterinya kini telah meninggal dunia. Dia mempunyai 5 orang anak, 2 daripadanya mempunyai sijil kelahiran sementara yang lain tidak. Menurutnya, 21% penduduk di kampungnya mempunyai pas IMM13. Selainnya mempunyai pelbagai jenis dokumen seperti MyKad, MyPR, sijil banci, sijil kelahiran, pas polis, pasport, dll. Kampungnya mempunyai bekalan air tetapi tidak disediakan bekalan elektrik oleh pihak berkuasa. Mereka perlu menggunakan generator bagi maksud ini. Terdapat juga

sebuah sekolah bagi kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun. Kanak-kanak yang perlu ke sekolah menengah perlu pergi ke Sandakan. Dia dilantik oleh FSTF sebagai pengerusi di kampungnya dan perlu memberi laporan kepada FSTF setiap 3 bulan.

W52 : Mubin bin Paraja

Dia dilahirkan di Zamboanga, Mindanao, Filipina, pada 1968. Dia seorang Islam Bajau / Suluk. Dia datang ke Sabah kerana perang di Filipina. Dia datang pada 1976 dengan ibu bapa dan adik beradiknya. Mereka masuk melalui Semporna dengan bot. Dia pemegang IMM13, begitu juga ibu bapanya. Beberapa orang adik beradiknya mempunyai pas IMM13 manakala yang lain mempunyai sijil banci. Dia berkahwin dengan seorang berbangsa Filipina yang juga pelarian. Mereka mempunyai 12 orang anak berumur antara 20 tahun hingga 1 tahun. Mereka tinggal di skim penempatan Kampung Pulau Mabul, Semporna. Dia merupakan pengerusi di penempatan itu, yang dilantik oleh FSTF. Dia seorang nelayan. Selaku pengerusi, dia bertanggung jawab ke atas kebajikan umum penduduk di penempatan itu yang mempunyai hamper 3,000 penghuni. Dia melaporkan kepada FSTF apa yang

berlaku di penempatan itu. Menurutnya, pada mulanya siji banci dikeluarkan kepadanya oleh FSTF. Selepas itu, Jabatan Imigresen, Tawau mengeluarkan pas IMM13 kepadanya. Sebelum mendapat pas IMM13, suatu resit pendaftaran sementara dikeluarkan kepadanya. Pada 2005, dia memohon MyPR dan masih menunggu jawapan. Dia berkata penempatannya tidak mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Mereka mendapat bekalan air daripada perigi dan mereka menggunakan generator untuk bekalan elektrik. Dia berkata kebanyakan penghuni adalah pemegang IMM13 dan lebih kurang 100 orang daripada mereka ini tidak mempunyai apa-apa dokumen langsung. Kebanyakan daripada mereka adalah pelarian dari Filipina yang lari ke Sabah dalam tempoh 1972 hingga 1984. Kebanyakan mereka adalah Islam Bajau dan Suluk. Menurutnya, dia dan keluarganya tidak berhasrat untuk kembali ke Filipina.

W53 : Yuhanis bin Bira

Dia dilahirkan di Toraja, Selatan Sulawesi, Indonesia, pada 1955. Dia bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan. Dia memegang MyKad yang mempunyai kod 12 (bermaksud lahir di Sabah). Dia termasuk dalam masyarakat Toraja. Dia adalah

seorang Kristian. Dia mempunyai 2 orang isteri. Katanya dia berkahwin menurut adat anak negeri. Kedua-dua isterinya mempunyai passport Indonesia. Mereka mempunyai 4 orang anak, semuanya lahir di Sabah. Mereka mempunyai sijil kelahiran. 3 daripada mereka mempunyai kad pengenalan. Seorang masih lagi di bawah umur. Dia memasuki Sabah pada tahun 1973 melalui Tawau. Semasa di Sabah, dia bekerja untuk sementara waktu sebelum kembali semula ke Tarakan untuk membuat pasport Indonesia dan kemudiannya memasuki semula Tawau menggunakan pasportnya. Menurutnya, dia mempunyai peluang yang lebih baik dalam mendapatkan pekerjaan jika dia memiliki pasport. Dia membuat pelbagai kerja di Sabah. Menurutnya, dia berjumpa dengan seorang agen yang mendakwa bertugas untuk seorang ketua anak negeri yang dipanggil Dollah Suing dan telah diberikan borang permohonan kadpengenalan untuk diisi. Dia mengisinya dan menurunkan cap jari atas borang itu. Dia juga mengemukakan beberapa keping gambarnya. Tidak terdapat sebarang dokumen sokongan seperti sijil kelahiran, dsb. Lebih kurang setahun kemudian, dia diberikan kad pengenalan biru dengan 6 angka oleh agen yang sama. Pada kad pengenalan itu, tempat lahirnya dinyatakan sebagai Tawau. Dengan kad itu, dia berjaya menukarnya kepada MyKad di JPN, Tawau. MyKad ini

mempunyai kod 12. Pada 1981, dia mendaftarkan diri sebagai pengundi dan semenjak itu telah mengundi pada setiap pilihanraya. Walaupun dia menganggap dirinya seorang warganegara Malaysia, dia masih menaruh harapan untuk pulang ke negara kelahirannya.

W54 : Berahim bin Abdullah

Dia lahir di Timor-Timor, Indonesia pada 1958. Dia memasuki Sabah secara haram pada 1990 melalui Tawau. Semasa di Sabah, dia membuat pelbagai jenis pekerjaan dan pada masa ini bekerja sebagai tukang masak di Restoran Seng Lee. Dia memegang kad pengenalan biru dengan kod 12 (bermaksud lahir di Sabah). Menurutnya, pada 1989, pasport Indonesiannya telah hilang dan pada 1990, dia berjumpa dengan seorang lelaki yang bernama Latif Kabang yang membantunya memohon kad pengenalan di JPN, Kunak di mana dia diminta untuk menurunkan cap jari dan memberi gambar. Tiada sebarang dokumen lain dikemukakan untuk menyokong permohonannya. Menurutnya, dia membayar RM10 bagi perkhidmatan ini. Selepas 6 bulan, dia dimaklumkan oleh Latif Kabang bahawa kad pengenalannya telah siap untuk diambil di JPN. Kad pengenalan

yang diserahkan kepadanya menyatakan namanya sebagai Berahim bin Abdullah. Menurutnya, dia tidak tahu bagaimana dan kenapa namanya ditukar kepada Berahim bin Abdullah. Dia menyatakan bahawa kad pengenalan biru yang dikeluarkan kepadanya menyatakan yang tempat lahirnya ialah Sabah dan dia mengaku bahawa ini adalah tidak betul sebab dia tidak dilahirkan di Sabah. Dia cuba menerangkan bahawa JPN merekodkan dia sebagai lahir di Sabah berdasarkan maklumat yang diberikan dalam borang permohonan yang diisi oleh Latif Kabang. Selepas menerima kad pengenalan biru, dia telah berjaya menukarnya kepada kad pengenalan KPT bunga raya. Selepas itu, dia menukarnya ke MyKad dan pada November 2012, dia menukarnya sekali lagi kepada MyKad versi terkini. Dia berkata dia tidak menghadapi masalah untuk menukar kad pengenalannya itu. Menurutnya, dia mendaftar diri sebagai pengundi pada tahun 1990 dan sejak itu telah 4 kali mengundi semasa pilihanraya.

W55 : Petrus bin Molang

Dia dilahirkan di Flores, Timor Indonesia pada 1943. Dia memasuki Sabah pada 1962 untuk mencari kerja. Dia memasuki Sabah melalui Tawau. Dia telah memohon dan diberikan pasport

British pada 1962. Dia telah membuat beberapa jenis pekerjaan. Pada tahun 1963, semasa bekerja dengan NBT, seorang pegawai pendaftaran dari JPN memberitahunya supaya memohon kad pengenalan hijau. Dia memohon dan suatu kad pengenalan bemombor awalan H dikeluarkan kepadanya. Pada tahun 1972, semasa bekerja di Mostyn, seorang pegawai pendaftaran dari Jabatan Imigresen melawat ladang itu dan memberitahunya supaya memohon permit masuk dan kad pengenalan merah. Dia pun memohon dan mendapat dokumen-dokumen tersebut. Kad pengenalan merah itu adalah untuk status penduduk tetap. Kemudian, dia menukar kad pengenalannya kepada suatu kad pengenalan yang mempunyai 12 angka dengan kod 12.

W93 : Charles Magadap Rungus

Dia seorang pengawal keselamatan yang dilahirkan di Kampung Sampir, Kota Marudu, Sabah. Dia tidak mempunyai sijil kelahiran kerana kelahirannya tidak didaftarkan memandangkan semasa tahun 1960an kampungnya berada di kawasan yang sangat terpencil. Pada 1976, dia memohon mendapatkan kad pengenalan secara akuan berkanun melalui ketua kampung dan majistret. Dia menunggu sehingga 1985 baharulah dimaklumkan

yang akuan berkanunnya tidak boleh digunakan bagi permohonan itu. Dia kemudiannya dinasihatkan untuk memohon pendaftaran lewat kelahiran. Pada 2002, dia dipanggil untuk temuduga oleh JPN Kota Marudu. Dia menerima siji kelahiran pada September 2003. Selepas itu, dia telah memohon dan suatu kad pengenalan dikeluarkan kepadanya pada Mac 2004. Dia berkata yang dia kena berpindah keluar dari Kota Marudu kerana tanah yang didudukinya adalah milik Syarikat Bogaraya Sdn. Bhd., sebuah syarikat persendirian. Dia kemudiannya berpindah ke kawasan setinggan di Kampung Punai, Kota Kinabalu dan mendapat kerja sebagai pengawal keselamatan, iaitu pekerjaan sekarang. Dia menyatakan bahawa dia menerima notis daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) supaya mengosongkan tempat itu kerana tapak itu berkemungkinan besar akan digunakan untuk pembinaan bangunan mahkamah. Dia telah meminta bantuan wakil rakyatnya namun setakat ini tiada makluman positif. Dia mengaku bahawa walaupun sebagai seorang Bumiputra, dia tidak mempunyai tanah dan tiada rumah tetapi seperti seekor burung yang bergerak dari suatu tempat ke suatu tempat.

W99 : Ergelynn Esperilla

Dia dilahirkan di Tawau, Sabah, pada 1987. Ibu bapanya berasal dari Filipina. Dia adalah pemegang IMM13. Kemudian dia memohon permit masuk. Dia juga memohon MyPR dan selepas itu, MyKad. Bapanya memegang kad HIF-22. Ibunya memegang kad penduduk sementara (kad hijau). Dia mempunyai 5 orang adik-beradik, seorang pemegang MyPR, 2 orang pemegang permit masuk dan seorang pemegang kad hijau.

W101 : Chia Oi Lan

Dia dilahirkan di Papar, Sabah, pada tahun 1953. Dia seorang berbangsa Cina Hakka, telah berkahwin dan mempunyai 4 orang anak. Suaminya juga seorang Hakka. Dia berpelajaran Cina. Dia mendapat kad pengenalan pertamanya di Papar semasa berumur 12 tahun. Pada usia 18 tahun, dia mendapat kad pengenalan biru dengan 6 angka dari Kota Kinabalu. Dia kemudian menukarnya ke MyKad. Pada 20/7/2007, dia cuba membuka akaun bank di Maybank tetapi diberitahu yang dia tidak boleh berbuat demikian disebabkan kad pengenalan lamanya telah digunakan oleh seorang lain di Cheras, Kuala Lumpur. Dia

kemudian melaporkan perkara ini. Dia masih menunggu hasil daripada laporannya itu. Dia pernah mendaftar sebagai pengundi di Papar dan telah mengundi pada setiap pilihanraya.

W102 : Lim Yit Tin

Dia seorang pesara. Dia dilahirkan di Nunukan, Indonesia, pada 1951. Dia memasuki Sabah melalui Tawau secara haram semasa berumur 9 tahun kerana ketidakstabilan politik di Indonesia. Ibu bapanya berasal dari China dan pada mulanya menetap di Indonesia. Pada tahun 1985, HIF-22 dikeluarkan kepadanya oleh Jabatan Imigresen. Pada tahun 1990, dia menukarnya ke pas IMM13. Pada tahun 2003, dia berjaya mendapatkan permit masuk daripada Jabatan Imigresen di Kota Kinabalu dan pada 2004, MyPR dikeluarkan kepadanya. Semenjak itu, dia telah memohon MyKad tetapi dinasihatkan untuk menunggu selama 12 tahun sebelum layak mendapatnya. Dia berkata dia pergi ke Putrajaya untuk berjumpa Ketua Setiausaha Negara dan berjaya mendapatkan permit masuk. Dia berkahwin dengan rakyat Malaysia tempatan. Apabila ditanya tentang Projek IC, dia berkata dia tidak tahu mengenainya.

W106 : Chin Fon Ki

Dia seorang ahli perniagaan. Dia lahir di Tawau pada tahun 1956. Dia seorang berbangsa Cina Hakka. Ibu bapanya berasal dari China dan menjadi petani di Tawau. Bapanya menjadi warganegara Malaysia pada tahun 1975 dan mendaftarkan kelahirannya dengan *Colony of North Borneo*. Pada tahun 1973, dia mendapat kad pengenalan Malaysia dengan awalan H. Dia tidak menghadapi masalah menukar ke MyKad. Dia mendaftar sebagai pengundi di Likas dan telah 5 kali mengundi dalam pilihanraya.

W113 : Said bin Haji Daud

Dia dilahirkan di Basilan, Mindanao, Filipina, pada 1965. Dia memasuki Sabah menerusi laut secara haram pada 1980 melalui Sandakan. Dia seorang pekerja binaan dan nelayan. Dia seorang ketua kampung di Penempatan Pelarian Kiamsan, Labuan. Sebaik sahaja memasuki Sabah, dia berpindah dari Sandakan ke Keningau dan kemudian ke Labuan. Dia sekarang tinggal di Kampung Kiamsan yang mempunyai 199 buah rumah dengan 1,866 penghuni yang kebanyakannya ialah Suluk, Bajau dan

Yakan. Kebanyakan mereka mempunyai dokumen yang sah seperti MyKad, MyPR, pas IMM13, pas banci dan kad burung-burung. Jumlah penghuni yang tidak mempunyai dokumen ialah 148. Kampung Kiamsan mempunyai bekalan air dan elektrik. Dahulunya ia kem TUDM. Saksi ini telah berada di Malaysia selama 33 tahun. Dia telah memohon permit masuk yang masih sedang diproses. Dia telah berkahwin. Isterinya pemegang MyPR. Anak-anaknya masih kecil namun semuanya mempunyai sijil kelahiran tempatan.

W114 : Bensar bin Sabtula

Dia dilahirkan di Basilan, Mindanao, Filipina pada 1962. Dia memasuki Sabah menerusi laut secara haram melalui Sandakan dengan 30 orang yang lain kerana perang saudara di Filipina. Semasa di Sabah, dia tinggal di pelbagai tempat dan akhirnya menetap di Penempatan Pelarian Kampung Kiamsam di Labuan. Dia dilantik sebagai ketua kampung pada 2006 oleh FSTF. Penempatan ini mempunyai 272 buah rumah mengandungi 1,538 penghuni, kebanyakannya Bajau, Suluk dan Yakan. Mereka memiliki pelbagai dokumen seperti MyKad, MyPR, pas IMM13, sijil banci, kad burung-burung, dsb. Beberapa orang tidak mempunyai

apa-apa dokumen langsung. Bekalan air dan elektrik disediakan di penempatan ini. Kebanyakan penghuni di sana adalah pekerja binaan dan nelayan. Saksi ini telah memohon permit masuk yang masih lagi sedang diproses oleh pihak berkuasa. Buat masa ini, dia memegang pas IMM13.

W115 : Mohd. Ansar bin Maidin

Dia dilahirkan di Likas, Sabah, pada 1962. Bapanya seorang Islam dari India dan ibunya dari Tawau. Dia seorang pemilik restoren. Kedua ibu bapanya telah meninggal dunia. Pada mulanya dia memiliki kad pengenalan merah (penduduk tetap). Dia mendapat sijil kelahiran pendaftaran lewat. Dengan sijil ini, dia berjaya mendapatkan MyKad dengan kod 12. Dia mempunyai 5 orang adik-beradik. Anak-anaknya semua mempunyai kad pengenalan Malaysia. Dia ialah Setiausaha Agung Persatuan Peniaga India Muslim Sabah. Semua ahli-ahlinya mempunyai dokumen yang teratur. Dia menyangkal dakwaan yang dibuat di Sabahkini bahawa Persatuannya terlibat dalam merekrut India Muslim dari India.

W116 : Peer Mohamad bin Kadir

Dia dilahirkan di Chennai, India tetapi dia memegang MyKad dengan kod 12 yang menunjukkan bahawa dia lahir di Sabah. Dia seorang ahli RELA. Dia seorang ahli Persatuan Peniaga India Muslim, Sabah. Dia memasuki Sabah pada tahun 1980. Pada tahun 1986, dengan bantuan seorang yang dipanggil Pak Cik, dia memohon kad pengenalan Malaysia secara akuan berkanun. Kira-kira pada 1990, dia diberikan kad pengenalan biru Malaysia yang menyatakan bahawa dia lahir di Kampung Banbangan. Pada 1992, dia menukarnya ke kad pengenalan KPT tetapi kad itu telah hilang selepas itu dan apabila dia melaporkan perkara ini kepada JPN, dia telah diberikan resit sementara yang disimpannya sehingga 1996 apabila kad pengenalan bunga raya Malaysia dikeluarkan padanya. Pada tahun 2007, dia menukarnya kepada MyKad yang dipegang hingga sekarang. Dengan MyKad Malaysianya itu, dia berjaya menerima BRIM RM500 baru-baru ini. Sejak 1990an, dia telah mengundi sebanyak 5 kali di kawasan Likas. Dia telah berkahwin dengan dua orang isteri dan empat anak. Semua anaknya mempunyai siji kelahiran yang teratur. Isteri-isterinya memegang pasport, seorang memiliki pasport Indonesia dan seorang lagi pasport India.

W132 : Shukur bin Abdullah

Dia bekerja sebagai seorang tukang jahit. Dia dilahirkan di Mindanao, Suluk, Filipina pada 1960. Dia telah berkahwin dan isterinya juga berasal dari Filipina. Mereka mempunyai 2 orang anak, kedua-duanya lahir di Sabah. Dia memasuki Sabah secara haram pada 1976 semasa dia berumur 16 tahun. Dia mengikuti ibu saudaranya ke Sabah. Mereka datang melalui Kudat menaiki bot laju. Dia berkata bahawa mereka datang ke Sabah kerana kekacauan awam di kampungnya di Filipina. Mereka ingin membina hidup baru di Sabah. Pada suatu ketika, dia memegang pas IMM13 dan isterinya memegang pas banci. Dia berjaya mendapatkan permit kerja daripada Jabatan Imigresen. Dia menyatakan bahawa dia kemudian membuat permohonan kepada JPN, Kudat, untuk mendapat kad pengenalan biru Malaysia yang katanya adalah atas inisiatifnya sendiri. Permohonan itu disokong oleh akuan yang disahkan oleh ketua kampung. Dia berkata bahawa dalam akuan tersebut, kelahirannya dinyatakan sebagai Pulau Banggi, Kudat. Setahun kemudian, dia diberikan kad pengenalan biru yang masih dipegang hingga sekarang. Ia mempunyai kod 12 yang bermaksud dia dilahirkan di Sabah. Isterinya mempunyai MyPR merah dan kedua-dua anaknya

mempunyai kad pengenalan biru. Dia mempunyai lesen memandu Malaysia dan juga pasport Malaysia. Dia juga telah mendaftar diri sebagai pengundi dan telah mengundi pada setiap pilihanraya di Sabah. Malah, dia merupakan Setiausaha UMNO yang sudah 10 tahun disandanginya.

W133 : Taji bin Salleh

Dia seorang Suluk yang lahir di Pulau Jolo, Filipina, pada 1969. Dia seorang nelayan. Dia memasuki Sabah secara haram pada 1984 melalui Tawau dengan menaiki bot (kumpit). Pada masa itu dia berumur antara 12 hingga 14 tahun. Dia tinggal di penempatan setingan Kampung Tinagat, Tawau, yang diuruskan oleh FSTF. Dia telah berkahwin dan mempunyai 7 orang anak, semuanya lahir di Sabah. Pada 1996, dia diberikan pas pengenalan penempatan (juga dirujuk sebagai kad burung-burung). Dia masih memegang dokumen ini. Menurutnya, dia tidak pernah berhadapan dengan apa-apa kesulitan dalam menggunakan dokumen ini sejak lebih 30 tahun yang lepas. Menurut pegawai penyiasat, dokumen ini kini tidak lagi diiktiraf oleh pihak berkuasa.

W136 : Said Ghani bin Abdul Nabi

Dia seorang Pashtun yang lahir di Beaufort, Sabah pada 1956 dan sekarang tinggal di Kampung Masjid, Keningau. Dia berkahwin dengan seorang wanita dari Pakistan. Selama bertahun-tahun, dia berulang-alik antara Sabah dan Pakistan. Dia mempunyai 5 orang anak, berumur antara 9 hingga 19, semuanya lahir di Pakistan. Pada 2012, dia membawa isteri dan 5 anaknya ke Sabah dengan menggunakan pasport Pakistan. Anaknya, Ihsan Ullah berjaya memperoleh MyKad selepas 2 tahun memasuki Sabah. Semua anaknya mempunyai siji kewarganegaraan yang dikeluarkan kepada mereka oleh JPN, Kota Kinabalu. Kementerian Dalam Negeri telah meluluskan permohonan mereka untuk kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, isterinya masih menggunakan pasport Pakistan.

W137 : Ihsan Ullah

Dia seorang Pashtun yang dilahirkan di Bunir, Pakistan, pada 1993. Dia adalah anak lelaki kepada Said Ghani bin Abdul Nabi (W136). Dia berkata yang dia dan ibu serta adik-beradiknya memasuki Sabah dengan pasport Pakistan mereka. Mereka

menetap di Keningau. Dia menyatakan bahawa pada 11/10/2010, dia pergi ke JPN, Kota Kinabalu dengan bapanya untuk memohon kewarganegaraan Malaysia; bahawa permohonannya diluluskan pada 3/5/2011. Sebaik menerima sijilnya, dia mengangkat sumpah kewarganegaraan di Wisma Wanita, Kota Kinabalu. Semua adik-beradiknya menerima sijil kewarganegaraan mereka juga. Dia kemudian memohon dan memperoleh MyKad. Dia sekarang berhasrat untuk memohon pasport Malaysia.

W144 : Abdullah bin Mahmood

Dia seorang Pakistan. Dia menyatakan bahawa pada usia 11 tahun, dia mengikuti bapa saudaranya Tajar dari Pakistan ke Kuala Lumpur dan kemudian ke Kota Kinabalu dan selepas itu ke Keningau. Mereka memasuki Sabah tanpa apa-apa dokumen perjalanan. Semasa di Sabah, dia telah berkahwin dengan orang Dusun tempatan. Mereka mempunyai 3 orang anak lelaki, semuanya lahir di Keningau. Semua mereka mempunyai MyKad. Menurutny, pada mulanya dia telah memohon dan mendapat kad pengenalan biru 7 angka daripada JPN tetapi kad itu hilang semasa dia pergi ke Pulau Gaya. Dia membuat laporan polis mengenai kehilangan itu dan dengan laporan tersebut, dia

meminta JPN untuk mengeluarkan kad pengenalan baru kepadanya; bahawa 5 tahun kemudian, dia diberikan apa yang dipanggil "KP Komputer" daripada JPN. Dia tidak mengemukakan sebarang dokumen sokongan untuk ini. Dia berkata yang dia telah mengundi beberapa kali menggunakan kad pengenalannya. Mengenai dakwaan seorang yang bernama Steven @ Lahamin bin Wasbin (W145) bahawa anak lelaki ketiganya tidak dilahirkan di kampungnya di Sabah, dia menjawab bahawa mereka sebenarnya tinggal di sebuah rumah yang berdekatan dengan kampung tersebut dan telah menggunakan kampung tersebut sebagai tempat lahir atas nasihat isterinya yang berasal dari kampung tersebut dan mempunyai saudara-mara di sana.

W146 : Abdullah bin Salim

Beliau dilahirkan di Kampung Bangau-Bangau, Semporna pada tahun 1963. Ibu bapanya adalah dari Tawi-Tawi, Filipina. Mereka mula-mula datang di Telipok, kemudian ke Kampung Pondo, Pulau Gaya. Menurut beliau, terdapat 4,000 orang, kebanyakannya Bajau-Ubian dan Suluk yang menetap di situ. Beliau berkata bahawa semasa pemerintahan BERJAYA di Sabah, beliau dibantu oleh anggota parti untuk mengisi borang

permohonan KP beliau. Tidak terdapat dokumen sokongan bagi permohonan ini. Beliau memperoleh KP dalam masa satu bulan selepas itu. Kemudian beliau menukar KP itu kepada KP Bunga Raya, kemudian kepada MyKad. Beliau kini memegang MyKad yang terkini. Beliau berkahwin dengan satu orang Filipina. Mereka mempunyai 5 orang anak, kesemuanya mempunyai sijil kelahiran. Beliau kini berpisah dengan isteri beliau. Menurut beliau, masih terdapat banyak kegiatan jenayah seperti kecurian, dadah, dsb. di Kampung Pondo, Pulau Gaya. Tempat tersebut tidak bersih tanpa sistem sanitasi yang sewajarnya. Ia tidak mempunyai bekalan air dan elektrik.

W147 : Zainal Abidin bin Mohamad

Beliau dilahirkan di Tamil Nadu, India, pada tahun 1963. Beliau mula-mula tiba di Kuala Lumpur melalui udara pada tahun 1973 dengan menggunakan pasport India dan visa masuk selama 3 bulan. Beliau menggunakan nama Bashir bin Mohamad. Selepas 2 tahun di Kuala Lumpur, beliau kemudiannya pergi ke Sabah melalui kapal dan bekerja di sebuah restoran di Kota Belud. Dari tahun 1980 hingga 1992, beliau terlibat dalam perniagaan tekstil. Beliau memohon KP Malaysia beberapa kali antara tahun 1983

hingga 1987 tetapi gagal. Kemudian, dengan pertolongan seorang lelaki bernama Ghani, beliau memohon semula di Kota Belud dengan menggunakan nama Zainal Abidin dan surat perisytiharan dan membayar RM10 untuk setem, KP biru berjaya dikeluarkan kepada beliau dalam masa 3 bulan. Dengan itu, beliau mendaftarkan diri sendiri sebagai pengundi dan telah mengundi lebih kurang 5 kali di kawasan Likas. Apabila ditanya oleh pegawai pengendali, beliau mengaku bahawa butir-butir yang terkandung dalam KP beliau adalah tidak tepat. Beliau tidak mempunyai sijil kelahiran dan perakuan kewarganegaraan tidak pernah dikeluarkan kepadanya. Beliau menyatakan bahawa beliau datang ke Sabah untuk mengikuti pak cik beliau. Pak cik beliau sekarang telah kembali ke India. Beliau telah berkahwin dan mempunyai 4 orang anak. Isteri dan semua anak beliau mempunyai pasport India.

W150 : Maming bin Saleng

Beliau dilahirkan di Sulawesi, Indonesia, pada tahun 1950. Beliau memasuki Sabah pada tahun 1981 melalui Nunukan dengan bot menggunakan pasport Indonesia. Semasa berada di Sabah, beliau bekerja di beberapa kem pembersihan. Pada tahun

1983 atau sekitarnya, beliau memohon KP Malaysia dengan bantuan 2 orang lelaki yang mana beliau perlu mengisi beberapa borang dan menurunkan cap jari pada borang itu. Beliau tidak mempunyai siji kelahiran atau perakuan kewarganegaraan pada masa itu. Tidak lama selepas itu, beliau diberikan KP biru yang pangkalnya mempunyai huruf H setelah membayar RM150 kepada 2 orang lelaki itu. Kemudian, beliau mendaftarkan diri sendiri sebagai pengundi. Dengan KP biru beliau, kemudiannya beliau berjaya menukarkannya kepada MyKad di JPN (Jabatan Pendaftaran Negara) tanpa banyak kesukaran. Beliau berjaya memperoleh pasport Malaysia dan menggunakannya untuk menziarah saudara mara di Indonesia. Beliau berkahwin dengan wanita Bugis yang juga memegang KP Malaysia yang diperoleh secara haram. Mereka tidak mempunyai anak. Apabila disoal oleh pegawai pengendali, beliau mengaku bahawa beliau memperoleh KP biru beliau secara haram memandangkan beliau tidak mempunyai dokumen yang berkaitan untuk menyokong permohonan ini pada masa material itu.

W152 : Abdul Hussin bin Amar

Beliau merupakan seorang kontraktor. Beliau dilahirkan di Kampung Pulau Gaya pada tahun 1954. Ibu bapa beliau merupakan orang tempatan dari Kudat. Beliau merupakan ketua kampung di Skim Penempatan Pulau Gaya, yang dilantik oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah, pada tahun 1991. Beliau menyatakan bahawa terdapat 273 buah rumah yang terdiri daripada 2,000 orang dalam Skim Penempatan tersebut. Kebanyakan daripada mereka merupakan orang tempatan. Terdapat juga pemegang IMM13 yang telah berkahwin dengan orang tempatan. Penempatan itu mempunyai sebuah klinik kesihatan dan sebuah sekolah menengah Kerajaan. Pada masa ini, ESSCOM mempunyai bidang kuasa ke atas kawasan itu. Menurut beliau, pada tahun 1963, beliau memegang KP jingga yang kemudiannya beliau menukar kepada KP biru diikuti dengan KP bunga raya dan akhirnya MyKad. Semua ini dilakukan di JPN tanpa banyak kesukaran. Beliau memiliki sijil kelahiran. Beliau berkahwin dan isteri beliau mempunyai KP Malaysia. Semua anak beliau mempunyai sijil kelahiran dan KP.

Beliau dilahirkan di Bone, Sulawesi Selatan, Indonesia, pada tahun 1960. Menurut beliau, pada tahun 1978, beliau memasuki Sabah semasa berumur 14 tahun bersama-sama dengan pak cik beliau. Mereka masuk melalui Nunukan dan Tawau dengan kapal bersama-sama dengan 700 orang. Beliau didapati memasuki Sabah dengan menggunakan pasport Indonesia. Semasa berada di Sabah, beliau bekerja di beberapa ladang. Menurut beliau, pada tahun 1991, beliau berjumpa dengan seorang lelaki Bugis di Sembulan. Dengan bantuan lelaki ini, beliau berjaya memperoleh KP biru yang pangkalnya mempunyai huruf H (bermaksud dilahirkan di Sabah). Dengan KP biru ini, beliau berjaya menukarkannya kepada KP bunga raya dan kemudiannya kepada MyKad. Pertukaran ini dilakukan di JPN, Kota Kinabalu. Beliau menyatakan bahawa beliau menyedari yang beliau telah memperoleh KP beliau dengan tidak mengikut undang-undang memandangkan beliau tidak mempunyai siji kelahiran mahupun perakuan kewarganegaraan pada masa material itu. Beliau mendaftarkan diri sendiri sebagai pengundi pada tahun 1995 dan telah mengundi beberapa kali. Beliau berkahwin dengan seorang wanita Jawa yang kini telah meninggalkan beliau.

W154 : Paulus Niron

Beliau dilahirkan di Solo, Timor, Indonesia, pada tahun 1977. Pada tahun 1994, beliau memasuki Sabah melalui Nunukan dengan bot menggunakan pasport Indonesia. Beliau datang untuk mengikuti beberapa orang saudaranya yang bekerja di Sabah. Beliau sekarang bekerja di sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Temperate Garden Produce Sdn. Bhd., Kundasan. Beliau dibayar lebih daripada RM800 sebulan. Terdapat lebih kurang 20 orang Timor yang bekerja di syarikat tersebut.

W155 : Wilfredo Real Aniel

Beliau dilahirkan di Zamboanga, Filipina, pada tahun 1965. Pada tahun 1988, beliau bersama-sama dengan 20 orang lagi memasuki Sabah dengan bot dari Bungan ke Lahad Datu. Beliau pergi ke Sabah dengan 2 orang adik beradik lelaki beliau mencari kerja dan juga kerana perang di Filipina. Semasa di Sabah, beliau bekerja di pelbagai tempat dan pekerjaan. Akhirnya pada tahun 2001, beliau berpindah ke Labuan untuk bekerja sebagai subkontraktor sebelum berpindah balik ke Tambunan pada tahun 2003. Pada tahun 2004, beliau pergi ke Ranau sebagai kontraktor

yang membina rumah di sana. Menurut beliau, sejak 1990, beliau tidak mempunyai dokumen lain kecuali perakuan banci yang dikeluarkan kepada beliau oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF). Beliau didapati tidak mempunyai kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan di Sabah. Walau bagaimanapun pada tahun 2008, beliau mengambil peluang daripada kononnya program pengampunan dan diberikan pasport Filipina pada tahun 2009. Dengan itu, beliau kemudiannya memperoleh pas kerja daripada Jabatan Imigresen, Keningau. Sekarang beliau menjalankan perniagaan sebagai kontraktor. Beliau bercadang untuk memohon MyPR apabila tiba waktunya.

W157 : Ishak Us'luan

Beliau dilahirkan di Timor, Indonesia, pada tahun 1967. Pada tahun 1983, beliau memasuki Sabah secara haram melalui Nunukan dan Tawau dengan bot untuk mencari pekerjaan. Selepas 3 tahun di Sabah, beliau kembali ke Timor untuk membuat pasport. Dengan pasport itu, beliau kemudiannya memasuki semula Sabah melalui Tawau di bawah nama yang bertalinan, Ishak Lada. Di Sabah, beliau berpindah ke Kunak dan bekerja di situ. Beliau menyatakan bahawa beliau telah memohon

KP Malaysia dengan bantuan seorang lelaki Bajau dari Sempoma yang dikenali sebagai Usman bin Razak pada tahun 1983. Beliau melengkapkan suatu borang dengan bantuan Usman bin Razak dan membayarnya RM40. Dalam masa 3 bulan, beliau diberikan KP biru yang mempunyai 7 angka. Dengan KP tersebut, beliau berjaya mendaftarkan dirinya sebagai pengundi di Sempoma tetapi tidak dapat mengundi kerana nama beliau tidak terdapat dalam senarai pengundi. Beliau berkata bahawa beliau kehilangan KP birunya dan permohonannya yang berikut bagi KP KPT tidak dilayan oleh JPN, Tawau. Beliau mencuba semula di JPN, Lahad Datu tetapi tidak berjaya. Selepas itu, beliau berjumpa dengan seorang lelaki Bajau yang berjanji untuk membantu beliau mendapatkan KP biru. Beliau membayar lelaki ini RM500. Akhirnya, beliau diberikan KP Malaysia dan kemudian beliau berjaya memperoleh MyKad. Setelah memeriksa rekod JPN, MyKad ini didapati palsu. Walau bagaimanapun, beliau berjaya menggunakan MyKad yang palsu ini selama 5 tahun tanpa sebarang kesukaran. Beliau telah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak. Isteri dan anak-anak beliau mempunyai pasport Malaysia. Beliau telah dinasihati oleh pegawai pengendali supaya mendapatkan bantuan daripada kedutaannya mengenai dokumennya.

W159 : Angkaas Biou

Beliau dilahirkan di Nabawan berhampiran dengan sempadan Indonesia pada tahun 1981. Beliau merupakan seorang petani. Disebabkan kampung beliau terpencil, kelahiran beliau didaftarkan lewat ibu bapa beliau miskin. Walau bagaimanapun, kelahiran beliau didaftarkan kemudian melalui mahkamah bergerak dan pada tahun 2007, beliau berjaya memperoleh sijil kelahiran lewatnya. Pada masa itu beliau berusia 26 tahun. Selepas memperoleh sijil kelahirannya, beliau kemudian memperoleh KP beliau daripada JPN Nabawan pada tahun 2007. Beliau telah berkahwin dan mempunyai 7 orang anak. Isteri beliau mempunyai sijil kelahiran dan KP. Semua anak beliau mempunyai sijil kelahiran. Selepas memperoleh KP beliau pada tahun 2007, beliau mendaftarkan dirinya sebagai pengundi dan telah mengundi satu kali sejak itu.

W160 : Lalsmin bin Limbuas

Beliau merupakan seorang petani. Beliau dilahirkan di Tongod pada tahun 1956. Beliau telah berkahwin dan mempunyai 7 orang anak. Beliau memohon KP beliau di JPN Tongod pada

tahun 1979. Kemudian beliau menukar KP beliau kepada KP KPT, kemudian kepada KP bunga raya dan akhirnya kepada MyKad. Permohonannya bagi KP biru disokong hanya oleh akuan berkanun tetapi bukan siji kelahiran. Beliau tidak mempunyai siji kelahiran kerana kelahiran beliau tidak didaftarkan disebabkan tempat kelahiran beliau yang terpencil. Beliau telah mendaftar sebagai pengundi dan telah mengundi 4 kali dalam pilihan raya.

W161 : Abdul Latif bin Jumaani

Beliau merupakan seorang pekerja binaan. Beliau dilahirkan di Pulau Ubian, Filipina, pada tahun 1958. Apabila beliau berusia 14 tahun, beliau datang ke Sabah bersama-sama ibu dan 2 orang adik beliau dengan bot yang dipanggil Kumpit. Mereka datang melalui Semporna. Mereka tinggal di beberapa tempat dan akhirnya menetap di petempatan pelarian Kinarut. Beliau berkahwin dengan satu orang Filipina dari kaum Bajau dari Pulau Gaya pada tahun 1985 tetapi perkahwinan itu tidak didaftarkan. Mereka bercerai selepas 10 tahun berkahwin. Pada tahun 2004, beliau berkahwin dengan seorang wanita dari Brunei dan mereka mempunyai 2 orang anak. Menurut beliau, KP beliau diperolehi melalui pihak ke-3 selepas mengisi beberapa borang dan gambar

dan cap jari beliau diambil; bahawa suatu surat akuan palsu yang menyatakan kelahirannya di Kampung Simunul, Semporna; 6 bulan kemudian, beliau diberikan KP biru yang bermula dengan huruf H. Beliau menyatakan bahawa apabila beliau memohon untuk menukar KP beliau kepada KP KPT, beliau diberikan resit sementara. Malangnya, beliau kehilangan resit tersebut. Suatu resit baru dikeluarkan kepada beliau oleh JPN tetapi beliau kehilangan resit ini sekali lagi. Sekali lagi, suatu resit sementara dikeluarkan kepada beliau dan beliau telah menggunakan resit ini selama lebih kurang 9 tahun. Akhirnya, MyKad dikeluarkan kepada beliau yang mempunyai kod 12 (bermakna dilahirkan di Sabah). Pada tahun 2013, beliau menukarkannya kepada MyKad yang terkini. Beliau telah mendaftarkan dirinya sebagai pengundi. Tiada petunjuk mengenai sama ada beliau telah mengundi atau tidak.

W165 : Rosalinda binti Ghani

Beliau dilahirkan di Zamboanga, Filipina, pada tahun 1962. Beliau berkahwin dengan Jin bin Misuari yang dilahirkan di Semporna. Mereka mempunyai 4 orang anak, kesemuanya memegang MyKad. Kesemua mereka telah berkahwin. Menurut beliau, pada tahun 1975 apabila beliau berusia 14 tahun, beliau

mengikut pak cik dan mak cik beliau ke Semporna, Sabah. Mereka memasuki Sabah secara haram. Semasa di Sabah, beliau berjaya memperoleh KP burung-burung. Dengan KP ini, beliau kemudiannya memohon permit masuk pada tahun 1997 daripada Jabatan Imigresen. Permohonan itu diluluskan pada tahun 1999. Kemudian beliau memohon KP daripada JPN, Semporna. Beliau membayar RM40 bagi KP itu. Pada masa itu, beliau berusia 40 tahun. Pada tahun 2001, beliau memperoleh KP KPT. Kemudian beliau memohon dan berjaya memperoleh MyKad. Beliau diberikan sijil kerakyatan Malaysia. Tidak lama selepas itu, MyKad dikeluarkan kepada beliau oleh JPN, Semporna, yang bernombor 620101-65-5012.

W167 : Wong Sik Fai @ Wong Set Fai

Beliau merupakan seorang penjaga stor. Beliau dilahirkan di Tarakan, Indonesia, pada tahun 1956. Ibu bapa beliau berasal daripada China. Beliau telah berkahwin dan mempunyai seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Isteri beliau merupakan orang tempatan dan mempunyai MyKad. Beliau memasuki Sabah secara haram. Beliau mula-mula tiba di Tawau dan ditemani oleh ibu dan kakak beliau. Mereka datang ke Sabah kerana kekacauan

di Indonesia pada masa itu dan juga kerana mereka mahu belajar bahasa Cina. Beliau memasuki sekolah di Tawau dan dapat menamatkan Tingkatan 5. Menurut beliau, dokumen pertamanya ialah pas IMM13 yang dikeluarkan bersejema kepada beliau dan kakak beliau. Kemudian, beliau diberikan pas IMM13 beliau sendiri. Beliau berjaya memperoleh permit masuk di Kota Kinabalu pada tahun 2010. Dengan permit tersebut, beliau memohon MyPR yang diluluskan pada tahun 2010. Pada masa itu beliau berusia 50 tahun. Beliau diberitahu bahawa beliau perlu menunggu 10 tahun lagi sebelum beliau boleh mendapat MyKad.

2.1.14 Lain-lain

W20 : Paul Allen Vernon

Beliau merupakan Pengarah Negara (*Country Director*) yang ditugaskan di UNHCR Malaysia. Beliau tiba di Malaysia pada 1/11/2008. Beliau memperhalkan peranan UNHCR sebagai suatu agensi yang menyokong Kerajaan dalam menguruskan pelarian di dalam negara. Beliau berkata bahawa UNHCR terlibat dengan pelarian di Sabah dari tahun 1977. Penglibatan ini berkaitan dengan sokongan kemanusiaan dari segi pendidikan, perubahan

dan bantuan kewangan kepada 6 petempatan pelarian di Sabah yang diwartakan sedemikian. Sudah tentu terdapat banyak petempatan lain tetapi ia di bawah kawalan dan seliaan Kerajaan Negeri. Kehadiran UNHCR berakhir pada bulan Jun 1987. Ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri sanggup dan mampu mengambil alih pengurusan semua petempatan pelarian. Walau bagaimanapun, UNHCR masih meneruskan peranannya untuk memantau. Ia juga memainkan peranan sebagai penasihat tetapi hanya atas pelawaan Kerajaan. Beliau berpandangan bahawa pelarian perlu diberikan sesuatu seperti dokumen supaya anak-anak mereka boleh mendapat pendidikan yang sepatutnya, dsb., supaya sebarang masalah sosial yang timbul daripadanya boleh dielak. Beliau juga berharap agar Kerajaan tidak perlu menghantar pulang pelarian sehingga waktu apabila UNHCR berjaya menyelesaikan masalah dengan menghantar mereka sama ada balik ke negara mereka sendiri atau ke negara ketiga. Apabila ditanya tentang keadaan petempatan pelarian di Sabah, beliau berkata beliau agak bimbang tentang keadaan kemiskinan di beberapa petempatan dan ketiadaan kemudahan asas seperti air dan elektrik. Sungguhpun begitu, beliau mengaku bahawa usaha tertentu sedang dijalankan oleh pihak berkuasa seperti FSTF dalam percubaan untuk memperbaiki keadaan di petempatan

tersebut tetapi merupakan suatu keadaan yang rumit memandangkan bilangan pelarian yang besar di dalam Negeri. Menurut beliau, satu penyelesaian kepada masalah pendatang adalah dengan menerima pakai suatu sistem dokumen yang sepatutnya. Penyelesaian yang lain ialah keperluan bagi semua anak pelarian untuk bersekolah, dsb., dan dalam aspek ini, mereka perlu diberikan dokumen yang sepatutnya. Beliau mengatakan bahawa pelarian tersebut yang sudah lama berada di sini selama lebih daripada 25 tahun, telah memutuskan apa-apa jua pertalian yang mereka ada dengan negara asal mereka dan telah menyatupadukan diri mereka secukupnya dengan masyarakat tempatan. Dalam hal sedemikian, adalah wajar bagi mereka didokumenkan dengan sepatutnya.

W23 : Saimah binti Salam

Beliau merupakan ketua kampung bagi Kampung Gaya, Pulau Gaya dan telah memegang jawatan itu sejak tahun 2005. Beliau merupakan seorang guru pencen. Beliau dilahirkan di Kampung Sembulan Lama, Sabah pada tahun 1953. Beliau memegang KP Malaysia dan telah menetap di Pulau Gaya sejak tahun 1970an. Penduduk di situ kebanyakannya Bajau Laut tetapi

terdapat juga beberapa Suluk. Beliau menganggarkan bilangannya ialah 4,000 lebih. Kampung itu mempunyai kemudahan asas seperti air dan elektrik serta sekolah. Beberapa orang penduduk telah berkahwin dengan orang tempatan. Beliau mengaku wujudnya penyalahgunaan dadah di kampung beliau. Kampung beliau tidak dianggap suatu petempatan pelarian. Terdapat lebih kurang 1,000 orang pengundi berdaftar di situ. Kesemua mereka mempunyai KP yang sepatutnya.

W25 : Muhammed bin Hussein

Beliau merupakan seorang pendatang tanpa izin dari Pakistan dan dilahirkan di sana pada tahun 1964. Walau bagaimanapun, beliau memegang MyKad yang mempunyai kod 12 (bermakna dilahirkan di Sabah). Beliau datang ke Sabah pada tahun 1987 apabila beliau berusia lebih kurang 18 tahun. Pada tahun 1988, beliau ditawarkan oleh seorang Pakistan dan beberapa orang lain untuk menukar pasport Pakistan beliau dengan KP Malaysia. Beliau kemudiannya dibawa ke JPN, Tawau, di mana beliau diminta untuk menurunkan cap jari pada suatu borang yang telah diisi. Beliau kemudiannya diberikan suatu resit sementara. Beliau perlu menyerahkan pasport Pakistan beliau di

kaunter JPN. Menurut pemyataan beliau, beliau memperoleh KP biru yang mempunyai 6 angka pada tahun 1989 yang beliau kemudiannya menukar kepada KP berkualiti tinggi yang mempunyai 12 angka. Ini adalah di JPN, Kota Kinabalu. Selepas itu, beliau menukarkan ini dengan MyKad. Beliau telah mengundi 4 atau 5 kali dalam pilihanraya di Sabah. Sejak tiba di Sabah, beliau telah melawat Pakistan 4 atau 5 kali menggunakan pasport Malaysia. Beliau berkahwin dengan satu orang Indonesia yang memegang pasport Indonesia. Mereka mempunyai 2 orang anak yang mempunyai sijil kelahiran.

W26 : Abd. Halil bin Aranil

Beliau merupakan seorang ketua kampung. Beliau dikenali sebagai Komander Janggut tetapi beliau merupakan seorang pendatang tanpa izin yang dilahirkan pada tahun 1954 di Basitan, Mindanao, Filipina. Beliau adalah daripada masyarakat Moro yang mempunyai campuran Bajau. Beliau merupakan bekas anggota MNLF (Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro) di bawah seorang bernama Haji Nur Misuari. Beliau memasuki Sabah pada tahun 1975 dengan 4 orang lagi komander Moro. Beliau pergi ke Sabah kerana, menurut beliau, mereka telah kehabisan peluru dan

makanan dalam pertempuran mereka menentang Kerajaan Filipina. Semasa di Sabah, beliau membuat pelbagai kerja-kerja. Pada tahun 1993, beliau berpindah ke petempatan pelarian Islam di Taman Kota Keningau. Dari situ, beliau kemudiannya berpindah ke petempatan pelarian Minsupala, Kampung Suai Kecil, Keningau. Sekarang beliau merupakan ketua kampung di situ. Pada mulanya beliau diberikan pas IMM13, kemudian memperoleh permit masuk daripada Jabatan Imigresen. Pada tahun 2009, beliau berjaya memperoleh MyPR merah yang dipegangnya sekarang. Beliau mempunyai 3 orang isteri dan 13 orang anak. Kesemua isteri beliau merupakan pemegang MyPR, begitu juga dengan anak-anak beliau yang juga mempunyai sijil kelahiran mereka. Beliau berkata terdapat air dan elektrik di kampung beliau. Malah terdapat Astro di kampung itu dan juga sebuah sekolah agama. Semua penduduk adalah daripada masyarakat Moro. Petempatan itu diselia oleh FSTF dan juga pejabat KM (Ketua Menteri). Beliau berkata beliau tidak lagi berhasrat untuk pulang ke Filipina tetapi mungkin akan melawat saudara-mara beliau di sana.

Beliau dilahirkan di Tamil Nadu, India, pada tahun 1962. Beliau mendapat pendidikan di India setakat Tingkatan 3. Beliau bekerja di sebuah kedai runcit. Beliau datang ke Kuala Lumpur pada tahun 1981 semasa beliau berusia 18 tahun dan selepas itu memasuki Sabah dengan pasport India. Beliau datang ke Sabah untuk mencari pekerjaan. Apabila tiba di Kota Kinabalu, beliau mendapat kerja di sebuah restoran. Beliau bekerja di situ dari tahun 1981 hingga 1987 dengan permit kerja yang diperolehi melalui majikan beliau daripada Jabatan Imigresen. Pada tahun 1987, beliau berpindah dari Kota Kinabalu ke Kota Belud dan bekerja di sana. Semasa di Kota Belud, beliau berjaya memperoleh KP biru. Menurut beliau, beliau berjaya memperoleh KP biru ini dalam masa 6 tahun dari ketibaan beliau di Sabah. Ini adalah di JPN, Kota Kinabalu. Pada tahun 1995, beliau pulang ke India untuk berkahwin. Dalam tahun yang sama, beliau membawa isteri beliau ke Sabah. Sekarang mereka mempunyai 2 orang anak berumur 11 dan 12 tahun, kedua-duanya dilahirkan di Sabah dan mempunyai siji kelahiran. Dalam memohon KP biru pada tahun 1981, beliau perlu mengisi suatu borang permohonan yang disokong oleh akuan berkanun yang dalamnya tempat lahir beliau

dinyatakan sebagai Kinarut, Papar. Beliau hanya mengikut apa yang dilakukan oleh beberapa orang pekerja Filipina lain pada masa itu. Beliau diberikan suatu resit selepas menyerahkan permohonan berserta akuan berkanun itu kepada JPN. Dalam cubaan kedua beliau pada tahun 1987, beliau berjaya memperoleh KP biru yang mempunyai kod 12 (bermakna dilahirkan di Sabah) berpandukan akuan berkanun yang mengandungi maklumat bahawa beliau dilahirkan di Kinarut, Papar. Sekarang beliau bersetuju bahawa itu adalah tidak benar. Akuan berkanun itu tidak pernah ditentusahkan oleh Majistret. Beliau juga bersetuju bahawa butir-butir dalam KP biru itu adalah tidak benar. Pada tahun 1995, beliau memohon dan diberikan pasport Malaysia oleh Jabatan Imigresen, Sabah. Pada tahun 2000, beliau memohon dan diberikan MyKad oleh JPN, Petaling Jaya, yang mempunyai kod 12. Pada tahun 2002, beliau menukarkan MyKad itu kepada MyKad terkini yang dipegangnya sekarang. Beliau berkata bahawa pada tahun 1991, beliau mendaftarkan dirinya sebagai pengundi dan sejak itu telah mengundi 4 kali di Sabah dalam Kawasan Likas. Beliau tidak mempunyai hasrat untuk pulang ke India. Beliau menganggap Malaysia sebagai negara beliau.

W36 : Sandokong bin Rajamantak

Beliau merupakan seorang pendatang tanpa izin dari Filipina. Beliau dilahirkan pada tahun 1944 di Tawi-Tawi, Filipina. Beliau ialah pemegang IMM13. Beliau menetap di skim petempatan Telipok dan dilantik sebagai pengerusi petempatan itu oleh FSTF pada tahun 2002. Beliau mempunyai 7 orang anak, 2 daripada mereka merupakan pemegang MyPR dan 5 ialah pemegang IMM13. Sebagai pengerusi, tugas beliau termasuklah melaporkan kepada FSTF tentang kebajikan dan aktiviti lain di petempatan itu. Sehingga tahun 2010, terdapat 8,029 orang di petempatan tersebut. Beliau memasuki Sabah pada tahun 1974 dengan isteri dan 2 orang anak beliau dari Tawi-Tawi, Filipina, disebabkan perang saudara di sana. Mereka memasuki Kota Kinabalu tanpa banyak kesukaran. Pada mulanya, beliau bekerja sebagai buruh kontrak. Kemudian, beliau diberikan pas IMM13. Beliau cuba untuk memohon KP PR (Penduduk Tetap) tetapi perkara itu masih di bawah pertimbangan pihak berkuasa. Beliau telah berada di Sabah selama hampir 40 tahun sekarang. Beliau diberikan permit masuk. Petempatan Telipok mempunyai kemudahan asas seperti air dan elektrik dan juga sebuah sekolah Kafa.

W38 : Lung Sim Yee

Beliau dilahirkan di Hainan, China, pada tahun 1959. Beliau memegang MyKad yang mempunyai kod 74. Beliau datang ke Sabah untuk bersama-sama datuk dan nenek beliau di sana. Di Sabah, beliau menetap di Tawau. Tidak lama selepas itu, beliau berjaya memperoleh KP hijau pada tahun 1978 (KP penduduk sementara). Ini digantikan dengan KP hijau yang lain pada tahun 1988. Beliau kemudiannya berkahwin dengan En. Chong yang merupakan orang Sabah. Beliau kemudiannya memohon dan diberikan KP merah (KP PR) oleh JPN. Pada tahun 2009, beliau diminta untuk mengangkat sumpah taat setia sebelum beliau layak untuk memohon KP biru. Pada tahun 2010, beliau diberikan KP biru. Pada tahun 2012, beliau mendaftar sebagai seorang pengundi. Beliau mempunyai 2 orang anak perempuan dan mereka semua mempunyai sijil kelahiran.

W40 : Sioh bin Jabidi

Beliau merupakan seorang tukang kayu yang menetap di skim petempatan Kampung Sungai Buaya, Tawau. Beliau dilantik sebagai pengerusi petempatan tersebut. Beliau adalah daripada

masyarakat Suluk. Beliau merupakan pemegang IMM13. Suatu petempatan telah wujud pada tahun 1982. Menurut banci yang dijalankan pada tahun 2012, bilangan orang yang menetap di situ ialah 1,520. Tidak terdapat kemudahan air dan elektrik di petempatan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat sambungan air dan elektrik secara haram ke petempatan itu. Orang di sana kebanyakannya ialah nelayan dan pekerja binaan. Kebanyakan daripada mereka datang daripada masyarakat Bajau dan Suluk. Beberapa orang ialah Layakan. Menurut beliau, 70% daripada orang itu ialah pemegang IMM13; 10% memegang KP Malaysia dan 20% tidak mempunyai dokumen langsung. Mereka mempunyai pelbagai masalah sosial di petempatan tersebut seperti penyalahgunaan dadah, pengedaran rokok, dsb. Saksi itu memberitahu bahawa beliau dilahirkan di Jolo, Filipina. Beliau memasuki Sabah melalui Semporna pada tahun 1977 dengan bot bersama-sama sekumpulan orang. Beliau bekerja di pelbagai tempat di Sabah. Kemudiannya, beliau berjaya memperoleh suatu dokumen yang dikenali sebagai HIF-22 yang hanya boleh dikeluarkan kepada pendatang Cina dari Indonesia. Dari tahun 1982 hingga 1989, beliau menetap di Kampung Titingan, Tawau. Selepas itu, beliau berpindah ke Kampung Sungai Brap di mana beliau menetap sekarang. Pada tahun 1991, suatu banci

dijalankan ke atas petempatan beliau oleh FSTF dan beliau diberikan kad banci. Pada tahun 1997, beliau memperoleh pas IMM13 yang masih dipegang beliau. Beliau berkata bahawa penduduk di petempatan beliau tidak memohon kepada pihak berkuasa bagi bekalan air dan elektrik kerana mereka berfikirannya mereka tidak layak memandangkan mereka tidak mempunyai dokumen yang sepatutnya, dsb.

W41 : Degon bin Amy

Beliau dilahirkan di Tawi-Tawi, Filipina Selatan. Beliau ialah orang Bajau beragama Islam. Beliau memasuki Sabah secara haram pada sekitar tahun 2002 dengan menaiki bot bersama-sama 60 orang atau lebih. Beliau datang melalui Sandakan tanpa sebarang kesukaran. Beliau tidak mempunyai dokumen dengannya pada masa itu. Semasa di Sabah, beliau menjalankan beberapa kerja rencam tanpa dokumen. Pada tahun 2012, beliau ditangkap oleh polis kerana memiliki dadah dan ditahan di pusat tahanan sementara, Sandakan, ternyata menunggu untuk dihantar pulang ke Filipina. Beliau berkata beliau dilayan dengan agak baik di pusat tahanan tersebut yang dikendalikan oleh FSTF.

W45 : Riyanti binti Sandamarten

Beliau merupakan seorang tahanan dari pusat tahanan sementara, Tawau. Beliau ialah seorang pendatang tanpa izin dari Sulawesi, Indonesia. Beliau ditangkap di sebuah pusat hiburan dan kemudian dibawa ke pusat tahanan sementara di Tawau. Beliau memasuki Sabah melalui Tarakan dan Nunukan ke Tawau pada tahun 1992. Beliau berusia 13 tahun pada masa itu. Beliau datang dengan kakaknya yang berusia 24 tahun. Mereka mempunyai pasport bersama pada masa itu. Mereka datang dengan bot. Pada mulanya, beliau bekerja di kilang papan lapis, Sandakan. Kemudian beliau pergi ke Lahad Datu. Pada tahun 1996, beliau berkahwin dengan seorang Cina yang dikenali sebagai Chong Luen Lin dari Tawau. Perkahwinan itu didaftarkan dengan JPN Tawau. Pada tahun 1997, beliau menetap di Tawau dengan suaminya. Pada tahun 2005, beliau berpisah dengan suaminya dan kembali ke Indonesia dengan 2 orang anaknya. Anak-anak beliau mempunyai siji kelahiran Sabah. Beliau ternyata kembali ke Tawau pada tahun 2007. Anak-anak beliau kembali ke Tawau dahulu kerana mereka bersekolah di sana. Beliau kembali ke Tawau tanpa melalui saluran yang sepatutnya. Didapati tiada kesukaran dalam berbuat demikian. Pada tahun 2012, beliau

ditangkap di suatu bar awam di Fajar, Tawau dan ditahan di pusat tahanan sementara, Tawau. Beliau telah berada di situ selama 5 bulan sekarang sementara menunggu dihantar pulang ke Indonesia. Menurut beliau, jika dihantar pulang beliau berhasrat untuk datang semula tetapi dengan dokumen yang sepatutnya kerana anak-anak beliau berada di sini. Beliau memperihalkan pusat tahanan sementara itu sebagai agak baik dari segi kemudahan dan layanan.

W49 : Bernard Ego Koten

Beliau dilahirkan di Keningau, Sabah, pada tahun 1991. Beliau berusia 20 tahun. Beliau merupakan orang Timor dan beragama Kristian. Bapa beliau dilahirkan di Indonesia dan datang ke Sabah melalui Tawau pada tahun 1976. Ibu bapa beliau masih hidup dan menetap di Kampung Kundasang, Ranau. Mereka mempunyai pasport Indonesia. Beliau mempunyai empat orang adik beradik, kesemua mempunyai sijil kelahiran Malaysia. Beliau memegang pasport Indonesia yang masih sah. Beliau tidak tahu bahawa mempunyai sijil kelahiran melayakkan beliau untuk memohon KP Malaysia. Beliau berkahwin dengan orang Timor. Isteri beliau memasuki Sabah melalui Tawau dengan

menggunakan pasport. Mereka mempunyai 1 orang anak yang kelahirannya belum didaftarkan.

W59 : Datuk Hj. Osman Jamal

Beliau merupakan Presiden Persatuan Masyarakat Bugis Sabah. Beliau juga Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah. Objektif Persatuan itu adalah terutamanya untuk menjaga kebajikan anggotanya yang merupakan kumpulan etnik Bugis di Sabah. Ia mempunyai lebih kurang 10,000 anggota. Beliau mengaku bahawa dua daripada anggotanya telah ditahan sebelum ini di bawah ISA kerana dikatakan terlibat dalam pengeluaran KP Malaysia kepada pendatang Bugis. Beliau mempunyai pengetahuan tentang sejarah masyarakat Bugis di Sabah setelah membaca pelbagai buku mengenai perkara itu. Beliau berpandangan bahawa Bugis di Sabah boleh dianggap sebagai anak negeri dari perspektif sejarah dan perundangan. Beliau menyebut dengan disokong seksyen 2(1)(d) Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri), Bab 64. Sebagai Pengarah Tanah dan Ukur, beliau menyatakan bahawa gelaran anak negeri hanya diberikan kepada orang yang layak di bawah undang-undang.

W60 : Datuk Baisul Khan bin Salman Faris

Beliau merupakan Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian India Muslim, Sabah. Beliau merupakan Pengarah Kosan, sebuah Pertubuhan Koperasi Kerajaan. Beliau dilahirkan di India tetapi berhijrah ke Malaysia (Malaya pada masa itu) pada tahun 1947 semasa beliau berusia 2 tahun. Beliau datang ke Sabah sebagai seorang guru pada tahun 1970. Dewan itu terlibat dalam menjaga urusan kebajikan masyarakat India Muslim di Sabah. Untuk menjadi anggota, seseorang pemohon perlu memenuhi 4 syarat: (1) dia mestilah seorang rakyat Malaysia; (2) dia mesti berusia 21 tahun ke atas; (3) dia perlu mempunyai lesen perniagaan dan (4) dia mestilah seorang rakyat Malaysia yang berasal dari India. Beliau menafikan tuduhan bahawa Dewan tersebut terlibat dalam membantu anggotanya memperoleh KP Malaysia dan juga merekrut pendatang dari India. Beliau mengaku merekrut pekerja untuk restoran tertentu tetapi ini dilakukan melalui saluran yang sepatutnya.

W61 : Omar bin Mohd. Subair

Beliau dilahirkan di Kampung Bangsal, Sipitang, Sabah, pada tahun 1954. Bapa beliau adalah dari India. Ibu beliau adalah dari Brunei. Ibu beliau meninggal dunia pada tahun 1974. Beliau dan bapanya kembali ke India semasa beliau berusia 6 atau 7 tahun. Ternyata bapa beliau meninggal dunia di India pada tahun 1970 dan beliau kemudian dibawa ke Malaysia oleh kawan bapanya pada sekitar tahun 1976. Beliau dijaga oleh kawan bapanya. Beliau tidak pernah pergi ke sekolah. Melalui semakan oleh pegawai pengendali, didapati bahawa beliau telah memohon bagi pendaftaran lewat kelahiran pada tahun 1991 semasa beliau berusia 37 tahun dan bukan semasa beliau berusia 16 tahun sebagaimana yang dikatakan beliau dalam pernyataan saksinya. Setelah memeriksa selanjutnya, didapati juga bahawa beliau diberikan KP merah pada tahun 1985 oleh JPN. Ternyata beliau telah memohon KP biru banyak kali tetapi ditolak oleh JPN. Walau bagaimanapun, beliau diberikan suatu resit sementara oleh JPN yang mengandungi 12 angka. Berdasarkan resit itu, beliau berjaya mendaftarkan dirinya sebagai seorang pengundi dengan Sunuhanjaya Pilihan Raya. Sebenarnya, beliau hanya merupakan

pemegang KP merah yang mempunyai 12 angka. Beliau berkata beliau telah mengundi semasa pilihan raya.

W94 : Abdul Latif Jumaani

Beliau dilahirkan di Pakistan. Beliau memasuki Kuala Lumpur dengan pasport Pakistan pada tahun 1983 dan selepas itu memasuki Sabah. 3 tahun kemudian, beliau kembali ke Kuala Lumpur. Pada tahun 1989, beliau cuba untuk mengguna pasport seorang Pakistan lain dan ditangkap oleh polis dalam perjalanannya ke lapangan terbang tetapi dilepaskan tidak lama selepas itu. Pada tahun 1992, semasa beliau di Sabah, beliau berjaya memperoleh KP biru dengan bantuan seorang Pakistan lain. Pada tahun 1993, beliau pergi ke JPN di Kuala Lumpur untuk memohon KP biru bunga raya yang berjaya diperolehnya pada tahun 1995. Pada tahun 2002, KP beliau hilang di Nilai, Negeri Sembilan. Setelah membuat laporan di balai polis, beliau diberikan suatu resit pengenalan sementara oleh JPN yang digunakan oleh beliau selama lebih kurang 11 tahun. Pada tahun 2009, beliau pergi ke kedutaan Pakistan, KL untuk mendaftar sebagai seorang rakyat Pakistan tetapi ia tidak diterima. Saksi tidak menyatakan kenapa beliau tidak diterima. Pada sekitar Februari 2013, beliau

dimaklumkan oleh JPN bahawa KP beliau telah dibatalkan. Beliau menyatakan bahawa KP plastik birunya diperoleh melalui akuan berkanun. Beliau juga menyatakan bahawa KP biru bunga rayanya mempunyai kod 12 bermakna beliau dilahirkan di Sabah. Beliau mengatakan bahawa beliau telah mendaftar sebagai seorang pengundi dan telah mengundi dua kali di Negeri Sembilan. Hendaklah diambil perhatian bahawa pegawai pengendali, setelah memeriksa dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, mendapati bahawa beliau bukan seorang pengundi berdaftar.

W107 : Tai Khun Dai (Shirley)

Beliau merupakan seorang suri rumah dan dilahirkan di Sandakan. Beliau ialah seorang Cina Hakka. Bapa beliau berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya. Sebelum ini saksi memiliki KP biru yang mempunyai 6 angka. Beliau tidak mengalami kesukaran dalam memperoleh MyKad akhirnya. Beliau memiliki sijil kelahiran pendaftaran lewat. Beliau mendaftar sebagai seorang pengundi dan telah mengundi dalam Pilihan Raya Umum 2013.

W115 : Mohd. Ansar bin Maidin

Beliau dilahirkan di Likas, Sabah, pada tahun 1962, Bapa beliau seorang Islam dari India dan ibu beliau adalah dari Tawau. Beliau merupakan seorang pemunya restoran. Sekarang kedua-dua ibu bapa telah meninggal dunia. Pada mulanya beliau memiliki KP merah (penduduk tetap). Beliau memiliki siji kelahiran pendaftaran lewat. Dengan siji itu, beliau berjaya memperoleh MyKad yang mempunyai kod 12. Beliau mempunyai 5 orang adik beradik. Kesemua anak beliau mempunyai KP Malaysia. Beliau merupakan Ketua Setiausaha bagi Persatuan Peniaga-Peniaga India Muslim Sabah. Semua anggotanya mempunyai dokumen yang sepatutnya. Beliau menafikan tuduhan yang dibuat oleh Sabahkini bahawa Persatuan beliau terlibat dalam merekrut India Muslim dari India.

W122 : Andi Kadir bin Jailani

Beliau merupakan seorang rakyat Malaysia yang berketurunan Bugis. Beliau dahulunya merupakan Ketua Setiausaha Agung bagi Persatuan Masyarakat Bugis Sabah. Beliau telah bekerja sebagai pegawai penyidik di Jabatan

Pembangunan dan Penyelidikan Perindustrian, Sabah. Persatuan beliau mempunyai 12,000 anggota. Beliau menafikan tuduhan bahawa Persatuan Bugis telah digunakan untuk membantu anggota-anggota dalam memperoleh KP secara haram. Menurut beliau, beliau telah membuat laporan mengenai tuduhan itu kepada polis. Perkara tersebut masih dalam siasatan.

W123 : Mohd. Zaki Harry Susanto

Beliau merupakan Pengarah Sykt. Kinabalu-Buminiaga Sdn. Bhd. Beliau merupakan bekas pegawai polis. Beliau ialah Ketua Setiausaha Agung Majlis Perpaduan Suluk Sabah. Beliau didapati tidak mempunyai persefahaman dengan Presiden Majlis tersebut. Beliau juga merupakan Setiausaha Biro Pendidikan bagi UMNO Bahagian Tawau. Persatuan Suluk tersebut mempunyai 1,000 anggota. Beliau menafikan mempunyai sebarang pengetahuan mengenai Persatuan tersebut digunakan atau terlibat dalam membantu anggota-anggota untuk memperoleh KP secara haram.

W124 : Wong @ Rodhzan Wong bin Sammie

Beliau merupakan Ketua Daerah yang ditempatkan di Mahkamah Anak Negeri Beaufort sejak tahun 2006. Tugas beliau termasuklah melangsungkan perkahwinan yang melibatkan orang bukan Islam dan juga membantu dalam pendaftaran lewat kelahiran. Menurut beliau, rekod mengenai sijil anak negeri yang dikeluarkan oleh Mahkamah Anak Negeri Daerah Beaufort telah musnah dalam banjir; bahawa sijil anak negeri tidak dikeluarkan sejak 1982. Semasa banci pada tahun 2010, terdapat 4,023 orang asing di Daerah Beaufort. Beaufort mempunyai 80% Bisaya yang kebanyakannya Islam dan 20% Kadazan dan Murut. Orang asing terlibat dalam kecurian, pengedaran dadah dan jenayah lain. Pekerja asing memberikan sumbangan yang besar dalam sektor pembinaan, pertanian dan perikanan.

W128 : Hadzlan bin Jablee

Beliau merupakan Penolong Setiausaha Penyelarasan yang ditempatkan di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah. Tugas beliau termasuklah menyelaras dan memantau perobohan rumah-rumah setinggan. Di Sabah, terdapat

23 pihak berkuasa tempatan. Menurut beliau, statistik menunjukkan terdapat 140,499 buah rumah setinggan dan 8,284 buah rumah setinggan yang telah dirobohkan. Banci dijalankan juga ke atas rumah-rumah setinggan. Kerajaan tidak menyediakan peruntukan perbelanjaan bagi mengatasi masalah setinggan. Pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai bidang kuasa ke atas petempatan pelarian yang merupakan tanggungjawab FSTF. Setinggan telah meningkatkan masalah sosial. Mereka cenderung menduduki tanah kerajaan dan tidak membayar sebarang cukai, dsb.

W145 : Steven @ Lahamin bin Wasibin

Beliau merupakan Pengerusi JKKK di Kampung Penagatan Laut dan juga Ketua UMNO Cawangan di situ. Beliau telah membuat suatu laporan polis bertarikh 12/11/2012 di pejabat polis, Keningau, yang jelas mempersoalkan kesahihan tempat lahir seorang bernama Amir Said bin Abdullah yang dilaporkan dalam facebook beliau. Menurut beliau, beliau tidak mengetahui yang lelaki itu dilahirkan di kampung beliau walaupun beliau mengaku mengenali bapa lelaki itu sebagai Aminshad yang berkahwin dengan sepupu beliau Lalsah binti Limpatu.

W151 : Abdul Mutalib bin Tala

Beliau dilahirkan di Kunak pada tahun 1981. Ibu bapa beliau adalah dari Filipina. Pada tahun 1993, beliau memohon KP penduduk sementara di JPN, Semporna. Pada tahun 2002, beliau menerima KP hijau yang kemudiannya beliau menukar kepada MyKad hijau. Kemudian beliau memohon pas IMM13 dan permit masuk. Beliau berjaya memperoleh pas IMM13 pada tahun 2007 dan permit masuk pada tahun 2009. Pada tahun 2010, beliau memohon dan memperoleh MyPR daripada JPN di Kota Kinabalu. Ibu bapa beliau juga menerima MyPR mereka pada tahun yang sama. Beliau berkahwin dengan seorang Suluk yang memegang pas IMM13. Mereka mempunyai seorang anak. Menurut beliau, beliau mengikuti sekolah menengah di Kunak (Tingkatan 5); yang beliau menjadi guru Kafa di Skim Petempatan Pengkalan, Kunak. Beliau menyatakan bahawa terdapat 105 orang pelajar yang merupakan anak-anak kepada pelarian dari Filipina yang mengikuti sekolah Kafa tersebut. Beliau mengatakan bahawa rekod menunjukkan yang terdapat 4,305 orang pelarian di skim petempatan itu, kebanyakan daripada mereka merupakan Suluk dan Bajau dari Filipina. Kesemua mereka adalah Islam.

W158 : Nancy Padin binti Salutan

Beliau dilahirkan di Long Pasia, Sipitang, pada tahun 1972. Beliau berkahwin dengan Joseph Balang. Mereka mempunyai 6 orang anak lelaki, kesemua dilahirkan di hospital Sipitang. Beliau mengatakan bahawa kelahirannya tidak didaftarkan disebabkan tempat itu terpencil. Walau bagaimanapun, beliau akhirnya berjaya memperoleh sijil kelahiran apabila seorang pegawai JPN datang ke kampung beliau di Long Pasia bersama-sama mahkamah bergerak. Menurutny, beliau melalui proses biasa dalam memperoleh sijil kelahiran beliau dan selepas itu KP Malaysia beliau.

W162 : Wellet binti Dewa

Beliau merupakan seorang suri rumah. Beliau dilahirkan di Long Pasia pada tahun 1965. Beliau berkahwin dengan orang tempatan dari Long Pasia. Mereka mempunyai 5 orang anak. Mereka semua mempunyai sijil kelahiran dan KP. Beliau mengatakan bahawa beliau memperoleh sijil kelahirannya pada tahun 2001 secara pendaftaran lewat melalui mahkamah

bergerak. Selepas memperoleh sijil kelahirannya, beliau memohon dan diberikan KP oleh JPN, Sipitang.

W168 : Wilfredo Barroguld

Beliau dilahirkan di Roxas City, Filipina pada tahun 1945. Pada tahun 1964, beliau memasuki Sabah secara haram semasa beliau berusia 21 tahun. Beliau masuk melalui Tawau bersama-sama 40 orang lain dari Filipina. Semasa di Sabah, beliau bekerja sebagai buruh untuk BOMBAY BURMA TRADING COMPANY LTD (BBTCL) sehingga beliau bersara pada tahun 2008. Beliau memperoleh permit kerjanya melalui syarikat tersebut. Kemudian beliau diberikan KP jingga 6 angka yang dimilikinya selama 12 tahun. Pada tahun 1980, beliau memperoleh pas IMM13 daripada Jabatan Imigresen, Tawau. Pada tahun 2005, beliau memohon kepada Jabatan Imigresen untuk mendapatkan permit masuk tetapi ditolak. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011, beliau diberikan permit masuk. Kemudian beliau memohon dan memperoleh MyPR. Isteri dan anak-anak beliau juga memiliki MyPR.

W171 : Juak bin Borneo

Beliau dilahirkan dalam suatu bot kecil di laut berhampiran dengan Kampung Bangau-Bangau, Semporna pada tahun 1952. Sekarang beliau merupakan ketua kampung bagi kampungnya. Menurut beliau, orang Bajau Laut tinggal dalam bot dan lazimnya tidak tinggal lama di satu-satu tempat tertentu. Mereka terdapat di seluruh pulau di pantai timur Sabah. Kelahiran mereka jarang didaftarkan. Mereka tidak mempunyai siji kelahiran atau KP. Saksi telah berkahwin dan bercerai 7 kali. Beliau mempunyai 8 orang anak. Pada tahun 1960, usaha pendaftaran dijalankan di kampung beliau. Hasilnya, penduduk di situ diberikan KP jingga 6 angka. KP jingga ini kemudiannya ditukar kepada KP biru 7 angka dan selepas itu kepada KP KPT bunga raya 12 angka dan akhirnya kepada MyKad. Beliau mengatakan bahawa Kampung Bangau-Bangau didirikan pada tahun 1950an yang terdiri daripada Bajau Laut yang dianggap sebagai kaum nomad laut. Terdapat juga kumpulan etnik lain di kampung beliau. Pada tahun 2011, direkodkan bahawa kampung itu mempunyai jumlah penduduk sebanyak 5,792 orang dengan 518 buah rumah. Terdapat lebih kurang 3,000 orang pemegang KP; yang lain tidak mempunyai dokumen pengenalan. Kebanyakan kanak-kanak tidak bersekolah

kerana mereka tidak mempunyai sebarang sijil kelahiran atau KP. Penduduk di kampung itu menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia.

W185 : Mohd. Safie bin Mohd. Yusof

Beliau dilahirkan di Basilan, Filipina Selatan, pada tahun 1981. Beliau memasuki Sabah secara haram dengan bot bersama-sama ibu bapa dan adik beradik beliau. Mereka masuk melalui Semporna. Beliau mengatakan bahawa semasa di Sabah, seorang kawan bernama Mohd. Yusof bin Famesan membantu beliau dan adik beradiknya dalam memperoleh sijil kelahiran secara pendaftaran lewat supaya mereka dapat bersekolah di Sabah. Akhirnya, mereka berjaya memperoleh MyKad mereka. Beliau menyatakan bahawa kemudiannya beliau berjaya memperoleh pasport Malaysia tanpa sebarang kesukaran. Beliau sudah berkahwin dengan seorang Filipina lain dan mereka mempunyai 3 orang anak, kesemua dilahirkan di Semporna dan diberikan sijil kelahiran. 2 daripada mereka mempunyai MyKad.

W198 : Datu Akjan bin Datu Ali Muhammad

Beliau merupakan seorang kontraktor binaan. Beliau menafikan apa-apa pengetahuan tentang penglibatan dalam mengeluarkan KP palsu kepada orang asing. Beliau menyatakan beliau ditangkap dan ditahan di bawah ISA kerana menolong orang tempatan mengisi beberapa borang untuk memohon KP yang sah. Beliau menyatakan bahawa pada masa itu, beliau merupakan Setiausaha Agung bagi Persatuan Bajau Suluk Sabah. Beliau mendakwa mempunyai kaitan dengan Sultan Sulu.

BAB 3

W206 : Sarif Tatah Indah binti Aplasin

Beliau merupakan seorang suri rumah. Beliau datang dari Filipina Selatan. Beliau memasuki Sabah secara haram pada tahun 1979 disebabkan perang saudara di sana. Bapa beliau yang berbangsa Moro telah terbunuh dalam perang tersebut. Sekarang beliau menetap di skim petempatan pelarian di Kampung Bahagia, Sandakan, bersama-sama suami beliau yang memegang pas IMM13. Beliau sendiri memegang Pas Banci yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan. Beliau telah memohon pas IMM13 tetapi tidak berjaya. Beliau mempunyai 10 orang anak

yang berumur antara 10 hingga 19 tahun. Tiada seorang pun daripada mereka mempunyai pendidikan. Beliau berharap untuk menjadi rakyat Malaysia suatu hari nanti.

BAB 3 : PENILAIAN DAN DAPATAN

3.1 Terma Rujukan (f)

3.1.1 Isu Utama : Penghijrahan

Setelah menganalisis 8 Terma Rujukan dengan teliti, kelihatan jelas kepada kami bahawa isu teras terletak dalam perenggan (f) Terma Rujukan yang menghendaki Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) supaya menyiasat sebab atau punca peningkatan dalam jumlah penduduk bagi pelbagai kategori pemastautin yang dinyatakan dalam laporan ini di negeri Sabah dan kesan dari segi sosial, ekonomi dan politik yang berbangkit daripadanya. Sebenarnya, ini merupakan isu utama yang menyokong semua isu lain di bawah Terma Rujukan. Oleh yang demikian, kami berpendapat adalah wajar untuk memulakan pertimbangan kami mengenai perenggan (f) yang tersebut dahulu. Tetapi pertamanya, untuk mengelak kekeliruan, kami perlu membezakan antara pendatang tanpa izin dengan pelarian.

3.1.2 Pendatang Tanpa Izin

Ungkapan pendatang tanpa izin dan pendatang tidak didokumenkan digunakan secara bersilih ganti dalam penilaian kami. Menurut suatu artikel mengenai rangkaian sosial yang berhubungan dengan pendatang yang tak didokumenkan di Sabah (P92) oleh Dr. Dayang Suria Mulla (W111), beliau menyebut 5 kategori orang asing, iaitu mereka yang memasuki Malaysia tanpa dokumen yang sepatutnya; mereka yang tinggal melebihi tempoh permitnya; mereka yang ingkar dalam kontraknya; mereka yang menyalahgunakan permitnya atau pasnya dan anak-anak orang yang dilahirkan di Malaysia yang kelahirannya tidak didaftarkan. Beliau terus menyatakan antara lain:

“However, the line of demarcation between the legal and undocumented status is fluid. A legally recruited worker, for example, can be undocumented if he runs away from his employer. On the other hand, a person who entered the country without documents can be legalized should there be a regularization exercise carried out by the government.

Therefore, the actual number of undocumented immigrants cannot be ascertained."

Pandangan sedemikian sebagaimana yang dinyatakan di atas menimbulkan keraguan tentang keberkesanan jenis program pemutihan yang dilaksanakan sepanjang tempoh Datuk Seri Yong Teck Lee menjadi Ketua Menteri Sabah pada tahun 1990an yang nyata bertahan 6 bulan sahaja. Mungkinkah ini merupakan sebab bagi jangka hayatnya yang pendek? Dalam apa-apa hal, Datuk Seri Yong, dalam *Position Paper (P110)*, menganggap usaha pemutihan tersebut sebagai "usaha pemutihan yang paling lengkap dan bersepadu sepenuhnya" ke atas pendatang dari Indonesia dan Filipina di Sabah pada masa itu. Kami akan memperkatakan perkara ini dengan lebih mendalam dalam Bab 4 Laporan ini.

3.1.3 Pelarian

Ungkapan pelarian lazimnya dikaitkan dengan pendatang yang lari dari Filipina ke Sabah disebabkan perang saudara di Negara mereka sendiri. En. Paul Allen Vernon (W20) Wakil UNHCR, Malaysia, mentakrifkan pelarian sebagai seseorang yang

terpaksa meninggalkan negaranya berdasarkan ketakutan yang berdasar terhadap penindasan atas alasan agama, kewarganegaraan, bangsa atau kepercayaan politik, dsb. Konvensyen yang berhubungan dengan Kedudukan Pelarian 1951 sebagaimana yang dipinda oleh Protokol mengenai Kedudukan Pelarian 1967, mentakrifkan pelarian sebagai seseorang yang disebabkan ketakutan yang berdasar terhadap penindasan atas sebab bangsa, agama, kewarganegaraan, keanggotaan dalam sesuatu kumpulan sosial tertentu atau pendapat politik, berada di luar negara kewarganegaraannya dan tidak boleh atau, disebabkan ketakutan tersebut, enggan mendapatkan perlindungan negara itu; atau yang, tidak mempunyai kewarganegaraan dan berada di luar negara tempat tinggal lazimnya dahulu akibat peristiwa tersebut, tidak boleh atau, disebabkan ketakutan tersebut, enggan kembali ke negara itu. Malaysia tidak menandatangani Konvensyen ini.

3.1.4 Orang Tidak Bernegara

Satu lagi ungkapan yang timbul sepanjang prosiding RCI ialah orang tidak bernegara. Menurut En. Paul Vernon (W20),

konsep ketiadaan kewarganegaraan adalah berasaskan orang yang tidak mempunyai negara dan yang tidak mempunyai kerakyatan. Datuk Muhammad bin Mentek (W138), bekas Pengarah Jabatan Imigresen Sabah, tetapi kini Ketua Pengarah ESSCOM, mengatakan bahawa orang tidak bermegara termasuklah orang yang kewarganegaraannya belum ditentukan. Beliau memberikan suatu contoh mengenai kanak-kanak yang dilahirkan oleh pendatang dan yang kemudiannya terbiar apabila ibu bapa mereka meninggalkan negara. Dalam apa-apa hal, Konvensyen mengenai Kedudukan Orang Tak Bermegara 1951 dan Konvensyen mengenai Pengurangan Ketiadaan Kewarganegaraan 1961, mentakrifkan orang tak bermegara sebagai seseorang yang tidak dianggap sebagai rakyat mana-mana negara di bawah penguatkuasaan undang-undang. Sekali lagi, Malaysia tidak menandatangani Konvensyen-Konvensyen ini.

3.1.5 Perspektif Sejarah

Kami mula, kerana adalah perlu bagi kami dalam menetapkan asas yang sepatutnya, dengan meneliti secara

ringkas perspektif sejarah berhubung dengan penghijrahan awal orang dari Filipina ke Sabah termasuk penghijrahan yang berikut selepas itu. Penghijrahan ini adalah tersendiri, ditentukan pada dasarnya dan dengan berkesan oleh masa, hal keadaan dan peristiwa. Terdapat 3 peringkat yang terlibat.

3.1.5.1 Kedatangan Orang Sepanyol dan Pertalian Budaya

Peringkat pertama boleh dikatakan pada masa apabila pendatang awal datang ke Sabah dari kepulauan Sulu pada lewat Abad ke-15. Orang Sepanyol mula bergerak ke selatan ke arah Sulu dan Tawi-Tawi di Filipina Selatan yang mengakibatkan kumpulan etnik tertentu seperti Suluk dan Bajau mula merentangi sempadan Sabah. Malah sebelum kedatangan orang Sepanyol di Filipina, sudah wujud beberapa bentuk politik yang koheren dan pertalian budaya antara pelbagai kumpulan atau masyarakat etnik yang telah menetap di Sabah, Filipina dan Indonesia. Profesor Dr. Ramlah Adam (W1), seorang pengkaji dan pensyarah kanan yang mengkhusus dalam Sejarah Politik dan Perlembagaan Malaysia, memperihalkan tempoh semasa Sabah (Borneo Utara pada masa

itu) berada di bawah kuasa dan pengaruh politik serta pentadbiran dua kerajaan yang berkuasa iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu.

Walaupun kuasa dan pengaruh tersebut telah benar-benar lenyap sekarang dengan penubuhan Sabah sebagai suatu entiti politik bebas dalam Pembentukan Malaysia, kebanyakan daripada tradisi dan amalan daripada era Kesultanan Sulu masih wujud di kalangan masyarakat etnik tempatan di Sabah. Ini dikatakan tradisi dan amalan tak bertulis yang diwarisi zaman ke zaman. Ia dapat bertahan walaupun diuji masa. Mereka mempunyai kesan untuk mewujudkan semacam pertalian atau penghubung budaya antara masyarakat etnik yang sama di kedua-dua belah sempadan geopolitik antara Sabah dengan Filipina Selatan. Tradisi dan amalan tersebut boleh dikatakan menjadi sebahagian daripada sistem rangkaian sosial yang dimaksudkan oleh Dr. Dayang Suria Mula (W111) daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurut beliau, rangkaian sosial ini memainkan peranan penting dalam memudahkan dan mengekalkan aliran penghijrahan. Beliau memperihalkan rangkaian sosial sebagai kumpulan pertalian antara individu yang menghubungkan pehijrah, bekas pehijrah dan bukan pehijrah dalam kawasan asal dan

kawasan destinasi mereka melalui tali persaudaraan, persahabatan dan asal usul masyarakat yang sama dan bahawa pendatang tak didokumenkan yang berhijrah ke Sabah akan banyak bergantung kepada rangkaian sosial ini. Beliau berkata bahawa pendatang tak didokumenkan diberikan bantuan dari aspek material melalui rangkaian mereka dengan kumpulan etnik dan kekeluargaan yang rapat di Sabah. Mereka mempunyai pertalian yang sangat rapat antara satu sama lain terutamanya jika mereka adalah daripada latar belakang etnik yang sama. Beliau berpandangan bahawa kemasukan pendatang tak didokumenkan di Sabah dapat dijelaskan melalui gabungan faktor yang saling berhubungan seperti lokasi geopolitik, pertalian budaya dan bekas penjajah, permintaan terhadap para pekerja yang dibayar gaji rendah dan ketaksamaan ekonomi yang berterusan antara negara-negara dalam wilayah dan juga tiada kawalan imigresen. Kami akan memperkatakan perkara ini dengan lebih mendalam apabila tiba waktunya.

Ia mungkin menarik untuk mengambil kira kebimbangan beliau tentang rangkaian sosial yang berkembang yang membolehkan ramai pendatang tak didokumenkan menjadi pendatang sah di Sabah dengan memperoleh dokumen

pengenalan Malaysia (KP) dan dengan itu memudahkan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan seperti sekolah awam, hospital dsb. Sebagaimana yang digambarkan dalam kajian terkini oleh UPKO di mana sebilangan besar pendatang telah ditemui bual, didapati bahawa rangkaian sosial atau kekeluargaan masih memainkan peranan penting dalam aliran penghijrahan. Kajian itu menyatakan selanjutnya:

"A key point in the study is that migrants planning to get ICs have said that the moment they get their own ICs, they will bring other closely related family members to Sabah. Marriage is also used as a means to promote migration, where family members in the home country are married off to migrants who have already obtained ICs here in turn providing a stepping stone for other family members to come to Sabah. This pattern is found all over Sabah and only confirms the danger of increasing members of illegal migrants landing on our shores."

Mengenai isu tentang bentuk demografi yang melibatkan penduduk asal Sabah, Profesor Dr. Ramlah (W1) merujuk kami kepada dua teori utama sebagai faktor penyumbang. Yang pertama adalah yang dikatakan "teori gelombang" yang menyebut suatu siri aliran penghijrahan orang dari bahagian selatan China ke kawasan yang merangkumi Sabah (dulu dikenali sebagai Borneo Utara) dan Filipina, diikuti oleh satu gelombang lagi ke kepulauan Sumatera dan Jawa dan kemudian satu gelombang lagi ke Semenanjung Malaysia. Teori kedua adalah berasaskan dapatan arkeologi. Di sini, Profesor Emeritus, Dr. Nik Hassan Suhaimi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia berpandangan bahawa penduduk asal Sabah boleh dikesan sehingga ke Zaman Batu sebagaimana yang digambarkan dengan penemuan gua Niah di Sarawak dan lokasi lain di Sabah.

Tiada keterangan tentang berapa ramai penduduk yang tinggal di Sabah (dulu Borneo Utara) pada masa Kesultanan Sulu. Menurut Profesor Emeritus, Dr. Ranjit Singh (W2) daripada Universiti Utara Malaysia, Kedah, terdapat sebilangan masyarakat etnik di Borneo Utara pada Abad ke-16 seperti Dusun yang menetap di sepanjang pantai dan Murut yang tinggal di kawasan pedalaman. Beliau mengatakan bahawa pada masa itu, pada

dasarnya terdapat empat kumpulan etnik utama di Sabah, iaitu, Dusun, Kadazan, Melayu dan Bisaya. Ini adalah pada masa apabila Kesultanan Brunei berada di zaman kemuncaknya. Kemudian, Kesultanan Sulu juga muncul sebagai suatu pangkalan kuasa dalam wilayah itu.

Profesor Dr. Ranjit menyatakan bahawa banci pertama di Borneo Utara pada masa itu dijalankan pada tahun 1881 oleh Syarikat Borneo Utara British. Tiada angka diberikan tetapi bilangan mereka dikatakan agak kecil. Walau bagaimanapun, banci yang dijalankan pada tahun 1891 mendedahkan jumlah penduduk seramai 67,000 orang di Borneo Utara. Dari tahun 1902, Sabah menjadi Negeri kesatuan dengan kedatangan Syarikat Borneo Utara British pada tahun 1881. Syarikat tersebut membawa masuk ramai orang Cina dari tanah besar China untuk menanam padi dan tanaman lain di pelbagai bahagian Sabah. Keadaan demografi berubah secara mendadak pada tahun 1991 apabila jumlah penduduk meningkat kepada 1.7 juta yang 423,000 daripadanya dikatakan sebagai bukan warganegara. Menurut beliau, peningkatan luar biasa ini bukan disebabkan peningkatan dalam jumlah penduduk Cina, tetapi disebabkan perkara lain.

Beliau tidak dapat menyatakan kenapa terdapat peningkatan yang begitu tinggi.

3.1.5.2 Pemberontakan Mindanao

Peringkat penghijrahan yang berikut ke Sabah berpunca daripada Pemberontakan Mindanao. Di sini, terdapat banyak keterangan yang orang daripada masyarakat Suluk dan Bajau di Filipina Selatan dianggap meninggalkan perang saudara dan datang ke Sabah yang lebih selamat. Didapati kebanyakannya ialah orang Islam yang terlibat dalam perang antara bangsa Moro yang bertempur di bawah payung Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dan Kerajaan Filipina. Mereka dianggap sebagai pelarian politik yang mencari perlindungan di Sabah.

Sebilangan pelarian tersebut telah memberikan keterangan di hadapan RCI tetapi bagi maksud pertimbangan kami, kami berpendapat adalah mencukupi untuk merujuk kepada testimoni salah seorang daripada mereka, iaitu, Abdul Salam bin Ali (W10) yang dilahirkan di Tawi-Tawi di Filipina pada tahun 1959. Beliau memasuki Sabah secara haram pada tahun 1971 kerana perang

saudara di Filipina. Walaupun beliau tidak mempunyai dokumen perjalanan bersamanya pada masa itu, beliau tidak berhadapan dengan sebarang kesukaran mengenai kemasukan. Tiada pemeriksaan oleh pihak berkuasa. Sebagai seorang pelarian, beliau dibenarkan untuk menetap di suatu skim pemempatan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Pada mulanya, terdapat kira-kira lima skim pemempatan sedemikian yang diwartakan oleh Kerajaan. Skim pemempatan ini diuruskan oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dan Palang Merah Antarabangsa tetapi dengan bantuan daripada Kerajaan Negeri Sabah. Sebenarnya, suatu Unit Pemempatan di Jabatan Ketua Menteri telah ditubuhkan pada tahun 1976 untuk menjaga kebajikan pelarian di skim pemempatan itu.

Keterangan Abdul Jaapar Alip (W3), seorang Pegawai Kebajikan daripada Unit Pemempatan adalah ketara. Beliau menyatakan bahawa terdapat lima skim pemempatan yang ditubuhkan di Sabah iaitu, Telipok (Kota Kinabalu), Kinarut (Kota Kinabalu), Kampung Bahagia (Sandakan), Kampung Selamat (Semporna) dan Kampung Hidayat (Tawau). Skim pemempatan ini terletak di atas tanah Kerajaan dan pelarian di situ adalah dari Filipina. Mereka datang ke Sabah dalam tempoh dari tahun 1972

hingga 1976. Menurut beliau, pelarian perlu mempunyai kelayakan untuk tinggal di skim petempatan yang diwartakan itu. Mereka perlu melalui proses temu bual yang dijalankan oleh pegawai daripada Unit Petempatan. Terdapat lima syarat yang perlu dipenuhi oleh pelarian seperti yang berikut:

- a) Mereka mestilah datang dari Wilayah 9 yang dikatakannya, di bahagian Filipina selatan di mana perang saudara berlaku;
- b) Mereka mestilah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perang saudara di Filipina selatan;
- c) Mereka mestilah memasuki Sabah dalam tempoh antara tahun 1970 dan 1984;
- d) Mereka mestilah orang Islam;
- e) Mereka mestilah menyatakan hasrat untuk tidak tinggal secara tetap di Sabah.

Beliau mengatakan bahawa mana-mana pelarian yang tinggal di sesuatu skim petempatan akan diberikan pas petempatan oleh

Unit Petempatan. Kemudian, pelarian itu akan diberikan suatu akuan penerimaan pendaftaran dan selepas itu, suatu pas kerja yang melayakkannya untuk diberikan pas IMM13. Beliau menyatakan bahawa usaha pendaftaran yang dijalankan dalam tempoh antara tahun 1976 hingga 1985 menunjukkan bilangan pelarian sebanyak 73,000 dan itu adalah dari tahun 1987 hingga 1992, Unit Petempatan ternyata menjalankan beberapa usaha pendaftaran ke atas jumlah penduduk sementara di Sabah dengan bantuan Institut Kajian Pembangunan (IDS) yang baru ditubuhkan. Sepanjang usaha tersebut, resit pengenalan sementara dikeluarkan kepada pelarian. Resit ini juga diperihalkan sebagai "kad burung-burung" kerana tertera beberapa imej burung padanya. Resit pengenalan sementara itu kemudiannya akan diambil balik untuk ditukarkan dengan kad pengenalan sementara. Jumlah bilangan pelarian yang didaftarkan di bawah usaha ini ialah 325,000 yang meliputi tempoh dari tahun 1987 hingga 1992. Tiada usaha sedemikian dari tahun 1992 hingga 2007 tetapi dari tahun 2007, terdapat beberapa bentuk usaha penentusahan yang dijalankan oleh Unit Petempatan untuk memasukkan pelarian yang tinggal yang didapati layak bagi pendaftaran di bawah garis panduan lama.

Keterangan Abdul Jaapar Alip (W3) disokong dengan butir-butir material oleh Mokhtar Yassin Ajam (W4) yang pada masa material merupakan Setiausaha yang ditempatkan di Bahagian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Pejabat Ketua Menteri, Sabah, dan yang tugasnya termasuklah membantu dalam pengurusan Unit Petempatan. Beliau mengatakan bahawa dari tahun 1976 hingga 1989, tanggungjawab am bagi menguruskan hal ehwal pelarian dan skim petempatan terletak di bawah Jabatan Ketua Menteri tetapi mulai tahun 1989, tugas itu pada dasarnya diambil alih oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF), di bawah Majlis Keselamatan Negara dengan bantuan daripada Jabatan Ketua Menteri. Pada masa ini terdapat 33 petempatan sedemikian. Menurut Mokhtar Yassin Ajam (W4), sehingga tahun 2010, rekod menunjukkan 33,019 orang pelarian Filipina telah didaftarkan. Angka ini didapati bercanggah dengan angka yang diberikan oleh Abdul Jaapar Alip (W3) yang memberikan angka sebanyak 73,000.

Dr. Chong Eng Leong (W187) dalam bukunya yang bertajuk "Lest We Forget" menyatakan bahawa bilangan pelarian pada tahun 1972 dan 1973 ialah 57,197 dan angka terkini yang didedahkan oleh Pejabat Ketua Menteri pada tahun 2008 ialah

80,000. Beliau mempersoalkan ketepatan angka ini dan berpandangan bahawa angka yang sepatutnya ialah kira-kira 250,000 memandangkan, menurut beliau, pertambahan dalam jumlah penduduk antara tahun 1970 hingga 2000 ialah 300%. Dalam keterangan lisaninya beliau menyatakan bahawa jumlah bilangan pendatang termasuk pelarian di Sabah adalah kira-kira 600,000. Dr. Chong menyatakan selanjutnya bahawa mengikut banci yang dibuat oleh Jabatan Statistik, jumlah penduduk di Sabah sehingga tahun 2010 ialah 3,206,742, yang 889,779 daripadanya ialah bukan warganegara, bermakna orang asing. Itu merupakan 27.7% daripada keseluruhan jumlah penduduk.

Pada peringkat ini kami akan merujuk kepada kerja penyelidikan yang dilakukan oleh Pegawai Penyiasat RCI mengenai isu yang berhubungan dengan skim pemempatan di Sabah. Kami berpendapat bahawa pandangan dan ulasan mereka mengenai isu tersebut sebagaimana yang ditunjukkan dalam Ikatan P172 berhak dipertimbangkan. Dalam Ikatan itu, ulasan mereka adalah seperti yang berikut:

- 1) *Bahawa kemasukan pelarian Islam Filipina ke Sabah dari tahun 1972 hingga 1984 yang disebabkan oleh konflik bersenjata di Filipina Selatan telah meletakkan beban*

tanggungjawab dalam tangan Kerajaan Negeri Sabah, khususnya Unit Petempatan Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri dan Penyelidikan di bawah Jabatan Ketua Menteri yang ditubuhkan pada Oktober 1976.

- 2) Bahawa skim petempatan mula beroperasi pada 31/12/1979 apabila UNHCR memberi sumbangan dari segi perumahan, kebajikan, dsb. bagi skim petempatan ini. Peranan UNHCR sebenarnya bermula pada tahun 1980 apabila mereka bertanggungjawab bagi empat skim petempatan cth. Kampung Selamat, Semporna (1979); Kampung Hidayat, Tawau (1982); Kampung Bahagia, Sandakan (1983) dan Kinarut, Papar (1987). Sekarang terdapat 32 petempatan di seluruh Sabah.

- 3) Bahawa perubahan petempatan orang Filipina di Sabah perlu dilihat dari beberapa perspektif, iaitu pertama, pelarian Islam Filipina memasuki Sabah disebabkan perang saudara di Filipina Selatan. Ini adalah dalam tempoh dari tahun 1972 hingga 1984. Kedua, ia pada mulanya diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan KM tetapi dengan persetujuan dan bantuan

UNHCR. Walau bagaimanapun, pada tahun 1989, pengurusan, peranan dan tugas telah diambil alih oleh Pasukan Pelugas Khas Persekutuan (FSTF) di bawah Majlis Keselamatan Negara mengikut Arahan MKN Bil.16. Ketiga, layanan istimewa perlu diberikan kepada pelarian Islam Filipina mengikut cara yang berikut:

"2.3.1) Pengecualian di bawah Akta Pasport 1966

- Perintah Pasport (Pengecualian) (No.2) Pindaan 1972

2.3.2) Dokumen-dokumen yang dikeluarkan kepada Pelarian Islam Filipina (PIF) adalah seperti:

2.3.2.1 Kad Jabatan Ketua Menteri (JKM)

2.3.2.2 Sijil Banci PPKP (S/L)

2.3.2.3 IMM13 (P) (JKM)

2.3.3) Boleh tinggal dan bekerja di Sabah dan W.P. Labuan.

2.3.4) Tidak boleh diusir tanpa kerelaan kecuali terlibat dengan jenayah."

- 4) UNHCR menubuhkan *pelempatan pelarian Islam Filipina* berdasarkan beberapa syarat, yang sebahagiannya dinyatakan di bawah ini:

2.4.1) Tidak boleh dipaksa pulang ke negara asal tanpa kerelaan.

2.4.2) Tidak boleh dihalang untuk pulang ke negara asal sekiranya ingin berbuat demikian. Namun sekiranya pulang, status pelariannya adalah terbatal.

2.4.3) Tidak boleh dihalang sekiranya ada negara ketiga yang ingin menerima *Pelarian Islam Filipina (PIF)*."

- 5) Kerajaan Malaysia mengguna pakai sebilangan polisi untuk menguruskan *pelarian Islam Filipina*, yang sebahagiannya dinyatakan di bawah ini:

2.5.1) Bagi *Pelarian Islam Filipina (PIF)* yang tinggal lebih daripada 15 tahun, boleh memohon permit masuk.

2.5.2) *Selepas permit masuk diluluskan, pemberian Taraf Penduduk Tetap akan diberikan.*"

6) *Sebilangan dokumen telah digunakan dalam pengurusan PIF di Sabah seperti sijil banci dan pas IMM13.*

Pegawai penyiasat juga telah memberikan ulasan secara ringkas mengenai sejarah yang berhubungan dengan kemasukan pelarian dari Filipina ke Sabah termasuk tatacara bagi permohonan sijil kelahiran dan pas IMM13. Ternyata terdapat suatu arahan daripada Kementerian Dalam Negeri berkenaan dengan pengeluaran taraf penduduk tetap kepada pelarian. Ini ditunjukkan dalam perenggan 2.6.3 Ikatan P172 yang menyatakan:

"Pada tahun 2002, MKN dalam keputusan Sidang MKN Bil. 1/2002 telah memutuskan pemberian Taraf Penduduk Tetap (PR) kepada Pelarian Islam Filipina (PIF) di Sabah dan Labuan.

Kategori Pelarian Islam Filipina (PIF) yang layak didaftarkan iaitu:

2.6.3.1) *Memiliki dokumen IMM13.*

2.6.3.2) *Menetap di Malaysia antara 15-19 tahun.*

2.6.3.3) *Melapasi tapisan keselamatan dan fasih berbahasa Melayu.*

Permohonan permit masuk ini diuruskan oleh Unit Permit Masuk Jabatan Imigresen Malaysia dan dihantar terus ke Kementerian Dalam Negeri (KDN)."

Secara jelas, berdasarkan keterangan di hadapan RCI, Pemberontakan Mindanao di Filipina pada tahun 1970an merupakan faktor penyumbang utama yang menyebabkan kemasukan pelarian Filipina yang ramai ke Sabah. Perang saudara antara Kerajaan Filipina dengan orang Moro Islam di Filipina selatan untuk mendapatkan kemerdekaan atau autonomi politik telah berlarutan selama beberapa dekad. Pada satu peringkat, dengan penandatanganan perjanjian damai antara mereka, ramai orang menganggap bahawa konflik bersenjata itu telah tamat atau akan tamat. Walau bagaimanapun,

memandangkan peristiwa pertempuran terkini di Zamboanga, Filipina, telah membukukannya, anggapan tersebut mungkin tidak tepat. Memandangkan wujudnya keadaan yang tidak menentu dalam wilayah tersebut, keengganan di pihak pelarian Filipina untuk kembali ke negara asal mereka, dapat difahami. Kebanyakannya, jika tidak semua, telah memilih untuk terus berada dalam persekitaran Sabah yang selamat dan aman.

3.1.5.3 Pehijrah Ekonomi

Peringkat penghijrahan yang terakhir boleh dikatakan bermula dari tahun 1978. Menurut Dr. Kamal Sadiq dalam artikelnya bertajuk "... Conflict Over Illegal Immigration into Malaysia", tempoh ini memperlihatkan kemasukan pendatang tanpa izin yang ramai ke dalam Sabah. Secara teknikal, mereka tidak boleh dianggap pelarian kerana pada masa itu Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) telah menandatangani suatu perjanjian damai dengan Kerajaan Filipina. Peringkat penghijrahan ke Sabah yang terakhir ini dianggap oleh orang tempatan Sabah sebagai sebahagian besarnya terdiri daripada pehijrah ekonomi yang mencari kehidupan yang lebih baik di

Sabah. Dr. Kamal menyatakan bahawa pelbagai angka disebut tentang bilangan pendatang tanpa izin di Sabah tetapi tiada angka yang khusus dinyatakan. Pihak berkuasa didapati memandang rendah data itu, yang mendorong Dr. Kamal untuk memberikan ulasan begini:

"Recognizing the problems of underestimation in the state data, Azizah Kassim (a Malaysian scholar and researcher) cites a former Chief Minister as estimating illegal immigrant numbers to be in the range of 400,000-500,000 (Kassim,1998:285). Most leaders of the main opposition party, the Parti Bersatu Sabah (PBS), give the figure of 1 million foreigners out of a current Sabah population of about 2.8 million. Leaders of the Filipino community in the Philippines give similar estimates; their numbers in Sabah have passed the 1 million mark, making them the biggest concentration of Filipino illegals in any part of the world (Philippine Daily Inquirer 1999). This means that almost one in every 3 residents of Sabah may be a foreigner. Here "foreigner" would include both illegal immigrants and legal workers."

Dr. Kamal Sadiq juga mengatakan bahawa penghijrahan haram mengubah komposisi etnik Sabah dengan ketara. Menurut beliau, pada awal Abad ke-20, Kadazandusun merupakan kumpulan etnik berpengaruh yang terdiri daripada kira-kira 42% daripada jumlah penduduk negeri. Mereka berkurangan kepada 32% pada tahun 1960 dan pada tahun 1970, mereka berkurangan kepada 29.9% dan kemudian, dengan kebimbangan dan kekecewaan mereka, mereka berkurangan lagi kepada 19.6% pada tahun 1990. Mereka dikategorikan di bawah kumpulan bukan Islam.

Diakui, terdapat ketidakpastian mengenai angka sebenar pendatang tanpa izin di Sabah. Malah *Position Paper* mengenai pendatang tanpa izin (P110) yang dikemukakan oleh Parti Progresif Sabah (SAPP) kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 1999 mengulangi bahawa tiada angka yang konsisten diberikan mengenai jumlah bilangan pendatang Indonesia dan Filipina di Sabah walaupun angka tersebut adalah antara 150,000 hingga 600,000. Walau bagaimanapun ia mengambil perhatian mengenai angka pendatang tanpa izin sebanyak 553,860 yang diberikan oleh FSTF sehingga Ogos 1997. Dan daripada angka tersebut, 226,565 daripada pendatang tanpa izin itu yang ditemani

oleh 187,267 tanggungan telah disahkan oleh 30,033 majikan sebagai pekerja mereka. Menurut *Position Paper* tersebut, statistik menunjukkan satu daripada tiap-tiap empat orang di Sabah merupakan orang asing; bahawa mereka dan tanggungan mereka, yang kadar kelahiran adalah lebih tinggi daripada orang tempatan, mengguna dan menikmati kemudahan dan utiliti awam yang sama seperti orang tempatan seperti jalan raya, pengangkutan, pendidikan dan kesihatan. Tiada keterangan yang jelas tentang dari mana bilangan yang dinyatakan di atas diperolehi. Didapati bahawa angka ini mungkin hanya merujuk kepada pekerja asing secara am dan tidak semestinya kepada pendatang tanpa izin secara khusus.

Pada tahun 2007, Parti Bersatu Sabah (PBS) mengemukakan suatu Memorandum kepada Perdana Menteri, Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (sekarang Tun) yang menyatakan kebimbangan yang serius mengenai bilangan pendatang tanpa izin yang ramai di Sabah. Ia menarik perhatian kepada tempoh dari tahun 1970 hingga 2000 di mana peningkatan dalam jumlah penduduk Sabah ialah 301% (1,854,707) jika dibandingkan dengan 106% (1,036,347) bagi Sarawak. Secara khusus, statistik menunjukkan peningkatan yang berikut: (a) pada tahun 1980,

peningkatan bagi Sabah ialah 56% jika dibandingkan dengan 27% bagi Sarawak; (b) pada tahun 1991, peningkatan bagi Sabah ialah 78% jika dibandingkan dengan 33% bagi Sarawak dan (c) pada tahun 2000, peningkatan bagi Sabah ialah 44% jika dibandingkan dengan 23% bagi Sarawak. Agak jelas bahawa peningkatan terbesar adalah pada tahun 1991 apabila peningkatan sebanyak 78% dicatatkan. Memorandum itu mengulangi bahawa berdasarkan pengiraan, bilangan pendatang tanpa izin di Sabah telah mencapai 1.7 juta dan angka ini terdiri daripada yang berikut: (a) 600,000 rakyat baru yang mendakwa sebagai Bumiputra dan yang sebenarnya memegang KP Malaysia yang tulen dan tanggungan mereka; (b) 750,000 yang mempunyai KP palsu atau dokumen tamat tempoh atau tiada langsung dan (c) 400,000 pekerja sah dan pemegang IMM13 (pelarian).

Kami mengambil perhatian tentang angka tidak rasmi di atas. Walau bagaimanapun, tiada keterangan yang jelas tentang keepatan atau sebaliknya tentang angka yang diberikan memandangkan angka ini tidak diperolehi daripada Jabatan Statistik atau disahkan oleh jabatan tersebut. Memorandum itu juga menyebut angka yang berikut dikatakan daripada Jabatan Statistik cth. bahawa bagi tempoh dari tahun 1970 hingga 2000,

peningkatan jumlah penduduk bagi KadazanDusunMurut (KDM) ialah 162%; peningkatan jumlah penduduk bagi Bajau dan Iranun ialah 344% dan peningkatan jumlah penduduk bagi Melayu ialah 1552%. Jika tiada sebarang keterangan sebaliknya, angka ini boleh dianggap sebagai boleh dipercayai walaupun tiada pegawai daripada Jabatan Statistik dipanggil untuk menentusahkan atau mengesahkan ketepatannya atau sebaliknya.

Position Paper atau *UPKO initiative* (P123) yang dikatakan yang dibentangkan oleh Presiden UPKO Sabah juga menyentuh tentang pertambahan jumlah penduduk yang luar biasa di Sabah selama ini. Di dalamnya, ia menyatakan bahawa jumlah penduduk Sabah pada tahun 1960 ialah 454,421 orang yang KadazanDusunMurut (KDM) merupakan 37% daripadanya tetapi pada tahun 1991, ini telah menurun kepada 21.9% dan pada tahun 2000 ia menurun lagi ke 21.6% daripada keseluruhan jumlah penduduk. Suatu jadual telah dikemukakan untuk menggambarkan perkara ini. Kami berpendapat adalah penting untuk mengemukakan semula jadual itu bagi tujuan penekanan dan kejelasan.

*Jumlah Penduduk Sabah 1960 – 2000 (Anak Negeri Sabah)

Tahun	Sabah	Jumlah Penduduk Bumi	KDM	Bumiputra Islam
1960	454,421	309,833	167,993	141,840
1970	648,893	437,075	215,811	221,264
1980	1,013,003	Pribumi (831,141)		
1991	1,808,848	1,003,540	397,287	606,253
2000	2,803,485	1,601,300	564,600	1,036,700

Kadar pertumbuhan bagi KDM (1960-2000) – 236%

Kadar pertumbuhan bagi Bumiputra Islam (1960-2000) – 631%*

Agak menarik untuk memperhatikan angka jumlah penduduk bagi Sabah jika dibandingkan dengan Sarawak yang ditunjukkan dalam kertas yang dibentangkan oleh Dr. Chong Eng Leong dalam Perbincangan Meja Bulat Suhakam pada 31/7/2006. Angka ini

telah dikemukakan dalam *Position Paper* PBS yang disebut terdahulu tetapi dikemukakan semula di bawah ini dalam format jadual oleh Dr. Chong:

Tahun	Sabah (% peningkatan)	Sarawak (% peningkatan)
1970	648,692	976,269
1980	1,013,003 (56%)	1,235,553 (27%)
1991	1,808,848 (78%)	1,642,771 (33%)
2000	2,603,485 (44%)	2,012,616 (23%)
1970-2000	301% peningkatan	106% peningkatan

Pertumbuhan luar biasa dalam jumlah penduduk Sabah juga diberikan ulasan oleh Dr. Kamal Sadiq dalam artikelnya "... **Conflict Over Illegal Immigration into Malaysia**" (yang dilampirkan pada *Position Paper* PBS P110) yang di dalamnya beliau menyatakan antara lain:

"Sabah's population is growing dramatically. It is experiencing an alarming annual growth rate of 6.2% compared with the low Malaysian rate of 2.7% and Sabah is projected to have a rate of 5.4% against

the national average of 2.3%. Sabah's growth rate is almost 3 times that of other states. According to the Seventh Malaysia Plan (1995-2000), Sabah would have an estimated 3.3 million people while the neighbouring state of Sarawak will trail with a low 2.06 million. In fact, as recently as 1980, Sabah population was smaller than Sarawak's. Sabah and Sarawak had, until recently, similar fertility rates and death rates. While Sarawak has higher in-migration from Peninsular Malaysia than Sabah, Sabah's annual population growth rates are 3 times that of Sarawak. The question is where the extra 1.3 million people came from when the population growth rates of both Sabah and Sarawak should have paralleled one another has become pre-eminently important to the natives of Sabah... The obvious reference was to the rampant pervasiveness of illegal immigrants in the state."

Sebagaimana yang kami sebut terdahulu, Suhakam menjalankan perbincangan meja bulat mengenai pendatang tanpa izin di Sabah sebagaimana yang dilaporkan dalam New Straits

Times, Sabah, bertarikh 24/8/2006. Dalam perjalanan perbincangan itu, terdapat kebimbangan umum bahawa ledakan jumlah penduduk di Sabah dalam tempoh 3 dekad yang lalu menimbulkan isu siapa Bumiputra baru yang dikatakan itu. Statistik sebagaimana yang dilaporkan dalam New Straits Times tersebut menyatakan begini:

"... the largest native group the KadazanDusun is said to have increased by only 236% from 167,993 in 1960 to 564,600 in 2000 whereas the other Bumiputras rose to 361% from 141,840 in 1960 to 1.036 million over the last 3 decades. The State's population meanwhile recorded an increase of 362% from 643,693 in 1970 to 2.6 million in 2000 compared to Sarawak's 135% from 976,269 in 1970 to 2.01 million in 2000."

Suhakam menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 600,000 pendatang di Sabah yang memiliki KP tulen yang diperolehi dengan kelulusan pihak berkuasa; bahawa sekurang-kurangnya 750,000 lagi orang asing dikatakan mempunyai KP tulen dengan kelulusan sedemikian atau memiliki dokumen palsu atau tamat tempoh atau tidak memiliki apa-apa dokumen langsung. Pada satu

peringkat, Professor Datuk Hamdan Adnan, seorang anggota Suhakam mengingatkan bahawa jika isu pendatang tanpa izin tidak diselesaikan, ia boleh menimbulkan bayangan yang menakutkan tentang suatu "reverse takeover" yang akhirnya berlaku yang maksud beliau ialah kebarangkalian bagi pendatang tanpa izin yang memiliki KP Malaysia menjadi pemerintah politik di Negeri.

Dalam suatu kertas kajian yang dibentangkan oleh Azizah Kassim di seminar yang dianjurkan dan diterbitkan oleh Institut Kajian Pembangunan, Sabah (IDS) pada tahun 2003 di bawah tajuk "**Reinventing Sabah: Global Challenges and Policy Responses**", penulis menyatakan bahawa mengikut Banci Penduduk dan Isi Rumah Malaysia pada tahun 2000, penduduk Malaysia direkodkan sebagai 23.2 juta; yang daripada angka ini, kira-kira 6% atau lebih daripada 1.3 juta terdiri daripada rakyat asing; yang sementara 49.9% didapati di Malaysia Barat, 44% didapati berada di Sabah sahaja; yang dalam hal Sabah, peratusan bukan rakyat terhadap jumlah penduduknya adalah lebih daripada 23.7% berbanding dengan kira-kira 3% di Malaysia Barat sebagaimana yang ditunjukkan di bawah:

Pembahagian Jumlah Penduduk Orang Asing di Malaysia

(2000)

	Keseluruhan Jumlah Penduduk	Bukan Rakyat: Bilangan & % Jumlah Penduduk Negeri	Bukan Rakyat: % Keseluruhan Jumlah Penduduk Orang Asing
Semenanjung Malaysia			
Johor	2,740,625	150,530 (5.5)	10.9
Kedah	1,649,756	25,605 (1.6)	1.8
Kelantan	1,313,014	20,795 (1.6)	1.5
Melaka	635,791	22,944 (3.6)	1.7
Negeri Sembilan	859,924	31,859 (3.7)	2.3
Pahang	1,288,376	54,600 (4.3)	3.9
Perak	2,051,236	38,345 (1.9)	2.8
Perlis	204,450	3,155 (1.5)	0.2
Pulau Pinang	1,313,449	48,382 (3.7)	3.5
Selangor	4,188,876	186,382 (4.5)	13.5
Terengganu	898,825	15,838 (1.8)	1.1

Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	1,379,310	92,373 (6.7)	6.7
Jumlah Kecil	18,523,632	691,032	49.9
Sabah	2,603,485	614,824 (23.6)	44.4
Sarawak	2,071,506	62,738	4.5
Wilayah Persekutuan (Labuan)	76,607	16,150 (21.2)	1.2
Malaysia	23,274,690	1,384,744 (5.9)	100

Kertas tersebut merujuk kepada statistik mengenai jumlah pendatang yang terdapat di semua daerah utama Sabah. Ia mendapati bahawa dalam 6 daerah di pantai barat dan bahagian utara Negeri, pendatang membentuk lebih daripada 25% daripada jumlah penduduk tempatan; yang dalam daerah Kinabatangan, mereka merupakan majoriti, yang membentuk lebih daripada 73% daripada jumlah penduduk.

3.1.6 Faktor Menolak & Faktor Menarik

Sekarang kami akan meneliti "faktor menolak & faktor menarik" yang dikatakan dalam konteks pendatang tanpa izin dari Filipina dan Indonesia. Kami bermula daripada konteks umumnya. Di sini, terdapat keterangan yang mencukupi untuk membuktikan bahawa terdapat kemasukan pendatang tanpa izin yang ramai ke Sabah mulai tahun 1978 terutamanya atas sebab ekonomi. Mereka yang dikatakan pehijrah ekonomi. Terdapat perbezaan ekonomi yang ketara antara Filipina Selatan, Indonesia dan Sabah. Berdasarkan keterangan di hadapan kami, adalah munasabah untuk mengandaikan bahawa terdapat pengangguran secara besar-besaran di bahagian Filipina dan Indonesia di mana mereka berasal pada masa material itu. Oleh yang demikian, terdapat kesukaran dalam mendapat pekerjaan yang baik di sana. Secara perbandingan, Sabah kaya dengan sumber alam. Negeri itu berkembang dari segi ekonomi. Terdapat peluang pekerjaan yang mencukupi dalam kebanyakan sektor ekonominya. Ia stabil dari segi politik dan progresif. Semua aset dan ciri ini masih wujud. Secara kesimpulan, boleh dikatakan bahawa keadaan ekonomi yang teruk di bahagian Filipina dan Indonesia yang terlibat mewujudkan "faktor menolak" untuk orang berhijrah ke Sabah.

Pada hakikatnya, mereka mencari jaminan dari segi ekonomi di negeri di bawah bayu itu.

Satu lagi "faktor menolak" kemungkinan besar adalah berkaitan dengan apa yang dikatakan tuntutan wilayah terhadap Sabah oleh Kerajaan Filipina. Terdapat beberapa keterangan yang ramai orang Filipina masih menganggap Sabah sebagai sebahagian daripada Filipina. Memandangkan berlakunya perubahan kerajaan yang kerap di Filipina selama ini, tiada dasar rasmi yang jelas untuk mengetepikan tuntutan sedemikian ke atas Sabah. Bagi semua maksud dan tujuan, ia masih wujud. Tambahan pula, sebagaimana yang digambarkan dalam pencerobohan terkini ke atas Tanduo, kumpulan etnik tertentu yang dikaitkan dengan Kesultanan Sulu di Filipina yang tidak berfungsi lagi mempunyai tanggapan yang salah bahawa mereka boleh memasuki Sabah kerana keistimewaan atau hak dari aspek sejarah.

Apakah pula "faktor menarik" yang terlibat? Menurut *initiative* UPKO (P123), kajian dan temu bual yang dijalankan oleh pasukan penyelidik mereka telah membuktikan bahawa faktor paling penting yang menyumbang kepada penambahan besar dalam pendatang

tanpa izin di Sabah ialah ekonomi. Antara lain kajian ini memberikan ulasan:

"Every illegal immigrant that has set foot in Sabah has had a job waiting for him or her before arriving. They have heard about the availability of jobs when they were in their home country and their family members in Sabah are the ones finding them jobs and encouraging migration. A key source to the problem of illegal immigrants lies in Malaysians who willingly provide employment to illegals with the intention to exploit them for profit at the expense of the law. It is these companies, big and small, restaurants and shops, residences, all of which want cheap labor that are the real culprits..."

Memandangkan sektor perladangan dan pembinaan berkembang dalam Negeri dan memandangkan orang tempatan didapati tidak berminat untuk bekerja dalam sektor sedemikian, adalah munasabah untuk mengandaikan bahawa majikan tempatan dalam sektor ini tidak mempunyai pilihan tetapi untuk mengambil pekerja asing, yang sebilangan besar tidak mempunyai

dokumen yang sepatutnya dan oleh itu dianggap pendatang tanpa izin. Majikan di Sabah cenderung untuk mengeksploitasi mereka dengan membayar gaji yang terlalu rendah kepada mereka sementara meminta mereka untuk bekerja di bawah syarat-syarat pekerjaan yang bersifat mengeksploitasi. Terdapat kes yang dibuktikan melalui keterangan bahawa majikan tempatan mengambil kerja pendatang tanpa izin kerana mereka tidak perlu membayar levi, cukai, dsb. kepada pihak berkuasa.

Dalam suatu artikel bertajuk **"Migration and Moral Panic"** (P92) oleh Fadzilah Majid dan Dayang Suria Mulia, mereka menyatakan bahawa kebanyakan daripada buruh yang diperlukan di ladang kelapa sawit di Malaysia dibekalkan oleh buruh pendatang dan bahawa buruh ladang di Sabah adalah sebahagian besarnya dari Indonesia dan beberapa orang dari Filipina. Mereka menyatakan selanjutnya bahawa pekerjaan di sektor perladangan tidak berjaya menarik buruh tempatan, sebahagiannya kerana dalam baki pilihan yang mereka ada, orang tempatan mendapati keadaan pekerjaan di estet sebagai kurang menarik daripada industri lain. Ini dibuktikan melalui keterangan beberapa majikan yang hadir di hadapan RCI bahawa kebanyakan orang tempatan didapati mengelak daripada membanjing tulang di

bawah matahari. Mereka didapati lebih suka bekerja dalam persekitaran yang lebih selesa.

Seorang daripada saksi itu ialah Roserun @ Raslan bin Sunman (W86), Pengurus Besar Felda Global Ventures Plantation (M) Sdn. Bhd., Sabah & Sarawak. Syarikat itu mengambil kerja kira-kira 9,000 pekerja dan lebih daripada 90% merupakan pekerja asing. Semua pekerja didokumenkan dengan sepatutnya. Mereka diambil kerja melalui ejen kontrak yang dilantik dengan sewajarnya. Kebanyakan daripada pekerja asing mereka adalah dari Indonesia. Seorang lagi Pengurus Besar daripada Kumpulan Syarikat AUMKAR juga memberikan keterangan di hadapan RCI. Beliau menyatakan bahawa syarikatnya terlibat dalam perladangan kelapa sawit pada skala besar di Sabah. Kebanyakan daripada pekerjanya ialah orang asing. Beliau menerangkan bahawa orang tempatan menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan yang susah di ladang dsb. Menurut beliau, orang tempatan tidak suka bekerja di bawah matahari yang terik tetapi lebih suka bekerja di bawah tempat teduh.

Kebanyakan daripada saksi yang hadir di hadapan RCI memberikan keterangan bahawa mereka datang ke Sabah untuk

mencari pekerjaan. Kami merujuk kepada keterangan beberapa saksi itu untuk menggambarkan perkara tersebut. Isabelito Teves Pia (W37) merupakan pendatang tanpa izin yang dilahirkan pada tahun 1964 di Basilan, Filipina. Beliau datang ke Sabah pada tahun 1986 untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Beliau dapat bekerja dalam beberapa pekerjaan sepanjang beliau tinggal di Sabah dan akhirnya bekerja sendiri sebagai petani. Seorang lagi pendatang tanpa izin Filipina bernama Degon bin Amy (W41) yang memasuki Sabah pada tahun 2002 dapat bekerja dalam pelbagai pekerjaan di Sabah. Beliau ditangkap oleh pihak berkuasa pada tahun 2012 dan sekarang ditahan di Pusat Tahanan Sementara, Sandakan sementara menunggu penghantaran pulang ke Filipina. Seterusnya seorang pendatang tanpa izin Indonesia bernama Nisa binti Rahman (W42) yang dilahirkan pada tahun 1983 di Sulawesi, Indonesia telah memasuki Sabah pada tahun 2011 tanpa sebarang dokumen perjalanan bersama-sama sekumpulan orang kampung beliau. Alasan beliau untuk memasuki Sabah ialah faktor ekonomi. Semasa di Sabah, beliau mendapati tiada kesukaran untuk mendapat pekerjaan di estet kelapa sawit. Walau bagaimanapun, beliau ditangkap pada Disember 2012 di Tawau dan sekarang ditahan di Pusat Tahanan Sementara, Sandakan, sementara menunggu penghantaran pulang ke negara

asal beliau. Seorang pendatang India bernama Mohidin Batcha bin Sariff (W27) memasuki Sabah pada tahun 1978 untuk mencari pekerjaan. Beliau dapat bekerja di beberapa restoran di Sabah tanpa terlalu banyak kesukaran. Seorang lagi pendatang India bernama Nur Mohd bin Ibrahim (W31) memasuki Sabah untuk bekerja pada tahun 1981. Beliau berjaya memperoleh permit kerja untuk bekerja di pelbagai tempat di Sabah. Kemudian, terdapat seorang pendatang tanpa izin Pakistan yang berjaya memasuki Sabah pada tahun 1992 dan mendapat pekerjaan dalam perniagaan runcit. Beliau berkahwin dengan orang tempatan Sabah dan berjaya memperoleh KP Malaysia berwarna biru melalui cara yang mencurigakan.

Berdasarkan fakta, andaian dan hal keadaan yang dinyatakan di atas, didapati tiada keraguan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kemasukan pendatang tanpa izin yang ramai ke Sabah ialah motivasi ekonomi.

3.1.7 Sindiket & Individu

Terdapat keterangan yang mencukupi di hadapan RCI tentang penglibatan sindiket dan individu tertentu yang korup

dalam pengeluaran KP Malaysia dan dokumen lain secara haram dan takat operasi mereka. Sindiket itu kadang-kadang beroperasi dengan kerjasama pegawai yang korup daripada jabatan berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah. Ini ditunjukkan dalam keterangan ahli politik berprofil tinggi seperti Tan Sri Joseph Pairin Kitingan (W199), Timbalan Ketua Menteri Sabah pada masa ini; Datuk Seri Yong Teck Lee (W129), bekas Ketua Menteri Sabah dan Tan Sri Bernard Dompok (W139), bekas Menteri Persekutuan.

Menurut Tan Sri Joseph Pairin Kitingan (W199), terdapat kewujudan sindiket yang terlibat secara aktif dan mengeluarkan KP, sijil kelahiran, pasport palsu, dsb. dan bahawa sindiket ini didapati mendapat bantuan daripada pegawai tertentu dalam Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah. Beliau memberikan gambaran bahawa ia merupakan masalah yang serius kerana sindiket ini masih menjalankan urusan mereka. Datuk Seri Yong Teck Lee (W129), dalam *Position Paper* (P110) beliau, menyebut secara ringkas tentang kewujudan sindiket dan individu yang aktif dalam memalsukan KP, pasport dan permit kerja untuk dijual kepada pendatang tanpa izin di Sabah. Beliau menarik perhatian kepada suatu pernyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri

Dalam Negeri di Parlimen bahawa dalam masa 10 tahun sehingga tahun 1999, tidak kurang daripada 2,533 orang di Sabah dibawa ke mahkamah kerana memiliki KP palsu; bahawa seawal 1995, dilaporkan dalam media berita yang Kerajaan Persekutuan menyedari sepenuhnya tentang penglibatan sindiket dan individu.

Sebenarnya, Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa itu, Datuk Ong Ka Ting menyatakan bahawa ini merupakan masalah serius yang mendorong kerajaan untuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana ia boleh mengancam Keselamatan Negara. Kemudian, kami mempunyai keterangan Tan Sri Bernard Dompok (W139), yang semasa memberikan keterangan belia di hadapan RCI, mengemukakan suatu *Position Paper* yang diperihalkan sebagai *Initiative* UPKO (P123). Di dalamnya, beliau menyebut tentang temu bual yang dijalankan ke atas 1,002 responden di 13 lokasi di seluruh Sabah. Salah satu daripada hasil adalah berkaitan dengan pertumbuhan pesat dalam penjualan siji kelahiran tempatan sebanyak RM3,500 setiap satu; yang dokumen ini kemudian digunakan untuk membolehkan anak-anak kepada pendatang tanpa izin bersekolah dan juga memperoleh KP biru Malaysia. Tambahan pula, temu bual itu juga mendedahkan bahawa akuan sumpah atau *statutory*

declarations" digunakan untuk memperoleh KP melalui apa yang dikatakan "Project IC". KP boleh dibeli antara RM2,000 hingga RM5,000 setiap satu bergantung kepada kawasan dan kualiti KP. Dalam semua 13 lokasi yang diliputi oleh temu bual itu, diperhatikan bahawa hampir semua responden mengatakan yang mereka didatangi oleh orang yang mendakwa dapat memberikan KP dengan dikenakan bayaran. Penjual dokumen ini akan menggunakan ungkapan yang sama dengan menyatakan yang mereka adalah daripada kerajaan atau mereka memberikan KP di bawah "Project IC" atau mereka mempunyai orang hubungan dalam Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah.

Keterangan saksi-saksi di atas memperoleh sokongan daripada pendatang tanpa izin sendiri. Di sini, kami ingin merujuk kepada keterangan beberapa orang saksi tersebut. Abdul Latif bin Jumaain (W161) dilahirkan di Pulau Ubian, Filipina pada tahun 1958. Beliau memasuki Sabah secara haram pada tahun 1972. Semasa di Sabah, beliau mendapati tidak sukar untuk mencari kerja rencam. Tidak lama kemudian, beliau berjaya memperoleh KP Malaysia melalui pihak ketiga. Beliau memperihalkan bagaimana beliau dibawa ke sebuah rumah persendirian oleh seseorang di mana beliau diberikan suatu borang untuk diisi dan

diturunkan cap ibu jari. Beliau juga mengisi suatu borang perisytiharan yang menyatakan bahawa beliau dilahirkan di Sempoma, Sabah. Beliau kemudian membayar RM5 untuk semua itu. Beliau mengatakan bahawa enam bulan kemudian, beliau diberikan suatu KP biru plastik bernombor H0500928. Dengan KP itu, beliau dapat, setelah mengharungi proses yang panjang dan rumit, menukarkannya kepada KP biru yang mengandungi 12 angka dengan kod 12 (bermakna dilahirkan di Sabah). Dan yang terkini pada tahun 2013, beliau dapat menukarkannya kepada MyKad. Sebagai tambahan, beliau berjaya memperoleh lesen memandu tempatan. Dengan KP Malaysia beliau, beliau mendaftarkan diri sebagai pengundi dan telah mengundi tiga kali di Pulau Gaya.

Seorang lagi saksi yang bernama Ishak Asluan (W157) memberikan keterangan bahawa dia dilahirkan di Timor, Indonesia. Beliau berusia 46 tahun dan merupakan seorang Islam. Beliau memiliki MyKad dengan kod 12. Beliau memasuki Sabah secara haram pada tahun 1983 untuk mencari pekerjaan dan semasa di Sabah, beliau dapat bekerja di pelbagai tempat tanpa sebarang dokumen sokongan dan tanpa sebarang masalah daripada pihak berkuasa. Menurutinya, beliau memperoleh KP Malaysia melalui

seorang lelaki bernama Usman bin Rajak yang dikatakan mempunyai kaitan dengan Parti Berjaya. Beliau berkata bahawa beliau dan 17 yang lain diberitahu yang mereka boleh mendapat KP Malaysia setelah membayar RM40 seorang. Beliau kemudian memperihalkan bagaimana Usman ini membawa bersama-sama borang yang lengkap untuk diisi dan diturunkan cap ibu jari; bahawa dalam masa tiga bulan, beliau dan yang lain dapat menerima KP biru mereka; bahawa setelah menerima KP birunya, beliau diberitahu yang ia adalah bagi tujuan mengundi. Beliau tidak mendaftar sebagai pengundi dengan serta-merta tetapi berbuat demikian kemudiannya di Semporna. Beliau cuba untuk mengundi tetapi tidak boleh memandangkan namanya tidak terdapat dalam daftar pemilih. Beliau berkata bahawa pada satu peringkat, beliau kehilangan KP birunya tetapi dengan bantuan seseorang di Semporna, beliau berjaya memperoleh MyKad setelah membayar RM500. Di sini, perlu diberikan perhatian bahawa semasa prosiding RCI, pegawai pengendali telah memeriksa rekod Jabatan Pendaftaran Negara dan mendapati bahawa MyKad ini tidak terdapat dalam rekod JPN. Yang anehnya, beliau telah menggunakan MyKad ini selama beberapa tahun, nampaknya, tanpa sebarang masalah daripada pihak berkuasa.

Sokongan boleh didapati melalui seorang lagi saksi bernama Ahmad bin Soso (W153) yang dilahirkan di daerah Bone, Sulawesi, Indonesia. Beliau memasuki Sabah pada tahun 1978 semasa beliau berumur 14 tahun dengan menaiki sebuah kapal bersama-sama lebih kurang 700 orang. Beliau masuk melalui Nunukan dan Tawau menggunakan pasport Indonesia. Setelah memasuki Sabah, beliau dapat bekerja di beberapa ladang. Pasport beliau kemudiannya tamat tempoh. Beliau tidak membaharuinya. Beliau berkata bahawa sekitar tahun 1990, beliau dan beberapa orang kawan pergi ke Kota Kinabalu dan di situ beliau berjumpa dengan seorang lelaki Bugis yang memberitahu mereka yang dia boleh membantu dalam memperoleh KP biru. Kemudian beliau dibawa ke suatu rumah di mana beliau diminta untuk mengisi beberapa borang dan untuk menurunkan cap ibu jari padanya. Menurutny, beliau menerima KP biru dengan kod H dalam masa tiga bulan. Beliau menafikan membayar apa-apa baginya. Dengan KP beliau, beliau dapat menukar kepada KP bunga raya dan kemudian kepada MyKad yang digunakannya sekarang. Beliau telah mendaftar sebagai seorang pengundi dan telah mengundi dalam pilihan raya sejak tahun 1990.

Kami ingin menarik perhatian kepada saksi terakhir iaitu Zainal Abidin bin Mohammad (W147), yang merupakan pendatang dari India. Beliau dilahirkan di Tamil Nadu pada tahun 1961. Semasa beliau tinggal di Sabah, beliau berjaya memperoleh KP Malaysia, melalui seseorang di Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah, tanpa melalui proses biasa. Akhirnya, beliau memperoleh MyKad dengan kod 12 (bermakna dilahirkan di Sabah). Beliau juga dapat mendaftarkan dirinya sebagai seorang pengundi dan telah mengundi 4 atau 5 kali dalam pilihan raya negeri. Sehubungan dengan ini, kami juga mempunyai keterangan dua pegawai daripada Cawangan Khas yang ditugaskan untuk menyoal siasat dua orang bekas Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah, yang ditangkap dan ditahan di bawah ISA kerana dikatakan terlibat dalam pengeluaran KP Malaysia kepada pendatang tanpa izin melalui cara yang mencurigakan.

Datuk Hj. Ibrahim bin Hj. Zakaria (W33), ketua Cawangan Khas, Sarawak, telah memberikan keterangan bahawa 94 orang yang disyaki sebenarnya ditahan di bawah ISA, dan 24 daripada mereka ditempatkan di Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah, pada masa material. Beliau ditugaskan untuk menyoal siasat Datuk Rauf Sani, Pengarah JPN, Sabah. Daripada soal

siasat itu, beliau dapat memastikan bahawa 6,305 KP telah dikeluarkan secara haram yang menghasilkan kutipan sebanyak RM167,300. Menurut beliau, satu-satunya motif adalah untuk mendapat keuntungan kewangan. Keterangan beliau jelas disokong oleh seorang lagi pegawai Cawangan Khas, DSP Badaruddin bin Ismail (W34) yang ditugaskan untuk menyoal siasat seorang lagi Pengarah JPN, Sabah, Encik Ramli bin Kamaruddin (W11).

Sebenarnya, seawal tahun 1999, surat khabar tempatan di Sabah telah melaporkan, bahawa penglibatan dalam pengeluaran KP palsu atau KP tulen secara haram merupakan suatu perniagaan yang lumayan. Banyak wang diperoleh sindiket atau individu atau pegawai yang korup kerana satu KP palsu boleh mencecah antara RM400 hingga RM500 dan satu pasport Malaysia berharga sehingga RM50,000. Ini menjadi lebih buruk kerana ramai orang dalam Negeri tidak mempunyai siji kelahiran. Sebagai contoh, pada tahun 1999, seorang pegawai JPN di Sabah, mengadu bahawa lebih daripada 2 juta orang yang menetap di sana tidak mempunyai siji kelahiran. Ini dilaporkan dalam surat khabar *The Sun*. Ini membimbangkan apabila seseorang menganggap bahawa keseluruhan jumlah penduduk Sabah pada

masa itu dianggarkan kira-kira 2.8 juta. Alasannya mungkin disebabkan ramai penduduk Sabah dilahirkan di rumah di kampung-kampung yang terpencil atau di pulau-pulau yang terpencil dan bukan di hospital atau klinik di mana kelahiran perlu didaftarkan dan siji kelahiran dikeluarkan. Terdapat juga yang tidak mempunyai pengetahuan tentang undang-undang yang menghendaki keperluan untuk mendaftarkan kelahiran mereka.

Hakikat bahawa sindiket beroperasi secara meluas dalam perniagaan mengeluarkan KP palsu, dsb., juga digambarkan dalam ulasan oleh sarjana dan pengkaji seperti Dr. Dayang Mulia daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Dr. Kamal Sadiq daripada *University of California - Irvine*. Dalam artikelnya yang bertajuk "**...Conflict Over Illegal Immigration into Malaysia**", Dr. Kamal memberikan ulasan bahawa menjadi pengetahuan umum bagi pendatang untuk kelihatan seolah-olah sah melalui dokumen palsu. Menurut beliau, pengendali buruh akan membantu untuk memudahkan perkara yang mirip kesahan ini. Kebanyakan daripada mereka bertanggungjawab untuk membawa pendatang Filipina ke Sabah setelah dibayar. Memandangkan bilangan pendatang yang terlibat adalah ramai, para pengendali ini di luar dan dalam Sabah menjalankan industri

yang berkembang maju melalui pengeluaran sijil kelahiran dan KP Malaysia palsu. Sijil kelahiran ialah suatu dokumen penting bagi memperoleh KP Malaysia yang merupakan dokumen kerakyatan utama. KP merupakan dokumen asas yang diperlukan untuk memasuki sistem persekolahan, menjalankan francais dan menjadi layak bagi mendapatkan lesen. Oleh yang demikian, pendatang tanpa izin mempunyai galakan yang kuat untuk memperoleh dokumen tersebut dan melalui apa-apa cara yang perlu. Tambahan pula, Dr. Dayang dalam artikelnya yang bertajuk "... **Social Networks...Evidence From Undocumented Immigrants in Sabah**" memberikan ulasan bahawa melalui rangkaian sosial yang wujud di Sabah, pendatang tanpa izin dapat memperoleh maklumat mengenai bagaimana dan di mana mereka boleh mendapat sijil kelahiran dan KP Malaysia; bahawa kewujudan rangkaian itu mempunyai kesan yang memudahkan matlamat mereka untuk memperoleh dokumen tersebut.

Oleh itu secara ringkas, boleh dikatakan bahawa pendatang tanpa izin tidak mempunyai sebarang kesukaran dalam memperoleh KP Malaysia, sijil kelahiran dan dokumen lain dalam proses menjadikan diri mereka sebahagian daripada masyarakat Sabah dan dengan itu memudahkan akses kepada kebanyakan,

jika tidak semua, hak kerakyatan Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan politik. Dengan jelas, semua ini mewujudkan faktor menarik yang ketara dalam penghijrahan ke Sabah.

3.1.8 Koloni Setinggalan

Koloni setinggalan menjadi salah satu daripada punca sebenar pertambahan jumlah penduduk pendatang tanpa izin di Sabah. Selama beberapa dekad, orang Sabah telah bertahan dengan bilangan koloni setinggalan yang bertambah di Negeri itu. Sekarang ia telah mencapai kadar yang menimbulkan krisis. Terdapat terlalu banyak laporan tentang masalah yang berhubungan dengan koloni setinggalan ini. Malah seawal tahun 1999, dilaporkan dalam Borneo Post bahawa pihak berkuasa berkaitan tidak mengambil tindakan yang konkrit untuk menangani koloni setinggalan yang terus merebak ke seluruh Negeri. Suatu surat khabar melaporkan bahawa pendatang tanpa izin bertanggungjawab mewujudkan kawasan slum daripada koloni setinggalan yang banyak di mana mereka tinggal. Ini ternyata mendorong Pengarah FSTF Datuk Hj. Abu Talib Harun untuk mengulas bahawa bilangan pendatang tanpa izin yang mencari perlindungan di petempatan atau koloni

setinggian atau untuk mengelak daripada dikesan telah mencapai suatu tahap yang mebingungkan dan beliau mengaku bahawa penempatan atau koloni setinggian ini merupakan punca utama bagi peningkatan penduduk sementara secara haram di Sabah (lihat *New Straits Times* bertarikh 11/9/1999).

Tambahan lagi, seorang penulis yang menggunakan nama "Amde Sidik" berpandangan bahawa masalah setinggian adalah yang paling buruk di Malaysia. Beliau berkata bahawa mereka kebanyakannya merupakan pendatang tanpa izin dan bahawa koloni setinggian telah merebak dari kawasan pantai seperti Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Kudat ke kawasan pedalaman seperti Keningau, Ranau dan Sipitang (lihat lampiran L2 kertas SAPP). Kemudian pada tahun 2006, pemangku Pesuruhjaya Polis, Sabah, dilaporkan sebagai berkata bahawa koloni setinggian yang tumbuh seperti cendawan di Sabah merupakan punca sebenar penyakit sosial dan jenayah di Negeri itu dan beliau mengingatkan: "Don't wait another 10 or 20 years until more squatter houses are built as by then, it would be too late to act".

Sememangnya suara kebimbangan ini diulangi oleh SAPP dalam *Position Paper* (P110) di mana ia menyatakan bahawa

agensi penguatkuasaan undang-undang memperihalkan koloni setinggalan sebagai sarang bagi kegiatan haram; bahawa pihak berkuasa kesihatan memperihalkan mereka sebagai inkubator yang berpotensi untuk menyebabkan penularan penyakit berjangkit dan bahawa orang tempatan Sabah menganggapnya sebagai suatu yang merosakkan pemandangan dan yang memusnahkan persekitaran serta kualiti kehidupannya. Ia terus menyatakan bahawa kemiskinan dan keadaan serba kekurangan merupakan ciri-ciri koloni setinggalan yang mengakibatkan rampasan dan penjarahan persekitaran. Ia tidak berpuas hati tentang hakikat bahawa walaupun Kerajaan Negeri telah membuat beberapa kenyataan mengenai keperluan untuk merobohkan koloni setinggalan tersebut, ia belum menunjukkan kesungguhan politik yang perlu untuk menanganinya. Ia mencadangkan supaya penguatkuasaan perundangan yang berkaitan diperketat untuk mewajibkan majikan menyediakan perumahan untuk pekerja asing mereka dan tanggungannya sebagai suatu cara untuk membasmi atau mengurangkan masalah setinggalan.

Pulau Gaya dikatakan sebagai koloni setinggalan yang digemari kerana ia memberikan akses mudah ke Kota Kinabalu di mana kebanyakan pendatang tanpa izin bekerja dalam sektor

perkhidmatan dan pembinaan. Dalam suatu ulasan di bawah "Opinion" yang disiarkan dalam *Daily Express* pada 27/6/1999 yang menyebut tentang Pulau Gaya, penulis menyatakan:

"In no time, it became a self-contained settlement with its own social order and infrastructure complete with a mosque and school for their young and chosen leaders to oversee their family and community affairs. When locals realized the advantage of having residence on the island, they too moved in. The social interaction among the locals and foreigners resulted in mixed marriages and today it is not unusual to find a large number of families comprising local men and women with foreign spouses and their children. Add to this, the involvement of local politicians who offer them protection in return for their votes during the general elections."

Beliau berkata selanjutnya bahawa Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) sering ditegur kerana merobohkan rumah-rumah kepunyaan pendatang tanpa izin dan pegawainya yang secara tidak adil dicap sebagai bertindak dengan tidak

berperikemanusiaan atau dengan tidak mengambil peduli dalam menjalankan tugas mereka. Beliau menyebut suatu contoh tentang konfrontasi antara DBKK dengan suatu parti komponen BN mengenai tapak cadangan Perpustakaan Negeri baru di mana suatu kampung setinggian telah wujud, ternyata, berdasarkan pemahaman dan perlindungan termaklum daripada ahli politik tertentu. Menurut penulis, usaha berterusan DBKK untuk membersihkan kawasan yang diketahui bermasalah dalam koloni setinggian ini berhadapan dengan tentangan hebat daripada pendatang tanpa izin sendiri dan juga mereka yang menjalankan kegiatan haram yang terjejas disebabkan usaha perobohan tersebut.

Seorang lagi ahli panel menulis dalam Daily Express bahawa Sabah mempunyai bilangan setinggian yang terbesar di Malaysia, yang kebanyakannya merupakan pendatang tanpa izin; bahawa mereka cenderung untuk membina rumah di mana-mana jua yang terdapat ruang tanpa mengira tanah siapa yang mereka duduki. Rumah-rumah ini mudah dibina kerana menggunakan bahan-bahan yang murah. Menurut beliau, di Kota Kinabalu, kira-kira 80% daripada rumah yang dimusnahkan oleh pihak berkuasa dibina oleh pendatang tanpa izin dari Filipina dan 20% dari

Indonesia sementara mereka dari Pakistan dan India lebih suka menyewa rumah. Cara ini nampaknya tersebar dari pantai timur Sabah ke kawasan pedalaman.

Kami juga ingin menarik perhatian kepada beberapa keratan akhbar yang dilampirkan pada *Position Paper SAPP* yang menyentuh mengenai masalah yang berhubungan dengan koloni setingan di Sabah. Lampiran L1 pada P110 mengandungi suatu artikel dalam *Daily Express* di bawah "Opinion" yang memberikan ulasan bahawa pendatang tanpa izin semakin disalahkan bagi jenayah dan rasa tidak selamat yang dirasai dan dialami oleh masyarakat Sabah; keadaan yang kotor dan tidak sihat disebabkan pembuangan sampah secara sembarangan di bandar dan tapak kerja; kewujudan koloni setingan seperti cendawan di seluruh Sabah; berkembangnya kegiatan jual-beli dadah yang mengakibatkan peningkatan penyakit sosial; dan menghalang orang tempatan daripada mendapat pekerjaan yang sah. Dalam artikel itu penulis berpandangan yang sementara terdapat keperluan untuk mengadakan pekerja asing di Sabah atas sebab ekonomi, terdapat keperluan serentak untuk mewujudkan peraturan dan penyusunan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Beliau membangkitkan kemungkinan untuk mewujudkan "new

village concept" seperti yang diwujudkan di bawah Kaedah Darurat pada tahun 1950an. Menurut beliau, walaupun cadangan sedemikian mungkin dikritik oleh sesetengah pihak sebagai mempunyai kesan untuk menghalang orang tempatan daripada kemudahan tertentu, ia sebenarnya merupakan suatu pilihan iaitu "whether we wish to see the problem continue to snowball into an uncontrollable nightmare or establish some order and bring the situation under our own control".

Dalam satu lagi artikel (lihat lampiran L3 pada P110) di bawah ruang "Forum Letters" bertarikh Julai 1999, penulis mengadu tentang kurangnya kesungguhan politik berkenaan dengan keperluan untuk menempatkan semula dan merobohkan koloni setingan; bahawa terdapat campur tangan politik terhadap tindakan penguatkuasaan majlis tempatan mengenai setingan. Beliau berpendapat bahawa tugas untuk merobohkan tidak sepatutnya ditanggung oleh majlis tempatan sahaja tetapi juga oleh agensi lain termasuk Pasukan Pelugas Khas Persekutuan (FSTF). Mengenai hal ini beliau berkata:

"It is the lethargy and often ambivalent attitude of the State and Federal Governments towards the illegals that has led to the intolerable present

situation. They should clear the mess and not merely leave it to the local councils."

Sebenarnya, FSTF pada tahun 1999 telah meminta Kerajaan Negeri Sabah supaya menghalang peluasan koloni setinggan di Sabah untuk membendung kemasukan pendatang tambahan. Pengarah FSTF dilaporkan telah berkata yang beliau akan mengemukakan suatu cadangan kepada Kerajaan Negeri mengenai perkara itu. Beliau mengaku bahawa koloni setinggan merupakan punca utama bagi peningkatan penduduk sementara secara haram di Sabah (lihat lampiran L10, P110). Walau bagaimanapun, tiada petunjuk tentang kandungan cadangan ini atau sama ada ia telah dilakukan.

Dalam perjalanan siasatan, Penyiasat RCI telah melawat kebanyakan daripada koloni setinggan. Mereka telah mengumpul hasil lawatan mereka dalam suatu ikatan. Menurut mereka, terdapat 182 koloni atau petempatan setinggan di Sabah, yang diduduki oleh orang asing. Mereka melawat 117 daripadanya. Butir-butir laporan mengenai 12 daripada koloni tersebut digambarkan dalam ikatan P173. Secara amnya, siasatan itu

mendedahkan bahawa hanya beberapa koloni telah disediakan dengan kemudahan asas. Di bawah "Ulasan", dinyatakan begini:

"Secara keseluruhannya Pasukan Siasatan SSPA telah berjaya menjalankan siasatan di penempatan setinggan di seluruh negeri Sabah. Terdapat beberapa penempatan setinggan yang lebih teratur dengan adanya kemudahan seperti jalan bertar, bekatan air dan elektrik, sekolah Kafa, tadika KEMAS, kawasan permainan, surau, gelanggang futsal, perhentian bas dan jambatan bersimen yang menyambung dari satu rumah ke satu rumah yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat juga penempatan setinggan yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti dinyatakan di atas."

Berdasarkan siasatan mereka, Penyiasat RCI telah membuat cadangan tertentu untuk dipertimbangkan. Di bawah "Cadangan", mereka menyatakan seperti yang berikut:

"Pasukan Siasatan SSPA mengesyorkan agar masalah sosial dan jenayah di penempatan setinggan di

Sabah haruslah ditangani dengan sewajarnya. Pihak berkuasa tempatan perlu mengambil langkah proaktif seperti mengadakan pemeriksaan, bancian, penempatan semula dan merobohkan rumah-rumah di penempatan setinggan. Pemandang asing tanpa izin perlu diambil tindakan tegas di mana mereka perlu ditangkap dan diusir ke negara asal. Selain dari itu, pihak kerajaan juga boleh mewujudkan perkampungan baru denganewartakan penempatan setinggan yang teratur yang telah sedia ada, JKKK dan RELA di perkampungan yang diwartakan perlu diwujudkan di mana ia dapat membantu mengurangkan kadar jenayah dan isu-isu lain yang timbul."

Dalam analisis terakhir, apabila semua keterangan, fakta dan hal keadaan diambil kira, adalah agak jelas bahawa koloni atau masyarakat setinggan di Sabah sedang berkembang dari segi bilangan dan saiz mengikut peredaran masa. Temyata, rangkaian sosial yang timbul daripada pertalian persaudaraan, persahabatan dan etnik telah menyumbang kepada bilangan dan saiz mereka. Kebanyakan daripada mereka menjadi tempat yang selamat

kepada pendatang tanpa izin yang baru dan yang akan datang. Kemudian terdapat penduduk sementara yang disebut terdahulu yang termasuklah pekerja asing di Sabah. Bilangan mereka telah meningkat sejak beberapa tahun. Dalam suatu kertas kajian bertajuk "Pekerja Asing di Sabah: Isu dan Perspektif" oleh Dr. Dayang Suria Mulia (P92), beliau menyatakan bahawa bilangan pekerja asing yang meningkat telah menyebabkan peningkatan serentak dalam bilangan petempatan setingan di Sabah. Beliau memperihalkan kedua-dua aspek negatif dan positif tentang petempatan ini dan bagaimana pihak berkuasa telah cuba untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit daripadanya. Namun, petempatan ini masih boleh dianggap sebagai suatu faktor menarik yang penting dalam penghijrahan.

3.1.9 Ciri-Ciri Geografi

Merupakan pengetahuan umum bahawa satu daripada sebab utama bagi pengaliran pendatang haram yang tidak dikawal selia dari Filipina dan Indonesia ke Sabah ialah kedudukan geografi. Sabah mempunyai garisan pantai yang lebih daripada 1,700km. Jaraknya dengan beberapa pulau di perairan Filipina membenarkan akses mudah untuk melintasi sempadan negeri. Terdapat kira-kira 200 pulau kecil berhampiran dengan pantai timur Sabah yang 52 daripadanya mempunyai penduduk. Di sesetengah tempat, ia mengambil kurang daripada 20 minit dengan menaiki bot untuk sampai ke perairan Sabah dari Filipina (lihat Daily Express 2000). Sabah juga berkongsi sempadan darat dengan Indonesia. Petikan yang berikut daripada suatu artikel oleh Dr. Kamal Sadiq mempunyai pengertian yang mendalam:

"... It is commonly known among Sabahans that the coastal town of Sandakan... is overwhelmingly Filipinos, while Indonesians comprise the majority of residents in Tawau, a Sabah town that borders Indonesia. According to illegal immigrants in Sabah, it takes approximately 2 days to reach Kota Kinabalu, the capital of Sabah, from the Philippines

by boat. In fact, one of the landing points is just below the Yayasan Sabah, a skyscraper housing the Chief Minister's office and other key Sabahan Ministries dealing with immigration or security..."

Sebenarnya, cara mudah bagi pendatang tanpa izin memasuki Sabah dari Filipina dan Indonesia digambarkan dengan jelas melalui keterangan beberapa saksi di hadapan RCI. Kami berpendapat adalah mencukupi untuk merujuk kepada beberapa saksi berikut. Degon bin Amy (W4) dilahirkan di Tawi-Tawi, Filipina Selatan. Beliau memasuki Sabah secara haram pada tahun 2002 dengan bot bersama-sama dengan kira-kira 60 orang. Beliau datang melalui Sandakan tanpa sebarang dokumen. Beliau tidak menghadapi sebarang kesukaran setelah masuk kerana tiada apa-apa jua pemeriksaan oleh pihak berkuasa. Semasa di Sabah, beliau dapat bekerja dalam pelbagai pekerjaan sehingga beliau ditangkap pada tahun 2012 dan kemudian ditahan di Pusat Tahanan Sementara sementara menunggu penghantaran pulang. Seorang lagi pendatang haram yang bernama Nisa binti Rahman (W42) yang dilahirkan di Sulawesi, Indonesia, memasuki Sabah dengan menaiki kapal muatan melalui Nunukan dan Tawau,

bersama-sama sekumpulan orang tanpa sebarang dokumen dan tanpa sebarang kesukaran. Mereka tidak diberhentikan dan diperiksa oleh pihak berkuasa. Seorang lagi pendatang haram bernama Waja bin Alik (W43) dari Tambawan, Mindanao, Filipina tidak menghadapi sebarang kesukaran ketika memasuki Sabah dengan bot bersama-sama dengan beberapa anggota keluarganya. Tiada seorang pun daripada mereka mempunyai dokumen perjalanan pada masa itu. Sebenarnya, semua saksi yang memberi keterangan di hadapan RCI telah sama ada memasuki Sabah sebagai pelarian atau pehijrah ekonomi dan tidak menghadapi sebarang kesukaran dalam berbuat demikian. Ini sudah pasti merupakan suatu gambaran tentang kawalan sempadan berkualiti rendah yang diguna pakai oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Dalam aspek ini, ulasan oleh Penyiasat RCI khususnya adalah ketara. Dalam perjalanan siasatan mereka, Penyiasat RCI berjaya mendedahkan bahawa 48 lokasi atau pintu masuk digunakan oleh pendatang dari Filipina dan 17 lokasi digunakan oleh mereka dari Indonesia. Lokasi atau pintu masuk ini tidak diwartakan oleh pihak berkuasa. Semua ini dikumpulkan dalam ikatan P173 mereka. Kami tidak berhasrat untuk membincangkannya secara terperinci. Mencukupi bagi kami untuk

menarik perhatian kepada ruang di bawah "Hasil Siasatan" yang menyatakan:

"Hasil siasatan, kemasukan pendatang asing tanpa izin (PTI) ke Sabah selain dari faktor penarik dan penolak dari sudut ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan sebagainya, ia turut dibantu oleh beberapa faktor lain, antaranya ialah:

- 5.1) Kawasan sempadan dan perairan negeri Sabah yang begitu luas di mana struktur dan bentuk geografinya menyukarkan kawalan lebih ketat dibuat;*
- 5.2) Kawalan pintu masuk dan keluar yang tidak diwartakan agak longgar (khususnya di sempadan dan perairan negeri Sabah) dan ada yang langsung tiada kawalan dibuat;*
- 5.3) Lokasi pos kawalan pihak keselamatan dan Jabatan Imigresen yang perlu dikaji semula dari segi kesesuaiannya;*
- 5.4) Kelengkapan peralatan logistik pihak berkuasa keselamatan yang tidak bersesuaian dan tidak mencukupi termasuk dari segi jumlah keanggotaan;*

- 5.5) Fokus kekuatan lebih tertumpu di daratan tetapi kurang di luar. Kelemahan ketara dikenalpasti ialah mudahnya sempadan laut Sabah dibolosi;
- 5.6) Kurangnya kerjasama secara efektif antara Jabatan-Jabatan yang terlibat dalam menangani kemasukan PTI;
- 5.7) Tahap integriti pihak yang dipertanggungjawabkan perlulah dipertingkatkan; dan
- 5.8) Penempatan--penempatan haram, setingan, pelarian dan sebagainya yang wujud di dalam Daerah Sabah perlu dikaji dan disusun semula dengan penuh itizam tanpa mengira kepentingan politik dan peribadi."

Hasil daripada siasatan mereka, Penyiasat RCI telah membuat syor-syor tertentu seperti yang berikut:

- "6.4.1) Kawalan pintu masuk dan keluar yang tidak diwartakan perlu dibuat kajian secara teliti dan penempatan semula atau mewujudkan pos

- kawalan baru di kawasan–kawasan yang dikenalpasti;*
- 6.4.2) *Kelengkapan peralatan logistik yang bersesuaian serta sumber manusia perlu dipertingkatkan;*
- 6.4.3) *Fokus dan tumpuan kekuatan pasukan keselamatan di Sabah ini perlu dipertingkatkan di laut;*
- 6.4.4) *Perlu dipertingkatkan kerjasama secara efektif antara Jabatan–Jabatan yang terlibat dalam menangani kemasukan PTI;*
- 6.4.5) *Memperbaiki tahap integriti pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal keselamatan sempadan;*
- 6.4.6) *Mengenepikan kepentingan politik dan peribadi dengan merobohkan penempatan–penempatan haram, setinggal, pelarian dan sebagainya yang dibina secara haram. Bancian secara penuh dan penyusunan semula perlu dibuat.*

Dalam hal keadaan itu, berdasarkan keterangan di hadapan kami dan bagi sebab-sebab yang dinyatakan, tiada keraguan

bahawa kelemahan dalam kawalan sempadan kita dan sikap acuh tak acuh pegawai penguatkuasa kita di lapangan telah menyebabkan kemasukan pendatang haram ke Sabah. Pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis dan Agensi lain yang berkaitan mestilah proaktif dalam merancang strategi yang sewajarnya untuk mengawal dan memantau aliran pendatang ke dalam Sabah melalui udara, laut dan darat.

3.1.10 Sistem Kerakyatan Berinstitusi

Pada pandangan kami, adalah penting untuk meneliti sistem pemerolehan yang berhubungan dengan pengeluaran KP Malaysia dan dokumen lain oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan untuk menentukan berapa banyak, jika ada, ia menyumbang kepada kemasukan pendatang tanpa izin ke negeri Sabah. Dikatakan bahawa sistem kerakyatan berinstitusi seperti di Sabah adalah lemah di mana banyak bahagian daripada jumlah penduduk tidak mempunyai apa-apa bentuk dokumen pengenalan dan dengan wujudnya bilangan pendatang haram yang ramai, ia memberikan peluang yang mencukupi bagi kumpulan dan individu tertentu yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan daripada proses pemerolehan dokumen tersebut. Ini

kemungkinan parti politik, perbadanan, sindiket dan juga individu dan pendatang haram sendiri. Di sini, kami mendapati artikel bertajuk **"When States Prefer Non-Citizens Over Citizens: Conflict Over Illegal Immigration Into Malaysia"** oleh Dr. Kamal Sadiq daripada University of California – Irvine sebagai berinformasi dan berkaitan.

Dalam artikel ini yang diterbitkan dalam *International Studies Quarterly* (2005), Dr. Kamal cuba untuk menunjukkan bagaimana pihak berkuasa yang berkaitan menggunakan usaha banci dan dokumen untuk memasukkan jumlah penduduk pendatang haram dari Filipina ke dalam Negeri Sabah dan bagaimana pendatang haram memainkan peranan sebagai pemilih di Sabah kerana sifat kerakyatan berinstitusi yang longgar. Menurut beliau, sistem dokumen yang lemah menyebabkan Negeri terbuka kepada bukan sahaja kemasukan secara haram oleh pehijrah ekonomi, pengganas dan penjenayah lain melalui penipuan dokumen, tetapi juga kepada penipuan daftar pemilih secara besar-besaran yang mempunyai implikasi serius bagi penjalanan politik demokrasi. Dengan memperoleh dan memiliki dokumen yang seakan-akan sah yang membuktikan keanggotaan juridikal dalam negeri, seorang yang bukan warganegara boleh memperoleh status kerakyatan dengan mudah. Beliau menganggap proses ini sebagai

kerakyatan berdasarkan dokumen. Beliau selanjutnya menerangkan kemunculan kerakyatan berdasarkan dokumen di mana pendatang asing memperoleh dokumen kerakyatan yang tidak diperoleh kebanyakan anak negeri yang tinggal di luar bandar dan dalam kemiskinan. Beliau menerangkan bahawa kerakyatan berdasarkan dokumen merupakan suatu alat yang tidak rasmi, saluran belakang, kepada kebanyakan daripada faedah yang dikaitkan dengan laluan yang lebih sempit dan sukar untuk memperoleh kerakyatan; bahawa ia berkembang dan mempercepat kemasukan pendatang asing ke dalam kependudukan sesebuah Negara. Yang paling penting, ia membenarkan ramai pendatang asing mengakses hak mengundi politik.

Menurut beliau, kerakyatan tidak diinstitusikan dan tidak ditentukan dengan sepatutnya di Malaysia. Kerakyatan berinstitusi yang lemah di Sabah merupakan keadaan di mana beberapa anak negeri yang tidak tahu membaca tetapi sah di sisi undang-undang tidak mempunyai bukti kerakyatan berdasarkan dokumen sementara yang lain mempunyai bukti kerakyatan yang banyak dan memandangkan ramai anak negeri tidak mempunyai sebarang dokumen standard seperti pasport, siji kelahiran atau kad pengenalan, Negeri tidak akan bertegas mengenai dokumen

standard bagi menjalankan hak seseorang individu dari segi sivil, politik, ekonomi dan sosial. Beliau menyatakan selanjutnya bahawa dalam sistem kerakyatan berinstitusi yang lemah seperti di Malaysia, perbezaan antara rakyat dan bukan rakyat adalah sebahagian besarnya tidak mempunyai makna apabila terdapat kemungkinan bagi pendatang asing mempunyai akses kepada hak dari segi sosial, politik dan ekonomi dengan memperoleh dokumen secara penipuan. Lebih khusus, beliau berpendapat bahawa dalam Negara berinstitusi yang lemah, mereka yang bukan merupakan rakyat masuk melalui sempadan yang boleh dibolosi dan menetap dalam jumlah penduduk yang tidak ditentukan; bahawa jika pendatang asing mempunyai akses kepada hak mengundi politik, mereka dapat menentukan siapa yang akan memegang jawatan politik dan oleh itu secara tidak langsung mengawal dasar negara. Dalam hal keadaan sedemikian, konsep kepentingan negara dan usaha Negara mengenainya akan menghadapi krisis.

Oleh itu secara ringkas, boleh dikatakan bahawa struktur atau sistem berinstitusi yang lemah di Sabah dengan pelbagai kecacatan dan ketidakselarasannya sebagaimana yang diperihalkan di atas dan dalam perenggan terdahulu telah menyumbang sebahagian besarnya kepada kemasukan

pendatang asing di Sabah, Ia merupakan faktor menarik yang ketara dalam penghijrahan.

3.2 "Projek IC"

Dalam perjalanan prosiding RCI, istilah "Projek IC" telah dibangkitkan secara konsisten oleh saksi daripada ahli politik kepada penulis kepada wartawan kepada orang ramai. Apakah kononnya "Projek IC" ini? Dalam Kertas Kedudukan yang dibentangkan oleh UPKO (P123), ia diperihalkan semacam usaha untuk membenarkan oleh kerajaan bagi menjadikan pendatang tanpa izin sebagai rakyat Malaysia untuk menjamin kuasa politik. Ia dikatakan mempunyai kaitan dengan akuan berkanun yang digunakan untuk mengeluarkan KP Malaysia dan dokumen lain kepada pendatang tanpa izin bagi tujuan politik. Ada yang menganggap istilah itu sinonim dengan "Projek Mahathir" mengikut nama mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir. Tetapi sudah tentu, ia merupakan istilah yang diketahui umum di Sabah kerana ia sudah dicanang dalam domain awam selama beberapa dekad. Ia disebut dalam beberapa kes mahkamah. Buku dan artikel ditulis mengenainya. Sebenarnya, ia malah menjadi hal perkara suatu siasatan oleh Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Integriti Nasional pada tahun 2006. Mungkin Dr. Kamal Sadiq telah memperihalkannya dengan lebih ringkas dan meyakinkan sebagai suatu proses kemasukan pendatang tanpa

izin melalui dokumen yang mencurigakan, yang dengan itu memudahkan akses mereka untuk menjadi pengundi berdaftar dan oleh itu kemungkinan untuk menentukan kesudahan politik di Sabah.

Adakah ia benar-benar wujud? Adakah ia fiksiyen atau fakta? Di sini, Datuk Seri Yong Teck Lee, bekas Ketua Menteri Sabah berpandangan bahawa "Projek IC" atau "Projek Mahathir" ini merupakan suatu kesilapan nama. Beliau berkata bahawa walaupun Menteri yang berkaitan (diandaikan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri) membuat suatu hal yang boleh dipercayai atau munasabah di Parlimen, beliau sudah tentu mendapatinya sukar, ataupun mustahil, untuk mempertahankan pandangan orang ramai bahawa KP Malaysia dan dokumen lain telah diperolehi oleh atau dikeluarkan kepada pendatang tanpa izin di bawah Projek tersebut bagi tujuan politik. Ia hampir tidak dapat dipertahankan sebaik sahaja memasuki domain psikik awam.

Dalam Memorandum yang dibentangkan oleh PBS (P157A) yang ditandatangani oleh Presidennya, Datuk Seri Joseph Pairin Kilingan (sekarang bergelar Tan Sri), perhatian telah tertumpu kepada keterangan Hassnar Ebrahim (W201) yang tidak dicabar yang memberikan keterangan dalam kedua-dua kes Petisyen

Pilihan Raya Likas dan juga di hadapan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Integriti Nasional bahawa wujudnya suatu skim rahsia yang dikenali sebagai "Projek IC" dan penglibatannya secara peribadi dalamnya. Hassnar Ebrahim telah juga memberikan keterangan di hadapan RCI. Beliau telah memberikan keterangan mengenai *modus operandi* yang terlibat. Menurut beliau, apabila beliau dilantik sebagai Ketua Daerah, Sandakan, beliau diminta untuk menandatangani borang HNR10 yang dikeluarkan oleh JPN. Borang HNR10 ini perlu diisi oleh pemohon, kemudian ditandatangani oleh Ketua Kampung dan kemudian diendors oleh Ketua Daerah dan selepas itu disahkan oleh Pegawai Daerah. Selepas itu, borang HNR10 ini akan digunakan oleh pemohon untuk memohon KP Malaysia. Beliau menyatakan bahawa sebagai Ketua daerah, beliau telah menandatangani atau mengendors banyak borang HNR10 sedemikian. Terdapat Ketua Daerah lain yang dilantik bagi tujuan yang sama. Beliau berkata bahawa beliau telah menghadiri mesyuarat rahsia yang diadakan oleh arwah Tan Sri Megat Junid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu yang berhubungan dengan pengeluaran KP biru kepada pendatang tanpa izin bagi tujuan politik; bahawa beliau menghadiri mesyuarat tersebut di bawah

arahan daripada Datuk Harris Salleh (sekarang bergelar Tan Sri) pada masa itu.

Sebenarnya, penglibatan beliau telah disiarkan dalam media berita tempatan seawal tahun 2007 apabila *Daily Express* (Sabah) mendedahkan bagaimana dia (Hasnair Ebrahim) telah mengisytihar secara terbuka bahawa telah mengeluarkan beribu-ribu KP Malaysia kepada bukan warganegara. Dilaporkan juga bahawa beliau telah menolak permintaan daripada polis supaya pernyataan beliau direkodkan mengenai perkara tersebut memandangkan beliau telah bersedia untuk ditangkap dan didakwa supaya beliau dapat, menurut beliau, mendedahkan segala-galanya secara terbuka. Sebagai balasan kepada Wakil Akhbar apabila ditanya sama dia perlu bekerjasama dengan polis dalam menyelesaikan perkara tersebut, beliau dilaporkan sebagai berkata seperti yang berikut:

"The police do not have to interview me because everything has already been published and they can investigate these including what I had already disclosed in the court of law under oath. The evidence is all there."

Sebutan mengenai mahkamah adalah berkenaan dengan kes Petisyen Pilihan Raya Likas yang dikendalikan oleh YA Datuk Muhammad Kamil bin Awang, yang dalamnya Hassnar Ebrahim merupakan seorang daripada saksi. Dalam mahkamah itu, beliau memperihalkan penglibatannya secara aktif dan peribadi dalam mengeluarkan KP Malaysia dan dokumen lain kepada orang bukan warganegara di bawah "Projek IC".

Dalam usaha untuk menjelaskan keadaan tersebut, Pesuruhjaya Polis Sabah pada masa itu, Datuk Mohd. Mokhtar Hassan, dilaporkan sebagai memberikan respons dengan menuduh Hassnar Ebrahim enggan bekerjasama dan bahawa polis tidak boleh hanya bergantung kepada buku dan laporan berita dalam penyiasatan mereka. Hal ini agak pelik memandangkan pernyataan berikut dibuat oleh Ketua Polis Negara (KPN) bahawa polis boleh menghendaki kehadiran mana-mana saksi untuk membantu mereka dalam penyiasatan mereka di bawah seksyen 111 Kanun Tatacara Jenayah (CPC) (lihat Laporan Akhbar bertarikh 19/1/2009).

Didapati bahawa Hassnar Ebrahim agak konsisten dalam keterangannya. Ini ditunjukkan dalam testimoninya dalam kes Petisyen Pilihan Raya Likas pada tahun 1999; kemudian dalam

Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Integriti Nasional pada tahun 2006 dan sekarang di hadapan RCI. Beliau juga telah mendedahkan penglibatannya kepada Daily Express (Sabah) pada tahun 2007. Keteranganannya disokong oleh sebilangan saksi terutamanya pegawai daripada JPN, Sabah. Mereka ialah Haji Ramli Kamaruddin (W11), Asli bin Sidup (W13), Yakop bin Damsah (W14) dan Datuk Rauf Sani (W15).

Pertama, Haji Ramli Kamaruddin (W11) merupakan bekas Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Sabah, dari tahun 1992 hingga 1995. Beliau ditangkap dan ditahan di bawah ISA selama 2 tahun dari 1995-1997. Beliau ditahan kerana dikatakan terlibat dalam mengeluarkan KP Malaysia berkualiti tinggi secara haram kepada pendatang bagi tujuan politik. Menurut beliau, beliau ditugaskan untuk mengenal pasti pengundi Islam supaya mereka akan mengundi Parti Islam tertentu. Beliau menyatakan bahawa 2 minggu sebelum Pilihan Raya Negeri pada tahun 1993 di Sabah, beliau bertemu dengan Tan Sri Megat Junid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu. Beliau ditemani Asli bin Sidup (W13), rakan sepejabat beliau di JPN. Mereka diarahkan supaya mengeluarkan resit JPN su sh as JPN1/9 dan JPN1/11 kepada pendatang tanpa izin supaya mereka boleh dimasukkan ke dalam daftar pemilih di kononnya kawasan hitam

dan kawasan kelabu tertentu di Sabah. Mereka akan diajar tentang bagaimana untuk mengundi, dsb. Resit jelas dikeluarkan hanya bagi maksud mengundi dan mereka perlu diserahkan semula selepas pemegang mengundi. Mesyuarat yang didakwa itu dikatakan dibuat di Hotel Hyatt di Kota Kinabalu. Beliau menambah selanjutnya bahawa pada masa itu, beliau juga menerima arahan daripada pegawai atasannya untuk mengeluarkan KP Malaysia dengan nombor pendua kepada pendatang tanpa izin supaya mereka dapat mengundi dalam pilihan raya.

Kedua, Kee Dzulkipli bin Kee Abdul Jalil (W12) merupakan kerani yang ditempatkan di JPN, Kota Kinabalu pada tahun 1994. Beliau ditahan di bawah ISA pada sekitar tahun 1995 kerana terlibat dalam mengeluarkan KP Malaysia secara haram kepada orang bukan warganegara di bawah arahan pegawai atasannya. Menurut beliau, terdapat suatu unit rahsia yang diketuai oleh Pengarah JPN pada masa itu, Datuk Abdul Rauf Sani dan bahawa beliau merupakan anggota unit ini. Beliau menyatakan bahawa beliau ditugaskan untuk memasukkan butir-butir yang terdapat dalam borang permohonan ke dalam KP sebelum KP itu dihantar ke Ibu Pejabat Kuala Lumpur untuk lamination; bahawa beliau juga bimbang apabila melihat nama dalam KP yang didaftarkan dalam

daftar pemilih. Beliau berkata bahawa terdapat lebih kurang 600,000 KP sedemikian yang dikeluarkan pada masa itu; bahawa beliau melakukan sedemikian atas arahan pegawai atasannya. Dalam pernyataan bertulisnya, beliau menyatakan bahawa terdapat 200,000 siji kelahiran yang dikeluarkan secara haram kepada pendatang beragama Islam dari Filipina dan Indonesia.

Ketiga, Asli bin Sidup (W13) merupakan Penolong Pegawai Pendaftaran yang ditempatkan di JPN, Sabah, dari tahun 1986 hingga 1996. Pada sekitar tahun 1996, beliau ditangkap dan ditahan di bawah ISA kerana terlibat dalam usaha rahsia yang berhubungan dengan pengeluaran KP Malaysia secara haram kepada pendatang bagi tujuan politik. Beliau memperihalkan secara terperinci tentang peranannya dalam usaha tersebut iaitu bahawa beliau diarahkan untuk pergi ke Kuala Lumpur dari Sabah; bahawa semasa beliau berada di Kuala Lumpur, beliau dibawa ke suatu rumah kerajaan di Kampung Pandan; bahawa beliau kemudiannya diarahkan atau ditugaskan untuk menandatangani KP; bahawa selepas itu KP yang ditandatangani itu dihantar ke Ibu Pejabat JPN di Petaling Jaya untuk lamination, selepas itu KP tersebut dibawa balik ke Sabah untuk diambil oleh pemegang yang berkenaan. Beliau juga mengaku ada mengeluarkan resit seperti JPN1/9 dan JPN1/11 kepada orang bukan warganegara

bagi tujuan untuk membolehkan mereka mengundi dalam pilihan raya. Beliau mengesahkan bahawa keseluruhan usaha yang diperihalkan di atas telah dilakukan di bawah arahan daripada arwah Tan Sri Megat Junid yang ditemuinya di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu, bersama-sama dengan Pengarah beliau, Ramli Kamaruddin (W11).

Keempat, Yakop bin Damsah (W14) merupakan ketua JPN, Daerah Tamparuli, Sabah, pada masa material itu. Beliau ditempatkan di JPN dari tahun 1972 hingga 1996. Beliau ditangkap dan ditahan di bawah ISA pada tahun 1996 kerana didakwa terlibat dalam mengeluarkan KP Malaysia, dsb, secara haram kepada pendatang di bawah arahan daripada pegawai atasan yang, pada masa material termasuklah Datuk Rauf Sani, Pengarah JPN, Sabah. Keterangan beliau adalah sebahagian besarnya sama dengan keterangan Asli bin Sidup (W13) dan Yakop bin Damsah (W14).

Kelima, Datuk Abdul Rauf Sani (W15) merupakan Pengarah JPN, Sabah, dari tahun 1990 hingga 1992. Pada tahun 1996, beliau ditangkap dan ditahan di bawah ISA kerana didakwa terlibat dalam mengeluarkan KP Malaysia, dsb, secara haram kepada pendatang dari Filipina, Indonesia dan Pakistan. Beliau mengaku

ada memberikan arahan kepada pegawainya seperti Asli bin Sidup (W13) dan Yakop bin Damsah (W14) untuk menjalankan tugas khas di Kuala Lumpur yang berhubungan dengan pemprosesan KP Malaysia, dsb, untuk dikeluarkan kepada pendatang tanpa izin atau orang bukan warganegara supaya mereka boleh didaftarkan sebagai pengundi dalam daftar pemilih. Menurut beliau, keseluruhan usaha itu adalah untuk meningkatkan bilangan pengundi beragama Islam di Sabah dan untuk mengalahkan Kerajaan Negeri PBS pada masa itu. Beliau mengesahkan keterangan Kee Dzulkifli bin Kee Abdul Jalil (W12), Asli bin Sidup (W13) dan Yakop bin Damsah (W14) dalam butir-butir material.

Daripada keterangan saksi W11, W12, W13, W14 dan W15, adalah jelas bahawa terdapat usaha rahsia yang melibatkan pegawai kanan di JPN, Sabah, yang jelas bertindak di bawah arahan daripada pegawai atasan politik mereka. Usaha rahsia ini melibatkan kegiatan haram yang berhubungan dengan pemprosesan dan pengeluaran dokumen pengenalan Malaysia kepada pendatang tanpa izin dalam mengejar agenda politik. Nama yang disebut oleh beberapa orang saksi di atas termasuk Tan Sri Harris Salleh, bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Aziz Shamsuddin, bekas Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri

Malaysia pada masa itu, Tun Dr. Mahathir dan arwah Tan Sri Megat Junid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu. Kesemua mereka kecuali Tan Sri Megat Junid yang telah meninggal dunia, menafikan dengan sekeras-kerasnya sebarang penglibatan dalam usaha rahsia sedemikian atau dalam kononnya "Projek IC".

Tan Sri Harris Salleh berkata bahawa beliau tidak pernah mendengar tentang "Projek KP" kecuali apa yang beliau baca dalam blog. Beliau berkata bahawa Projek sedemikian tidak wujud sebenarnya; bahawa jika pendatang diberikan KP Malaysia, ini bermakna yang mereka berhak atau bahawa Kerajaan Persekutuan menganggap mereka berhak untuk diberikan KP. Bagi Tan Sri Aziz Shamsuddin yang pada semua masa material merupakan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Malaysia, beliau telah memberikan keterangan bahawa tugas beliau hanya terhad kepada yang ditugaskan kepadanya sebagai Setiausaha Politik; bahawa beliau tidak pernah mendengar tentang "Projek IC" sehingga anak lelakinya menyebutnya selepas melihat prosiding RCI disiarkan dalam media berita. Walau bagaimanapun, beliau mengaku mengenali Datuk Rauf Sani (W14) dan bahawa pada suatu masa, beliau membawa Datuk Rauf Sani untuk berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir. Beliau berkata

yang beliau tidak tahu tujuan mesyuarat itu diadakan kerana pada masa itu telah kembali ke pejabatnya sendiri. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak bertanya Datuk Rauf Sani apa yang berlaku di mesyuarat tersebut. Beliau menafikan yang beliau merupakan pemilik rumah di No.18, Jalan Kampung Pandan, tetapi mengaku pernah pergi ke sana sekali-sekala sebagaimana yang dilakukan oleh beberapa pegawai lain. Beliau juga menafikan pernah melihat atau terlibat dalam sebarang aktiviti rahsia yang didakwa oleh Asli bin Sidup (W13) dan Yakop bin Damsah (W14). Beliau selanjutnya menafikan pengataan yang terkandung dalam buku yang bertajuk "IC Palsu..." oleh M.D. Mutalib berkenaan dengan penglibatan beliau dalam "Projek IC" yang dianggap beliau sebagai tidak berasas dan tidak tepat. Dan Tun Dr. Mahathir telah memberikan keterangan bahawa beliau hanya mengetahui tentang kewujudan "Projek IC" baru-baru ini. Beliau menafikan sebarang pengataan yang dibuat oleh saksi yang disebut di atas. Beliau berkata yang beliau tidak terlibat langsung dalam kononnya "Projek IC" atau "Projek Mahathir".

Daripada keterangan, adalah jelas bahawa terdapat dua pihak kepada isu sama ada kononnya "Projek IC" benar-benar wujud. Di satu pihak, kita mempunyai saksi yang telah memperihalkan secara terperinci penglibatan aktif mereka dalam

Projek tersebut dan juga penyertaan ahli politik berprofil tinggi yang tertentu. Di pihak yang satu lagi, ahli politik berprofil tinggi ini telah memberikan keterangan di hadapan RCI dengan menafikan tanpa sebarang keraguan yang semua pengatahan terhadap mereka dan juga penglibatan mereka yang dikatakan dalam Projek tersebut. Sehubungan dengan ini, keterangan saksi yang berikut adalah berkaitan, iaitu, Datuk Hj. Ibrahim bin Hj. Zakaria (W33), DSP Badaruddin bin Ismail (W34) dan Supt Ahmad Fauzan bin Mohd. (W56).

Datuk Hj. Ibrahim bin Hj. Zakaria (W33) merupakan Ketua Cawangan Khas, Sarawak. Beliau memberikan keterangan bahawa pada tahun 1996, beliau telah ditugaskan untuk menyiasat siasat Datuk Rauf Sani, Pengarah JPN, Sabah, pada masa itu, dan untuk menyediakan laporan dengan sewajarnya. Pada masa itu beliau merupakan seorang Inspektor. Menurut beliau, soal siasat ke atas Datuk Rauf Sani mendedahkan bahawa beliau terlibat dalam aktiviti yang berhubungan dengan pengeluaran KP Malaysia, dsb. secara haram kepada pendatang. Beliau terlibat dengan rakan sejenayah daripada jabatannya sendiri. Beliau menyatakan bahawa soal siasat yang dijalankannya mendedahkan bahawa aktiviti yang dilakukan oleh Datuk Rauf Sani dan rakan sejenayahnya adalah semata-mata bagi

keuntungan kewangan dan tiada apa-apa lagi. Keterangan beliau adalah serupa dengan keterangan seorang lagi pegawai DSP Badaruddin bin Ismail (W34) yang ditugaskan untuk menyiasat seorang lagi Pengarah JPN, Sabah, Ramli Kamaruddin, mengenai perkara yang berhubungan dengan pengeluaran KP Malaysia kepada pendatang tanpa izin. Pada masa itu, beliau juga seorang Inspektor. Sekarang beliau ditempatkan di Ibu Pejabat Cawangan Khas, Kelantan. Dari soal siasat yang beliau jalankan, beliau dapat memastikan bahawa aktiviti haram adalah semata-mata untuk memperoleh faedah kewangan dan tiada apa-apa lagi. Kemudian terdapat keterangan daripada Superintendent Ahmad Fauzan bin Mohd. (W56) yang, pada masa material, ditugaskan untuk menilai laporan perisikan yang dikemukakan kepada beliau oleh pegawai soal siasat yang berhubungan dengan aktiviti yang didakwa dilakukan oleh orang disyaki mengenai pengeluaran KP Malaysia, dsb. Objektif beliau adalah untuk menentukan berdasarkan laporan perisikan yang dikemukakan kepadanya sama ada aktiviti tersebut merupakan ancaman kepada keselamatan negara. Menurut beliau, penilaian beliau mengenai laporan itu mendedahkan bahawa satu-satunya motif aktiviti itu adalah bagi keuntungan kewangan dan oleh itu, aktiviti tersebut merupakan ancaman kepada keselamatan negara.

Pada pandangan kami, apabila testimoni W33, W34 dan W56 diteliti dengan cermat, adalah ketara bahawa soal siasat dan/atau penilaian mereka tentang orang yang disyaki tidak melampaui keperluan untuk menentukan motif kewangan terlibat. Mereka jelas berpuas hati hanya atas dasar bahawa aktiviti tersebut dijalankan bagi faedah kewangan/ dalam bentuk wang. Mereka berpandangan bahawa itu adalah mencukupi untuk menjadi ancaman kepada keselamatan negara dan oleh itu tertakluk kepada tangkapan dan tahanan di bawah ISA. Mereka mendapati adalah tidak perlu untuk melampaui motif kewangan dan menentukan sama ada terdapat motif lain yang terlibat. Dan jika mereka melampaui motif tersebut, adalah meragukan sama ada orang yang disyaki sebagaimana yang tersebut di atas akan mendedahkan penglibatan rahsia mereka memandangkan sikap berahsia dan niat serta personaliti yang terlibat. Sungguhpun begitu, ciri-ciri keterangan tertentu dapat dilihat. Pertama, lima saksi yang dikatakan terlibat secara peribadi dan secara aktif dalam projek rahsia tersebut, telah menyokong keterangan masing-masing dalam butir-butir material. Sebenarnya, mereka mengaku secara bersama tentang penglibatan bersama dengan terperinci. Tambahan pula, mereka telah membuat pengakuan terhadap tokoh politik yang berpengaruh. Ini semestinya

membangkitkan persoalan tentang mengapa mereka berani untuk berbuat demikian. Apakah motif mereka? Kedua, terdapat keterangan bahawa dalam tahun 1990an, pertumbuhan jumlah penduduk di Sabah meningkat kepada 78% yang merupakan pertambahan yang paling tinggi sejak Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Ini boleh dianggap sebagai pengesahan tentang pendirian yang diambil oleh beberapa saksi tentang kenapa terdapat kemasukan pendatang tanpa izin yang begitu ramai ke dalam Sabah pada masa itu. Itu merupakan tempoh apabila keterangan mendedahkan bahawa terdapat bilangan pendatang tanpa izin yang ketara yang diberikan KP Malaysia melalui akuan berkanun bagi tujuan politik.

Dalam hal keadaan itu, kami berpandangan bahawa terdapat beberapa kredibiliti dalam keterangan lima saksi yang berkenaan. Walau bagaimanapun, tiada seorang saksi yang tertakluk kepada pemeriksaan balas, sebagaimana yang berlaku dalam sesuatu perbicaraan. Oleh yang demikian dan memandangkan penafian terhadap pengakuan tersebut, kami hanya dapat membuat kesimpulan bahawa ia adalah lebih cenderung yang "Projek IC" berkenaan wujud sebagaimana yang digambarkan melalui keterangan lima saksi yang disebut

terdahulu. Secara ringkas, terdapat kebarangkalian yang Projek sedemikian wujud pada semua masa material.

3.3 Terma Rujukan (a)

Anggaran oleh Suhakam mengenai bilangan pendatang yang diberikan KP Malaysia secara sah dan secara haram yang diambil daripada pengiraan Dr. Chong Eng Leong dan yang lain, telah jauh melebihi yang diberikan oleh Dato' Jariah binti Mohd. Said (W208), Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia, yang memberikan keterangan bahawa menurut rekod JPN pada masa ini, bilangan KP baru yang dikeluarkan kepada pendatang ialah 67,675 dan bahawa bilangan pendatang di Sabah yang telah diberikan kerakyatan sejak 1963 sehingga 31/8/2013, ialah 68,703 (lihat P171). Angka ini dianggap angka rasmi tetapi seperti yang dikatakan Dato' Jariah, angka ini adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam rekod JPN pada masa ini. Oleh yang demikian, angka rasmi ini memberikan jawapan kepada perenggan (a) Terma Rujukan (TR).

3.4 Terma Rujukan (b)

Isu ini memerlukan kita mengesan secara ringkas sejarah sistem KP Malaysia. Tetapi pertama sekali, kita perlu melenyapkan tanggapan yang salah oleh ramai orang bahawa KP

biru merupakan bukti sebagai rakyat Malaysia. Ia bukan bukti. Ia hanya merupakan keterangan tentang kerakyatan Malaysia. Seseorang perlu menjadi rakyat Malaysia terlebih dahulu sebelum berhak mendapat KP Malaysia. Kerakyatan Malaysia diperolehi terutamanya melalui penguatkuasaan undang-undang atau melalui naturalisasi atau melalui pendaftaran.

Dalam konteks Sabah, di bawah *National Registration Ordinance No.4/62*, yang mula berkuat kuasa pada 1/8/1963, kad pengenalan yang dikeluarkan bagi tempoh dari tahun 1963 hingga tahun 1972 berwarna jingga yang mengandungi 6 angka. Menurut Ruslan bin Alias (W9), Penolong Ketua Seksyen Kad Pengenalan, Sabah & Sarawak, orang yang merupakan Subjek atau rakyat *United Kingdom and Colonies* melalui kelahiran, keturunan, pendaftaran atau naturalisasi sebelum 1963, berhak dikeluarkan kad jingga itu. Beliau berkata bahawa dari tahun 1972 hingga 1990, *National Registration (Sabah) Rules, 1972*, mula berkuat kuasa. Di bawah Kaedah tersebut, kad pengenalan yang dikeluarkan adalah berwarna biru yang mengandungi 7 angka sebagai tambahan kepada awalan "H" untuk menunjukkan bahawa pemegangnya dilahirkan di

Sabah. KP biru ini dikeluarkan secara automatik kepada mereka yang memegang kad jingga yang dikeluarkan terdahulu.

Pemohonan baru memerlukan pengemukaan siji kelahiran atau siji taraf atau siji akuan. 2 dokumen terakhir itu diperkenalkan di bawah Kaedah-Kaedah 1972 dalam borang yang dikenali sebagai HNR10. Didapati bahawa mana-mana borang HNR10 yang dikeluarkan oleh ketua kampung atau ketua anak negeri atau ketua daerah yang mengesahkan bahawa pemohon adalah daripada etnik tertentu dan dilahirkan di Sabah, merupakan bukti yang mencukupi tentang kerakyatan dan oleh itu berhak mendapat KP biru. Beliau menyatakan bahawa amalan menerima siji akuan atau surat akuan berbanding dengan siji kelahiran diberhentikan secara pentadbiran oleh JPN pada 1/4/1987 disebabkan penyalahgunaan. Walau bagaimanapun, keterangan saksi lain seakan-akan untuk menunjukkan atau mencadangkan bahawa JPN masih meneruskan amalan menerima surat akuan dalam mengeluarkan KP biru sekurang-kurangnya sehingga tahun 1990.

Menurut W9, apabila *National Registration Regulations* 1990 mula berkuat kuasa, pengeluaran KP disentralisasikan. Format kad ditukar kepada apa yang dikenali secara lazim sebagai

"Kad Bunga Raya". Awalan "H" menunjukkan kelahiran di Sabah, digantikan dengan nombor 12. Pemohon perlu mengemukakan siji kelahiran dan KP ibu bapa mereka. Pada tahun 2002, sistem kad ini digantikan dengan Kad Pengenalan Keselamatan Bermutu Tinggi Bercip atau lebih dikenali sebagai MyKad. Saksi kemudian menarik perhatian kepada tatacara yang terlibat dalam mengeluarkan KP di bawah *National Registration Regulations 1990*, khususnya Peraturan 4 & 5 masing-masing. Peraturan 4 menetapkan dokumen yang perlu dikemukakan dan maklumat yang perlu diberikan untuk memperoleh sesuatu KP. Sekarang tiada kehendak untuk mengemukakan siji kelahiran. Peraturan 5 membenarkan Pegawai Pendaftaran menggunakan budi bicara dalam mengeluarkan KP. Tiada tatacara bagi penentusahan maklumat yang diberikan atau dokumen yang dikemukakan oleh pemohon. Ternyata, maklumat diterima berdasarkan apa yang dikemukakan. Menurut Dato Jariah (W208), JPN tidak perlu menentusahkan apa-apa maklumat yang diterima kerana ia telah disahkan oleh ketua anak negeri, pegawai daerah atau penolong pegawai daerah.

Keterangan Ruslan bin Alias (W9) dan Dato' Jariah (W208) menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 113,850 KP yang dianggap sebagai bermasalah. Mereka membahagikannya ke dalam 2 kumpulan. Satu kumpulan dikenali sebagai P1 yang mengandungi rekod penuh yang menunjukkan bahawa IC mereka dikeluarkan atas dasar surat sumpah atau akuan berkanun yang mengesahkan bahawa pemohon dilahirkan di Sabah. Terdapat 51,300 KP sedemikian. Kumpulan kedua yang dikenali sebagai P2 merupakan KP yang tidak mengandungi rekod penuh kecuali salinan fotostat. Tidak terdapat maklumat tentang sama ada Surat Akuan atau siji kelahiran digunakan untuk menyokong permohonan. Bilangan mereka juga bertindih. Terdapat pertindihan dalam rekod, dsb. Terdapat 62,550 yang direkod di bawah kumpulan P2 ini.

Ternyata, terdapat kumpulan dokumen ketiga P3 sebagaimana yang dinyatakan dalam keterangan Ramli bin Kamaruddin (W11), bekas Pengarah JPN, Sabah. Kumpulan ini terdiri daripada resit KP sementara yang mengandungi 7 angka. Perlu diberikan perhatian bahawa beliau melanggar undang-undang dalam mengeluarkan resit tersebut apabila JPN memulakan pemusatan ke atas pengeluaran KP dan juga

penggantian KP biru dengan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) atau lebih dikenali sebagai "Kad Bunga Raya" yang mengandungi 12 angka. JPN mendapati tiada kesukaran dalam membatalkan mereka yang termasuk di bawah kumpulan P3 yang berjumlah 16,699. Temyata, kumpulan P3 ini dikeluarkan tidak menurut undang-undang.

Bertentangan dengan angka rasmi yang diberikan mengenai kumpulan P1, P2 dan P3 di atas, kami mempunyai angka tidak rasmi yang diberikan oleh Tan Sri Bernard Dompok (W139), bekas Menteri Persekutuan, bahawa angka bagi P1 ialah 177,785; bagi P2 terdapat kira-kira 62,546 dan bagi P3 berjumlah 16,695. Beliau walau bagaimanapun tidak boleh menentusahkan angka ini. Datuk Radin Maleh (W198), seorang Menteri Pembangunan Luar Bandar, Negeri Sabah telah memberikan satu lagi kumpulan angka. Menurut beliau, angka bagi kumpulan P1 ialah 51,300 dan bagi P2 ialah 62,575.

Mengenai keterangan yang dikemukakan, tidak terdapat petunjuk yang jelas bahawa tatacara yang berhubungan dengan pengemukaan maklumat dan dokumen yang diperlukan dalam pengeluaran KP telah dilanggar di bawah *National Registration Rules* 1972. Tatacara yang diguna pakai oleh

pihak berkuasa didapati teratur. Perkara yang salah, sebagaimana yang didedahkan melalui keterangan, adalah bahawa tatacara telah disalahgunakan oleh pemohon dengan memberikan maklumat yang tidak tepat dan selepas itu pengesahan maklumat sedemikian oleh ketua kampung, ketua anak negeri, ketua daerah tertentu, dsb. Penggunaan akuan berkanun atau surat akuan telah sebenarnya memudahkan dan menyierlahkan penyalahgunaan sedemikian.

3.5 Terma Rujukan (c)

Untuk layak didaftarkan dalam daftar pemilih, seseorang mestilah rakyat Malaysia berumur 21 tahun ke atas. Ini diperuntukkan di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Tiada keterangan dikemukakan di hadapan RCI bahawa apa-apa kerakyatan yang diberikan kepada pendatang tidak mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat keterangan yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa pendatang yang bukan rakyat Malaysia, diberikan KP biru secara haram oleh sindiket dan/atau individu tertentu dan yang selepas itu mendaftar diri mereka sebagai pengundi dalam daftar pemilih

berdasarkan KP mereka. Bagi maksud ini, kami perlu merujuk kepada testimoni beberapa saksi.

Omar bin Mohd. Subair (W61), seorang pendatang India yang memegang KP Malaysia berwarna merah, masih dapat mendaftar dirinya sebagai pengundi. Walau bagaimanapun dalam pilihan raya 2008 dan 2013, beliau tidak dapat berbuat demikian kerana namanya tidak lagi terdapat dalam daftar pemilih. Aziz bin Kassim (W27) dan Parvez Khan Hussein Khan (W30), kedua-duanya pendatang Pakistan, dan juga Mohidin Batcha bin Sariff (W29), seorang pendatang India, mereka dapat mendaftar diri mereka sebagai pengundi dengan mengemukakan KP biru mereka yang diperoleh melalui cara yang mencurigakan. Perkara yang sama terpakai bagi seorang lagi pendatang India bernama Nur Mohd. bin Ibrahim (W31). Beliau yang berjaya memperoleh KP biru melalui cara yang mencurigakan, mendaftarkan dirinya sebagai pengundi dalam daftar pemilih dan kemudian mengundi 4 kali berdasarkan cara itu.

Dua lagi pendatang India iaitu Aziz bin Kasim (W27) dan Mohidin Batcha bin Sarif (W29) berjaya mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi dan telah mengundi dalam pilihan raya.

W27 dilahirkan di Tamil Nadu, India pada tahun 1959. Beliau memasuki Sabah pada tahun 1980 menggunakan pasport India. Beliau berjaya memperoleh KP Malaysia pada tahun 1987 tanpa siji kelahiran atau siji kewarganegaraan. W29 dilahirkan di Madras, India dan beliau datang ke Sabah pada tahun 1978. Pada tahun 1982, beliau memperoleh KP Malaysia tanpa mengemukakan siji kelahiran atau siji kerakyatan. Beliau hanya diminta untuk mengisi suatu borang, diandaikan suatu akuan berkanun. Beliau dibantu oleh seseorang dan setahun kemudian, beliau berjaya memperoleh KP Malaysia.

Berdasarkan testimoni mereka, adalah agak ketara bahawa pendatang ini tidak layak sebagai rakyat Malaysia untuk didaftarkan sebagai pengundi. Mereka memperoleh KP mereka berdasarkan maklumat palsu. Kami difahamkan bahawa nama mereka masih berada dalam daftar pemilih. Jika tidak dibetulkan, ini boleh menyebabkan akibat yang serius. Setakat ini, terdapat keterangan sebagaimana yang digambarkan dalam testimoni Datuk Radin Maleh (W196), Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, bahawa terdapat jelas 80,620 pemegang KP yang mencurigakan yang disenaraikan dalam daftar pemilih. Dan Dr. Chong Eng Leong (W187) menyatakan bahawa,

berdasarkan pengiraan beliau, terdapat sekurang-kurangnya 200,000 nama dalam daftar pemilih yang tidak sepatutnya berada di situ.

Oleh itu secara ringkas, berdasarkan keterangan secara menyeluruh, jawapan kepada Terma Rujukan (c) adalah bahawa terdapat orang bukan warganegara mendaftar dalam daftar pemilih tetapi bilangan sebenar mereka tidak dapat ditentukan.

3.6 Terma Rujukan (d) & (e)

Dua terma rujukan ini memperkatakan pada dasarnya tatacara pentadbiran yang berhubungan dengan pengeluaran KP biru Malaysia. Oleh yang demikian, keduanya dibincangkan bersama-sama. Memandangkan penyalahgunaan dilakukan oleh sindiket dan/atau individu mengenai proses pemerolehan yang melibatkan KP Malaysia dan dokumen lain, JPN telah berusaha selama ini untuk meningkatkan sistemnya secara beransur-ansur.

Dengan mula berkuat kuasanya *National Registration Regulations*, 1990, pengeluaran KP disentralisasikan supaya pemantauan, kawalan dan penyeliaan menjadi lebih cekap. Format KP ditukarkan bersama-sama dengan sistem

penomboran. Pada tahun 1996, JPN menubuhkan suatu panel yang berkaliber tinggi untuk menyiasat kononnya 113,850 KP bermasalah dikeluarkan oleh sindiket dan/atau individu. Menurut Dato Jariah (W208), Ketua Pengarah JPN, panel tersebut telah menerima 8,887 permohonan sejak tahun 2006 dan daripada bilangan ini, 3,895 permohonan telah diluluskan dan 5,192 lagi ditolak (lihat P169). JPN juga telah mengambil langkah-langkah yang kukuh dalam menambah baik tatacara pengendalian standardnya mengenai pengeluaran KP dengan mengemas kini format dan jenis KP yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih baik dan lebih berkesan.

Suatu unit khas bagi Sabah & Sarawak telah ditubuhkan oleh JPN untuk bertindak sebagai Urus Setia kepada Jawatankuasa Khas yang bertanggungjawab untuk menangani permohonan KP yang bermasalah di dua Negeri tersebut. Tugas Unit Khas itu termasuklah menyediakan laporan, ulasan, dsb., untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa berkenaan. Ini adalah jelas daripada testimoni Dato Jariah (W208). Yang lebih penting, sekarang JPN telah menubuhkan Unit Bergerak yang ditugaskan untuk menjalankan usaha pendaftaran yang berhubungan dengan kelahiran, perkahwinan dan kematian di

kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Yang sama penting, ialah pengenalan *Agency Link-Up Information System* atau ALIS yang dalamnya beberapa agensi termasuk JPN, Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis, dsb. boleh mempunyai akses bersama kepada maklumat dan data yang berkaitan bagi tujuan penentusahan.

Menurut Dr. Ong Kian Ming (W190), bekas pensyarah yang mengkhusus dalam bidang ekonomi dan sains politik tetapi sekarang merupakan MP bagi Serdang, semua langkah yang disebut di atas, telah sedikit sebanyak, mengurangkan bilangan KP bermasalah dan juga kewujudan pengundi tidak layak dalam daftar pemilih. Beliau telah menjalankan suatu kajian yang menyeluruh mengenai proses pilihan raya di Malaysia dengan memberikan penekanan khusus mengenai kewujudan pengundi tidak layak dalam daftar dan beliau berjaya mengesan 49,000 KP bermasalah dalam daftar pemilih Sabah yang dikatakan beliau, merupakan suatu penurunan yang ketara daripada 113,850 KP bermasalah yang dikenal pasti. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa masih terdapat 4.9% pengundi bermasalah yang berdaftar dalam daftar pemilih yang dapat

mempengaruhi keputusan pilihan raya dalam kawasan pilihan raya yang mempunyai majoriti kecil.

Shafee bin Sajat (W58), Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Pilihan Raya, memberikan keterangan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya telah menambah baik proses pembersihan daftar pemilihnya dengan menghubungi JPN lebih kerap. Mereka telah memanfaatkan *Agency Link-Up Information System (ALIS)* untuk menentusahkan sebarang maklumat yang mereka anggap sebagai meragukan atau disyaki. Hasilnya, lebih daripada 78,340 nama telah dikeluarkan daripada daftar pemilih Sabah atas sebab meninggal dunia.

Pada peringkat ini, mungkin perlu untuk menunjukkan bahawa menurut keterangan Ismail bin Ahmad (W163), Pengarah JPN, Sabah, terdapat suatu Bengkel Khas mengenai Orang Asing yang diadakan di Sabah antara 4hb hingga 27hb Mei 2010 bagi tujuan menyemak, menganalisis dan juga mengemukakan cadangan kepada Kerajaan bagi mengadakan suatu mekanisme yang lebih cekap dan berkesan dalam menguruskan orang asing di Sabah, termasuk perkara yang berhubungan dengan pelbagai jenis dokumen yang dikeluarkan

kepada orang asing di Sabah. Peserta Bengkel tersebut terdiri daripada agensi daripada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa tempatan, Jabatan di Peringkat Persekutuan dan Agensi Keselamatan. Mereka mengemukakan beberapa cadangan seperti mengadakan mekanisme mengawal ke atas pergerakan orang dari pulau-pulau berdekatan yang dipunyai oleh Filipina ke tempat-tempat seperti Sandakan, Lahad Datu dan Kudat; menghidupkan semula JKKK yang fungsinya termasuklah mengawal kemasukan orang asing ke dalam kampung di kawasan pedalaman dan memberitahu pihak berkuasa penguatkuasaan dengan sewajarnya; menghidupkan semula tempat pemeriksaan atau pintu masuk di kawasan panas (hotspots) di sepanjang sempadan; meningkatkan integriti anggota penguatkuasa, dsb. (P136). Paling penting ialah cadangan bagi penubuhan suatu Urus Setia Tetap berkaliber tinggi yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri yang dibantu oleh Menteri Dalam Negeri dan Ketua Menteri Sabah. Satu lagi cadangan yang penting ialah pengenalan Pas Penduduk untuk menjustifikasikan pelbagai dokumen yang digunakan pada masa ini oleh orang asing/pendatang.

3.7 Terma Rujukan (g)

3.7.1 Implikasi Sosial

Di bawah perenggan (g) Terma Rujukan (TOR), RCI hendaklah menyalut implikasi sosial akibat daripada pengeluaran KP biru atau kerakyatan kepada pendatang di Sabah. Ini semestinya berkaitan dengan implikasi sosial yang disebabkan oleh kewujudan pendatang tanpa izin di Negeri tersebut. Sehubungan dengan ini, sebarang sebutan mengenai angka dalam statistik atau data termasuklah pendatang yang telah memperoleh KP atau kerakyatan memandangkan tiada kaedah yang dilaksanakan untuk membezakan mereka daripada rakyat Malaysia yang tulen.

3.7.2 Perbelanjaan Kesihatan & Penyakit

Menurut Dr. Maria Sulaiman (W75) yang merupakan Ketua Penolong Pengarah Kesihatan (Kawalan Penyakit Berjangkit), Jabatan Kesihatan Sabah, jumlah bilangan kelahiran daripada pendatang sedang meningkat. Beliau memberikan suatu contoh bahawa bagi tempoh 2007 hingga 2012,

Kerajaan terpaksa menanggung kos rawatan bagi pendatang yang berjumlah RM21,672,031.51 dan amaun ini masih tidak dibayar. Jabatan Kesihatan Negeri telah berusaha untuk mendapatkan amaun ini tetapi gagal kerana mereka gagal untuk mengesan pesakit yang berkenaan. Dr. Maria juga berkata bahawa kes penyakit berjangkit yang melibatkan pendatang sedang meningkat yang mengakibatkan perbelanjaan besar oleh Jabatan Kesihatan dan juga penyediaan dana yang lebih untuk menampung peningkatan dalam logistik termasuk pegawai dan kakitangan perubatan.

3.7.3 Kehilangan Hasil Cukai

Terdapat keterangan bahawa Kerajaan telah menanggung kerugian dari segi hasil yang disebabkan oleh kekerapan aktiviti penyeludupan yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin. Menurut Mohd. Fadzly bin Abdullah (W194), Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kastam, Sabah, aktiviti penyeludupan yang paling lazim melibatkan penjualan rokok, minuman keras, mercun, tayar, dadah dan syabu, dsb. yang diseludup.

3.7.4 Kebimbangan mengenai Keselamatan & Jenayah

Keterangan Dato Pahlawan Hamza bin Taib (W81), Pesuruhjaya Polis, Sabah, memberikan pendedahan. Beliau berkata bahawa pendatang tanpa izin di Sabah adalah bertanggungjawab bagi 25% hingga 30% daripada kegiatan jenayah di dalam Negeri sementara 70% hingga 75% daripada kegiatan tersebut dilakukan oleh rakyat Malaysia. Tiada petunjuk tentang sama ada 70% hingga 75% itu meliputi pendatang yang memperoleh KP Malaysia tanpa melalui proses yang sewajarnya. Kami mengandaikan bahawa mereka telah diambil kira. Walaupun pendatang dikatakan bertanggungjawab bagi 25% hingga 30% daripada kegiatan jenayah, kami berpendapat bahawa angka ini masih menjadi suatu perkara yang membimbangkan. Yang paling membimbangkan ialah keterangan oleh Tan Sri Chong Kah Kiat, bekas Ketua Menteri, Sabah, yang berkata bahawa dalam beberapa operasi penghantaran pulang atau usaha yang dijalankan ke atas penempatan setinggan, pihak berkuasa telah menjumpai senjata atau senjata api. Ini perlu menjadi suatu perkara yang amat membimbangkan dari segi

keselamatan apabila kita diingatkan tentang pencerobohan terkini di Lahad Datu.

3.7.5 Ruang & Kos Penjara

Keterangan telah diberikan bahawa Jabatan Penjara menanggung perbelanjaan yang berikut bagi tempoh dari tahun 2006 hingga 2012: RM281,455,515.00 (Penjara Lelaki Kota Kinabalu); RM45,867,360.00 (Penjara Wanita Kota Kinabalu); RM112,873,693.00 (Penjara Sandakan); RM163,884,270.00 (Penjara Tawau). Oleh itu, jumlah amaun perbelanjaan yang ditanggung bagi bukan warganegara ialah RM604,080,840.00 selama tempoh kira-kira 6 tahun. Ini merupakan keterangan Kalbin bin Hj. Mohd. Said (W62), Timbalan Superintenden Penjara, Ibu Pejabat Sabah. Menurut beliau, penjara di Sabah adalah agak sesak dan oleh yang demikian mereka menghadapi kesukaran dalam menjalankan program pemulihan bagi bukan warganegara.

3.7.6 Sektor Pembinaan & Perladangan

Terdapat keterangan yang mencukupi di hadapan RCI bahawa majikan dalam kedua-dua sektor pembinaan dan perladangan telah mengambil kerja pekerja asing dan bukannya orang tempatan. Zakaria bin Hj. Nassiran (W80), Pentadbir Eksekutif daripada Sime Darby Plantation, Sabah, memberikan keterangan bahawa 85% daripada pekerjaannya merupakan orang asing dari Indonesia dan Filipina. Penolong Pengurus, Pentadbiran & Sumber Manusia daripada IOI Corp. Bhd., Nalia binti Rudin (W83) berkata bahawa syarikat beliau mengambil kerja 85% hingga 90% pekerja asing dari Indonesia dan Filipina. Beliau disokong oleh seorang lagi pegawai kanan daripada syarikat yang sama, Luz Davila (W84). Keterangan itu juga menunjukkan takat syarikat ini telah bergantung kepada buruh asing. Sebagai contoh, Ruslan bin Sunman (W86), Pengurus Besar daripada Felda Global Ventures Plantation (M) Sdn. Bhd., Sabah, yang memiliki 106,000 hektar tanah ladang di Sabah, berkata bahawa 91.05% daripada pekerja mereka merupakan orang asing. Syarikat perladangan lain seperti AUMKAR Group dan Hap Seng Group juga mengambil kerja pekerja asing kira-kira dalam peratusan yang sama

sebagaimana yang digambarkan dalam syarikat yang disebut terdahulu.

Walaupun keterangan telah mendedahkan bahawa masih terdapat keperluan bagi syarikat tersebut untuk bergantung kepada pekerja asing memandangkan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh mereka, terdapat kemungkinan, mungkin juga kebarangkalian bahawa pekerja tersebut akan pulang ke negara asal mereka satu hari nanti apabila keadaan ekonomi di sana menjadi bertambah baik. Sudah terdapat bukti bahawa Indonesia telah menjadi bertambah baik dari segi ekonomi. Jika pekerja Indonesia balik secara *en masse*, sektor perladangan akan mengalami masalah dari segi tenaga kerja, dsb. Oleh yang demikian terdapat keperluan bagi syarikat yang terlibat untuk bersedia bagi keadaan luar jangka sedemikian. Sehubungan dengan itu, pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Dr. Dayang Suria Mulia dalam artikel beliau yang bertajuk "Pekerja Asing di Sabah: Isu dan Perspektif" adalah wajar dipertimbangkan. Dalam artikel itu beliau menyatakan antara lain:

"Dominasi pekerja asing sangat ketara dalam sektor-sektor ekonomi penting di Sabah dan mengikut sumber terkini Biro Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), lebih kurang 80% pekerja asing bekerja di sektor perladangan, pembuatan dan pembinaan, manakala 20% selebihnya terlibat dalam sektor perkhidmatan dan pembantu rumah. Ini menguatkan lagi hujah bahawa sememangnya pembangunan ekonomi negeri Sabah sangat bergantung kepada sumbangan tenaga pekerja asing. Untuk mengatasi masalah pergantungan terhadap buruh asing daripada berterusan, kerajaan persekutuan dan negeri perlu merangka strategi untuk meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan sebagai tenaga kerja dalam sektor-sektor ekonomi yang didominasi oleh buruh asing. Kerajaan dan pihak swasta juga perlu mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang penyertaan pekerja tempatan dalam sektor-sektor ekonomi penting di Sabah. Jikalau benar dakwaan bahawa sektor-sektor yang disebutkan tidak menawarkan ganjaran yang menarik, satu kajian menyeluruh perlu dibuat untuk membolehkan pekerja tempatan tertarik

untuk menceburi sektor ekonomi utama di negeri ini. Latihan-latihan yang sesuai untuk tujuan meningkatkan kemahiran buruh tempatan juga perlu dikenalpasti oleh agensi-agensi kerajaan seperti Biro Pembangunan Sumber Manusia (BPSM). Pembangunan Sumber Manusia di negeri ini juga perlu menekankan aspek kemahiran yang boleh dipraktikkan di sektor-sektor ekonomi utama seperti pertadangan, pembinaan dan pembuatan demi untuk mengurangkan dominasi buruh asing. Latihan kemahiran yang berkaitan dengan teknologi juga penting untuk memenuhi permintaan tenaga kerja yang dijangka akan meningkat selepas pembangunan Taman Industri Kota Kinabalu beroperasi sepenuhnya."

3.7.7 Perbezaan Budaya & Pendidikan

Pegawai Daerah bagi Daerah Papar, Iman bin Ali (W173) memberikan keterangan bahawa budaya pendatang yang tinggal di beberapa petempatan setingan dalam daerah beliau ada,

beberapa kali, mengganggu sentimen penduduk tempatan seperti amalan "flying toilet" yang dikatakan, tabiat membuang air besar dalam kulit kerang seperti bekas polystyrene dan juga penjualan rokok yang diseludup. Kemudian terdapat masalah yang kian berkembang yang berhubungan dengan anak-anak pendatang tanpa izin dan pelarian yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan asas dan yang kadang-kadang dilihat, merayau-rayau di jalan raya yang menyebabkan gangguan kepada orang awam dsb.

Seorang lelaki bernama Yahya bin Yacob (W198) memutuskan untuk menjadi proaktif dalam membantu kononnya "kanak-kanak jalanan" ini dengan menubuhkan sekolah yang dipanggilnya "Madarasah" yang mengadakan kelas untuk kanak-kanak yang kurang bersemangat ini. Beliau berkata bahawa "Madarasah" beliau sedang berkembang dengan baik. Masih terdapat kekurangan dari segi dana. Kami berpendapat bahawa projek beliau merupakan suatu projek yang murni dan oleh itu projek sedemikian boleh diluaskan ke petempatan setinggan. Kami berharap agar pihak berkuasa yang berkaitan perlu memberikan bantuan dari segi menyediakan logistik dan dana kerana pendidikan merupakan perkara asas dalam tiap-tiap masyarakat

yang baik. Mengabaikannya boleh mendatangkan keburukan kepada generasi akan datang.

BAB 4

PERKARA-PERKARA LAIN

4.1 Program Pemutihan

Mengikut Kertas Kedudukan (P110) yang disediakan oleh Parti Progresif Sabah, program ini telah dilaksanakan dari Mac hingga Ogos 1997. Program ini telah diperihalkan sebagai suatu usaha pendaftaran yang paling menyeluruh dan bersepadu sepenuhnya ke atas pendatang Indonesia dan Filipina di Sabah pada masa material itu. Program ini dikatakan berada di bawah tanggungjawab Pasukan Petugas Khas Persekutuan yang bertindak sebagai suatu agensi sehenti yang mengendalikan isu-isu berkenaan dengan pendatang haram di Sabah. Ia telah dilakukan secara nyata dengan sokongan dan kerjasama termaklum pihak berkuasa Persekutuan dan Negeri begitu juga pejabat konsular Filipina dan Indonesia. Kertas Kedudukan itu menyatakan bahawa di bawah Program ini, Pasukan Petugas Khas Persekutuan telah berupaya mendaftarkan 463,832 pekerja Indonesia dan Filipina di Sabah dan Labuan; bahawa daripada bilangan ini, 50,000 didapati menganggur dan telah dikenal pasti untuk penghantaran pulang ke negara asal mereka. Di bawah

Program ini, pendatang yang sedang bekerja akan "didaftarkan" tempoh tinggal mereka supaya mereka tidak perlu lagi mengambil jalan keluar dengan melakukan kegiatan haram untuk memperoleh dokumen yang sepatutnya.

Didapati bahawa Program Pemutihan ini memberikan tumpuan yang lebih kepada pekerja asing berbanding pendatang asing secara amnya. Ini digambarkan dalam kenyataan akhbar yang terdapat dalam Daily Express, Sabah, bertarikh 10/11/1996 yang dibuat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu iaitu Datuk Ong Kah Ting dan Pengarah FSTF Zainuddin Abdul Bahari (lihat N26-SAPP kertas P110). Datuk Ong dilaporkan sebagai berkata bahawa Majlis Keselamatan Negara melalui FSTF akan memuktamadkan program pemutihan yang dicadangkan ke atas pendatang asing dengan secepat mungkin. Dan Pengarah Zainuddin Abdul Bahari dilaporkan sebagai berkata antara lain, bahawa mereka yang layak di bawah Program itu perlu berada dalam pekerjaan, mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan telah mematuhi kehendak jabatan buruh dan imigresen.

Usaha pemutihan tersebut telah menyebabkan peningkatan dalam permohonan untuk membaharui permit kerja daripada

60,000 kepada 180,000 sebagaimana yang dilaporkan dalam Daily Express bertarikh 11/11/1997 (lihat N27- kertas SAPP). Terdapat beberapa ulasan mengenai program pemutihan itu berkenaan dengan pekerja asing oleh ahli politik dan ahli pemiagaan tertentu yang mengatakan bahawa program tersebut telah menjejaskan operasi pemiagaan mereka, dsb., tetapi Datuk Seri Yong Teck Lee telah melaporkan sebagai berkata bahawa beliau tegas dalam melaksanakan dasar ini.

Daripada keterangan secara keseluruhan, nampaknya adalah jelas bahawa Program Pemutihan ini bertahan hanya selama 6 bulan dari Mac hingga Ogos 1997. Menurut Datuk Seri Yong, Program ini adalah semata-mata bertujuan untuk mendaftarkan pendatang yang layak terutamanya pekerja asing dengan harapan bahawa tindakan susulan akan diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Selain sebilangan operasi secara ad-hoc, tiada petunjuk yang jelas bahawa operasi sedemikian telah dilakukan secara berterusan. Program ini nampaknya telah berakhir dengan sendiri. Walau bagaimanapun, Datuk Seri Yong telah mencadangkan bahawa pihak berkuasa sepatutnya menghidupkan semula Program tersebut. Sebenarnya, ketika kami menulis Laporan ini, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan sistem I-Kad sejak

15/11/2013. Sekarang pekerja asing akan diberikan I-Kad ini supaya kehadiran dan pergerakan mereka di negara boleh dipantau dengan lebih baik. I-Kad ini dikatakan mengandungi keupayaan keselamatan berteknologi tinggi seperti ciri cap jari biometrik, data *nexcode* dan cip tanpa sentuh dsb. Kami difahamkan bahawa ia tidak murah memandangkan majikan atau pekerja yang berkenaan perlu membayar RM110 untuk setiap I-Kad tersebut. Mengikut surat khabar "the Star" bertarikh 10/1/2014, Kerajaan telah merancang untuk melancarkan suatu operasi di seluruh negara yang dipanggil "Ops Bersepadu" untuk mengusir pekerja tanpa izin sebaik sahaja tempoh tangguh bagi majikan untuk mendaftarkan pekerja mereka tamat pada 21/1/2014. Kami percaya ini merupakan langkah yang sangat positif yang diambil oleh pihak berkuasa dalam mengurangkan masalah yang berhubungan dengan pendatang asing di Malaysia.

Kami berharap agar Pihak Berkuasa yang berkaitan meluaskan operasi sedemikian ke Sabah secara agresif sebagaimana yang telah dilakukan mereka di Malaysia Barat memandangkan bilangan pekerja asing yang ramai di Negeri itu.

4.2 Pemegang IMM13

Seksyen 6 Akta Imigresen, 1959/63, menyatakan antara lain bahawa tiada seorang pun selain warganegara boleh memasuki Malaysia melainkan jika:

- (a) dia memiliki permit masuk yang sah yang dikeluarkan kepadanya menurut undang-undang di bawah seksyen 10;
- (b) namanya diendors pada permit masuk yang sah mengikut seksyen 12, dan bahawa dia ditemani pemegang permit itu;
- (c) dia memiliki pas yang sah yang dikeluarkan kepadanya menurut undang-undang untuk memasuki Malaysia; atau
- (d) dia dikecualikan daripada seksyen ini oleh suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 55.

Dan seksyen 2 Akta Pasport menyatakan bahawa tiap-tiap orang yang memasuki Malaysia perlu mengemukakan pasport atau visanya. Di bawah seksyen 8 Akta Imigresen, mana-mana orang yang memasuki Sabah tanpa suatu permit masuk

yang sah atau pas yang sah atau pasport, dianggap sebagai pendatang yang dilarang. Sehubungan dengan ini, Persatuan Peguam Sabah (SLA) telah berhujah bahawa pendatang asing termasuk di bawah kategori pendatang yang dilarang dan oleh itu pengeluaran pas IMM13 kepada mereka adalah bertentangan dengan Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang menyatakan:

"1) A visit pass may be issued by the Controller to any person other than a prohibited immigrant who satisfies the Controller that he wishes to enter the Federation-

- i. on a social business or professional visit; or*
- ii. for temporary employment; or*
- iii. as a tourist;*
- iv. as a dependent child accompanying or joining the holder of a work pass in Sabah."*

SLA nampaknya mengambil pendirian bahawa pas IMM13 merupakan suatu bentuk pas lawatan sosial dan oleh itu

pengeluaran dokumen sedemikian termasuk dalam ruang lingkup Peraturan 11 yang disebut terdahulu. Pendapat ini mempunyai merit jika istilah "pelarian" termasuk dalam takrif "pendatang yang dilarang" kerana berdasarkan keterangan, hanya pelarian yang diberikan pas IMM13. Tetapi istilah "pelarian", dalam konteks Siasatan ini, lazimnya dikaitkan dengan pendatang yang lari dari Filipina ke Sabah disebabkan perang saudara di negara mereka. Mereka dianggap sebagai pelarian politik. Dalam hal ini, peruntukan pengecualian di bawah seksyen 55 Akta Imigresen boleh terpakai. Seksyen itu di bawah kapsyen "Power to Exempt" berbunyi:

- "1) *Notwithstanding anything contained in this Act, the Minister may by order exempt any person or class or persons, either absolutely or conditionally, from all or any of the provisions of this Act and may in such order provide for any presumptions necessary in order to give effect thereto.*
- 2) *Every order made under this section which relates to a class of persons shall be published in the Gazette."*

Sebagaimana yang didedahkan dalam keterangan Penyiasat RCI, Menteri pada masa material jelas telah mengeluarkan arahan untuk menolong pelarian yang lari daripada perang saudara di Filipina tertakluk kepada pelbagai syarat. Kami telah merujuk kepada syarat-syarat ini terdahulu. SLA selanjutnya berhujah bahawa apa-apa perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 55 yang disebut terdahulu perlu mematuhi Bahagian VII Akta Imigresen, terutamanya seksyen 64 dan seksyen 65 Akta tersebut. Memandangkan isu perundangan ini tidak dibangkitkan dan dihujahkan di hadapan RCI, kami tidak dapat melampaui sekadar mencatat pendirian yang diambil oleh SLA dalam hujahan bertulisnya yang menyatakan:

"Due to the special powers conferred upon the State Government in the above provisions, the Director of Immigration in Sabah shall be answerable to the State Government in the discharge of his duties and performance of his obligations under the Immigration Act as if the Act applies to Sabah as a separate unit. [see section 64(1) and section 64(3) above]. Unfortunately, from the evidence disclosed throughout the Inquiry, there is no evidence that Director and the

officers of the Immigration Department has sought the views of the State Government on the issuance of IMM13 to illegal immigrants never the grant of entry permits. All instructions/policies on illegal immigrants seems to come from the Ministry of Home Affairs without reference to the State Government even the State Government has special powers on immigration as far as entry into and residence in Sabah is concerned. This is in contravention of both the letter of and spirit behind the special powers conferred upon the State Government under Part VII particularly section 64 and 65 of the Immigration Act."

4.3 Rangkaian Sosial

Kami menyebut terdahulu bagaimana rangkaian sosial boleh memainkan peranan yang penting dalam memudahkan dan mengekalkan aliran penghijrahan. Kami telah menarik perhatian kepada artikel yang dikaji dengan baik bertajuk "Social Networks...Evidence from Undocumented Immigrants in

Sabah, East Malaysia" oleh Dr. Dayang Suria Mulia daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS). Oleh itu, kami berpendapat adalah wajar untuk mengetengahkan beberapa ulasan dan pemerhatian di dalamnya. Rangkaian sosial diperihalkan sebagai pertalian antara individu yang menghubungkan keluarga, kawan-kawan, anggota masyarakat antara tempat asal seperti Filipina dan Indonesia dengan destinasi iaitu Negeri Sabah. Rangkaian sosial mempunyai kecenderungan untuk meminimumkan risiko bakal pendatang dalam mengambil kira di mana untuk menempatkan semula mereka. Secara amnya, rangkaian sosial menyediakan seperti modal dari aspek sosial yang menghubungkan bakal pendatang di Filipina Selatan dan Indonesia dengan pendatang yang menetap di Sabah. Secara lebih khusus, mereka membantu bakal pendatang untuk mendapatkan pekerjaan dan dokumen bagi menyesuaikan diri mereka di Sabah dan juga membantu mereka untuk mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa, dsb. Dr. Dayang berpandangan bahawa pembuat dasar di Malaysia nampaknya hanya bergantung kepada penjelasan dari segi ekonomi dan perundangan mengenai isu yang berhubungan dengan aliran penghijrahan di Sabah dengan mempercayai bahawa imigrasi hanyalah merupakan faktor penawaran dan permintaan dan

bahawa kawalan yang mencukupi dan pengkategorian perundangan boleh dengan jayanya mengawal aliran penghijrahan dari Filipina dan Indonesia ke dalam Sabah. Menurut beliau, kajian mengenai Sabah telah menunjukkan bahawa aliran penghijrahan tidak selalunya selari dengan turun naik ekonomi dan kategori perundangan cenderung untuk menyembunyikan proses rangkaian sosial yang menggerakkan penghijrahan yang dengan itu menjadikannya sukar bagi mana-mana undang-undang, bagaimana sekalipun ketat, untuk menghalang pendatang daripada memasuki Negeri. Beliau berpandangan bahawa pembuat dasar pada masa hadapan perlu memberikan tumpuan yang lebih ke atas kesan yang boleh disebabkan oleh rangkaian sosial terhadap aliran penghijrahan dan penggabungan pendatang ke dalam sektor ekonomi kita dan juga masyarakat di Sabah; bahawa pasukan keselamatan kita hendaklah memberikan tumpuan kepada pintu masuk seperti Tawau, Sandakan, Semporna, dsb., yang diduduki oleh ramai pendatang kerana wujudnya rangkaian sosial yang berakar umbi di kawasan itu. Beliau seterusnya berpendapat bahawa apa-apa penumpuan ke atas kumpulan etnik dalam kawasan yang khusus boleh mempunyai kesan menghalang proses asimilasi dan ini seterusnya akan memperkukuh rangkaian sosial pehijrah di

Sabah. Ini merupakan suatu perkara yang perlu dilakukan oleh pembuat dasar.

4.4 Pendaftaran Lewat Kelahiran di Sabah

Di Sabah, Ordinan Kelahiran dan Kematian Sabah 1953 terpakai bagi pendaftaran kelahiran dan kematian di Negeri. Ordinan ini telah disyiharkan sebagai Undang-Undang Persekutuan melalui LN37/65 yang memperuntukkan beberapa pengubahsuaian bagi membenarkan tanggungjawab Persekutuan dalam mentadbir Jabatan Pendaftaran. Ordinan ini adalah khusus bagi Sabah. Di bawah seksyen 9 Ordinan, sesuatu kelahiran perlu dilaporkan kepada Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Daerah dalam masa 14 hari dari kelahiran dalam borang yang ditetapkan. Di bawah seksyen 16, sesuatu kelahiran boleh didaftarkan selepas 14 hari tetapi dalam masa 42 hari dari kelahiran dengan pembayaran fi. Pendaftaran sedemikian disebut pendaftaran tertunda. Kemudian, seksyen 22(2) menyatakan bahawa tiap-tiap pendaftaran selepas 42 hari dari kelahiran adalah dianggap pendaftaran lewat yang baginya suatu perakuan pendaftaran lewat dikeluarkan. Walau bagaimanapun, mengikut Jabatan Kehakiman,

Sabah, perakuan pendaftaran lewat ini adalah tidak sah di sisi undang-undang sehingga ia disahkan oleh Majistret Kelas Pertama. Majistret tersebut perlu mengadakan siasatan untuk menentusahkan pendaftaran lewat itu. Tatacara yang diguna pakai oleh Majistret adalah seperti yang berikut:

- Setelah dikemukakan bayaran fi sebanyak RM4 dan perakuan pendaftaran lewat, mahkamah akan menetapkan tarikh bagi siasatan
- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan turut dimaklumkan mengenai tarikh pendengaran walaupun secara amalan mereka menyerahkannya kepada mahkamah dan tidak akan menghadiri pendengaran itu.
- Pada tarikh pendengaran itu, pemohon perlu mengemukakan saksi untuk membuktikan butir-butir kelahirannya. Ini bermakna pemohon perlu memanggil mereka yang mempunyai pengetahuan mengenai hal keadaan kelahirannya seperti ibu atau bapanya, saudara-mara atau mereka yang hadir semasa kelahirannya.
- Majistret sebagai orang yang mengadakan siasatan boleh kemudiannya memeriksa balas saksi ini untuk mengelak

pendatang asing atau mereka yang bertujuan untuk menentusahkan butir-butir palsu daripada memperoleh sijil kelahiran yang disahkan dengan sepatutnya. Ini adalah penting kerana kadang kala pemohon lewat 20 hingga 30 tahun dan saksi yang hadir semasa kelahiran adalah terlalu tua atau telah mati.

- Jika Majistret berpuas hati bahawa butir-butir dalam pendaftaran lewat kelahiran adalah benar, sijil akan diendorskan di bawah seksyen 31. Ini bermakna sijil itu merupakan sijil kelahiran yang sah di sisi undang-undang.

Jabatan Kehakiman, Sabah, juga berpandangan bahawa Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, hanya menghendaki pemohon untuk mengemukakan sijil kelahiran; bahawa ia tidak menyebut perakuan pendaftaran lewat kerana tatacara penentusahan yang diguna pakai di Sabah tidak wujud di Malaysia Barat; bahawa sijil kelahiran pendaftaran lewat bukan merupakan suatu sijil yang sepatutnya di bawah undang-undang Sabah tetapi hanya suatu ekstrak mengenai fakta pendaftaran lewat; bahawa oleh yang demikian, sebelum apa-apa KP dikeluarkan, pemohon mesti mempunyai sijil kelahiran yang

lazim/yang sepatutnya atau sijil kelahiran pendaftaran lewat yang telah disahkan oleh Majistret.

Memandangkan kesukaran orang di kawasan pedalaman Sabah mempunyai akses kepada kemudahan pendaftaran di kawasan bandar, Jabatan Kehakiman Sabah telah menubuhkan kononnya mahkamah bergerak untuk mengurangkan beban mereka. Mahkamah bergerak ini berupaya untuk menembusi kawasan terpencil di Sabah untuk menjalankan siasatan penentusahan mereka mengenai pendaftaran lewat kelahiran. Setakat ini, mereka telah menjalankan tugas yang patut dipuji.

4.5 Pemerolehan Kerakyatan Malaysia

Mengenai isu ini, SLA telah berhujah dengan panjang. Bagi maksud Laporan ini, kami akan mengguna pakai hujahan tersebut dalam butir-butir material. Menurut hujahan bertulisnya, terdapat 4 cara seseorang boleh memperoleh kerakyatan Malaysia, iaitu (a) melalui penguatkuasaan undang-undang, (b) melalui pendaftaran, (c) melalui naturalisasi & (d) melalui penggabungan wilayah baru dengan Persekutuan.

4.5.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Di bawah penguatkuasaan undang-undang, seseorang yang dilahirkan di Malaysia sebelum Hari Malaysia pada Oktober 1962 memperoleh kerakyatan. Tetapi seseorang yang dilahirkan selepas Oktober 1962 tidak memperoleh kerakyatan melainkan jika orang itu dilahirkan di Malaysia kepada sekurang-kurangnya satu ibu atau bapa yang merupakan rakyat Malaysia atau pemastautin tetap. Agak ketara bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak memberikan kerakyatan kepada seseorang semata-mata kerana orang itu dilahirkan di Malaysia. SLA berpendapat bahawa walaupun anak-anak kepada pendatang asing yang dilahirkan di Malaysia telah diberikan Sijil Kelahiran oleh JPN, mereka masih menjadi tidak bernegara melainkan jika salah seorang daripada ibu atau bapa merupakan rakyat Malaysia dan ibu atau bapa itu memohon kerakyatan bagi anak-anak. Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak menghendaki negara yang telah meratifikasi Konvensyen itu supaya memberi kewarganegaraan ke atas tiap-tiap anak. Dikatakan bahawa walaupun Malaysia telah memenuhi Konvensyen itu, ia masih tidak memberikan kerakyatan kepada anak-anak orang asing yang dilahirkan di Malaysia.

4.5.2 Pendaftaran

Terdapat 4 cara untuk memperoleh kerakyatan melalui pendaftaran. Ini boleh diringkaskan seperti yang berikut: Pertama, seorang wanita yang berkahwin dengan rakyat Malaysia berhak untuk didaftarkan sebagai rakyat dengan syarat beliau berkelakuan baik, telah menetap di Malaysia selama 2 tahun sebelum memohon untuk menjadi rakyat dan dia berhasrat untuk tinggal di Malaysia secara tetap. Kedua, seseorang di bawah umur 2 tahun berhak untuk didaftarkan sebagai rakyat jika salah seorang daripada ibu atau bapanya merupakan rakyat Malaysia. Ketiga, Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan mana-mana orang di bawah umur 21 tahun didaftarkan sebagai rakyat dalam hal keadaan luar biasa. Dan keempat, mana-mana orang yang berumur lebih daripada 18 tahun dan dilahirkan di Malaysia sebelum Hari Merdeka berhak mendapat kerakyatan jika beliau telah menetap di Malaysia selama 5 tahun dalam 7 tahun sebelum memohon kerakyatan; bahawa beliau berkelakuan baik; bahawa beliau mempunyai pengetahuan asas tentang bahasa Melayu dan beliau berhasrat untuk tinggal secara tetap di Malaysia.

4.5.3 Naturalisasi

Dalam hal naturalisasi, seseorang perlu menetap di Malaysia selama 10 tahun daripada 12 tahun sebaik sebelum memohon untuk naturalisasi. Beliau mesti berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bahasa Melayu. Beliau juga mesti berumur 21 tahun ke atas. Proses undang-undang yang sepatutnya bagi seseorang pendatang di Sabah untuk memperoleh kerakyatan boleh diperihalkan secara ringkas seperti yang berikut: (a) bahawa beliau mesti memasuki Sabah secara sah iaitu melalui salah satu daripada pintu masuk sah dengan pas sah atau pasport yang sah, (b) bahawa beliau mesti memohon dan memperoleh permit masuk untuk menjadi pemastautin tetap, (c) bahawa beliau mesti menetap di Negeri Sabah sebagai pemastautin tetap selama 10 tahun daripada 12 tahun dan berkelakuan baik dan juga mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bahasa Melayu, (d) bahawa setelah diberikan kerakyatan, beliau mesti mengangkat sumpah taat setianya, (e) bahawa setelah menjadi seorang rakyat, beliau mesti memohon kad pengenalan yang lazimnya dikeluarkan kepada rakyat dan (f) bahawa setelah diberikan KP itu beliau boleh mendaftarkan dirinya sebagai pengundi dalam kawasan pilihan

raya di mana beliau menetap. SLA berpandangan bahawa adalah salah di sisi undang-undang untuk memberikan kerakyatan segera kepada pendatang tanpa melalui proses undang-undang yang sepatutnya yang diperihalkan di atas; bahawa KP hanya boleh dikeluarkan kepada rakyat; bahawa oleh itu kerakyatan mesti diperolehi terlebih dahulu sebelum pengeluaran KP.

4.5.4 Penggabungan Wilayah

SLA tidak berhujah mengenai perkara ini kerana ia tidak berkaitan dengan siasatan di hadapan RCI.

4.6 Takrif "Anak Negeri"

Dalam perjalanan prosiding siasatan, terdapat beberapa pertikaian tentang skop takrif bagi istilah "Anak Negeri" dalam konteks Sabah di bawah undang-undang. Ini digambarkan dalam keterangan Datuk Hj. Osman Jamal (W59) yang merupakan Presiden Persatuan Masyarakat Bugis Sabah dan juga Pengarah Tanah dan Ukur Sabah pada masa ini. Beliau berpandangan bahawa kedua-dua daripada perspektif sejarah dan perundangan,

seorang Bugis di Sabah sepatutnya termasuk dalam takrif "Anak Negeri" dan juga istilah "orang yang menjadi penduduk asli Sabah".

Memandangkan kepentingan isu ini dan berdasarkan permintaan kami, Persatuan Peguam Sabah (SILA) telah menyediakan suatu artikel mengenai isu tersebut sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran A hujah bertulisnya. Kami berpendapat adalah wajar untuk mengetengahkan bahagian yang penting di dalamnya. Terdapat 3 takrif bagi istilah "Anak Negeri" di bawah undang-undang yang terpakai bagi Sabah, satu adalah umum dan dua adalah khusus. Takrif umum boleh didapati dalam seksyen 2(1) Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri) Sabah (Bab 64) sementara dua takrif khusus didapati dalam Perkara 41 Perlembagaan Negeri Sabah dan Perkara 161A(6) Perlembagaan Persekutuan masing-masing. Susunan kata dalam Perkara 41 dan Perkara 161A(6) yang disebut terdahulu diungkapkan sebahagian besarnya dengan cara yang sama.

Adalah penting untuk memberikan perhatian kepada Bahagian yang berkaitan dalam seksyen 2(1) Ordinan tersebut (Bab 64) yang menyatakan:

"Whenever the word "Native" in a substantive occurs in any written law in force at the commencement of the Ordinance... or in any law coming into force after the commencement of the Ordinance unless otherwise enacted therein, it shall mean..."

Ini membayangkan secara jelas bahawa takrif itu merupakan takrif umum yang terpakai bagi semua undang-undang di mana perkataan "Anak Negeri" didapati dan tidak ditakrif secara khusus mengenainya. Jika ungkapan "Anak Negeri" ditakrif secara khusus dalam mana-mana undang-undang tertentu, takrif umum ini tidak terpakai. Takrif "Anak Negeri" dalam Perkara 41 Perlembagaan Negeri Sabah adalah khusus kepada Perkara tersebut yang memperkatakan tanggungjawab Yang diPertua Negeri, Sabah, untuk memelihara kedudukan istimewa anak negeri dan kepentingan yang sah bagi masyarakat lain dalam apa-apa perkara seperti penyertaan dalam perkhidmatan awam, penerimaan biasiswa, dsb. Dengan cara yang sama, takrif "Anak Negeri" dalam Perkara 161A(6) Perlembagaan Persekutuan adalah khusus kepada maksud yang terkandung dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang memperkatakan perizaban

kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit, lesen, biasiswa, dsb., bagi Melayu dan anak negeri di Sabah.

Akhirnya, kami perlu sekadar menarik perhatian kepada ulasan umum berikut yang dibuat oleh SLA yang kami dapati berkaitan dan berinformasi bagi maksud kami:

"It can be seen from the above that even though the definition of "Native" is found in three different laws, there are actually only two definitions as the definitions in the State Constitution and the Federal Constitution are substantially the same. It can also be seen that the definition in Interpretation (Definition of Native) Ordinance and the definition in the two Constitutions are not exactly the same. A person may be qualified as a Native under the said Ordinance but may not be qualified as a Native under the Constitutions and vice versa. A glaring difference is that under the Constitutions, a person must be a Malaysian citizen in order to be qualified as a Native, but not under the said Ordinance. Another glaring difference is that under the said Ordinance apart from persons both of whose parents are or were members of a people indigenous to Sabah who are

automatically natives, the other persons referred to in paragraphs (b),(c) and (d) of section 2(1) must obtain an appropriate declaration (commonly known as "Sijil Anak Negeri") made by a Native Court in order for their claim to be Natives to be recognized. In other words, the persons referred to in paragraph (b),(c) and (d) of section 2(1) are not automatically Natives. They must first satisfy the requirements as referred to in the said paragraphs and obtain declaration from the Native Court to that effect before their claim to be Natives can be recognized. On the other hand, in the definition in the Constitutions, there is no requirement to obtain any declaration or Sijil Anak Negeri or any other document. So long as any person comes within the definition therein, he is to be treated as a Native. The third difference is that in the said Ordinance, a person can claim to be a native if one at least of whose parents or ancestors is or was a native within the meaning of paragraph (a) i.e. a person indigenous to Sabah. The use of the words "ancestors" is very wide which may allow a person to trace his native root to many generations before him. On the other hand, under both Constitutions

the use of the word "grandchild" may only allow a person to trace his native root up to his grandparents only. The fourth difference is that apart from the descendants of people indigenous to Sabah, the said Ordinance also allows people from outside Sabah e.g. people indigenous to Republic of Indonesia or the Sulu Group of islands in the Philippine Archipelago or the States of Malaya or the Republic of Singapore or Sarawak or State of Brunei who satisfy certain requirements to become "natives". On the other hand, the Constitutions only allow people who are members of or are descended from a people indigenous to the countries, states or places outside Sabah as mentioned above.

It is to be noted that both under the said Ordinance and the Constitutions the expression "people/person indigenous to Sabah" is not specifically defined. However, it is commonly recognized and accepted that the indigenous groups such as the Kadazans/Dusuns (including their sub-groups), the Muruts (including their sub-groups), the local Bajaus, the local Brunei Malays, the Bisayans, the Orang

Sungai and the Kadayans, are people indigenous to Sabah. Other ethnic groups referred to in section 2(1)(c) of the said Ordinance and those who do not originate from Sabah but are indigenous to countries, states or places outside Sabah such as those places referred to in paragraphs (c) and (d) of the section 2(1) of the said Ordinance are not people indigenous to Sabah. The fact that the people referred to in paragraphs (c) and (d) of section 2(1) have to satisfy the requirements specified therein including having lived as and been members of a native community i.e. a group of persons the majority of whom are natives within the meaning of paragraph 2(1)(a) for certain specified periods and to obtain a declaration from the Native Court to that effect in order to qualify to be natives clearly shows that they are not indigenous to Sabah."

PENYELESAIAN

BAB 5

5.1 Pekerja Asing

Sudah dianggap secara umum bahawa disebabkan bilangan pendatang tanpa izin yang besar dalam Negeri dan bilangan mereka yang semakin bertambah, sama ada secara semula jadi atau bukan semula jadi, adalah mustahil untuk membasmi mereka dengan sekaligus dan bahawa satu-satunya harapan yang tinggal ialah menghapuskan arus tersebut dengan mengurangkan bilangan mereka ke paras yang boleh dikawal. Berdasarkan Kertas Kerja yang dibentangkan oleh Azizah Kasim bertajuk "International Migration: Prospects and Challenges in Malaysia (2003)", sejak awal tahun 1990an, pihak berkuasa telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengawal bilangan pendatang tanpa izin, seperti usaha pemuliharaan, program pengampunan, penghantaran balik secara sukarela, ops Nyah 1 & 2, kawalan sempadan yang lebih ketat dan membuat pindaan kepada undang-undang imigresen. Kertas berkenaan turut menyatakan bahawa walaupun langkah-langkah ini boleh dipuji, mereka menghasilkan kejayaan yang terhad kerana pelbagai

pemegang kepentingan dengan sengaja mengambil kesempatan ke atas pendaatang tanpa izin bagi tujuan mereka sendiri termasuk faedah kewangan. Kertas berkenaan seterusnya memberikan tumpuan kepada sektor buruh dengan menyatakan bahawa majikan telah mendapat faedah daripada pengambilan pekerja secara haram dengan mengelak pembayaran perbelanjaan perubatan, cuti bergaji, tempat penginapan dan insurans kepada pekerja mereka; pekerja asing juga lebih suka bekerja secara haram kerana cara berkenaan memberi mereka kelonggaran untuk menukar pekerjaan. Kertas berkenaan juga menunjukkan kurangnya kerjasama oleh orang ramai, terutamanya majikan dan pemilik rumah yang menjejaskan usaha Kerajaan untuk mengurangkan bilangan pendaatang tanpa izin dalam Negeri; bahawa oleh yang demikian, hukuman yang lebih berat bagi pelanggaran undang-undang imigresen boleh digunakan bersama-sama dengan keperluan untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan logistik penguatkuasaan. Dalam analisis akhir, Kertas berkenaan mencadangkan supaya Kerajaan mencari jalan dan cara untuk mengurangkan kebergantungan Negeri kepada pekerja haram memandangkan dalam jangka masa panjang, kesan negatif daripada pengambilan buruh asing, boleh mengatasi faedahnya.

Kami juga ingin menarik perhatian kepada satu lagi Kertas bertajuk "Migrant Workers in Sabah: Characteristics, Processes, Prospect & Challenges" oleh Mohd Yaakub Hj. Johari & Ramlan Goddos yang menyatakan pekerja asing memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Negeri dan pekerjaan dalam sektor perladangan, pembinaan dan pertanian; bahawa kemasukan pekerja asing tidak dikawal selia dengan baik; bahawa penggantungan yang lebih kepada buruh asing boleh menyebabkan ekonomi Negeri menjadi lemah dalam jangka masa panjang, terutama apabila Negeri sedang dalam tindakan melaksanakan peralihan daripada ekonomi berasaskan pengeluaran (p-economy) kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (k-economy), yang dibawa oleh globalisasi dan liberalisasi termasuk Asean Free Trade Area (AFTA). Artikel berkenaan seterusnya menyatakan bahawa usaha pemuliharaan pada tahun 1997 melalui FSTF merekodkan jumlah bilangan bukan warganegara adalah sekurang-kurangnya 585,769; bahawa jumlah bilangan pekerja berdaftar dari Filipina dan Indonesia, tidak termasuk tanggungan mereka ialah 226,565; bahawa sebahagian besar pekerja asing telah menyebabkan berlakunya kebimbangan orang ramai terutama pada tahun 1992 apabila pekerja asing adalah lebih daripada 60% daripada jumlah tenaga buruh dalam

Negeri. Artikel berkenaan juga menyatakan bahawa satu lagi fakta yang membimbangkan ialah bilangan pendatang tanpa izin yang semakin bertambah yang dengan jelas tinggal melebihi tempoh di dalam Negeri. Perkara ini ditunjukkan dalam statistik mengenai ketibaan mereka di Negeri dan pelepasan pulang mereka dari Negeri. Diperhatikan bahawa dalam tempoh dari tahun 1996 hingga 2000, ketibaan orang Indonesia ialah 457,850 tetapi pelepasan pulang mereka ialah 228,366. Dalam tempoh yang sama, direkodkan bahawa ketibaan orang Filipina ialah 210,910 dan pelepasan pulang mereka ialah 199,169. Agak ketara, bahawa terdapat jurang yang besar antara ketibaan dan pelepasan pulang. Ini boleh dijelaskan kerana orang asing tinggal lebih lama di Sabah disebabkan pekerjaan atau sebab lain yang berkaitan dengan sosial dan ekonomi. Walau bagaimanapun, perbezaan yang besar itu menunjukkan bahawa rakyat daripada kedua-dua Indonesia dan Filipina datang dengan menggunakan visa pelawat atau pas sementara tetapi sudahnya menjadi orang yang tinggal melebihi tempoh secara haram dan pekerja haram di dalam Negeri.

Kami mendapati pemerhatian akhir yang berikut dalam artikel tersebut mempunyai kaitan. Ia menyatakan:

"What should be clear is the fact that foreign labor has tremendously contributed to the state's economy, particularly during the boom years of primary natural resource exploitation of timber as well as rapid expansion in the plantation sector and in the construction industry. The heavy influx of migrant workers has had both positive as well as some negative impacts on the state and the country. While the state and the country would continue to depend on migrant workers in the intermediate term, the government has taken various measures to gradually wean the country from its heavy dependence on migrant workers. Nonetheless, given the country's development trajectory as well as the realities of international migration today, it is likely that similar to other countries, Malaysia will continue to take in migrant workers to meet the labor requirements in specific sectors of the economy. In the final analysis, therefore, the key challenge is to strike a fine balance between meeting the manpower needs of the country while safeguarding the legitimate economic, social, security and political interests of the nation."

5.2 Dokumen Pengenalan

Semasa siasatan dijalankan, saksi-saksi telah memberikan beberapa cadangan mengenai bagaimana masalah yang berhubungan dengan pendatang tanpa izin di Sabah dapat diselesaikan. Kami akan memberikan tumpuan kepada tiga cadangan utama. Pertama, terdapat cadangan untuk menarik balik semua KP yang dikeluarkan secara haram kepada pendatang di Sabah. Perkara ini dibangkitkan oleh Tan Sri Bernard Dompok (W139), bekas Menteri Kabinet Persekutuan dan Presiden UPKO sekarang. Mengikut kertas kedudukan (P123), terdapat kedua-dua kewajipan di sisi undang-undang dan moral bagi pihak berkuasa untuk mengambil langkah yang berani memandangkan masalah yang terlibat adalah serius. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa bagi tujuan praktikal, lebih "pendekatan bersifat kemanusiaan" perlu diguna pakai. Pada dasarnya, terdapat dua pilihan kepada "usaha penarikan balik KP" yang dikatakan dalam menangani mereka yang didapati memperoleh KP Malaysia secara haram atau melalui cara yang mencurigakan. Pilihan pertama adalah untuk menghantar mereka balik ke negara asal atas perbelanjaan Kerajaan Malaysia tertakluk kepada pengambilan gambar dan penurunan cap jari untuk memastikan

pengesanan boleh dibuat sekiranya mereka kembali ke Malaysia. Pilihan kedua adalah untuk membenarkan mereka yang ingin tinggal di Malaysia untuk berbuat demikian tetapi hanya sebagai penduduk tetap dan dengan syarat bahawa mereka akan ditempatkan semula di kampung-kampung baru di Sabah dan juga di Negeri lain di Malaysia.

Kami berpendapat bahawa sebagai suatu konsep, "usaha penarikan balik KP" yang dikatakan itu mengenai syarat-syarat yang dicadangkan, mempunyai beberapa merit. Kesukaran terletak dalam mekanisme untuk mengenal pasti dan mengesan pemegang KP yang dikatakan itu. Mengenai hal ini, cadangan UPKO tidak mengandungi butir-butir yang mencukupi. Cadangan itu juga tidak meneliti akibat-akibat dari segi perundangan dan perlembagaan yang mungkin timbul daripada usaha berkenaan terutama sekali kepada pendatang yang diberikan KP Malaysia beberapa dekad dahulu. Terdapat risiko di mana melainkan kerumitan dari segi perundangan diselesaikan, Kerajaan dan agensi lain yang berkaitan yang terlibat akan dihujani dengan tindakan undang-undang yang tidak tertanding. Adakah ini yang kita mahukan?

Kedua, satu lagi cadangan telah dimajukan oleh Parti Progresif Sabah (SAPP). Di dalamnya, Datuk Seri Yong Teck Lee (W129), Presiden SAPP telah memberi keterangan secara ringkas mengenai cadangan ini yang membangkitkan pengenalan kononnya "KP Sabah" kepada penduduk Sabah yang asli. Menurut beliau, cadangan sedemikian adalah selari dengan Perjanjian Malaysia 1963 dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962. Beliau menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk menggubal Ordinan Pendaftaran Rakyat Sabah untuk mengadakan asas undang-undang bagi usaha berkenaan. Beliau menerangkan bahawa rakyat Malaysia yang menetap di Sabah dari 31/8/1963 dan tanggungan mereka akan berhak secara automatik untuk memperoleh KP Sabah dan selepas itu, KP tersebut, dalam hal yang berkenaan, akan dikeluarkan secara beransur-ansur kepada rakyat Malaysia lain yang layak yang menetap di Sabah. Beliau percaya bahawa "usaha KP Sabah" akan sekurang-kurangnya mengurangkan masalah sedia ada yang berhubungan dengan pemegang KP Malaysia secara haram di Sabah. Apabila Tan Sri Herman Luping, salah seorang daripada pesuruhjaya RCI membangkitkan persoalan mengenai sama ada cadangan sedemikian akan bercanggah dengan dasar perpaduan kebangsaan dan sekiranya bercanggah, apakah penyelesaian

yang sewajarnya, Datuk Seri Yong tidak memberikan sebarang maklum balas yang rasional.

Dalam ketiadaan butir-butir tentang mekanisme yang terlibat dalam kononnya "usaha KP Sabah", ia tidak mempunyai asas. Tetapi, walaupun ia boleh dilaksanakan sebagai satu konsep, adakah ia benar-benar menyelesaikan punca sebenar masalah pendatang tanpa izin dan kegiatan haram yang berhubungan dengan pengeluaran KP Malaysia, dsb.? Pada pandangan kami, punca sebenar itu telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam perenggan terdahulu dalam Laporan ini. Selagi Pihak Berkuasa boleh bertahan dengan kewujudan sindiket dan individu yang tidak bertanggungjawab; selagi sindiket dan individu berkenaan boleh mengambil kesempatan ke atas sistem pemerolehan dokumen yang lemah dan selagi pentadbiran dan/atau pegawai penguatkuasa kita boleh diberikan rasuah, sebarang penggantian KP Malaysia dengan apa-apa jua dokumen atau dokumen sementara, merupakan usaha yang sia-sia. Kami percaya bahawa halangan berkenaan termasuk bilangan koloni selinggian yang semakin banyak, kawalan sempadan yang longgar dan semua kelemahan dalam struktur kerakyatan berinstitusi kita, dsb., hendaklah diatasi oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

secara bersama dan secara berterusan. Mereka mesti merangka strategi yang sewajarnya untuk menyelesaikan punca sebenar. Akhirnya, kesungguhan politik yang teguh adalah diperlukan untuk menterjemahkan strategi dan pelan kepada tindakan.

Ketiga, terdapat satu lagi cadangan. Cadangan ini timbul daripada perbincangan dalam Bengkel yang diadakan di Sabah pada Mei 2010 yang disertai oleh agensi utama seperti Jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Keselamatan. Mereka memajukan banyak cadangan tetapi kami berpendapat yang paling utama adalah berkaitan dengan penubuhan suatu Urus Setia Tetap mengenai Orang Asing di Sabah, yang akan diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri dengan dua pembantu utama iaitu Menteri Dalam Negeri dan Ketua Menteri Sabah. Mereka akan disokong oleh suatu Jawatankuasa Pengurusan mengenai Orang Asing yang akan diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Sabah, dengan pegawai kanan daripada jabatan dan kementerian berkaitan dalam Negeri. Jawatankuasa Pengurusan ini akan mempunyai tanggungjawab yang luas dalam semua perkara yang berhubungan dengan pendatang tanpa izin di Sabah termasuk menjadi forum untuk menangani kebimbangan mengenai penghijrahan ke dalam

Negeri; memudahkan dan menyelaraskan pelaksanaan kuasa kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang berkaitan mengenai pengurusan orang asing; memantau data dan melaporkan dan menyelia perkara yang berhubungan dengan perpindahan, penempatan semula dan perkara lain yang perlu dilaksanakan. Sebagai tambahan, sebagaimana yang disebut terdahulu, Bengkel JPN juga mencadangkan pengenalan Pas Penduduk sebagai suatu cara untuk memberikan justifikasi kepada banyak pas yang berbeza yang digunakan pada masa ini oleh orang asing/pendatang bagi sistem pengesanan dan pengurusan yang lebih cekap dan berkesan.

5.3 Petempatan Setingan

Keterangan telah menunjukkan bahawa terdapat 182 koloni atau petempatan setingan di Sabah. Mereka mungkin bertambah dari segi bilangan dan saiz dan selanjutnya menambahkan lagi kesukaran yang sekarang ini dihadapi oleh pihak berkuasa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah sosial, persekitaran dan jenayah yang berhubungan dengan petempatan tersebut. Kebanyakan daripada petempatan tersebut diduduki oleh orang

tempat Sabah seperti mereka yang tidak mempunyai tanah atau mereka yang, atas sebab-sebab tertentu, telah berhijrah dari kawasan pedalaman untuk mencari pekerjaan di kawasan bandar. Kemudian, petempatan ini mula berkembang dari segi saiz dengan kemasukan pendatang tanpa izin yang mengambil kesempatan atas kelonggaran yang wujud di petempatan seperti mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa berkaitan, dsb. Melihat kepada keadaan ini, adalah munasabah untuk mengandaikan bahawa terdapat perkahwinan campur antara orang tempatan dengan pendatang. Mungkin juga terdapat bentuk interaksi lain antara mereka. Proses asimilasi sedemikian akan bertambah kuat yang menjadikannya amat sukar bagi pihak berkuasa untuk mengenal pasti bilangan pendatang tanpa izin dalam petempatan tersebut. Walau bagaimanapun terdapat beberapa petempatan di mana penghuninya adalah kebanyakannya pendatang, secara sah dan haram, yang mana pihak berkuasa hanya akan menghadapi sedikit kesukaran untuk mengenal pasti bilangan dan status mereka.

Terdahulu kami telah menyebut sebilangan cadangan yang dibuat oleh beberapa saksi mengenai bagaimana untuk menyelesaikan isu petempatan setinggan. Terdapat suatu

cadangan supaya Kerajaan menggubal perundangan yang mewajibkan majikan menyediakan tempat tinggal untuk pekerja asing mereka dan tanggungannya bagi mengurangkan tekanan ke atas pihak berkuasa dalam menguruskan petempatan tersebut. Sebagai langkah tambahan, Kerajaan juga boleh membantu dengan membina rumah kos rendah untuk mereka termasuk setinggan daripada orang tempatan Sabah dalam hal yang berkenaan yang terletak atas tanah Kerajaan. Kami sebenarnya telah melawat suatu petempatan setinggan di Labuan yang bernama Kampung Kiamsam di mana Kerajaan Persekutuan, secara lebih khusus, Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF) telah membina sebilangan blok konkrit untuk menempatkan setinggan yang dipindahkan dengan disyaratkan penyeliaan dan pengawalan mereka, dsb. oleh pihak berkuasa. Bagi semua tujuan dan maksud, projek tersebut kelihatan agak berjaya. Kami percaya bahawa sesuatu projek sedemikian wajar diberikan pertimbangan serius oleh pihak berkuasa. Terdapat juga cadangan untuk menghantar pulang pendatang tanpa izin yang terdapat dalam petempatan tersebut. Ini memerlukan suatu mekanisme yang dirangka untuk mengenal pasti dengan berkesan dan sewajarnya mereka yang layak bagi penghantaran semula. Dalam konteks sesuatu petempatan yang diasimilasikan yang

diperihalkan di atas, ini bukanlah suatu tugas yang mudah. Lagipun, terdapat keterangan bahawa ramai daripada mereka yang dihantar pulang berjaya memasuki semula Sabah tanpa banyak kesukaran. Melainkan hal ini diselesaikan, ia akan menjadi satu lagi kerugian dari segi pentadbiran yang melibatkan perbelanjaan besar.

Satu lagi cadangan adalah untuk merobohkan dan memindahkan setinggian dalam hal yang berkenaan. Berhubung dengan perkara ini, adalah wajar untuk menarik perhatian kepada rancangan perpindahan/penempatan semula yang dilaksanakan oleh *Eastern Sabah Security Command* atau ESSCOM yang berhubung dengan beberapa perkampungan air yang terletak di sepanjang pantai timur Sabah. Pada masa ini, ESSCOM bersama-sama dengan agensi Persekutuan dan Negeri lain dikatakan sedang menjalankan kajian awal yang berhubung dengan perpindahan atau penempatan semula kampung air tertentu dalam 10 daerah yang terletak di sepanjang pantai timur Sabah, secara lebih khusus, di Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Beluran, Sandakan, Pitas, Kota Marudu dan Kudat. Kajian berkenaan dijalankan bagi maksud mengenal pasti kumpulan demografi dalam kawasan berkenaan. Kami difahamkan

yang maklumat telah diperoleh bahawa terdapat 131 kampung yang mempunyai 20,457 rumah yang mempunyai 116,497 penghuni dalam 10 daerah itu. Pada 25/7/2013, ESSCOM mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kampung Penempatan Semula yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, di mana telah diputuskan supaya terlebih dahulu dilaksanakan suatu projek perintis yang melibatkan kampung air dalam 3 daerah iaitu Mukim Simunul yang mempunyai 9 kampung dalam daerah Semporna; Kampung BDC/Mangkalinau dalam daerah Sandakan dan Kampung Puyut dalam daerah Lahad Datu. Kami difahamkan bahawa usaha banci setakat ini telah berjaya dijalankan di 3 kawasan berkenaan itu.

Perpindahan atau penempatan semula merupakan suatu usaha rumit yang melibatkan pergerakan orang secara tidak sukarela. Banyak faktor perlu diberikan pertimbangan. Ia memerlukan masa. Kajian perlu dibuat mengenai semua aspek penempatan semula. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja keputusan dibuat oleh pihak berkuasa, ia perlu dilaksanakan tepat pada waktunya. ESSCOM mesti dibenarkan untuk menjalankan rancangannya tanpa sebarang campur tangan. Ia perlu diberikan logistik dan dana yang perlu bagi menjalankan pelan tindakannya.

Kejayaan ESSCOM boleh menjadi asas bagi penyelesaian yang berjaya untuk petempatan setingan yang lain di seluruh Negeri Sabah. Dalam analisis akhir, kami berpendapat adalah perlu untuk menubuhkan suatu badan khas, mungkin dalam bentuk suatu jawatankuasa yang mengandungi pakar-pakar untuk menangani masalah yang berhubungan dengan petempatan setingan secara menyeluruh.

BAB 6 : SYOR

Kami bersetuju dengan cadangan yang dikelengahkan melalui Bengkel JPN. Kami percaya bahawa suatu Urus Setia Tetap seperti yang disampaikan melalui Bengkel tersebut sebagaimana yang ditunjukkan dalam dokumen P136 perlu diwujudkan. Bengkel tersebut telah mencadangkan suatu Jawatankuasa Pengurusan mengenai Orang Asing dengan kuasa yang luas sebagai pangkalan sokongan bagi Urus Setia Tetap.

Walau bagaimanapun, jika konsep Jawatankuasa Pengurusan ini tidak diterima oleh Kerajaan, maka kemungkinan suatu Majlis Perundingan mengenai Pendatang/Orang Asing yang diketuai oleh profesional bebas yang mempunyai integriti yang paling tinggi yang tidak terlibat dalam politik dan terdiri daripada pegawai kanan kerajaan, tokoh korporat, ahli akademik, wakil persatuan peguam, peguam besar negeri, dsb., boleh ditubuhkan. Majlis tersebut perlu diberikan kuasa yang luas untuk menjalankan penyelidikan dan kajian mengenai semua aspek yang berhubungan dengan pendatang/orang asing di Sabah dan untuk membincangkan dan mempertimbangkan mengenainya dan selepas itu, untuk membuat laporan termasuk syor kepada Urus Setia Tetap. Majlis tersebut

perlu juga diberikan kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa atau jawatankuasa kecil untuk menangani aspek khusus mengenai pendatang/orang asing di Sabah.

Dengan wujudnya badan sedemikian, kami yakin bahawa masalah pendatang tanpa izin dan perkara berkaitan yang dihadapi Sabah dapat diselesaikan dan supaya rasa suram yang telah kami sebutkan, dapat dipadamkan selama-lamanya.

CATATAN TAMBAHAN

Ramai orang di Sabah seakan-akan menganggap Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) sebagai *the be-all and end-all* kepada masalah pendatang tanpa izin yang dihadapi oleh Negeri. Dengan hormat, kami berpendapat ini merupakan tanggapan yang salah. RCI adalah terikat dengan Terma Rujukan. Kami hanya boleh menyiasat, membuat dapatan dan selepas itu mengemukakan syor kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Masih banyak perkara bergantung kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Kuasa untuk menterjemahkan syor-syor terletak pada mereka.

Kami menyedari bahawa beberapa keterangan yang dizahirkan kepada RCI boleh dianggap sensitif oleh sesetengah pihak. Walau bagaimanapun, kami berpendapat bahawa keterangan sedemikian perlu dilihat berasaskan latar belakang peristiwa dan keadaan waktu semasa penyalahgunaan dan/atau aktiviti haram yang berhubungan dengan pengeluaran dokumen pengenalan Malaysia (KP) secara meluas kepada pendatang/orang asing, dikatakan berlaku dalam negeri Sabah.

ia merupakan jangka masa di mana sindiket dan individu dibantu oleh atau terlibat dengan pegawai yang korup, mengambil kesempatan atas kelemahan sistem kerakyatan berinstitusi yang diburukkan lagi dengan bilangan pendatang/orang asing yang ramai demi keuntungan kewangan. Ia juga merupakan jangka masa yang menyaksikan kewujudan suatu projek yang dikatakan bernama "Project IC" yang mempunyai agenda politik yang bersifat merosakkan. Secara ringkas, ia merupakan waktu kemuncak berlakunya perbuatan keji yang mencetuskan dan mempercepat kemasukan pendatang tanpa izin ke dalam Negeri Sabah. Kini Sabah mengalami *cumulative spill-over effects* daripada masa tersebut.

Kami percaya bahawa sejarah boleh menjadi pengajaran. Apa yang perlu ialah kesungguhan politik. Terdapat keperluan untuk mengambil langkah-langkah yang berani dan tegas bagi mewujudkan suatu dasar tindakan yang bersepadu, menyeluruh dan berterusan. Itu sudah pasti, merupakan prerogatif Kerajaan dan Pihak Berkuasa. Ia bukanlah suatu perkara dalam bidang kuasa Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ini.

PENGHARGAAN

Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) dapat berjalan dengan lancar dan cekap dengan bantuan dan kerjasama beberapa individu. Kami ingin merakamkan penghargaan kami kepada individu yang berikut:

- 1) Tan Sri Abdul Ghani Patail, Peguam Negara, Malaysia yang menyediakan untuk kami suatu pasukan penyiasat kanan dan berpengalaman yang diketuai oleh Superintendent Mohd. Azman bin Ahmad Sapri. Para penyiasat telah menjalankan tugas dengan baik sekali. Peguam Negara juga memainkan peranan penting dalam pelantikan Pegawai Pengendali Encik Manoj Kurup, Dato Azmi bin Ariffin dan Encik Jamil Aripin yang mengemukakan keterangan di hadapan RCI dengan kemahiran dan iltizam.
- 2) Tan Sri Richard Malanjum, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, yang dengan baik hati membenarkan kami menggunakan kemudahan mahkamah di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu, dan juga menyediakan jurubahasa dan jurutrengkas untuk kami.

- 3) Dato Saripuddin bin Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagai Setiausaha kepada RCI dan para pegawainya bagi semua perkara organisasi dan pentadbiran yang berhubungan dengan siasatan. Mereka telah memastikan prosiding siasatan berjalan dengan lancar.
- 4) Datuk Wira Hj. Hamza bin Taib, Pesuruhjaya Polis, Sabah, kerana menyediakan perkhidmatan keselamatan dan pengiring yang perlu kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya melalui Cawangan Khas dsb. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kami kepada pegawai-pegawai Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF) kerana mengatur lawatan kami ke beberapa skim penempatan pelarian dan pusat tahanan.
- 5) Persatuan Peguam Sabah dan peguam yang mewakili saksi tertentu yang telah membantu RCI melalui penyertaan aktif mereka dalam prosiding siasatan dan juga menjalankan kajian mengenai pelbagai isu perundangan.
- 6) Semua saksi yang memberikan keterangan di hadapan RCI atas kehadiran dan kerjasama.

- 7) Dan semua yang membantu RCI secara langsung atau tidak langsung dalam perjalanan Siasatan.